



**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 59

Rabu

20 November 2019

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1): ■ Kecaman Terhadap Serangan Udara Tentera Zionis Israel Ke Atas Semenanjung Gaza	(Halaman 31)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2020 <u>Jawatankuasa:-</u> <u>Jadual:-</u> Maksud B.24 Maksud B.30	(Halaman 34) (Halaman 100)
USUL-USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 33)
Anggaran Pembangunan 2020 <u>Jawatankuasa:-</u> Maksud P.24 Maksud P.30	(Halaman 34) (Halaman 100)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA
Rabu, 20 November 2019
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Saya tengok kuorum tidak cukup, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kira semula. Ada 26 orang ya? Ya, hanya 24 orang? Sepatutnya 25 orang? Ada 24 orang kah atau 25 orang?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ada 24 orang.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau 24 orang. Kena bunyikan loceng lagilah.

[Loceng dibunyikan]

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Masuk seorang lagi. Masuk, masuk.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Nasib kita tolong enam orang. Nasib Yang Berhormat Tanjong Piai tolong. Goodlah Yang Berhormat Tanjong Piai.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tanjong Piai? *[Ketawa]* Sudah, cukup? Lebih satu, 27 orang.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...28 orang.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, jadi kita mula sekali lagi. Silakan Datuk Dr. Hasan bin Bahrom, Yang Berhormat Tampin dan Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

1. Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan apakah usaha-usaha kementerian dalam mempromosikan budaya masyarakat Melayu, Sabah dan Sarawak sebagai fokus utama di peringkat antarabangsa dan juga bertujuan mengelakkan hegemoni budaya asing di negara ini.

Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tampin. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memulakan untuk menjawab, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Harimau Malaya di atas kemenangan 2-0 ke atas Indonesia pada Pusingan Kelayakan Piala Dunia semalam. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia melalui Tourism Malaysia (TM) sentiasa memperkenalkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama dengan menonjolkan produk-produk pelancongan yang menarik termasuklah elemen budaya pelbagai kaum di Malaysia. Melalui penyertaan TM di pameran pelancongan antarabangsa, budaya pelbagai kaum akan dipertontonkan melalui gerak tari dan pakaian tradisional semasa persembahan kepada pelawat yang datang ke pameran tersebut yang terdiri daripada *buyers*, dengan izin, media dan *consumer*.

Selain daripada persembahan kebudayaan, turut dipromosikan adalah penghasilan kraf seperti demonstrasi pembuatan batik dan seni lukisan inai. TM turut menganjurkan promosi khusus makanan dan kebudayaan, *food and cultural promotion* dengan izin, dengan kerjasama daripada hotel-hotel serta restoran terpilih di luar negara. Penulis-penulis dari majalah kulinari serta krew TV turut dijemput agar dapat memberikan publisiti yang meluas mengenai keunikan Malaysia sebagai destinasi kulinari dan kebudayaan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi meningkatkan lagi promosi budaya pelbagai kaum dan etnik di peringkat antarabangsa, TM juga menjemput penulis, wartawan serta wakil media sosial antarabangsa untuk menyertai lawatan suai kenal ke inap desa ataupun *homestay*. Penulis, wartawan serta *bloggers*, akan mengalami sendiri pengalaman unik tinggal bersama masyarakat tempatan serta mempelajari sedikit sebanyak budaya tempatan termasuklah budaya etnik Sabah dan Sarawak. *Bloggers* dan *influencers* dengan izin, akan mempromosikan pengalaman mereka ini melalui pelbagai platform media sosial.

Kementerian melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) juga turut mempromosikan budaya pelbagai kaum melalui pelaksanaan Festival Seni Hidup (*Living Arts Cultural Festival*) bertujuan untuk mengangkat dan memartabatkan keunikan warisan seni budaya dalam menyemarakkan seni budaya yang kurang diketengahkan dan hampir pupus bagi menjadi pencetus kepada usaha pemuliharaan dan pemeliharaan. Program ini telah pun berlangsung pada 15 November sehingga 17 November 2019 baru-baru ini bertempat di Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC), Kuala Lumpur dengan penglibatan 18 buah kumpulan daripada enam buah negara yang memperkenalkan keunikan, kesenian negara masing-masing.

Semasa festival inilah kesenian daripada Malaysia seperti Dondang Sayang, Gendang Melayu Sarawak, Main Puteri, Dabus, Anak *Ombang* dan *Trinei* turut dipersembahkan. Selain itu JKKN juga diberikan tanggungjawab bagi menyediakan persembahan kesenian dan program-program antarabangsa di mana Malaysia berperanan selaku tuan rumah seperti ASEAN Summit pada tahun 2015 dan ASEAN Day pada tahun 2019.

Dalam program berkenaan JKKN telah pun mengangkat kesenian tempatan melalui persembahan dan kebudayaan seperti tarian pelbagai kaum kepada peserta luar negara. Antara

usaha kementerian bagi mengelakkan hegemoni asing adalah melalui pengubalan Dasar Kebudayaan Negara. Dasar ini telah dirangka secara menyeluruh dengan memberikan penekanan kepada usaha-usaha pemuliharaan dan pemeliharaan serta perlindungan khazanah warisan bangsa dan pengukuhan jati diri rakyat.

■1010

JKKN turut melaksanakan program perantisan yang bertujuan untuk melahirkan kumpulan pelapis yang mampu menguasai aspek kesenian, tradisional mengikut identiti negeri. Contohnya Seni Mek Mulung dan hadrah di Kedah, Tarian Etnik Bisaya dan Muzik Tradisional Kulintang serta Gendang Burdah di Sarawak. Program Bimbingan Seni Budaya juga merupakan usaha JKKN membimbing generasi muda seawal usia kanak-kanak untuk mengenali, menghargai dan menyemarakkan seni budaya warisan masyarakat.

Program yang dilaksanakan ini merupakan usaha untuk memupuk dan memperkukuhkan jati diri supaya generasi muda lebih menghargai kesenian warisan berbanding kesenian luar. Kementerian akan terus mempromosikan budaya pelbagai kaum sebagai salah satu produk pelancongan penting untuk menggalakkan kedatangan pelancongan asing ke Malaysia. Kerjasama rapat dengan agensi pelancongan serta media dan luar negara akan terus ditingkatkan bagi mempromosikan *cultural tourism* di peringkat antarabangsa sebagai satu daya tarikan untuk menggalakkan mereka memilih Malaysia sebagai destinasi percutian sempena kempen *Visit Malaysia 2020*. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih atas jawapan yang begitu lengkap dan komprehensif daripada Timbalan Menteri. Tahun 2020 adalah Tahun Melawat Malaysia. Kita berharap nilai kemalaysiaan menjadi teras kepada pesta tersebut. Soalnya sejauh mana penglibatan masyarakat tempatan dan ia diberi ruang untuk mempromosi nilai-nilai budaya mereka, penglibatan pemegang taruh seperti artis, ahli akademik dan juga bentuk kerjasama antara kementerian dengan kerajaan negeri swasta dan NGO dalam memastikan semua pihak terlibat dan menyumbang sama di dalam perkembangan nilai budaya masyarakat tempatan. Terima kasih.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Terima kasih Yang Berhormat Tampin atas soalan tambahan tersebut. Sememangnya dalam *Visit Malaysia 2020* kita telah pun menggariskan beberapa program yang bercirikan kebudayaan dan kesenian Malaysia. Kita telah pun memasukkan dalam *event* antaranya ialah *Calendar of Event 2020*. Kita memperkenalkan budaya dan kesenian Malaysia di peringkat ini. Salah satu saya boleh sebut beberapa program yang kita telah pun rancang untuk tahun hadapan yang berasaskan ataupun berlandaskan kebudayaan. Antaranya ialah *East Coast Craft Textiles Fair 2020* di Kota Sultan Ismail Petra yang kita akan utarakan pembuatan dan penjualan songket serta batik di samping makanan tradisional yang akan berlangsung pada 23 Januari hingga 2 Februari tahun hadapan.

Kemudian kita ada Festival Cingay di Johor Bahru 25 Februari, 31 Mac kita ada Pesta Kalimantan di Murut Cultural Centre Tenom Sabah dan saya boleh teruskan lagi. Saya boleh bagi jawapan bertulis kepada Yang Berhormat mengenai acara-acara kebudayaan yang bercirikan

kebudayaan yang akan kita lakukan pada tahun hadapan sempena *Visit Malaysia 2020*. Kita sentiasa bekerjasama dengan pemegang taruh, kita bekerjasama dengan para-para ahli akademik serta NGO-NGO yang mempromosikan kesenian dan kebudayaan masing-masing.

Jadi, kita sentiasa terbuka untuk bekerjasama dengan sesiapa sahaja yang mahu mempromosikan kebudayaan dan kesenian di negara kita. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mutakhir ini kalau kita lihat Yang Berhormat Timbalan Menteri generasi muda yang lahir pascamerdeka telah dianggap sebagai golongan kurang prihatin terhadap warisan, adat dan budaya tempatan. Mereka juga telah didakwa terperangkap dalam arus modenisasi yang dibawa gelombang globalisasi dan kesan ledakan teknologi maklumat.

Jadi soalan saya, apakah pelan tindakan Kementerian Pelancongan bagi menyuburkan warisan, adat dan budaya tempatan terhadap generasi muda pada hari? Serta sejauh manakah usaha kementerian dalam memastikan elemen tersebut terus terpelihara khususnya pada tahun 2020 adalah Tahun Melawat Malaysia yang tercinta ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Terima kasih kepada Yang Berhormat Baling. Sebenarnya memang Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya di bawah dasar kebudayaan sememangnya pun kita merangka satu dasar iaitu dipanggil Dasar Kebudayaan Negara. Di mana dalam Dasar Kebudayaan Negara ini terdapat ciri-ciri, langkah-langkah yang kita akan ambil untuk membina jati diri bangsa Malaysia itu sendiri. Dasar ini masih lagi diperkemas dan *insya-Allah* pada bulan Mac 2020 kita akan lancarkan dasar ini setelah mendapat kelulusan daripada pihak atasan. Sekarang ini masih lagi dalam peringkat pemurnian dalam kalangan pakar-pakar yang ada.

Kita mengambil kira asas-asas pembinaan negara bangsa yang ada seperti yang ada di dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan 1971. Namun begitu seperti apa Yang Berhormat Baling sebut, kita juga ingin mengambil kira kedudukan dan perkembangan sains dan teknologi dan isu globalisasi yang ada di negara kita. Jadi *insya-Allah* dengan adanya Dasar Kebudayaan Negara ini kita ada satu polisi, dasar dan rangka bagi kita menangani ataupun *hegemony* budaya asing dan menangani kemasukan budaya asing di negara kita. Terima kasih, sekian.

2. Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) sejauh manakah penganjuran Kempen Pemilikan Rumah (HOC) kepada pembeli warga asing berupaya menyelesaikan isu lambakan rumah mewah tidak terjual serta berupaya untuk memulihkan ekonomi negara; dan
- (b) bagaimana pula dengan nasib rakyat Malaysia yang dikategorikan sebagai miskin/miskin bandar yang masih tidak memiliki rumah pertama. Nyatakan inisiatif kementerian berkenaan perkara ini.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Zuraida binti Kamaruddin]:
Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah pada soalan yang diberikan oleh Yang Berhormat

Lenggong, soalan nombor dua yang ingin mengetahui mengenai sejauh mana penganjuran Kempen Pemilikan Rumah (HOC) kepada pembeli warga asing berupaya menyelesaikan isu lambakan rumah mewah tidak terjual serta berupaya untuk memulihkan ekonomi negara.

Untuk Makluman Yang Berhormat Lenggong, *HOC Campaign* yang kita kendalikan pada tahun ini tidak membabitkan rumah yang dijual untuk warga asing. *It's only for the local market* untuk warganegara sahaja. Jadi, kalau sekiranya maklumat untuk warga asing ketika ini kita tidak banyak yang membeli rumah dalam kategori warga asing.

Seperti maklum banyak kali telah saya sebutkan bahawa untuk rumah yang telah dibeli oleh warga asing di dalam negara kita ia hanyalah berjumlah *0.4 percent* sahaja iaitu sebanyak 958 orang sahaja yang membeli rumah mengikut kategori warga asing yang bernilai RM1 juta ke atas. Jadi HOC tidak melibatkan rumah yang dijual untuk warga asing. Semuanya adalah untuk warga tempatan.

Untuk bahagian kedua, Yang Berhormat Lenggong bertanyakan bagaimana pula dengan nasib rakyat Malaysia yang dikategorikan sebagai miskin bandar yang masih tidak memiliki rumah pertama. Nyatakan inisiatif kementerian berkenaan perkara ini.

Okey, jadi untuk makluman pada Yang Berhormat Lenggong, banyak inisiatif telah kita laksanakan kerana kita faham mengenai ketidakbolehan golongan ini untuk mendapatkan *bank loan*. Oleh sebab itu dalam bajet yang lepas telah diumumkan untuk diberikan dana *rent to own* daripada institusi bank sebanyak RM10 bilion yang diberikan *government guarantee* sebanyak RM3 bilion. Ini adalah satu cara untuk membolehkan mereka mendapat kemudahan kelulusan *bank loan* untuk perumahan mereka.

Keduanya, harga rumah yang kita tetapkan adalah berdasarkan daripada lokasi tempat, lokasi projek perumahan itu mengikut *median income of the population around that area*, dengan izin. So, yang ketiganya juga harga-harga rumah itu akan ditetapkan berdasarkan daripada kali tiga *of the annual income* mengikut Bank Negara, *Standard of International Bank Standard*.

So, dengan adanya cara-cara ini ia dapat memudahkan, dapat harga-harga rumah itu adalah bertepatan atau lebih dekat dengan kemampuan mereka. Selain daripada itu juga kita hendak di kawasan-kawasan di bandar kita mengambil peluang untuk membina rumah-rumah ini di kawasan-kawasan yang ada *infrastructure*, yang ada kemudahan-kemudahan. So, seperti jalan, bas dan kawasan yang ada sekolah dan sebagainya dan di kawasan-kawasan *transit oriented development* (TOD).

So, yang ini boleh memudahkan mereka untuk *transportation system* dia atau mobiliti mereka itu mudah, *accessibility to* kemudahan itu pun mudah dan juga tidak akan membebankan perbelanjaan sara hidup mereka. Terima kasih.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita bandingkan Ringgit Malaysia dengan Dolar Amerika, RM600,000 lebih kurang USD143,000 sahaja. Mata wang lain pun rendah kerana nilai Ringgit Malaysia rendah. Ini menggalakkan pemaju untuk membina rumah-rumah berharga lebih RM600,000 ke atas bagi pasaran masyarakat luar.

■1020

Apakah jaminan kerajaan dan juga langkah-langkah kementerian bagi memastikan supaya pemaju tidak menumpu kepada harga yang menguntungkan pihak luar, tetapi menguntungkan terutama sekali golongan miskin di bandar.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Soalan ini sebenarnya hendak dibabitkan, hendak dikaitkan dengan soalan mengenai *threshold* RM600 ribu untuk warga asing yang telah diumumkan oleh Menteri Kewangan. Jadi, apa yang dicadangkan oleh Menteri Kewangan adalah untuk hartanah, rumah-rumah yang telah siap sekarang, kempen ini hanya dilaksanakan setahun sahaja. Tahun 2020, Januari sampai Disember. So, untuk menghabiskan stok yang ada yang diberikan *threshold* sebanyak RM100 ribu lah. Sebelum ini adalah RM1 juta. Jadi, itu sahaja.

Jadi untuk sekarang ini, semua tentu maklum tentang isu lambakan rumah ini adalah kerana kita tidak ada statistik yang tepat untuk memberikan *projection* yang tepat, agar pemaju boleh ada *accessibility to the* maklumat untuk mereka membuat perancangan perumahan. Jadi, KPKT sedang membangunkan sistem untuk *update data*.

Namun demikian, ketika ini *with the drive*, dengan pelaksanaan rumah mampu milik sebanyak 1 juta yang telah kita janjikan dalam manifesto kita yang memerlukan untuk membina rumah 100 ribu setahun, pihak-pihak swasta sekarang banyak menumpukan kepada pembinaan rumah mampu milik ini kerana mereka dapati bahawa dengan *IBS system* dan sebagainya, sistem ini ataupun pakej ini lebih menarik ketika ini memandangkan ada keperluan untuk membina rumah mampu milik ini.

Jadi, baru-baru ini saya baru melancarkan 15 projek mampu milik swasta dan *insya-Allah*, projek untuk tanah-tanah kerajaan, tendernya akan dibuka selewat-lewatnya Disember tahun ini. Terima kasih.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, betul kah laporan akhbar *The Malaysian Reserve* semalam, 19 hari bulan, muka hadapan, yang menyatakan bahawa pembeli-pembeli dari Hong Kong boleh beli sapu habis. Dalam bahasa Inggeris dipanggil "*snap*" 10 ribu unit rumah hartanah di Malaysia dalam tempoh enam bulan daripada sekarang? Terima kasih.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Untuk pengetahuan Yang Berhormat Pasir Gudang, saya tidak maklum tentang isu ini. Sudah tentu ia tidak datang daripada KPKT.

So, saya tidak tahu dari mana unsur maklumat itu, dalam *paper* itu. Akan tetapi, daripada mana dia punya maklumat?

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Mungkin kementerian boleh selidik.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Dalam satu kenyataan oleh Timbalan Menteri pada Januari, sebanyak 3,733 unit rumah projek PR1MA akan dibuat di Kuala Terengganu. Berkait dengan soalan tadi tentang masalah miskin bandar, saya dapati semua kawasan yang dinyatakan bagi tujuan perumahan itu tidak termasuk Kuala Terengganu. Jadi, adakah sebarang rancangan untuk dibuat di Kuala Terengganu? Timbalan Menteri pun daripada Kuala Terengganu.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu. Saya ada buat pertemuan dengan Menteri Besar dan juga Exco Kerajaan Negeri Terengganu, ada beberapa tanah yang telah mereka cadangkan ketika itu, tetapi mereka minta alihkan kepada Bukit Besi dan apa Kerengga itu, *I can't remember* nama dia. Bukit Kerengga ya nama tempat itu? *Something like that...* [Disampuk] Pulau Kerengga? So, yang itu *insya-Allah* ada. Saya ingat ada tiga projek yang telah saya bersetuju dengan Menteri Besar Terengganu ketika pertemuan dengan mereka.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Bukit Besi dan Pulau Kerengga bukan di Kuala Terengganu.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Di Terengganu, ya.

3. Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta Menteri Kesihatan menyatakan, jumlah pesakit *Spinal Muscular Atrophy* (SMA) di seluruh negara. Adakah pesakit-pesakit ini dirawat dengan ubat *Spinraza* atau *Zolgensma* di negara kita. Jika tidak, kenapa.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dr. Lee Boon Chye]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Spinal muscular atrophy* (SMA) merupakan penyakit genetik neurodegeneratif yang melibatkan sistem saraf pusat dan peri feri yang mengakibatkan kelemahan otot secara progresif.

Penyakit ini dibahagikan kepada empat jenis iaitu *SMA Type 1-* yang paling teruk, *SMA Type 2-* yang sederhana dan *SMA Type 3-* yang biasa di kalangan pesakit pediatrik dan *SMA Type 4-* di kalangan pesakit dewasa berdasarkan masa simptom bermula dan keterukan simptom.

Anggaran kadar insiden di Malaysia untuk penyakit *spinal muscular atrophy* ini adalah sebanyak 4.9 peratus per 100 ribu kelahiran hidup atau satu dalam 20 ribu populasi. Data daripada Institut Penyelidikan Perubatan menunjukkan bilangan kes dari tahun 2013 hingga 2017 adalah sebanyak 20 kes hingga 30 kes setiap tahun. Namun begitu, data ini bukanlah merupakan data keseluruhan pesakit SMA kerana tiada pangkalan data atau *registry* untuk SMA ini.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia mengambil maklum bahawa ubat *Spinraza* yang dihasilkan oleh syarikat farmaseutikal Biogen dan ubat *Zolgensma* yang dihasilkan oleh syarikat farmaseutikal Novartis telah diluluskan oleh FDA di Amerika Syarikat untuk rawatan penyakit SMA ini. Semua ubat yang digunakan di Malaysia perlu mendapatkan kelulusan dan didaftar oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara.

Sehingga kini, syarikat farmaseutikal yang bertanggungjawab masih belum kemukakan permohonan untuk mendaftar atau memasarkan ubat ini di Malaysia. Sekiranya permohonan dikemukakan, pihak kementerian akan memberi pertimbangan yang sewajarnya. Oleh sebab itu buat masa ini, belum ada pesakit SMA di Malaysia yang dirawat dengan ubat *Spinraza* atau *Zolgensma*. Sekian, terima kasih.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Saya terima baik jawapan yang diberikan. Walau bagaimanapun, oleh sebab terdapat potongan bajet daripada RM16 juta kepada RM10 juta untuk penyakit jarang jumpa,

saya risau akan ada kelewatan untuk memperoleh ubat-ubatan yang dicadangkan untuk merawat pesakit SMA ini. Apakah kaedah atau mekanisme Kementerian Kesihatan untuk mendapatkan ubat-ubatan ini dalam tempoh terdekat supaya pesakit-pesakit terutamanya anak-anak yang menghidapi penyakit SMA dapat dirawat dengan segera? Terima kasih.

Dr. Lee Boon Chye: Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan ubat-ubatan yang khususnya untuk penyakit jarang jumpa seperti SMA ini, kebetulan kementerian telah menubuhkan satu Jawatankuasa Induk Penyakit Jarang Jumpa Kebangsaan untuk meneliti perkara tersebut.

Jadi di bawah jawatankuasa tersebut, terdapat tiga jawatankuasa khususnya Jawatankuasa Kerja Pengurusan Klinikal dan Sokongan Klinikal, Jawatankuasa Kerja Pengurusan *Offence Drug* dan Jawatankuasa Kerja Advokasi dan Pendidikan Kesihatan.

Jadi, tujuan jawatankuasa induk tersebut adalah supaya kita adakan garis panduan dan dasar untuk merawat pesakit penyakit jarang jumpa seperti SMA dan juga bagaimana kita boleh mempercepatkan perolehan dan kecapaian *offence drug* dan juga analisis berkenaan dengan peruntukan kewangan dan juga advokasi untuk dasar berkaitan pencegahan penyakit.

Jadi, apabila ada permohonan untuk ubat tersebut, kita akan memberi *fast-track approval*, dengan izin, untuk ubat tersebut. Kita juga perlu kaji bagaimana kita boleh memberi rawatan seberapa yang boleh melalui perkongsian kos ataupun *smart partnership* dengan NGO-NGO ataupun pihak swasta. Jadi, ini rangka yang kita cadangkan. Sekian.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setiap penyakit Yang Berhormat Menteri, mempunyai punca terkawal dan punca yang tidak boleh dikawal. Yang Berhormat Menteri, saya mohon sama ada Yang Berhormat Menteri bercadang untuk melakukan atau mengusahakan *screening* untuk dilaksanakan kepada bakal-bakal pengantin seperti untuk penyakit talasemia dan HIV bagi SMA. Ini kerana satu daripada 50 individu di Malaysia ialah *genetic carrier*.

Dan adakah kerajaan bercadang untuk melaksanakan tindakan lain sebagai contoh, merangka undang-undang seperti *Offence Drugs Act* atau *Rare Disease Act* untuk menggalakkan penyelidikan ke atas penyakit jarang jumpa seperti SMA ini? Terima kasih.

■1030

Dr. Lee Boon Chye: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. Soalan yang begitu menarik. Memang kalau kita lihat dari segi *perimeter screening*, kita tahu bahawa SMA ini adalah *genetic disorder, autosomal recessive* di mana kedua-dua pasangan mesti ada genetik baru anak mereka mungkin ada SMA ini. Akan tetapi kos untuk *perimeter screening ini begitu tinggi*. Jadi dari segi analisa kos, mungkin setiap *genetic screening* ini menelan sehingga mungkin berjuta-juta ringgit untuk membuat *screening* tersebut. Jadi, dari segi analisa kos memang tidak memadai.

Akan tetapi ada cara-cara yang lain yang kita galakan supaya boleh buat *antenatal screening* dan *newborn screening* di mana kita boleh *identify* kes-kes sedemikian. Berkenaan dengan *Orphan Drug Act* dan *Rare Disease Act*, kita memang sedang membangunkan garis

panduan untuk *rare disease* ini dan kita harap perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Kangsar akan ditangani dalam garis panduan tersebut yang bakal dikeluarkan tahun hadapan. Sekian.

4. Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan semenjak tahun 2018 sehingga suku ketiga 2019, berapa jumlah usahawan yang menerima manfaat pembiayaan melalui Skim Pembiayaan Pembangunan Ekonomi Desa (SPED) dan berapa jumlah pembiayaan yang terlibat.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Sivarasa Rasiah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Machang atas soalan ini. Untuk makluman Yang Berhormat, Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) adalah merupakan satu usaha berterusan kerajaan di bawah kelolaan MARA bagi membantu usahawan luar bandar untuk memperoleh pinjaman bagi mengembangkan perniagaan ke arah pemantapan perniagaan dan pendapatan.

Tahun 2019 adalah merupakan tahun ke-18 penubuhan program SPED bagi usahawan bumiputera di luar bandar sejak ditubuhkan pada tahun 2001. Skop pembiayaan ini adalah meliputi pembelian mesin atau peralatan, modal kerja dan ubah suai atau menaiktarafkan premis perniagaan. Keunikan skim pembiayaan ini adalah ia tidak mengenakan syarat penjamin. Bayaran perkhidmatan juga berasaskan jumlah baki pinjaman semasa dan tempoh penangguhan bayaran balik selama enam bulan bagi memberi peluang kepada peminjam menjana pendapatan.

Dua buah bank pelaksanaan SPED adalah Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad atau Bank Rakyat dan Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad iaitu SME Bank. Had pembiayaan skim ini adalah sebanyak RM20,000 hingga RM250,000 dan pembiayaan sebanyak tiga kali dibenarkan dengan had maksimum RM500,000.

Semenjak tahun 2018 sehingga suku ketiga tahun 2019, jumlah usahawan yang telah menerima manfaat pembiayaan melalui Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) adalah seramai 171 orang yang melibatkan jumlah pembiayaan RM18,405,741. Sekian, terima kasih.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, melalui program SPED ini sasaran usahawan yang akan dibangunkan untuk tahun 2020, berapa ramaikah sasaran oleh pihak kementerian dan berapa ramaikah usahawan yang telah membuat pinjaman melalui SPED ini gagal membuat pembayaran semula ataupun gagal secara keseluruhannya, secara *totalnya*? Apakah ada langkah-langkah daripada pihak kementerian untuk membangunkan semula usahawan-usahawan yang gagal ini serta berapa ramaikah di kalangan mereka yang terlibat di dalam program ini adalah daripada kalangan belia.

Saya juga hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri agar dapat berbincang di peringkat kementerian di dalam soal tempoh bayaran balik. Maknanya kementerian berbincang

dengan bank tempoh bayaran balik ini dilanjutkan untuk tidak memberi bebanan kepada peminjam-peminjam di bawah program SPED ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sivarasa Rasiah: Terima kasih atas soalan tambahan itu yang meliputi sempat *sub questions* soalan di bawah itu. Kita tidak ada satu sasaran yang spesifik untuk tahun 2020, ini terpulang kepada jumlah permohonan atau bajet yang ada. Akan tetapi jangkaan kita lebih kurang jumlah untuk tahun 2018 dan tahun 2019 akan dikekalkan. Tentang jumlah usahawan yang gagal membayar balik pinjaman ini, saya tidak ada angka dengan saya sebab itu di luar sedikit daripada soalan asal, kita akan bagi jawapan bertulis mengenai angka itu.

Seperti mana yang diminta oleh Yang Berhormat, apakah usaha-usaha untuk membantu mereka yang gagal. Kelonggaran seperti yang saya sebutkan tadi bahawa skim ini memberikan kelonggaran untuk membayar balik, pendekatan itu memang dikekalkan. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan program SPED ini, saya ingin tahu sebenarnya tadi banyak yang kita dengar yang hendak tahu gagal pula, saya hendak tahu berapa banyak, berapa jauh kejayaan yang telah ditempah sejak ada ini? Apakah kita ada ikon-ikon SPED yang boleh menceritakan tentang bagaimana kebaikan program SPED ini dengan menempa kejayaan? Saya juga ingin tahu apakah bentuk *business* yang paling banyak sekali yang terlibat dalam program SPED ini? Terima kasih.

Tuan Sivarasa Rasiah: Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai atas soalan itu. Tuan Yang di-Pertua, saya boleh mengesahkan di sini memang kita ada ikon-ikon yang berjaya tetapi secara spesifik saya tidak boleh namakan sekarang. Maklumat ini kita akan bagi beberapa contoh ikon-ikon usahawan yang berjaya. Daripada angka yang telah menerima pembiayaan ini untuk tahun-tahun sebelum ini. Apakah jenis perniagaan mereka juga seperti biasa kita tidak mengehendkan pembiayaan kepada apa-apa sektor perniagaan, semua sektor boleh memohon dan pemohonnya datang daripada semua sektor. Jadi, kalau Yang Berhormat ingin maklumat yang spesifik tentang manakah sektor yang terbesar antara pemohon, kita akan bagi secara bertulis. Sekian terima kasih.

5. Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan apakah usaha yang telah dan akan dilakukan untuk membantu usahawan belia di Sarawak. Senaraikan kesemua skim dan bantuan yang ada untuk membantu mereka.

Menteri Pembangunan Usahawan [Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof]: Terima kasih Yang Berhormat Sibu. Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) kini sedang menumpukan usaha untuk meningkatkan jumlah usahawan belia di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

Antara program khusus yang disediakan untuk membantu golongan belia melalui MED dan agensi di bawahnya adalah Program Pembangunan Usahawan Siswazah oleh TEKUN, Program Agropreneur Muda oleh TEKUN, program *PROTEGE Ready To Work*, *PROTEGE Booster*, *PROTEGE UniPreneur*, *PROTEGE Business Accelerator*, *PROTEGE Reach-Out* oleh

Professional Training and Education oleh *Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs*.

Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) 6.0 juga oleh SME Corp, Pembiayaan Mikro- i oleh Bank Rakyat, kursus keusahawanan jangka pendek dan program *mentoring coaching* oleh INSKEN seperti INSKEN *Business Coaching* untuk kafe dan restoran di Sarawak, INSKEN *Business Coaching Homestay* di Sarawak, INSKEN *Business Coaching SPA* di Sarawak dan INSKEN *Business Coaching Postnatal* di Sarawak.

Ada juga geran bantuan pembangunan koperasi dan pembiayaan Tabung Modal Pusingan oleh SKM. Selain itu, Program Inovasi Usahawan Muda - SME Bank Y-Biz *Challenge* dan SME Bank 90 *Days Biz Challenge* turut disediakan oleh SME Bank khas untuk usahawan yang masih menuntut.

■1040

Sejak diperkenalkan, seramai 64 orang pelajar dari 16 buah sekolah di Sarawak telah terlibat dengan Program Inovasi Usahawan Muda SME Bank Y-Biz Challenge, manakala 116 orang pelajar dari 21 buah kolej telah terlibat dengan SME Bank 90-Days Biz Challenge. Kementerian juga telah mewujudkan Program Usahawan Fertigasi yang menyasarkan penglibatan golongan belia, warga emas, ibu tunggal serta orang kurang upaya (OKU) melalui galakan keusahawanan dalam bidang tanaman fertigasi.

Program ini telah dijalankan secara rintis di Terengganu bagi tahun 2019 dan kementerian sedang meneliti pelaksanaan program ini ke negeri-negeri lain, termasuk Sarawak. Selain itu juga, baru-baru ini menerusi koperasi, kita telah mewujudkan satu ladang, di mana kita bawa *nursery* itu sendiri ke Sarawak di Bintulu, di mana usahawan menerusi koperasi akan membangunkan ladang MD2 seluas 180 ekar dan disokong oleh *nursery* yang kita bantu bangunkan supaya dimudahcarakan untuk mereka berladang atau menanam MD2 untuk produk itu dipasarkan di negeri China yang hari ini permintaannya meningkat kepada 300,000 tan setahun.

Jadi, ini adalah antara usaha-usaha kita untuk menjejaki usahawan di negeri Sarawak dan boleh kita bangunkan untuk lebih *resilient* dan mahu membina budaya itu sendiri untuk memasarkan apa sahaja bentuk-bentuk usahawan yang dilaksanakan di negeri Sarawak. Terdapat juga usaha-usaha lain yang dijalankan oleh MaGIC seperti Pusat Keusahawanan dan Inovasi di Kuching yang diuruskan oleh MaGIC iaitu Borneo 744 (B744).

Program MaGIC yang dijalankan adalah *class room based business model canvas*, *design thinking* dan lain-lain. *Online Based Digital Business Academy* sejak penubuhan pada tahun 2019, seramai 12,700 orang usahawan telah mengikuti Program B744. Pusat ini juga menyediakan *co-working space*, pusat latihan dan program *mentoring*. Terima kasih.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saya amat berterima kasih kepada kementerian kerana menyediakan pelbagai jenis program dan usaha untuk membantu usahawan belia di Sarawak. Bolehkah saya minta

jawapan bertulis kerana banyak program Yang Berhormat Menteri terangkan, saya tidak dapat catat semua. Saya minta jawapan bertulis.

Saya juga ingin tahu bagaimana prestasi pencapaian program dan bantuan ini pada tahun yang lepas dan anggaran pencapaian untuk tahun ini? Bolehkah kementerian memberikan statistik pencapaian itu? Saya juga ada merancang untuk menganjurkan program *town hall* di Kuching, Sibul, Bintulu dan Miri pada awal tahun depan.

Jadi, saya minta bolehkah kementerian hantar atau bantu dari segi pegawai, dana untuk saya menganjurkan program ini supaya dengan lebih teliti kita boleh menyampaikan program kerajaan kepada usahawan belia kita di Sarawak?

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Tuan Yang di-Pertua, banyak inisiatif yang kita telah laksanakan, kalau kita tengok program-program yang dijalankan di negeri Sarawak. Contoh, seawal tahun 2019, kita telah mengadakan Pusat Sehenti Keusahawanan. Di mana di situ kita mendapat maklum balas dan juga memberi maklumat, apakah bentuk bantuan yang Kementerian Usahawan boleh panjangkan kepada bakal-bakal usahawan dan juga usahawan yang telah pun membangun dari segi *capacity building* dan sebagainya.

Ada usahawan-usahawan yang kita bantu, contohnya memberikan pembiayaan untuk *automation*, untuk penggunaan IR 4.0 supaya mereka boleh berkembang lebih luas dari pasaran tempatan kepada pasaran antarabangsa. Saya akan bagi statistik-statistik ini seperti yang dipohon dalam bentuk jawapan bertulis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Yang di-Pertua? Belia, belia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jempol, sila.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menanyakan soalan, saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri. Saya masih menanti-nantikan kereta terbang besok yang akan terbang ataupun *drone* ya?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *It's a drone* lah. Apalah.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Kereta terbang, kereta terbang. Walau apa pun, saya... [Disampuk]

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Menteri Pengangkutan kata *drone*.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Saya menasihatkan Yang Berhormat Menteri supaya pakai *parachute*, dibimbangkan apa-apa berlaku.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Jangan lupa bawa Yang Berhormat Parit Sulong ya.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Soalan saya...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Menteri, teman Yang Berhormat Parit Sulong sekali.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Jadi soalan saya, Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *The whole world says it's drone.*

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Dalam Bajet 2020, peruntukan sebanyak RM10 juta dikhaskan kepada kementerian untuk membangunkan usahawan berorientasikan halal. Daripada peruntukan tersebut, apakah pelan perancangan kementerian dalam membantu usahawan-usahawan muda dari luar bandar yang berpotensi untuk berkembang sebagai pengeluar produk halal? Keduanya, bagaimanakah kementerian bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dalam mengetengahkan produk-produk halal yang dihasilkan oleh usahawan-usahawan muda luar bandar di peringkat antarabangsa? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Keluar daripada soalan asal ya.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Tadi nampaknya ada soalan sampingan. Saya bertanggungjawab untuk memberikan sedikit ilmu ya. Semalam disebutkan oleh Yang Berhormat Pasir Salak— minta izin Tuan Yang di-Pertua, supaya kita...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ilmu orang yang berilmu nak mengajar— biar kita itu ada ilmu.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Bukan hendak mengajar...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Saya ingat kena buat sesi khaslah. Buat penerangan kereta terbang. Sesi khas. Tidak payah dalam inilah. Malu orang dengar dekat luar.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kereta terbang. Ini, tengok ini. Internet...

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Nanti sekejap.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *It's all about drone, man.*

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Buat sesi khas kereta terbang.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Apa yang pentingnya...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Malu sangatlah.

Tuan Yang di-Pertua: Duduk, duduk, duduk.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Menteri tidak faham, kereta terbang kah atau *drone*.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Apa yang pentingnya, kalau kita baca Dasar Keusahawanan Nasional antara teras strategik kita adalah untuk membangunkan *aviation* dan *aerospace* serta *air mobility*. *Call whatever you like*, dengan izin, *drone* kah, kereta terbang kah, *aerocar is all about air mobility*.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Isu dia Yang Berhormat Menteri, sekejap kata ini, sekejap kata itu.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Izinkan saya teruskan. Sekejap, sekejap. Nanti sekejap.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Tidak betul. Itu isu dia.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Tidak. Masyarakat seluruh dunia tidak menggelarkan *drone*, *drone* ini adalah *flying dummy*.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Go to the internet! Go to the internet!*

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: *Flying dummy, flying dummy. Yes!*

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *The whole world says drone*, Tuan Yang di-Pertua. Apa Menteri?

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Akan tetapi sekolah yang saya pergi...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Beli daripada Cina kah Yang Berhormat Menteri? Beli daripada Cina kah?

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: ...adalah *flying dummy*...

Tuan Yang di-Pertua: Ini adalah untuk Yang Berhormat Menteri menjawab...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tak adalah!

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: ...ataupun dipanggil *unmanned aerial vehicle* (UAV)

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Buka, buka sekarang. Tuan Yang di-Pertua, suruh dia buka sekarang. Tengok.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Saya sudah tengok. Saya sudah bertanya kepada...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dah tengok. Tak, adalah!

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Saya sudah bertanya kepada masyarakat yang mahu...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini Menteri Pengangkutan cakap semalam, *drone. It's not car!*

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Ini di luar soalan. Yang Berhormat Pasir Salak, izinkan saya, dengarlah saya dahulu. Dengarlah dahulu. *We have to be a good listener in order to understand the whole industry*, dengan izin.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *We don't want to listen all this stupid... [Pembesar suara dimatikan]*

Tuan Yang di-Pertua: Besok Yang Berhormat Pasir Salak akan ikut. Yang Berhormat Menteri sila jawab soalan yang diberi.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Inilah *attitude* pemimpin yang kononnya mahu membantu usahawan...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Memang Pakatan Harapan sekarang sudah ditolak, tahu tak?

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: ...dengan menidakkan...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sudah ditolak. Cakap apa pun orang tak...

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: ...inovasi daripada anak muda. Suka cita saya maklumkan, walaupun ini soalan sampingan, hendak memberikan sedikit pengetahuan. Apa yang berlaku hari ini, kita kerajaan telah pun memulakan satu program untuk melatih anak-anak

muda— ini adalah keputusan kerajaan untuk mendekatkan diri dalam latihan penggunaan *drone*. *Drone* ini adalah tanpa *unmanned aerial vehicle*. *Called it whatever you like*. *Drone* kah, *super drone*, di dunia, di Barat, di United...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sekarang ubah cakap— hari itu kereta terbang, sekarang *drone*. *Whatever you like*. *What is this nonsense man!*

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Itulah dia pendekatan yang dibawa oleh pemimpin yang kurang ilmu. Kita kena melatih, memimpin usahawan-usahawan...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri? Menteri Pengangkutan, Yang Berhormat Menteri. Jangan beritahu kita. Menteri Pengangkutan, Menteri Pengangkutan yang salah. Menteri? Menteri Pengangkutan, betulkan dia.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Tidak apa. Dengar sini. *Whatever you like to call it, the narrative that you want to bring* sama ada *drone* ataupun *flying car* ataupun *unmanned aerial vehicle* ataupun *Vector* ataupun...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Menteri, lagi banyak Yang Berhormat Menteri cakap, lagi satu Malaysia gelak pada Yang Berhormat Menteri. Tidak payah cakap.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Tak apa. Tidak apa. Banyak juga perkara yang digelakkan.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Malu. Kerja Menteri Pengangkutan Yang Berhormat Menteri buat. Jaga usahawan lagi baguslah, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Saya tidak berasa malu sebab saya memberikan ilmu...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Bagilah Menteri jawab.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Yang buat itu kolej penerbangan di Melaka, kita pun tahu.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Drone* itu daripada China. Itu untuk *assembly* sahaja. *From China!*

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: *[Tidak jelas]* Dunia ini orang boleh tahu lah Yang Berhormat Menteri...

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Apa masalahnya?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Asssembler* sahaja, *importer* sahaja...

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: *It doesn't matter*. Tahukah Yang Berhormat Pasir Salak yang usahawan Melayu bumiputera yang nak dibangunkan dari keropok dan jeruk, hari ini telah mengadakan satu perjanjian awal dengan syarikat kerajaan luar negara untuk membina, membuat...

■1050

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Untuk apa? Pasang sahaja, tampal-tampal begitu.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Itu dah membuka peluang...

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, saya ingat...

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Yang Berhormat Pasir Salak, duduklah!

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya pasang kereta lama dahulu... *[Pembesar suara dimatikan]*

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: ...Terus— kalau nak pasang dron, boleh.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Tuan Yang di-Pertua, minta Yang Berhormat Menteri jawab soalan nombor enam.

Tuan Yang di-Pertua: Ini sesi soal jawab. Jadi Yang Berhormat Menteri, tak apalah. Yang Berhormat Menteri nak menjemput semua pergi untuk melihat ya. Dron ke apa kah, esok pergi la.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Apa bagi peluang kepada Yang Berhormat Menteri? Silakan, silakan.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Esok *Parliament session*. Macam mana nak pergi semua, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Kejayaan kita dia orang tak mahu terima.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri, saya setuju Yang Berhormat Menteri punya inisiatif. Akan tetapi betulkan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua: Ambil gambar, pergi ambil gambar dan tengok.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Saya suka Yang Berhormat Menteri ini, saya suka Yang Berhormat Menteri ini tetapi betulkan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan. Yang buat *mislead* adalah Yang Berhormat Menteri Pengangkutan. Dia yang sebut semalam pasal *drone*, Yang Berhormat Menteri. Kita setuju Yang Berhormat Menteri ini.

[Dewan riuh] [Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat harus dihentikan di sini sahaja. Ini sesi soal jawab ya. Jadi siapa yang masih musykil, ikut Yang Berhormat Menteri pergilah esok ya. Senang cerita. Ya? Mungkin saya pergi juga.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Yang Berhormat Menteri, jawab soalan tadi Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Tuan Yang di-Pertua, pengangkutan... [*Pembesar suara dimatikan*]

Tuan Yang di-Pertua: Duduklah, duduk. Sila jawab soalan, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Boleh saya *put this thing to rest*?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Berapa banyak? Betul kah USD30 juta *you give them*?

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Tidak betul.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang betul berapa?

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Kosong.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Nampak macam Menteri DAP nak sabotaj *you, you clear* dengan dia dahulu.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Saya tak pandang begitu.

[*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Sekali lagi, esok pergi tengok. Silakan Yang Berhormat Menteri, jawab.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Pak Wan, betulkan Pak Wan, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan ini.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya nak cadangkan supaya mana yang kurang faham pasal DKM 2030 mengenai Teras Strategi Air Mobiliti, saya boleh mengadakan satu kelas untuk menerangkan...

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Menteri bawa datang terbang ke Kuala Lumpur.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Bawa *Transport Minister* sekali.

[*Dewan riuh*]

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri, saya sudah naiklah *drone* ini. Tuan Yang di-Pertua, saya dah naik *drone* ini. *Ten years ago*.

Tuan Yang di-Pertua: Dah, sesi *drone* dah selesai. Ya, sila jawab Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Pak Wan, *this is not your fault*, Pak Wan. Ini, ini Yang Berhormat Menteri Pengangkutan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Duduklah semua.

Dr. Su Keong Siong [Kampar]: Yang Berhormat Baling jangan jadi 'batu api' lah!

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sejak 10 tahun dahulu dah naik *drone* ini.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Kenapa Yang Berhormat Pasir Salak tak buat pembuatan *drone* di Pasir Salak?

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Nak buat apa? Tak ada, *there is no prospect, there is no demand*.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Sebab *insya-Allah...*

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Tukar tajuk, tukar tajuk.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *No demand!*

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: *Insya-Allah. There is a demand.*

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Tuan Yang di-Pertua, minta Yang Berhormat Menteri duduklah. Bagi Yang Berhormat Menteri lain yang jawab.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Pemikiran...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Satu Malaysia gelak ini. Ya Allah, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Buang masa, buang masa.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: ...Pemimpin yang tidak membangunkan— tak mahu membuka peluang pekerjaan kepada anak muda yang mahu cuba...

[Dewan riuh]

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Kejap cakap dron kejap cakap kereta. Kongkalikung lah punya Yang Berhormat Menteri ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, sila jawab soalan tadi.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Sila, sila Yang Berhormat Menteri jawab soalan tadi.

Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof: Mengenai pembangunan industri halal yang ditanya tadi, izinkan saya memberi sedikit pengetahuan. Kalau tak membaca, diharapkan membaca. Jemaah Menteri telah bersetuju, pembangunan industri halal diterajui oleh Kementerian Pembangunan Usahawan. Banyak program yang kita sedang dan telah laksanakan untuk membawa usahawan terutamanya usahawan muda untuk keluar negara menerokai pasaran global dan impaknya kita telah pun ukur. Ada keberhasilannya itu sendiri. Contoh, kebanyakan usahawan-usahawan yang kita bawa ke Jepun terdiri daripada golongan anak muda bukan jeruk, bukannya kerepek ubi.

Ini, mereka mengetahui kehendak pasaran dunia. Ini adalah ilmu dan pengetahuan yang kita semua kena faham. Kita kena sedar. Ini saya nak sarankan kepada yang tidak lagi ada keyakinan, kita telah pun membuka pasaran di Asia, di China, di *Eastern Europe*, di Rusia, di Jepun, terpulang kepada usahawan itu sama ada mereka mahu kompetitif dan mahu mengambil peluang yang telah disediakan. Kita ada pembiayaan-pembiayaan tertentu contohnya untuk membawa usahawan ini ke luar negara.

SME Bank contohnya menggalakkan SME Eksport. Kita menggalakkan usahawan wanita dengan adanya SME Lady Eksport sebanyak RM1 juta maksimum setiap pinjaman dengan kadar yang rendah. Inilah usaha-usaha kita untuk menggalakkan usahawan-usahawan ini dibangunkan dengan lebih mempunyai ciri-ciri yang kita panggil *resilient*, kompetitif, berdaya saing dan lebih berintegriti. Ini adalah inisiatif yang dibawa oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dengan adanya kelulusan daripada Jemaah Menteri yang MED menerajui pembangunan industri halal ini. Terima kasih.

6. Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis] minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah terkini bon-bon dan pinjaman yang telah diterima oleh kerajaan dari negara-negara atau pihak luar bagi memastikan impian ke arah mengurangkan hutang negara Malaysia sebanyak RM1 trilion benar-benar tercapai.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah]: Terima kasih Yang Berhormat Lipis, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, keperluan pembiayaan Kerajaan Persekutuan diperoleh menerusi penerbitan bon dan sukuk kerajaan daripada sumber dalam negeri dan juga luar negeri sejajar dengan peraturan kewangan yang telah ditetapkan seperti yang termaktub di dalam Akta Pinjaman Tempatan 1959, Akta Pendanaan Kerajaan 1983 dan Akta Pinjaman Luar Negeri 1963. Pinjaman hanya dibuat untuk membiayai perbelanjaan pembangunan dan membiayai semula hutang yang matang.

Di samping itu, Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 juga menetapkan bahawa siling pinjaman luar negeri tidak melebihi RM35 bilion. Sehingga akhir Jun 2019, jumlah hutang luar negeri terkumpul adalah RM29.2 bilion atau 1.9 peratus daripada jumlah hutang Kerajaan Persekutuan merangkumi hutang dalam mata wang Dolar Amerika iaitu *equivalent* RM15.9 bilion; Yen, RM13.1 bilion; Dinar Islamik, RM216 jut; Euro, RM1.6 juta dan Dolar Kanada, RM2.5 juta.

Pada 15 Mac 2019, Kerajaan Persekutuan telah menerbitkan Bon Samurai dengan jaminan Japan Bank For International Cooperation (JBIC) sebanyak 200 bilion Yen ataupun lebih kurang bersamaan RM7.4 bilion bertempoh matang 10 tahun pada kadar kupon 0.53 peratus setahun.

Penerbitan bon ini merupakan yang pertama sejak penerbitan Bon Samurai yang terakhir pada tahu 1989 dan merupakan terbitan bon kerajaan jaminan JBIC yang terbesar dalam pasaran Jepun. Sehingga akhir Jun 2019, kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan adalah berjumlah RM799.1 bilion atau 52.7 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) kekal di bawah paras 55 peratus daripada KDNK.

Dalam pengurusan hutang yang berhemah, setiap terbitan bon atau sukuk didominasi mata wang asing perlu diteliti dengan lebih terperinci, mengambil kira had statutori pinjaman luar negeri, profil kematangan hutang dan pendedahan risiko mata wang asing terhadap penarafan negara. Ini bagi memastikan kerajaan dapat meluaskan asas pelabur, mendapat nilai untuk wang ataupun *value for money* ke atas kadar kupon seterusnya mencapai objektif utama untuk mengurangkan kos pembiayaan kerajaan. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengalu-alukan kehadiran Ketua-ketua Pemuda Negeri Pahang.

Tuan Yang di-Pertua, pada Mac 2019, Kerajaan Pakatan Harapan telah membuat pinjaman Bon Samurai yang pertama sebanyak 200 bilion Yen iaitu kira-kira RM7.3 bilion dengan kadar faedah pinjaman sebanyak 0.63 peratus dengan tempoh matang selama 10 tahun. Pada September 2019, Perdana Menteri sekali lagi mengumumkan Malaysia telah mendapat

persetujuan daripada *Japan Bank for International Cooperation* (JBIC) akan menjamin bon tersebut.

Persoalan saya, kalau mengikut kadar KDNK Malaysia dalam USD, mengikut sumber World Bank pada tahun 1991, kita punya USD1.9 bilion, tahun 2018, USD354.35 bilion. Purata KDNK adalah USD91.79. Kadar kemiskinan di bandar pun agak menurun, walaupun pada tahun 1970, 24.6 tetapi pada tahun 2014, telah menurun kepada kadar yang agak rendah iaitu 0.3.

■1100

Akan tetapi walau bagaimanapun, apakah langkah yang diambil oleh pihak kerajaan bagi menjustifikasikan peningkatan jumlah hutang negara yang telah meningkat daripada RM113 bilion sejak Mei 2018 memandangkan kalau saya melihat kalau kita telah menaikkan hutang RM113 bilion ini, tidak logik di akal bahawa kita akan memberi jawapan, membayar hutang. Ini adalah merupakan- saya menganggap kalau ikut bahasa *accounting* adalah *creative accounting* tetapi kalau ikut bahasa orang kampung, ini adalah akaun menipu dan hanya main wayang untuk kelirukan rakyat.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih Yang Berhormat Lipis. Berkenaan dengan Bon Samurai kedua yang disebutkan tadi, ianya masih lagi dalam peringkat perbincangan dan sekiranya kita membuat perkiraan, ianya boleh memberikan macam saya sebut tadi mana-mana pinjaman yang hendak kita buat, kita akan pastikan bahawa kos pembiayaan itu adalah suatu yang boleh memberikan *value for money* kepada kita dan sekiranya ianya dan kali ini, sekiranya dipersetujui, kadar kuponnya akan menjadi lebih rendah daripada Samurai Bon yang diambil pada bulan Mac yang lepas iaitu akan menjadi kurang daripada 0.53 peratus yang kita ambil pada bulan Mac yang lepas.

Sebenarnya yang disebutkan oleh Yang Berhormat Lipis tadi tak ada main wayang, tak ada *creative accounting* dan sebagainya dan ini telah disahkan oleh sebuah Jawatankuasa Khas yang telah dipengerusikan oleh Yang Berhormat Jeli untuk melihat dan beberapa orang yang lain untuk melihat keseluruhannya dan itu adalah *figure* yang sebenarnya yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan untuk memastikan bahawa kita dalam keadaan berkemampuan untuk membayar balik hutang apabila hutang itu *due*. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Hanya ringkas sahaja. Saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang kedudukan Malaysia dalam Indeks Bon Dunia. FTSE Russell pada ketika ini telah pun meletakkan Malaysia dalam *watchlist* untuk diturun taraf. Jadi minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah: Terima kasih Yang Berhormat Jasin yang memang saya kira tiap-tiap kali soalan berkenaan Kementerian Kewangan, beliau cukup prihatin dan banyak bertanyakan soalan. Tentang kedudukan Malaysia dalam *watchlist* oleh FTSE Russell itu, sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kita kena maklum, Malaysia adalah antara negara bukan negara membangun yang diletakkan di dalam *World Government Bond Index* itu walaupun kita bukan daripada kalangan negara membangun. Kemudian, ianya telah diletakkan dalam *watchlist*

dan ianya masih kekal dalam *watchlist* dan kita kira bahawa ianya tidak akan memberikan apa-apa kesan sebab daripada awal lagi pun sebenarnya pun dalam *World Government Bond Index* ini, dia terdiri daripada negara-negara membangun.

Kemudian Malaysia diberikan saya ingat suatu pengiktirafan untuk berada dalam itu dan sekarang dalam *watchlist* dan kita seperti yang kita semua maklum, mengambil langkah-langkah perlu untuk memastikan termasuk konsolidasi fiskal yang kita buat untuk memastikan bahawa penarafan kita dan juga kemampuan kita untuk meneruskan kerja-kerja pembangunan, untuk meneruskan perkara-perkara yang perlu kita biayai akan dapat kita buat dan apabila sampai masa dan ketikanya untuk kita membayar hutang dan sebagainya, ianya akan dapat kita buat dengan secara yang baik dan teratur. Terima kasih.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Tuan Yang di-Pertua, saya nak mengalu-alukan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Boleh tambahan satu lagi?

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Saya nak alu-alukan Timbalan Menteri Kementerian Komunikasi dan Multimedia yang sihat hari ini dan *Alhamdulillah* kembali bertugaslah. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, *Alhamdulillah*.

7. Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort] minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) jumlah penerima manfaat program-program keusahawanan KEMAS khususnya kawasan luar bandar Sabah; dan
- (b) berapa peratus keterlibatan wanita dalam program keusahawanan kementerian terutamanya dalam kawasan luar bandar.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Sivarasa Rasiah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Beaufort atas soalan ini. Soalan ini ada dua bahagian Tuan Yang di-Pertua. Bahagian pertama menanyakan jumlah penerima manfaat program-program keusahawanan KEMAS di Sabah. Jadi ia terhad kepada KEMAS sahaja. Bahagian kedua bertanyakan berapa peratus keterlibatan wanita dalam program keusahawanan kementerian secara keseluruhan di kawasan luar bandar.

Jadi untuk bahagian (a), untuk makluman Yang Berhormat Beaufort, KEMAS mempunyai beberapa program keusahawanan yang bertujuan untuk memberi manfaat kepada masyarakat khususnya di kawasan luar bandar dan program-program tersebut adalah kursus kemahiran *Quick Win*, Wacana Ilmu Wanita Inspirasiku atau WINS dan kursus keusahawanan rintis. Untuk kursus kemahiran *Quick Win*, ini adalah dalam bentuk kursus dan juga peserta diberi peralatan, *tool kits* dan sebagainya untuk membantu perniagaan mereka dan sebanyak 68 siri kursus kemahiran *Quick Win* telah diadakan di Sabah sejak program ini mula diperkenalkan pada tahun 2016 dan telah memberi manfaat kepada 920 orang peserta di Sabah.

Berkaitan dengan program Wacana Ilmu Wanita Inspirasiku, seperti nama program itu, ini khususnya untuk wanita dan adalah dalam bentuk program bual bicara dengan ahli-ahli panel yang berjaya dalam bidang keusahawanan mereka masing-masing untuk berkongsi pandangan

dan pengalaman dengan peserta untuk memperkasakan usahawan wanita luar bandar. Sebanyak tiga siri program WINS telah dilaksanakan di Sabah dan telah memberi manfaat kepada 600 orang wanita sejak mula diperkenalkan pada tahun ini, 2019.

Manakala untuk program ketiga ini, kursus keusahawanan rintis yang mula dilaksanakan, ini program baharu, pada Mac 2019, ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan kemahiran kepada kumpulan sasar dalam bidang keusahawanan melalui kaedah ceramah, latihan dan pembentangan dan setakat ini, ada banyak jenis kursus diadakan untuk memperkasakan usahawan dan setakat ini, jumlah penerima manfaat bagi kursus keusahawanan rintis anjuran KEMAS di negeri Sabah pada tahun ini ialah seramai 266 orang.

Jadi, jumlah keseluruhan program-program di bawah KEMAS ini di Sabah adalah seramai 1786 orang. Berkaitan dengan peratusan penglibatan wanita di dalam program keusahawanan yang dianjurkan oleh KPLB secara keseluruhan, peratusannya setakat ini ialah sebanyak 47.59 peratus.

Ini adalah daripada program-program yang dikendalikan oleh KEMAS, oleh MARA, oleh lembaga-lembaga kemajuan wilayah di bawah KPLB dan juga termasuk untuk tahun 2018 dan 2019, agensi-agensi yang dahulu di bawah KPLB tetapi sekarang dipindahkan kepada kementerian lain iaitu FELCRA, RISDA dan JAKOA.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sebut bahawa kementerian sedang mengusahakan program-program baharu dengan tumpuan untuk wanita. Dua program baharu telah dimulakan iaitu Wacana Ilmu Wanita Inspirasi (WINS) yang saya sebutkan tadi yang telah disertai oleh seramai 8400 peserta di seluruh Malaysia dan satu program baharu, Wanita Inspirasi Ekonomi atau WISE di bawah MARA. Ini adalah ditumpukan kepada usahawan wanita dengan tujuan membiayai mereka dengan bantuan kewangan setakat RM50,000 dan ini dalam bentuk program dua hari dan program pertama secara kebetulan bermula hari ini di negeri Kelantan dan ini akan diteruskan di negeri-negeri lain dan merupakan program anjuran MARA. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya mohon bertanya juga selepas ini.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan tadi.

■1110

Saya ucapkan tahniah kerana ada program-program baru khusus untuk kaum wanita di seluruh negara kita Malaysia dan saya berharap supaya bukan sahaja di Kelantan. Saya ucap tahniahlah kerana Kelantan menjadi yang permulaan. Kita harap juga di semua negeri termasuk kami di negeri Sabah juga akan mendapat manfaat daripada program yang baru ini.

Jadi, saya ingin bertanya daripada bilangan jumlah yang menerima manfaat daripada program KEMAS dan juga program untuk wanita ini, berapa peratus kah sebenarnya yang telah berjaya kekal sebagai usahawan kerana kita mahu membangunkan usahawan. Apakah pendapatan tertinggi yang mereka peroleh setakat ini yang kita tahu dan jenis perniagaan yang

mereka laksanakan? Saya juga ingin tahu adakah kementerian bercadang untuk mewujudkan *one stop centre* sebagai *collection centre* dan juga tempat pemasaran di peringkat negeri untuk produk-produk yang mereka hasilkan supaya kita akan dapat lihat secara *sustainablenya* program-program yang dilaksanakan ini. Terima kasih.

Tuan Sivarasa Rasiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Beaufort. Yang Berhormat Beaufort tanya tentang peratusan berjaya ya. Berjaya itu agak subjektif ya untuk menilai apakah *ratio* untuk kejayaan itu. Akan tetapi dari segi pendapatan juga, ini saya perlu siasat sama ada kita ada statistik yang terperinci daripada jumlah usahawan yang besar ini dan kalau ada, saya akan cuba bagi secara bertulis.

Dari segi cadangan Yang Berhormat Beaufort tentang satu *one stop centre*, dengan izin untuk pemasaran, setakat ini apa yang dilakukan oleh kementerian untuk membantu usahawan desa kita untuk memasarkan produk mereka adalah untuk memantapkan kebolehan mereka untuk membuat pemasaran atas talian atau *online trading*. Satu *site* Desamall Online telah khusus disediakan dan telah digabungkan dengan laman-laman lain seperti *Lazada*, *Shopee* dan sebagainya untuk membantu dan sekarang kita juga tengah berbincang untuk menubuhkan satu agensi pemasaran, khususnya untuk membantu usahawan di desa. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah di atas penganjuran program-program baru oleh pihak kementerian. Jadinya saya hendak bertanya mengenai satu dana iaitu Dana Harapan Strategi Realisasi Keusahawanan. Susulan daripada ini saya hendak bertanya, apakah terdapat latihan susulan agar mereka ataupun usahawan-usahawan wanita ini dapat mengembangkan perniagaan mereka ke pasaran yang lebih besar dan tidak terhad kepada pasaran tempatan sahaja. Sejauh manakah kementerian telah merangka satu inisiatif melalui pelbagai agensi dengan tujuan untuk menambah baik ekosistem keusahawanan luar bandar menerusi agenda pemerkasaan pembangunan komuniti di bawah MARA? Terima kasih.

Tuan Sivarasa Rasiah: Kementerian memang tetap komited untuk terus mengembangkan masyarakat usahawan di desa dan khususnya usahawan wanita seperti yang saya terangkan tadi dan memang selaras dengan apa yang telah tercatat dalam pelan harapan kita dan juga Dasar Pembangunan Luar Bandar yang baru dilancarkan oleh kementerian.

Saya telah terangkan tadi program-program baru macam program WISE ini. Kursus dua hari, lepas itu untuk mereka yang dianggap layak dan komited, bantuan pembiayaan kewangan juga setakat 50,000 dan sebagainya. Semua ini adalah usaha-usaha yang kementerian melihat akan terus membantu dan memperkasakan golongan usahawan di luar desa, di luar bandar khususnya usahawan wanita. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. ini ada pantun sedikit untuk Menteri.

Timbalan Menteri dah balik kerja alhamdulillah,

Jawab soalan relaks dengan nada perlahan-lahan,

Indah payah gerusuh-gerusuh,

Soalan saya nombor lapan.

Gerusuh-gerusuh itu berebut-rebut Menteri, bahasa kami Brunei.

8. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan dapat kah kementerian menambah baik sistem liputan rangkaian telefon di bahagian Limbang yang sekarang ini sering kali mengalami masalah untuk mendapatkan rangkaian terutamanya di kawasan luar bandar dan jaringan yang tidak lancar (terputus-putus) termasuk di kawasan bandar.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Eddin Syazlee Shith]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Limbang. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Pada pagi ini saya ingin mengalu-alukan kedatangan tetamu istimewa dari Masjid Kariah Kampung Sungai Jelutong daripada Parlimen Kuala Pilah, Parlimen saya [*Tepuk*] yang saya percaya hadir untuk memberikan sokongan moral selepas mendengar saya tumbang beberapa hari yang dulu. *Alhamdulillah*, selamat sampai ke Dewan yang mulia ini. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Pihak kerajaan sentiasa memberi tumpuan kepada pembangunan infrastruktur komunikasi di seluruh negara termasuklah di Parlimen Limbang. Di bawah inisiatif perluasan liputan selular dan jalur lebar mudah alih, antara penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh SKMM adalah melibatkan pembinaan menara komunikasi baharu dan penaiktarafan menara komunikasi sedia ada kepada perkhidmatan sehingga 4G.

Sehingga kini sebanyak sembilan menara komunikasi baharu telah siap dibina dan beroperasi di Parlimen Limbang. Manakala sebanyak dua menara komunikasi baharu sedang dalam peringkat pelaksanaan. Inisiatif ini merupakan tambahan kepada 32 menara yang dibangunkan secara komersial oleh pemberi perkhidmatan di Parlimen Limbang dan di samping itu sebanyak 25 stesen pemancar di menara komunikasi sedia ada di Parlimen Limbang telah dinaiktarafkan kepada perkhidmatan 3G dan 4G.

Secara umumnya, liputan rangkaian di bandar Limbang adalah memuaskan. Walau bagaimanapun mungkin terdapat sedikit gangguan dari semasa ke semasa yang telah disebabkan oleh faktor-faktor di luar kawalan pembekal perkhidmatan telekomunikasi. Walau bagaimanapun, SKMM sentiasa bekerjasama dengan pihak-pihak yang berkaitan di Sarawak bagi menangani masalah ini termasuklah untuk menjalankan pemantauan lanjut, khususnya di kawasan Limbang. Sekian.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Terima kasih jawapan Timbalan Menteri tadi. *Alhamdulillah* ada penambahbaikan. *Just*, masalah liputan ini Menteri, soalan tambahan saya bukan sahaja berlaku di kawasan yang tidak mempunyai menara pemancar isyarat tetapi ia juga berlaku di kawasan yang mempunyai menara itu sendiri. Menara ini pun ada yang dah beroperasi, ada *provider* dan ada yang tidak ya.

Soalan tambahan saya Menteri ialah apakah *immediate measures* sebab keadaan pada saat ini Menteri, *signal* di Bandar Limbang itu bukan sedikit masalah yang sebenarnya. Kalau *you* telefon sekarang ke Limbang pun putus-putus sebab sampai kita terpaksa guna *fixed line, is very bad actually right now*. Jadi, persoalan saya ialah apakah *immediate measures that you can provide for us* in Parlimen Limbang, dalam bandar itu sendiri. Terima kasih.

Tuan Eddin Syazlee Shith: Terima kasih Yang Berhormat limbang di atas soalan tambahan tersebut. Sebagaimana yang saya telah maklumkan di antara *immediate measures* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kita sedang menyiapkan sembilan lagi menara tambahan menara komunikasi yang sekiranya selepas siap di bawah Program Jalur Lebar Pinggir Bandar dan Jalur Lebar Luar Bandar, SUBB dan RBB ini akan membolehkan sebanyak 1,744 sambungan boleh dimajukan, khususnya di Bandar Limbang. Sementara sekiranya selepas dua pelaksanaan tambahan menara itu dapat dilakukan sesegera mungkin, akan dapat melakukan penambahan sambungan-sambungan sebanyak 1,612 sambungan Yang Berhormat.

■1120

Jadi, saya percaya pada setakat ini perkara-perkara yang sedang diusahakan ini akan mampu untuk memberikan penambahbaikan dan mutu kepada kemudahan internet di Limbang, dan walau bagaimanapun, SKMM, KKMM sentiasa terbuka untuk meneliti khususnya dalam keadaan-keadaan yang diberitahu tadi di kawasan-kawasan yang mempunyai menara tetapi masih lagi mengalami masalah yang sama.

Sekiranya ini berlaku, saya melihat ini satu kejadian khusus yang amat- pertama, mendukacitakan; dan kedua, sangat luar biasa. Kalau boleh saya mohon untuk diberikan maklumat lanjut berkenaan masalah yang dihadapi supaya tindakan susulan yang bersesuaian dapat diambil secepat mungkin.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: *Listkan* untuk Limbang Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, SKMM mempunyai tanggungjawab untuk memastikan semua rakyat Malaysia, semua kawasan di Malaysia ini tanpa mengira kepadatan penduduk mendapat akses kepada telekomunikasi. Itu tanggungjawab SKMM. Kita lihat sekarang ini di luar bandar, bukan saja di Limbang, di kawasan saya- di kawasan Beaufort dan sebagainya, berhadapan dengan masalah talian ini. Kita bercakap tentang inginkan 3G, 4G di bandar, sekarang beralih kepada 5G.

Sejauh mana SKMM akan memastikan bahawa semua rakyat Malaysia ini akan dapat akses kepada komunikasi tanpa mengira kepadatan dan kepentingan ekonomi yang ada pada SKMM dan sistem komunikasi itu sendiri. Sejauh mana Yang Berhormat.

Tuan Eddin Syazlee Shith: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih pada Yang Berhormat Beluran atas soalan tambahan itu. Untuk maklumat Yang Berhormat Beluran, pihak KKMM, SKMM sentiasa memberikan perhatian yang serius ke atas kompelin-kompelin, aduan-

aduan yang diberikan berkaitan dengan masalah telekomunikasi khususnya di negeri Sarawak. Ini sebagaimana yang saya telah jawab berkenaan kes yang khusus bagi Parlimen Limbang tadi.

Sama juga seperti kawasan lain Yang Berhormat Beluran, kita sentiasa memantau setiap masalah yang timbul. Cuma perlu diambil kira bahawa kemudahan-kemudahan infra ini telah pun dimulakan oleh kerajaan dulu yang mana kita mengambil tanggungjawab ini daripada kerajaan yang lama.

Walau bagaimanapun, mungkin daripada segi pendekatan itu, perlu diperincikan untuk kita dapat melakukan penambahbaikan. Saya percaya di mana kekurangan-kekurangan yang ada, perlu di atas sesegera mungkin, dan supaya masalah-masalah telekomunikasi ini tidak akan berlarutan.

Untuk makluman Yang Berhormat, masalah ini bukan sahaja di negeri Sarawak, bahkan di kawasan Parlimen saya sendiri pun mengalami masalah telekomunikasi yang sangat-sangat mengejutkan, mengecewakan dan saya sendiri menerima komplain. Akan tetapi kita tidak mengelak daripada melaksanakan tanggungjawab itu dan berdasarkan kepada maklumat-maklumat yang kita ada, dan persiapan-persiapan melalui pendekatan dan inisiatif-inisiatif yang telah dibuat oleh pihak SKMM, saya percaya ini antara fokus-fokus utama untuk kita menyelesaikan semua masalah yang timbul. *Insyallah*.

9. Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan, apakah langkah-langkah untuk meningkatkan pelancongan di negeri-negeri yang bersempadan dengan negara jiran, seperti Perlis

Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Kangar.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya sentiasa berusaha dan bekerjasama dengan pelbagai pihak untuk merencanakan lagi pelancongan sempadan ataupun *cross-border tourism*, dengan izin, termasuklah di negeri Perlis. Antara langkah-langkah tersebut adalah:

Pertama, Malaysia di bawah platform *Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle* (IMTGT) giat membangun dan mempromosi pakej-pakej pelancongan di rantau termasuk Perlis. *Tourism Malaysia* juga telah pun menerbitkan pakej pelancongan bersama IMTGT bagi tempoh 2018-2019 yang menghubungkan destinasi-destinasi pelancongan di wilayah-wilayah IMTGT. Pakej-pakej berkenaan seperti *Saturn-Perlis Homestay Packages* telah dilancarkan pada 30 Oktober 2018. Sehingga Julai 2019 sebanyak 697 pakej pelancongan telah pun dijual dengan nilai jualan sebanyak RM669,419.

Kedua, dengan mempertingkatkan kemudahan dan infrastruktur di pintu-pintu masuk utama yang bersempadan dengan Thailand termasuklah di negeri Perlis bagi memudahkan dan meningkatkan pengalaman baik pelancong asing yang menggunakan pintu masuk

berkenaan untuk melancong ke Malaysia dan Thailand. Usaha-usaha ini juga diterajui oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi sebagai penyelaras IMTGT di Malaysia.

Bagi yang ketiga, mengadakan *familiarization* ataupun lawatan suai kenal dengan menjemput agensi-agensi pelancongan serta media dari luar negara ke negeri Perlis untuk meninjau produk serta membangunkan pakej-pakej pelancongan yang bersesuaian. Sebagai contoh lawatan suai kenal sempena dengan program IMTGT *Ecotourism*.

Dan keempat, bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Perlis dalam mempromosikan tempat-tempat menarik di negeri melalui penganjuran acara-acara tahunan seperti Pesta Angin Timur Perlis pada 1 hingga 3 Mac 2019; Pesta Air Kuala Perlis, pada 7 hingga 8 September 2019; dan Kejohanan *Wood Ball* pada 11 hingga 13 Oktober 2019, bagi merencanakan lagi pelancongan rentas sempadan di negeri Perlis.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kangar, bagi menggalakkan lagi pelancongan serta meningkatkan ketibaan pelancong dari China dan India, kerajaan telah pun meluluskan penambahan lagi enam pintu masuk utama dengan kemudahan VOA ataupun *visa on arrival* iaitu di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, Kedah; kedua, Kompleks Kastam Imigresen Kuarantin dan Keselamatan, Bukit Kayu Hitam, Kedah; Lapangan Terbang Antarabangsa Miri, Sarawak; ICQS Sungai Tujuh, Sarawak; Terminal Feri Labuan; dan Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Abdul Aziz Shah ke Skypark.

Di samping itu, kadar fi VOA juga dikurangkan daripada RM330 kepada RM200 dan pemilikan jumlah wang telah pun dikurangkan daripada USD1,000 kepada USD500 yang boleh dikemukakan sama ada dalam bentuk tunai, cek kembara, kad kredit, kad debit ataupun wang elektronik yang diiktiraf oleh Bank Negara Malaysia dan pemanjangan tempoh tinggal daripada tujuh hari kepada lima belas hari. Sekian, terima kasih.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang saya kira agak menyeluruh. Cuma keprihatinan saya ialah negeri sempadan ini biasanya ekonominya rancak tetapi kalau Perlis dan Kelantan, kalau kita selalu dengar tergolong dalam negeri yang dikira ekonominya masih lagi dikategorikan negeri miskin.

Jadi, apakah usaha baru yang diusahakan oleh kementerian, kerana kalau macam di negeri Perlis ini saya tengok daripada segi tarikan tidak ada perkara baru yang signifikan ataupun jelas untuk mencetuskan satu peluang ekonomi baru khususnya peluang-peluang pekerjaan berkaitan dengan pelancongan.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Terima kasih soalan daripada Yang Berhormat Kangar. Sebenarnya kita memang pun ada dalam pelan grup Ekopelancongan Kebangsaan ataupun NEP - *National Eco Tourism Plan 2016-2025* di mana kita menekankan ataupun *ecotourism* ataupun ekopelancongan dan antara yang kita kenal pasti adalah 60 kluster ekopelancongan disebut di seluruh negara dan kluster tersebut merangkumilah kawasan Parlimen Kangar, *Kangar Circuit*, Timah Tasoh, Sungai Batu Pahat, *Cuping Hill* dan *Perlis State Park*.

So, pembangunan secara kluster kita harapkan dapat menarik lagi lebih ramai pelancong untuk melawat kluster-kluster tersebut. Ini dalam rancangan kita untuk membangunkan kluster di negeri-negeri sempadan untuk menjana ekonomi penduduk setempat.

Selain daripada itu kita juga dalam Dasar Pelancongan Negara kita menekankan *community-based tourism*. *Tourism* yang berasaskan komuniti setempat, di mana pembangunan inap desa dan sebagainya, pemandu pelancong tempatan yang kita ambil supaya kita dapat mengembangkan, dan mempromosikan *hidden gems*, tempat-tempat yang menarik yang tidak dikenali ramai dan *Tourism Malaysia* juga bekerjasama dengan negeri-negeri dan agensi-agensi di negeri Perlis, Kelantan untuk mempromosikan *hidden gems* tersebut. Jadi, saya harap ini dapat menjawab soalan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Saya mohon, Yang Berhormat Tumpat.

Tuan Yang di-Pertua: Siapa yang bangun dulu?

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Tumpat bangun dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Kuala Krau atau Yang Berhormat Pontian?

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat Tumpat.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Pontian dah dua, tiga kali mencuba.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, okey Yang Berhormat Pontian. Sila Yang Berhormat Pontian.

■1130

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih. Tadi Timbalan Menteri menyebut tentang inap desa (*homestay*) yang kita di Johor sebelum ini mengubah namanya kepada *desastay*. Setakat manakah *desastay* itu? Berapa bilangannya di negara kita? Adakah *desastay* dan *homestay*, inap desa ini diusahakan supaya masuk dalam portal terbesar di dunia mengenai pelancongan iaitu Airbnb *travel*. Dulu kami ada buat perjanjian dengan Airbnb ini, setakat mana perkembangannya?

Satu lagi ialah setakat mana persiapan kementerian untuk mengadakan pelan B kerana penarafan Kategori 2 Kawal Selia Penerbangan mungkin menjejaskan Tahun Melawat Malaysia 2020.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Dua soalan dan soalan kedua itu saya pernah jawab sebelum ini dan ia pun tidak berkaitan sangat dengan soalan yang ditanyakan. Tentang soalan inap desa, memang inap desa ataupun *homestay with experience* telah pun diasaskan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, sudah lama. Setakat ini kita mempunyai lebih daripada 4,300 pengusaha *homestay* dan merangkumi lebih daripada 5,000 unit *homestay* yang ditawarkan.

Memang benar kita sedang bekerjasama dengan Airbnb dalam mengenal pasti ataupun melonjakkan pemasaran *homestay* ini di peringkat OTA ataupun *digital platform*. Kita juga bekerjasama dengan OTA tempatan yang mana kita tidak mahu aliran wang tunai keluar kepada negara seperti Airbnb yang tidak berpangkalan di Malaysia. Jadi kalau kita sendiri hendak pergi duduk *homestay* di Johor umpamanya, kalau kita pergi melalui Airbnb, komisen yang Airbnb kutip itu tidak dapat ke negara kita tetapi dapat ke negara lain.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ia ada cawangan Airbnb Malaysia, ada cawangan.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Ada cawangan tetapi ia masih lagi berpangkalan di Singapura. Kita masih dalam perbincangan dengan Airbnb dan kita juga telah pun bekerjasama dengan Expedia. Expedia juga *willing to— open* untuk bekerjasama untuk mempromosikan Airbnb.

Saya tekankan tadi tentang platform yang diusahakan oleh orang tempatan di mana mereka yang terdiri oleh budak-budak muda ini telah pun mengadakan satu platform untuk mempromosikan inap desa ini sebanyak 4,000. Kita ada dua, tiga program yang telah dilancarkan dan *insya-Allah* kita rasakan sebelum tahun 2020, kita dapatkan lancar untuk seluruh inap desa di seluruh negara. Jadi itu sahaja, terima kasih. Sekian.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Satu lagi boleh tak Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Yang berkaitan sebab soalan tadi tidak berkaitan.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Ya, satu.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tumpat hendak minta satu yang sangat berkaitan.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: Sik Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Kuala Krau.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Bagi bandar sempadanlah.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Negeri sempadan, Kelantan.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Saya hendak sebut juga fasal Kelantan. Ini Yang Berhormat Menteri, selain daripada sempadan-sempadan, negeri-negeri pantai timur seperti Kelantan, Terengganu dan Pahang. Dalam kempen Tahun Melawat Malaysia 2020 di mana Menteri Kewangan peruntukannya diberikan disediakan RM90 juta. Apakah produk dan tempat destinasi baharu yang telah dikenal pasti oleh pihak kementerian bagi negeri Kelantan, Terengganu dan juga Pahang. Sasaran negara-negara manakah yang akan dapat menarik pelancong lebih ramai bagi ketiga-tiga negeri ini? Terima kasih.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Terima kasih kepada soalan tambahan tersebut. Soalan tadi berkenaan dengan *border* Kelantan, Perlis.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, tidak berkaitan itu.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: *You* tanya tentang Terengganu, Pahang dan sebagainya, *insya-Allah*.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Saya sebut juga Kelantan tadi *border*.

Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik: Ada, adalah, syaratlah. Kita dari segi *Visit Malaysia 2020*, saya beberapa kali tekankan, kita tekankan *cultural-based tourism* ataupun *community-based tourism* di mana kita ingin mempromosikan budaya dan kesenian masyarakat tempatan. Oleh itu, kita juga memperbanyakkan beberapa *engagement*, sesi libat urus bersama pemegang taruh dan juga *industry player* di negeri-negeri tersebut. Saya sendiri akan Kelantan pada 30 November ini dan bersama dengan *industry players* untuk melihat sendiri bagaimana kita mempromosikan Kota Bharu itu sendiri.

Sekarang ini orang luar, pelancong-pelancong luar datang Kota Bharu dia tidak menginap di Kota Bharu, dia cuma lintas sahaja untuk ke Pulau Perhentian. Jadi dia datang ke Pengkalan Chepa dan tidak dapat menginap pun di Kota Bharu. Kita cuba untuk menarik mereka ini supaya dapat duduk dan dapat menginap di Kelantan untuk menikmati kebudayaan dan kesenian yang kaya, negeri Kelantan yang kaya dengan kebudayaan dan kesenian di negari tersebut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Dengan itu tamatlah sesi soal jawab lisan.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri dah tunggu itu.

Tuan Yang di-Pertua: Dah habis masa. Itu pun saya tambah lima minit. Silakan.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak buat pengumuman. Tahniah kepada *team* Harimau Malaya yang berjaya menumpaskan Garuda sebanyak gol 2-0 dalam aksi kelayakan Piala Dunia 2022. [*Dewan tepuk*] Tahniah dan syabas kepada jurulatih Tan Cheng Hoe dan juga Muhammad Safawi Rasid yang menjaringkan dua gol, tahniah. [*Dewan tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Sebelum Yang Berhormat Batu masuk tadi sudah ada pengumuman tahniah tetapi tidak apalah dua kali tahniah. Silakan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 18(1)**KECAMAN TERHADAP SERANGAN UDARA TENTERA ZIONIS ISRAEL
KE ATAS SEMENANJUNG GAZA****11.36 pg.**

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya bangun pada pagi ini berdasarkan kepada Peraturan Mesyuarat 14 iaitu memohon kebenaran daripada Tuan Yang di-Pertua untuk saya mengguna pakai Peraturan Mesyuarat 18(1) dan 18(2) iaitu mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat ditangguhkan bagi tujuan merundingkan perkara tertentu, berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendakkan disegerakan untuk dibahaskan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada 18 November 2019, saya telah mengemukakan satu surat merangkumi usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) dan 18(2) untuk memberi notis memberitahu bahawa saya ingin mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat ditangguhkan dengan usul yang berbunyi demikian; "*Bahawa saya Ahli Parlimen Kota Bharu mohon mencadangkan agar Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan mengikut Peraturan Mesyuarat 18(1) dan 18(2) Peraturan Majlis Mesyuarat untuk merundingkan berkenaan kecaman terhadap serangan udara yang tidak berperikemanusiaan berterusan oleh tentera Zionis Israel ke atas Semenanjung Gaza.*"

Tuan Yang di-Pertua, usul ini saya berpandangan adalah perkara tertentu iaitu berkaitan dengan serangan udara tentera Zionis Israel yang semakin mengganas menyerang wilayah Semenanjung Gaza. Serangan terbaru yang didalangi oleh Pasukan Pertahanan Israel (*Israel Defense Forces – IDF*) telah menyasarkan pimpinan pihak pentadbir dan rakyat awam di Semenanjung Gaza yang telah setakat ini telah membunuh 34 nyawa termasuk lapan orang kanak-kanak dan tiga orang wanita. Serangan pihak Tentera Udara Israel juga telah mencederakan setakat ini lebih 120 orang penduduk awam dan memusnahkan lebih 120 buah rumah.

Usul ini juga Tuan Yang di-Pertua, adalah satu usul yang berkehendakkan disegerakan memandangkan serangan udara yang didalangi oleh tentera Israel Zionis tidak menunjukkan tanda-tanda akan reda bahkan ia terus dipertahan oleh Perdana Menteri Benjamin Netanyahu di sebalik ketegangan politik domestik yang dihadapi. Tahun ini sahaja menunjukkan tentera Zionis telah beberapa kali melakukan siri serangan terhadap penduduk Gaza. Kekejaman tersebut bukan sahaja bertentangan dengan undang-undang antarabangsa malah mengundang kecaman semua pihak. Malangnya kezaliman tentera Zionis terus memuncak meskipun di sebalik pelbagai kritikan yang dihalakan ke atas mereka.

Tuan Yang di-Pertua, usul ini juga turut melibatkan kepentingan ramai kerana ia telah mengorbankan banyak nyawa orang awam khususnya di Semenanjung Gaza. Malah serangan terbaru IDF ke atas bangunan kerajaan turut menyasarkan orang awam termasuklah kawasan perumahan, sekolah dan sebagainya. Sasaran tentera Zionis ke atas orang awam ini jelas

memperlihatkan sikap mereka yang tidak berperikemanusiaan dan sewajarnya dikutuk sekeras-kerasnya.

■1140

Oleh yang demikian, Tentera Zionis selayaknya menerima kecaman di atas kezaliman dan kekejaman yang dilakukan terhadap masyarakat Palestin. Ketegasan Malaysia dalam memperjuangkan hak masyarakat Palestin di peringkat antarabangsa perlu terus disuarakan supaya rejim Zionis tidak sewenang-wenang berterusan melakukan sesuatu yang bertentangan dengan undang-undang antarabangsa.

Oleh sebab itu, saya mencadangkan supaya Majlis Mesyuarat ditangguhkan untuk Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini membincang dan membahaskan usul ini [*Tepuk*] dan saya ingin dengan rendah diri Tuan Yang di-Pertua untuk memohon kiranya Tuan Yang di-Pertua menggunakan Peraturan Mesyuarat 90 untuk menjemput salah seorang Menteri untuk memberi laluan bagi usul ini dibahaskan di dalam Dewan ini bukan di dalam Kamar Khas. Saya mohon mencadangkan. Terima kasih. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima suatu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) oleh Ahli Yang Berhormat Kota Bharu pada hari Isnin, 18 November 2019. Teks usul seperti yang dibacakan Ahli Yang Berhormat Kota Bharu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Tuan Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat. Syarat yang pertama ialah membawa perkara tertentu. Syarat yang kedua adalah bagi kepentingan orang ramai atau orang awam dan syarat yang ketiga ialah ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan mendapati bahawa tertentu; perkara ini adalah perkara yang tertentu. Kepentingan orang ramai; ini adalah bagi kepentingan orang ramai. Berkehendak disegerakan; perkara ini juga perlu disegerakan. Oleh yang demikian, saya membenarkan usul ini dibahaskan [*Tepuk*] tetapi bukan dalam Dewan ini tetapi di Kamar Khas.

Jadi, mengikut Peraturan Mesyuarat 16(6) usul ini akan dibahaskan pada hari Isnin, 25 November 2019, jam 2.30 petang di Kamar Khas. Saya akan membenarkan pihak pencadang untuk berbahas selama 30 minit dan selepas itu pihak kerajaan akan menjawab selama 30 minit. Sekian, terima kasih.

Ini pernah kita lakukan dalam tahun 2018 dahulu membincangkan isu Gaza juga di Kamar Khas. Tujuan diadakan di Kamar Khas ialah sebab ini sesi Bajet dan kita hendak semua... [*Disampuk*]

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Tuan Yang di-Pertua, kalau 30 minit di sini tidak menjejaskan perbahasan Bajet. Kalau 30 minit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Selama 30 minit di Kamar Khas lah. Kamar Khas pun memadai. Dahulu dibincangkan di Kamar Khas juga, soal Gaza juga. Kalau Yang Berhormat masih ingat, usul dikemukakan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh di kala itu. Seterusnya usul.

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****11.43 pg.****Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan dalam peringkat Jawatankuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2020 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2020 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Khamis, 21 November 2019.”

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dr. Ong Kian**Ming]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: *Frustr* isu Palestin tidak dibahaskan di dalam Parlimen.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2020****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2020****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan ke atas ‘Rang Undang-undang Perbekalan 2020 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2020 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.’ **[Hari Kesepuluh]**

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan* Jawatankuasa]

**Maksud B.24 [Jadual] -
Maksud P.24 [Anggaran Pembangunan 2020] –**

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.24 dan Kepala Pembangunan P.24 di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri terbuka untuk dibahaskan dan seperti biasa had masa..

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Parit Sulong.

Tuan Pengerusi: Seperti beberapa hari yang lalu juga pembahas dihadkan 10 minit seorang kecuali dikurangkan. [Ketawa] Menteri diberi masa untuk menjawab sekadar 60 minit. Saya menjemput mengikut senarai yang ada pada saya, pembahas pertama, Yang Berhormat Parit Sulong. Silakan.

11.46 pg.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya terus sahaja kepada Butiran 030700 – Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE). Di bawah peruntukan MATRADE ini saya hendak minta Yang Berhormat Menteri menyatakan berapa banyak kah dana yang diperuntukkan untuk program-program keusahawanan oleh wanita dan juga Bumiputera iaitu *Women Exporters Development Programme* dan *Bumiputera Exporters Development Programme*. Berapa banyakkah dana yang diperuntukkan untuk setiap program ini kerana sebelum ini peruntukan yang dikhaskan untuk kedua-dua program ini adalah RM2 juta setiap tahun.

Akan tetapi saya melihat nilai itu tidak mencukupi jadinya saya ingin tanya apakah peruntukan tersebut telah ditambah. Saya kira penambahan itu sangat perlu kerana setakat ini banyak kejayaan yang telah kita lihat hasil daripada usaha-usaha di bawah program-program BEDP dan WEDP ini.

Saya kira RM200,000 setiap peserta itu memang tidak cukup apa lagi hendak buat *marketing* lagi, hendak buat fasilitet khusus, promosi eksport, *skill* keusahawanan global dan segala-galanya. Jadinya saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menyatakan mengenai kalau perkara baik penambahan kelulusan ataupun peruntukan untuk program-program ini.

Seterusnya saya ingin bertanya adakah MATRADE mempunyai sebarang cadangan untuk bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan dalam kempen pelancaran Tahun Melawat Malaysia 2020 dengan mempromosi barangan buatan tempatan kerana sekarang ini MATRADE mempunyai satu *database* senarai mereka yang telah berjaya di peringkat antarabangsa dan setengahnya menjadi *brand* yang begitu popular.

Jadinya adakah usaha untuk mengetengahkan mereka yang berjaya ini di mata pelancong. Contoh mungkin mengambil satu ruang di *shopping centre* tempatan dan MATRADE yang *provide all the list* ataupun senarai nama-nama mereka yang boleh diketengahkan dalam usaha untuk kempen Tahun Melawat Malaysia.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Butiran 020600 – Standard Malaysia. Saya maklum baru-baru ini MATRADE telah memperkenalkan Program *Sustainability Action Values for Exporters* dengan kerjasama Standard Malaysia. Soalan saya kepada pihak Yang Berhormat Menteri adalah bagaimanakah Yang Berhormat Menteri melihat program ini dapat membantu meningkatkan tahap kompetitif sebuah syarikat eksport dan mampu meningkatkan daya saing mereka di peringkat global dan setakat ini bagaimana program ini dilancar kan di bawah program ini. Adakah ianya diterima dengan baik oleh para pengeksporth dan syarikat-syarikat gergasi di Malaysia ini.

Butiran 030300 – Integrasi Kerjasama Ekonomi ASEAN. Sejak pelancaran platform e-dagang Komoditi yang pertama April lalu, apakah antara siri kejayaan yang telah berjaya dicatat oleh *Bohai Commodity Exchange*. Sejauh manakah *Bohai Commodity Exchange* ini kini berjaya bertindak sebagai pusat e-dagang serantau yang berjaya menghubungkan pelaburan antara Malaysia dan negara-negara ASEAN dan China secara digital?

Selain daripada itu, saya juga ada membaca mengenai potensi *Bohai Commodity Exchange* yang mampu menghubungkan lebih daripada 60 negara di Asia dan Eropah melalui inisiatif OBOR yang diperkenalkan oleh China. Jadinya bagaimana kementerian akan memanfaatkan platform ini untuk meningkatkan hubungan perdagangan dan ekonomi dua hala antara Malaysia dengan negara-negara Asia dan Eropah.

■1150

Butiran 040200 – Ekonomi Digital, dibaca bersekali dengan Butiran 00513 – E-Trade. Saya ingin bertanya, mengapa peruntukan untuk ekonomi digital ini jatuh mendadak daripada jumlah RM1.4 juta tahun lepas hanya kepada RM681,000 sahaja? Saya kira kini kita sudah bergerak laju menuju ke era IR 4.0 yang menekankan lebih banyak lagi kepentingan ekonomi digital. Akan tetapi peruntukan ini saya lihat tidak selari dengan aspirasi ini. Apakah punca pengurangan dana ini?

Adakah segala program dan inisiatif berkaitan ekonomi digital di sepanjang rantai nilai di peringkat antarabangsa dan domestik telah cukup sempurna sehingga peruntukan ini dikurangkan? Saya juga ingin tahu, apakah pertambahan terbaharu mengenai DFTZ? Oleh kerana saya lihat tiada sebarang butiran berkaitan dengan perkara ini. Soalan saya adalah sejauh mana Program DFTZ ini mampu menjana pertumbuhan KDNK negara kepada RM211 bilion menjelang 2020 seperti yang pernah MATRADE unjurkan sebelum ini?

Seterusnya, menerusi platform DFTZ ini, apakah prospek e-dagang ke atas syarikat SME Bumiputera? Sejauh mana platform ini dapat memanfaatkan sepenuhnya oleh kementerian bagi memperkasakan ekonomi bumiputera? Saya juga ingin tahu, berapakah sasaran syarikat tempatan bumiputera yang akan dilibatkan di bawah platform ini? Seterusnya, daripada keseluruhan jumlah dana di bawah Butiran E-trade ini, berapa banyak kah peruntukan yang telah diguna bagi membantu membangunkan SME bumiputera?

Saya ingin tahu, berapa kontribusi SME bumiputera yang dilibatkan di bawah platform ini? Butiran 50000 – Dasar Nasional Industri 4.0, dibaca bersekali dengan Butiran 040300 – Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA). Saya lihat MIDA memainkan peranan yang besar dalam membantu SME berdepan dengan cabaran Revolusi 4.0. Baharu-baharu ini saya melihat MIDA aktif dalam memberikan galakan kepada SME untuk menjalani *National Policy on Industri 4.0 Readiness Assessment*.

Jadinya, soalan saya adalah apakah hasil daripada *assessment* yang telah dijalankan ini? Saya mohon Yang Berhormat Menteri menyatakan hasil daripada usaha galakan yang disalurkan bagi SME, berapa banyak kah SME yang telah berupaya untuk beradaptasi dengan IR 4.0 ini? Oleh kerana saya maklum SME di negara kita merangkumi 98.5 peratus pada keseluruhan jumlah syarikat yang ada akan tetapi majoriti SME masih lagi menggunakan pendekatan IR 2.0 dan IR 3.0. Jadi, apakah tahap potensi dan perkembangan SME yang berkait dengan ekonomi digital sekarang ini?

Butiran 00201 – Program Pembangunan Industri Automotif. Saya mengikuti perkembangan industri ini begitu rapat. Pertamanya, saya hendak ucapkan tahniah kepada Proton dan Geely oleh kerana telah berjaya mengembalikan kegemilangan industri automotif negara. Satu usaha yang dimulakan sejak zaman Barisan Nasional lagi. Jadinya, soalan saya pada pihak kementerian adalah apakah program pembangunan yang telah dirancang pihak kementerian bagi membantu Proton mencapai sasaran jualan 400,000 unit kereta menjelang 2027?

Adakah kementerian akan terus memberikan fokus kepada Proton sebagai pengeluar kereta nasional utama negara atau Yang Berhormat Menteri akan memberikan kepercayaan kepada Geely sepenuhnya untuk menentukan hala tuju Proton? Adakah kementerian menumpukan kepada pembangunan Projek Kereta Nasional Ke-3 serta apakah status Projek Kereta Nasional ke-3 sekarang ini?

Saya harap Yang Berhormat Menteri bolehlah berkongsi di dalam Dewan ini. Butiran 050600 – InvestKL. Kita sedar dalam usaha negara memacu ke arah IR 4.0, perlunya kolaborasi antara agensi pelaburan negara dengan Kementerian Sumber Manusia untuk mewujudkan lebih banyak lagi pekerjaan berimpak tinggi. Antaranya menerusi inisiatif InvestKL yang memfokuskan tarikan pelaburan dari syarikat-syarikat gergasi dan *multinational company* bagi menyediakan lebih banyak lagi peluang pekerjaan *high value* dan *high skills job*.

Soalan saya adalah sejauh manakah InvestKL kini telah berjaya mencapai sasaran untuk menarik sekurang-kurangnya 13 MNC melabur di dalam negara ini berbanding 12 MNC yang berjaya ditarik pada tahun 2018? Seterusnya, melihat kepada sasaran tahun ini iaitu 13, kenapa ataupun bagaimana kementerian melihat InvestKL mampu untuk mencapai KPI 100 buah MNC menjelang tahun 2020? Apakah jenis bantuan, jenis galakan disalurkan oleh kementerian kepada InvestKL bagi mencapai sasaran tersebut?

Pada hemat saya, KPI 100 ini menjelang tahun 2020 itu agak tinggi kalau kita bandingkan dengan potensi semasa InvestKL ini, Tuan Pengerusi. Jadinya, saya berharap persoalan-

persoalan saya dapat dijawab oleh Yang Berhormat Menteri. Dengan itu, terima kasih banyak-banyak di atas peluang yang diberikan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Ada sesiapa hendak berbahas lagi?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tidak ada?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya jemput Yang Berhormat Paya Besar.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sebelah sana tidak ada?

11.56 pg.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ucapkan terima kasih atas ruang dan peluang yang diberikan untuk saya terus serta membahaskan peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Tuan Pengerusi, saya memandang tinggi kementerian ini kerana kementerian inilah yang akan bertanggungjawab memastikan perdagangan antarabangsa negara kita berada di tahap yang cukup baik.

Saya yakin di bawah pimpinan Yang Berhormat Menteri dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, sudah pastinya kementerian yang ditinggalkan oleh Barisan Nasional dalam kerajaan yang lepas akan dipacu dan terus dipacu supaya kita dapat *foreign direct investment* (FDI) dan *domestic direct investment* (DDI) dalam keadaan yang lebih baik.

Akan tetapi Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 020700 – Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dan Butiran 050600 – InvestKL. Saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri, bagaimana program yang dibuat oleh InvestKL dan MITI yang telah memperkenalkan Program Bakat Global Malaysia (MGT) dan apakah status terkini program yang dibuat dalam Program Bakat Global Malaysia yang mana menghubungkan di antara syarikat multinasional dengan universiti-universiti Malaysia?

Bagaimana Program 2U2I dan Program CEO Fakulti dan program latihan yang dibuat? Oleh kerana apa Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagi saya yang paling pentingnya adalah kita mesti melihat bagaimana *Global Talent Competitiveness Index* (GTCI) 2019. Saya yakin inilah hasil kerajaan tempoh hari, kerana apa? Dalam laporan 2019, dalam laporan 2018 jelas menunjukkan bahawasanya bakat anak muda Malaysia khususnya, semakin dilihat semakin mempunyai kemampuan berada di mata dan di pasaran dunia. Oleh kerana apa?

Kedudukan kita pada tangga ke-27 menunjukkan satu peningkatan yang cukup baik walaupun ada sedikit pengurangan daripada tahun 2018. Akan tetapi sub-sub indeks di dalam ini telah menunjukkan bahawasanya anak-anak muda Malaysia mempunyai kemampuan berbanding dengan negara-negara seperti Korea, China, Italy dan Sepanyol.

Jadi Tuan Pengerusi, persoalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimana Program Bakat Global Malaysia ini dapat memacu supaya graduan kita ini bukan

sahaja *marketable* di dalam Malaysia tetapi mereka mempunyai kemampuan berada di peringkat global yang selalu saya sebutkan Malaysian *workers diaspora*.

Yang Berhormat Menteri, saya juga hendak menyentuh berkaitan pengukuhan perdagangan antarabangsa, Butiran 030700 – Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE). Tuan Pengerusi, saya yakin eksport halal Malaysia pada tahun 2018 menunjukkan satu nilai yang cukup besar iaitu RM40 bilion. Bagaimana Jepun menjadi negara pengeksport terbesar bagi Malaysia selepas Singapura dan China dengan nilai eksport RM2.5 bilion. Eksport utama produk halal ke Jepun, bahan makanan RM1.3 bilion, F&B RM1 bilion dan farmaseutikal RM9 juta.

■ 1200

Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, Jepun menyasarkan 40 juta pelancong sempena Olimpik mereka, dan sebahagiannya mereka menyasarkan pelancong yang beragama Islam dan 140 juta makanan diperlukan di perkampungan atlet Olimpik dan 720 hidangan makanan halal dalam bungkusan kecil disediakan sepanjang acara tersebut. Jadi, bagaimana apabila tahun 2018 MITI telah menyertai satu program yang dalam Pameran Perdagangan Antarabangsa Jepun 2018 dan bagaimana hasilnya? Adakah kita juga akan menjadi sebahagian kepada syarikat-syarikat yang akan mengeksport barang-barang halal ini ke Jepun?

Pengalaman saya berada dalam perbincangan dengan Majlis Ahli-ahli Perniagaan Jepun Malaysia melihat Jepun amat memandang tinggi halal daripada Malaysia jadi bagaimana perkara ini dapat memberi keutamaan kepada rakyat Malaysia? Tuan Pengerusi, saya juga hendak menyentuh berkaitan Butiran 00512 - Digital MATRADE. Saya yakin apa yang disebut oleh Yang Berhormat Parit Sulong tadi berkaitan dengan *Digital Free Trade Zone* merupakan satu elemen yang sepatutnya diberi penekanan secara mutlak dan khusus oleh pihak kementerian kerana inilah yang akan menyebabkan sesuatu ekonomi yang lebih baik bagi Kerajaan Malaysia.

Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan dan MITI kerana laporan *world bank* berkaitan dengan *doing business* seperti mana telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam sesi soalan jawab bahawasanya ada peningkatan daripada 15 kepada 12 di kalangan 190 negara tetapi yang menjadi persoalan saya Tuan Pengerusi adalah berkaitan dengan sub-indeksnya iaitu *trading across border* bagaimana kita lihat pada tahun 2013 Malaysia berada kedudukan yang ke-11 berbanding tahun 2010 berada di kedudukan ke-18.

Kerana apa, *trading across border* inilah yang saya sebutkan tadi berkait rapat dengan *Digital Free Trade Zone* dan akhirnya pada tahun 2020 walaupun kita ada peningkatan Yang Berhormat Timbalan Menteri dari segi *overallnya* tetapi *trading across border* tahun 2020, 49 tahun 2019 dapat 48.

Dan ini perkara-perkara yang saya risau, saya takut kita hanya melihat secara makro tetapi mikro dan sub-indeks berkaitan laporan *world bank doing business* ini tidak dilihat secara mutlak dan secara khusus dan saya harap Yang Berhormat kerana apa tahun 2013 kita mempunyai *custom clearance* nombor lima daripada 190, *a time to export* nombor 11 daripada

190, *port handling* dua daripada 190. Inilah perkara-perkara yang saya harap sangat diberi penekanan supaya apa *trading across border* ini akan memberi keyakinan.

Ini kerana kita berada dalam satu *competitive player in the new economic edge* dan kita memerlukan satu perkara yang luar daripada kotak Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mengharapkan sangat supaya DFTZ ini juga harus memberi penekanan kepada ekonomi luar bandar dan bagaimana saya hendak satu hari nanti Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya sambal hitam Makcik Hawa, Paya Besar dapat di eksport ke negara Eropah dan negara Amerika Syarikat.

Kerana apa? Kerana melalui DFTZ inilah sepatutnya inisiatif yang menyokong kepada KLIA Aeropolis yang saya sebutkan dalam kementerian semalam berkaitan dengan pengangkutan harus digunakan pakai dalam kementerian ini supaya inisiatif ini dapat diteruskan.

Yang terakhirnya Tuan Pengerusi, saya yakin kita akan menghadapi satu lagi anjakan ekonomi yang luar biasa. Tahun 1998, kita telah menghadapi satu keadaan bagaimana APEC Summit tahun 1998 walaupun ketika itu kita menghadapi satu krisis ekonomi yang cukup maha hebatnya tetapi kita berjaya melaksanakan satu persidangan dan tahun hadapan merupakan tahun kedua kita melaksanakan APEC Summit 2020.

Kita juga telah melaksanakan Yang Berhormat Timbalan Menteri ASEAN Summit 2015, jadi persoalan saya adalah kita mesti melihat apakah kesan daripada kedua-dua program ini? Dua Summit yang kita akan belanjakan RM300 juta belum lagi kita lihat di bawah kementerian-kementerian lain *the total number half billion* untuk hanya APEC Summit kalau kita lihat bajet tahun 2020 secara keseluruhan, kenapa di bawah MITI sahaja ada RM300 juta diperlukan untuk APEC Summit.

Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah sasaran APEC Summit 2020? Adakah masih sama dengan APEC Summit 1998?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Paya Besar, hendak tanya sedikit, siapakah Perdana Menteri untuk APEC Summit 2020? Ada jawapan?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Soalan yang sama.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Yang pastinya bukan Yang Berhormat Arau dan bukan Yang Berhormat Pontian. Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Paya Besar, hendak minta sedikit boleh tidak mengenai APEC Summit ini?

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Nantilah sekejap. Saya habiskan dahulu, nanti saya beri. Kerana apa Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebab APEC ini memainkan peranan yang cukup besar Tuan Pengerusi. USD48 trilion ringgit melibatkan perdagangan cukup global ini dan adakah APEC tahun 2020 nanti akan melonjakkan GDP negara? Daripada *four series* kembali kepada *five series*? Itu yang pertama.

Keduanya, saya harap sangat APEC ini juga memberi penekanan kepada e-dagang kerana apa, kita hadapi keadaan yang bukan lagi ekonomi tempatan kerana 21 buah negara

Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah pastinya kita harus melihat kepada *shared prosperity in the region*.

Adakah APEC ini kita juga hendak membawa *shared prosperity* dan yang ketiga kita juga harus melihat bagaimana keselamatan dan kesejahteraan Laut Cina Selatan ini. Kerana apa, US datang China datang, Malaysia datang dan bagaimana peranan kita dalam APEC Summit ini? Kalau kita hanya memikirkan hanya untuk membuat Summit tetapi impaknya saya hendak tengok peningkatan. Sekejap Yang Berhormat Arau.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa sudah habis Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bukan, bukan. Peraturan Mesyuarat 36(12) ini *point of order*. Sebab perkataan yang disebutkan tadi ialah *South China Sea* US datang, Amerika, Malaysia datang. Malaysia tidak datang, Malaysia tunggu. Sebab ini hak kita, perkataan datang itu tidak betul. Kita minta pembetulan. Sebab rakyat dunia akan tengok ini.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Hari lain sokong, hari ini tidak sokong pula.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Paya Besar, sila rumuskan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Saya hendak rumuskan begini Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Bagi saya APEC 2020 ini merupakan satu *event* yang ditunggu-tunggu bukan sahaja oleh Pakatan Harapan tetapi juga di pihak parti pembangkang. Kita yakin ekonomi ini adalah satu perkara yang tidak boleh dipolitikkan dan saya sebagai anak muda saya ingin melihat APEC 2020 ini memberi kesan yang cukup besar.

Akan tetapi, Yang Berhormat Timbalan Menteri bagaimana WTO? Adakah kita hari ini APEC berupaya untuk mengubah *direction* WTO? Adakah kita mampu untuk memastikan WTO mendengar soal APEC? Dua perkara yang terakhir Tuan Pengerusi, adalah bagaimana penglibatan anak muda, usahawan-usahawan anak muda dalam APEC 2020 ini? Adakah hanya diberikan kepada syarikat-syarikat multi nasional?

Adakah hanya diberikan kepada syarikat-syarikat yang mempunyai kekuatan yang mutlak tetapi tidak diberikan kepada anak-anak muda. Yang paling pentingnya adalah saya hendak tahu Yang Berhormat Timbalan Menteri di bawah MITI hari ini mesti meletakkan sasaran yang begitu jelas dan saya yakin APEC ini tidak datang dua tahun lepas dia telah difikirkan zaman Yang Berhormat Jeli menjadi Menteri lagi.

Jadi, saya mengharapkan sangat supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri APEC 2020 ini akan meningkatkan GDP negara. Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan pegawai-pegawai kerajaan terima kasih banyak-banyak.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Sungai Petani.

12.08 tgh.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya kira Yang Berhormat Arau ada peluang sebenarnya boleh mencelah sekejap lagi tanya soalan saya berikan ruang untuk Yang Berhormat Arau dan pastinya Yang Berhormat Arau...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Dengan hebatnya saya akan tanya soalan.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih. Saya melihat ada cahaya di hujung terowong Yang Berhormat Arau. Terima kasih Tuan Pengerusi sebelum itu saya bagi pihak MP Sungai Siput beliau memohon saya mengalu-alukan kehadiran Penghulu dan Ketua-ketua Kampung yang gagah *handsome* daripada Parlimen Sungai Siput seramai 50 orang. Kita mengalu-alukan Ketua-ketua Kampung dan Penghulu daripada Parlimen Sungai Siput.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Selamat datang.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Saya Ahli Parlimen Sungai Petani. Tuan Pengerusi, pertama sekalinya saya menjurus kepada Butiran 00404 - Program Daya Saing Negara. Ini ialah yang penting kerana mana-mana negara tanpa kedudukan dan kekuatan perdagangan mana mungkin negara itu boleh maju.

■1210

Oleh sebab itu persediaan sesebuah negara-negara untuk maju mestilah diperkukuhkan, bukan sahaja dengan kesediaan untuk berdagang tetapi juga daya saing. Oleh sebab itulah saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Menteri, program daya saing negara ini khususnya di bawah Butiran 00404 – Program Daya Saing Negara. Adakah kementerian ada kolaborasi dengan universiti dan juga pusat-pusat pengajian tinggi yang lain. Mana mungkin kalau kita tidak didik anak kita di bawah untuk berdagang. Tidak mungkin mereka akan menjadi pedagang yang hebat.

Oleh sebab itu Tuan Pengerusi, saya baru pulang daripada Taiwan. Bagaimana negara ini telahpun mengajar anak-anak dari kecil lagi untuk menjadi negara pedagang. Ini kerana Taiwan tahu, dia mempunyai limitasi dalam tanah. Tanahnya kecil, keadaannya agak suasana yang mengancam disebabkan oleh alam sekeliling dan juga geopolitiknya. Akan tetapi dia mengajar rakyatnya untuk menjadi daya saing dalam ilmu perdagangan.

Oleh sebab itu saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat Menteri, sejauh mana *collaboration* di antara kementerian ini dengan Kementerian Pendidikan Tinggi, universiti supaya akhirnya, bukan sahaja kementerian melihat masa kini tetapi juga masa hadapan anak-anak muda kita, khususnya yang disebut oleh Yang Berhormat Paya Besar supaya apabila mereka keluar daripada universiti, bukan sahaja ada ilmu-ilmu tertentu tetapi jiwa untuk berdagang itu masih ada. Jadi, ini suatu yang harus difikirkan.

Keduanya Tuan Pengerusi, saya juga melihat Butiran 00200 – Skim Pinjaman Mudah Digital dan Teknologi. Ini juga ada berhubungan dengan Butiran 00202 – Skim Pinjaman Mudah Automasi dan Pemodenan. Bagaimana kementerian mengambil inisiatif untuk *collaborate* dengan kementerian-kementerian lain yang menghadapi masalah *labor* sekarang ini contohnya. Kita lihat di FELDA-FELDA, saban tahun menjerit-jerit kerana tidak cukunya orang hendak

bekerja di ladang-ladang kita. Kita melihat bagaimana hasil-hasil yang kita keluarkan daripada ladang-ladang kita terbiar dan rugi kerana kita tidak mempunyai tenaga untuk menyelesaikan masalah *harvest*.

Oleh sebab itu, harus ada satu pemikiran di luar kotak. Memikirkan bagaimana *automation should coming by now*. Tidak mungkin sebuah negara yang mengeluarkan minyak kelapa sawit yang begitu hebat, tiba-tiba kita bergantung kepada *chip labor*. Harus ada tindakan untuk memperkenalkan mesin-mesin baru dan saya kira di sinilah kerajaan, khususnya kementerian ini melihat bagaimana peruntukan yang lebih dengan memberikan juga peluang-peluang kepada anak-anak muda untuk menjadi inovatif dengan memperkenalkan pertandingan-pertandingan contohnya.

Buka pertandingan-pertandingan di peringkat universiti-universiti ataupun di kolej-kolej. Siapakah yang boleh menyelesaikan masalah petikan buah kelapa sawit contohnya. Jadi, saya kira waktunya telah tiba, kerajaan khususnya kementerian ini mengambil daya yang lebih penting untuk memperkenalkan mesin-mesin yang amat-amat diperlukan oleh kementerian-kementerian yang lain, khususnya petani-petani kita di ladang-ladang.

Seterusnya Tuan Pengerusi ialah tentang Butiran 050500 – SIRIM Berhad. Saya melihat SIRIM mempunyai kehebatan yang lama, SIRIM mempunyai kekuatan, bukan sahaja anggota-anggotanya, *researcher-researcher* dan juga SIRIM mempunyai pakar-pakar. Sekarang ini difahamkan bahawa SIRIM agak *independent* menjadi sebuah organisasi berhad yang mesti mencari dana sendiri untuk terus daya saing. Saya melihat dengan sistem solar yang diperkenalkan dalam dunia sekarang ini, SIRIM memang ada tanggungjawab untuk memberikan *license* dan juga *approval authority* untuk mengeluarkan lesen-lesen dan juga pensijilan kepada pihak-pihak yang memperkenalkan solar.

Saya melihat bahawa saya mencadangkan, SIRIM juga harus mengambil inisiatif bukan sahaja dia memberikan pensijilan kepada orang lain tetapi dia sendiri. SIRIM sendiri kena bangun dan menjadi *champion* kepada industri ini. SIRIM sendiri kena jadi daya saing dan bukan sahaja menjadi organisasi yang mengeluarkan lesen ataupun pensijilan tetapi SIRIM sendiri harus *collaborate* dengan pihak-pihak tertentu supaya akhirnya SIRIM hendaklah menjadi sebuah organisasi yang saya melihat menjadi *champion* kepada industri solar ini di Malaysia.

Saya yakin, ini menjadi suatu yang *in house*. Bukan sahaja dia ada kepakaran, tetapi juga dengan konteksnya, dengan kedudukan dia dalam kerajaan, saya yakin industri solar ini boleh menjadi satu industri yang *dichampionkan* oleh SIRIM. Tidak payah kita lepas ini membuka tender yang besar-besar untuk kita menjemput syarikat-syarikat besar untuk melabur di negara kita dalam industri ini.

Sekarang ini kita terpaksa membuka tender-tender dan menjemput syarikat-syarikat besar untuk melabur. Ini menyaksikan bagaimana kita akan hilang kedudukan kita dari segi kewangan dan *foreign exchange*. Saya mencadangkan supaya SIRIM lebih jitu dalam isu ini, melihat bagaimana peluang yang ada di dalam diri mereka sebagai satu organisasi dan akhirnya menjadi juara dalam industri ini.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya hendak pergi Butiran 040200 – Ekonomi Digital. Seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Paya Besar, Paya Besar, *sorry*, Paya Lebar pula.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Ini Peraturan Mesyuarat 36(6) ini.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Ya, ya, ya. Kadang-kadang, tempat saya juga ada nama Paya Lebar, tetapi ini Paya besar. Tuan Pengerusi, makcik-makcik kita di kampung, orang kampung kita bila sebut masakan, memang khususnya orang Melayu, orang India dan orang China, kita mempunyai kepakaran dalam memasak. Cumanya bagaimana kita hendak *market* industri kita ini *problem*. Sebagai contoh, di tempat saya ada satu nama Sate Semeling. Jikalau orang kedah dia *tau* Sate Semeling. Sate dia bukan sahaja murah Yang Berhormat Arau tetapi juga sedap. Secucuk Sate Semeling harganya 60 sen dan isinya memang sedap Tuan Pengerusi, kuah dia 'A'.

Jikalau hari hujung minggu Jumaat, Sabtu dan Ahad Tuan Pengerusi kena *booking* selama sejam tempat duduk, punya ramai orang. Akan tetapi saya tanya dia, kalaulah ada orang hendak order daripada Korea contohnya hendak makan, bolehkah *you supply*? Dia kata tidak boleh buat, saya ada banyak ini, saya ada kekuatan sebanyak ini sahaja. Maknanya industri yang hebat ini tidak ada orang bantu dia, macam mana hendak eksport, itu yang pertama.

Orang di sebelah Sungai Petani dan utara tahulah tetapi orang Johor tidak tahu, orang Pontian tidak tahu, orang Jasin tidak tahu. Ini bermakna, dia tidak ada maklumat.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Dia tidak ada maklumat, apa entah lagi Tanjong Piai, lagi tidak tahu. Yang Berhormat Tanjong Piai.

Datuk Seri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Tidak tahu, tetapi...

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tidak tahu langsung.

Datuk Seri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: ...Tanjong Piai ada banyak juga produk yang boleh dipromotekan.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tidak mengapa yang 15,000 itu kita bagi sate dekat *depa*. Jadi Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, saya tahu dan saya akan pergi minggu ini untuk makan sate berkenaan. Ramai kawan-kawan saya daripada Perlis sampai dinihari akan pergi sana. Jadi, Yang Berhormat di samping Yang Berhormat bercakap itu, apakah cadangan yang lebih khusus bagaimana hendak *promote* sate ini yang pada masa sekarang ini, saya rasa di antara yang paling popular di negara ini, nombor satu.

Nombor dua, siapakah Menteri Besar Kedah semasa APEC akan diadakan dan siapakah Perdana Menteri semasa APEC akan diadakan. Oleh sebab masa sudah habis Yang Berhormat.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tadi dua orang ditanya, Yang Berhormat Pontian dan Yang Berhormat Arau. Akan tetapi saya ingat Yang Berhormat Arau ini ada '*cahaya di hujung tanduk*'. Bukan di terowong, cahaya di hujung tanduk Yang Berhormat Arau. *Insyallah* kita pertahankan itu Yang Berhormat Arau.

Begini Yang Berhormat Arau, perlahan-lahan dia makin kecil. Begini, isunya Tuan Pengerusi kalau sekiranya kita memperkenalkan DNA23, maknanya sekarang ini harus ada satu kegiatan yang luas. Di mana orang-orang kampung boleh *start networking* mereka melalui DNA23 ini. Maknanya *digitalization* ini penting.

■1220

Oleh sebab itu, walaupun makcik ini tidak tahu tetapi sekurang-kurangnya anak dia, menantu dia atau anak menakan dia tahu bagaimana hendak market, bagaimana hendak gunakan *digitalization* ini. Macam mana kita hendak *digitalize* kan? Maknanya, orang- di sate itu, nama At Satay Semeling. Mungkin, selepas ini Yang Berhormat Arau kita akan bagi dia gedung yang besar. Yang Berhormat Menteri Besar akan bagi gedung yang besar- dia buat sate sahaja. Kita akan nasihatkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar- dia buat sate sahaja. Mungkin juga ada 1,000 orang yang akan menjadi penjual, apabila mereka membeli sate mentah daripada dia.

Begitu juga dengan laksa... [Disampuk]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kalau Yang Berhormat Sungai Petani jadi Menteri Besar, apa Yang Berhormat hendak buat?

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Tetap kita buat yang itu. Itu pasti.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, *thank you*.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Jadi, isunya Tuan Pengerusi- saya nak habis dah Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, tolong rumuskan.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Harus ada program *digitalization*. Program ini bukan sahaja berhenti di kementerian ini, tetapi kementerian ini harus kolaborasi dengan kementerian-kementerian lain khususnya Kementerian Pendidikan. Untuk itu, saya ucapkan terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Arau. Dia kompelin selalu dapat lima minit, tetapi sekarang... [Disampuk] Sekarang bersedia, saya panggil Yang Berhormat Arau, 10 minit.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Dia belum sedia, saya sudah sedia.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Pendang dululah, Pendang tadi- bagi Pendang dulu.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Pontian sudah sedia, nama pun nombor tiga.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, sekejap.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Saya- *turn* Pendang, lah.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kalau ikut senarai saya ingin menjemput Yang Berhormat Kuala Terengganu.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Eh, tidak. Pendang dulu. Pendang tadi sudah terlepas.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sebab tadi tidak ada?

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Ha, Pendang dulu.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya jemput Yang Berhormat Pendang.

12.21 tgh.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Okey, baik terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]: Tuan Pengerusi, sebelum itu saya ingin meraikan kehadiran UMNO daripada Parlimen Hang Tuah Jaya... [Tepuk]

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih. Saya rasa sedih pagi ini kita bawa satu usul untuk kita bincang bagi rakyat Malaysia semua tahu kesengsaraan saudara kita di Palestin dibincangkan di Kamar Khas. Jadi, kita semua tidak dapat membincangkan dengan penuh tawaduk.

Jadi, saya hendak pergi kepada peruntukan Butiran 30400 – Dasar dan Rundingan Pelbagai Hala.

Tuan Pengerusi, Malaysia menandatangani dokumen *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership* (CPTPP) pada 8 Mac 2018, di Santiago, Chile. Tindakan itu menunjukkan bahawa Malaysia bersetuju dengan hasil perundingan dengan negara anggota. Walau bagaimanapun, saya difahamkan Malaysia masih belum meratifikasikan CPTPP sehingga ke hari ini. Mengapa Malaysia belum meratifikasikan CPTPP? Apakah *suspended provision* yang masih dipertimbangkan? Kalau ICERD kita cepat, tapi yang ini kita lambat.

Selain CPTPP, satu lagi perjanjian perdagangan yang masih belum disepakati antara negara anggota ialah *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP). RCEP dibantahi oleh pelbagai NGO kerana banyak inti pati perjanjian masih tidak jelas. RCEP dan CPTPP tidak mengadakan rundingan dengan pelbagai pemegang taruh. Walhal, inti pati kandungannya banyak menyentuh tentang perusahaan kecil dan sederhana- seperti mana yang disebutkan oleh sate Yang Berhormat Sungai Petani tadi, iaitu industri kecil dan sederhana di bawah syarikat milik negara yang dikategorikan sebagai *domestic direct investment* (DDI). Ini juga memberikan perolehan kerajaan dalam peruntukan perundangan negara.

Isu yang seterusnya yang masih dalam butiran yang sama iaitu mengenai langkah-langkah remedi atau pemulihan perdagangan yang terdiri daripada antilambakan, timbal balas dan perlindungan. Saya ingin mendapatkan penjelasan dari kementerian, setakat ini berapa kes yang telah disiasat di bawah langkah remedi perdagangan sepanjang lima tahun ke belakang ini?

Apakah perkembangan kes penyiasatan isu lambakan keluaran keluli yang dikenakan terhadap negara Indonesia, Thailand dan Singapura?

Saya hendak teruskan kepada Butiran 030300. Pada bulan Ogos 2018, Yang Berhormat Menteri telah mengadakan pertemuan dengan Menteri Perdagangan dan Menteri Desa, Pembangunan Daerah Tertinggal, dan Transmigrasi Indonesia.

Selain daripada isu berkaitan, akses perdagangan minyak sawit, kerajaan juga telah menandatangani memorandum perjanjian antara institut automatif robotik dan IOT Malaysia dengan Institut Automatif Malaysia. Apakah hasil kerjasama yang telah dijalinkan untuk membangunkan industri automatif dengan Indonesia ini? Adakah termasuk kereta terbang yang akan dilancarkan besok.

Seterusnya, Butiran 40100 – Dasar Pelaburan dan Fleksibiliti Perdagangan. Dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas, telah mengatakan bahawa kerajaan sedang berusaha untuk menggalakkan lebih banyak pelaburan berkualiti khususnya *domestic direct investment*. Saya sebut tadi, salah satunya sate. Supaya menjadi penampan kepada pertumbuhan ekonomi.

Saya ingin mendapatkan penjelasan, adakah pihak kementerian telah menjalankan kajian semula ke atas dasar pelaburan termasuk insentif dan percukaian? Apa yang kita sebut DDI ini bukan apa, DDI ini bukan kita- selain daripada kita guna untuk *domestic used* ataupun penggunaan domestik, tetapi kita hendak lebarkan kepada luar sempadan Malaysia, di pasaran antarabangsa- domestik DDI ini.

Bukan sahaja kita melihat di dalam pasaran tempatan, tetapi barangan yang dikeluarkan dalam DDI ini boleh bersaing di pasaran antarabangsa. Kita melibatkan banyak dalam *exhibition* ataupun pameran-pameran di peringkat antarabangsa di negara-negara yang mempunyai *heavy industry* dan sebagainya.

Jadi, kita ingat yang ini kajian semula kata dasar pelaburan termasuk insentif dan percukaian supaya dibuat semula. Apakah langkah-langkah penambahbaikan yang telah dan akan diambil terutamanya melibatkan *Promotion of Investments Act 1986*, dan *Income Tax Act 1967*?

Seterusnya saya hendak pergi kepada Butiran 040100 – Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia. Ini adalah *marketing arm for the Malaysia*. Ini penting. MIDA ini penting. Peruntukan kita rasa kerajaan kalau boleh tambah lagi. Ini kerana mereka inilah yang hendak memperkenalkan negara kita Malaysia di antarabangsa terutamanya dalam peringkat kita sedang membangun *heavy industry*, nak buat kapal terbang, nak buat kereta terbang dan sebagainya termasuk kompres-kompres yang melibatkan *shippings*.

Ini juga kita perlu belajar daripada negara-negara yang telah lama dalam *heavy industry* seperti German, Jepun dan sebagainya. Malaysia mesti menyertai pameran-pameran yang dianjurkan seperti mana yang berlaku di *Messe Exhibition* di Frankfurt yang saban tahun diadakan oleh German untuk mereka berkongsi pengalaman *heavy industry* dengan negara-negara yang akan ke arah *heavy industry*.

Saya mengucapkan tahniah kepada MIDA kerana telah dianugerahkan sebagai *Top Investment Promotion Agency 2019*, bagi kategori Asia Pasifik Nasional oleh *media business* antarabangsa, *Side Selection* pada bulan Ogos yang lalu.

Saya juga mahu mengucapkan tahniah di atas inisiatif menarik yang telah diambil oleh MIDA tahun lalu dengan pelancaran Portal i-Insentif yang memaparkan pelbagai maklumat

insentif kerajaan kepada pelabur untuk membuat keputusan yang bijak. MIDA ini menarik FDI, menarik pelabur-pelabur dari luar negara masuk ke dalam negara Malaysia. Ini juga memberikan peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

Kedua, pelaburan ini akan memberikan keuntungan yang besar kepada negara daripada segi pembayaran cukai, duti eksport, pelabuhan dan sebagainya. Kita boleh dapat banyak manfaat.

Jadi, kerajaan perlu diuar-uarkan insentif yang ada dalam negara industri estet, berapa? Apa yang telah kita sediakan? *Toxic waste* yang kita letakkan kriterianya termasuklah kita menyediakan tempat untuk mereka- tidak ada kesan langsung apabila berlaku *electric failure* atau sebagainya. Ini kerana kita memberikan jaminan- TNB sudah menyediakan satu substesen khusus bagi mereka melakukan keyakinan membawa pelabur masuk ke dalam negara. Begitu juga *water supply, oil and gas*, semua ini kita sediakan kepada pelabur-pelabur meyakinkan mereka bahawa Malaysia adalah negara yang aman untuk mereka melabur dan berniaga.

Begitu juga dengan undang-undang negara. Bila berlaku apa-apa krisis undang-undang di antara kerajaan dengan pelabur-pelabur ini, pihak kerajaan, pihak undang-undang tidak menyebelahi mana-mana. Ini juga integriti yang meyakinkan pelabur. Perlu kita tekankan. Oleh sebab itu kita selalu bercakap, undang-undang mesti dipertekankan, dipertahankan, tidak melibatkan mana-mana pihak ataupun *bias tendency* kepada mana-mana pihak sekiranya apa berlaku...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Pendang?

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Ya, silakan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Antara punca utama pelabur datang ke Malaysia ini ialah kerana kestabilan politik. Adakah Yang Berhormat Pendang melihat Malaysia sekarang ini stabil politiknya?

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Saya dapat maklumat, setakat ini pelaburan kita tidak begitu menggembirakan, dibandingkan dengan tahun-tahun yang lepas sebab saya juga terlibat banyak juga dengan pelaburan FDI ini. Jadi saya boleh bagi satu perbandingan.

■1230

Jadi, dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pontian ini, bermakna kestabilan politik itu penting. Janganlah kita melihat kepada dunia bahawa kita ini sedang merebut jawatan. Tidak memikirkan ekonomi negara dan kita juga terlibat ekonomi negara-negara di luar sana. Kita ada kaitan terus dalam import eksport. Jadi, kita perlu memberi satu gambaran bahawa negara kita mempunyai undang-undang yang sangat tidak memihak kepada mana-mana pihak. Begitu juga, dengan kestabilan politik, ini penting kerana inilah menunjukkan keyakinan kepada pelabur-pelabur untuk melabur ke dalam negara kita, Malaysia.

Selain itu, saya juga ingin bertanya, berdasarkan unjuran sebanyak RM56.75 bilion daripada nilai pelaburan langsung asing pada tahun 2020, mohon pihak kementerian memperincikan destinasi pelaburan mengikut sektor dan negeri. Apakah sektor yang akan

diberikan tumpuan utama? Ini pun hendak kena *classify*, hendak kena *justify*. Fokus yang mana industri kita hendak tarik pelabur juga perlu dijelaskan.

Setakat ini berapakah jumlah projek dalam *pipeline* yang telah disasarkan oleh MIDA serta nilainya? Ini sebab MIDA ini tidak ada persaingan dan ia merupakan *marketing* am kepada kerajaan Malaysia. Jadi, kita kena bantu mereka sebaik mungkin. Jadi, bila mereka buat peruntukan untuk *exhibition*, memperkenalkan Malaysia di luar negara, kita mesti Ahli-ahli Parlimen dan juga kerajaan menyokong *marketing* am yang ada dan ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia.

Seterusnya, yang terakhir, Butiran 060100 – Persidangan APEC 2020. Saya minta sedikit lagi Tuan Pengerusi. APEC 2020 adalah satu persidangan penting selepas *Bogor Goals* pada tahun 1994 yang menyasarkan pelaburan serta perdagangan terbuka pada tahun 2020. Hal ini bermakna satu *Putrajaya Goals* akan direncanakan untuk masa hadapan ekonomi rantau Asia Pasifik. APEC harus menjadi platform yang bukan hanya membincangkan soal liberalisasi perdagangan sahaja sebaliknya perlu menumpukan kepada nilai teras sosioekonomi dalam kalangan rakyat terutamanya untuk meningkatkan taraf hidup rakyat yang semakin luas jurang pendapatannya.

Justeru, saya ingin minta penjelasan daripada kementerian, apakah fokus yang akan menjadi teras persidangan ini? Sejauh manakah persiapan yang dibuat untuk menyambut ketibaan lebih kurang 16,000 delegasi daripada seluruh dunia ini? Apakah rancangan kementerian supaya industri dan sektor lain boleh mengambil peluang dan manfaat daripada *spillover* persidangan ini ataupun limpahan daripada persidangan ini terutama yang melibatkan keunikan Malaysia. Inilah yang kita hendak kena tampilkan apa-apa yang unik di Malaysia.

Last sekali, adakah kementerian bersetuju agar kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini, perlu di dokong kuat oleh seluruh Ahli Parlimen supaya dapat menjamin kestabilan politik menjelang persidangan pada tahun ini. Sekian, terima kasih...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih beri peluang pada saya untuk berucap.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tebrau. Kemudian, diikuti Yang Berhormat Pontian.

12.33 tgh.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Pengerusi yang mengizinkan saya untuk menyertai perbahasan bagi maksud Bekalan 24. Saya cuma ada satu butiran yang saya ingin membahaskan iaitu Butiran 040100 – Dasar Pelaburan dan Fasilitasi Perdagangan.

Tuan Pengerusi, saya ingin merakamkan tahniah kepada usaha kerajaan khususnya MITI yang telah berjaya menarik pelaburan asing masuk ke tanah air kita. Peningkatan pelaburan

mencatatkan hampir RM22 bilion dalam suku satu tahun 2019, berbanding dengan hampir RM11 bilion pada tahun 2018 pada suku satu yang sama. Walaupun kita bersyukur atas usaha Kerajaan PH yang sudah berhasil, akan tetapi, banyak kelemahan yang masih wujud di dalam pelaksanaan dan juga pengurusan di semua peringkat dalam jabatan dan juga agensi kerajaan yang menyusahkan pelabur-pelabur asing.

Tuan Pengerusi, pelabur-pelabur asing menghadapi masalah-masalah seperti ini. Banyak pelabur-pelabur asing yang masuk sini kena mohon untuk mendapatkan kelulusan seperti *manufacturing license*, dengan izin dan juga untuk memohon semua insentif cukai yang kena diluluskan oleh MIDA dan juga jawatan *expatriate* yang telah mengambil masa yang terlalu panjang. Walaupun dalam SOP MIDA, mereka berhasrat untuk memproses ini dalam masa dua hingga tiga bulan. Akan tetapi, saya dimaklumkan oleh pelanggan-pelanggan saya sebagai seorang *accountant* yang masih ada firma audit, ada yang sudah mengalami masa yang panjang selama sembilan bulan hingga 12 bulan, ya. Jadi, ini kena diselesaikan oleh MIDA untuk memastikan Malaysia tetap akan jadi satu tempat pelabur yang baik untuk mereka di sini...

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Baik, hendak buat pencilahan, Tuan Pengerusi. Boleh?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Pasir Salak, sila.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih. Yang Berhormat Tebrau meluahkan perasaan tentang kelembapan FDI yang masuk ke dalam negara kita ini. Ini agak bertentangan dengan apa yang dilaporkan oleh Menteri Kewangan semasa pembentangan bajet tempoh hari, Tuan Pengerusi. Yang mana beliau berkata, FDI RM40 bilion *increase*, naik sampai lebih daripada 50 peratus. Jadi, betul kah laporan yang diberikan Kementerian Kewangan ini?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kalau kita mendengar dengan apa yang diluahkan oleh Yang Berhormat Tebrau tadi. Saya sendiri mempunyai maklumat juga bahawa sekarang ini pelabur asing sudah hilang kepercayaan kerajaan Malaysia terutama kepimpinan Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir yang *flip-flopped, flip-flopped*. Dasar yang *flip-flop*. Ini sudah menghilangkan keyakinan mereka untuk melabur di dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih. Sila, Yang Berhormat Tebrau.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Itu adalah soalan untuk Menteri Kewangan ya. Saya teruskan dengan perbincangan saya.

Pelabur-pelabur asing juga mengalami masalah untuk mendapatkan CCC kerana untuk mendapatkan CCC untuk kilang mereka, mereka harus mendapatkan kelulusan dari semua jabatan seperti bomba, DOSH dengan izin dan juga majlis. Kalau mereka ingin memohonkan untuk dapat pemudahan daripada *customs*, itu adalah *Licensed Manufacturing Warehouse*

(LMW), dengan izin. Itu pun mesti dapat semua kelulusan pihak kerajaan sebelum mereka boleh dapat pemudahan, kemudahan LMW.

Jadi, ini akan melambatkan pelaksanaan perancangan mereka untuk mempercepat pengeluaran pengilangan mereka. Jadi, ini akan menambahkan kos pengilangan mereka. Jadi, ini kena diambil perhatian oleh Kerajaan PH, kalau kita mahu terus menjadikan Malaysia sebagai satu tempat yang akan dipilih oleh pelabur-pelabur asing di rantau Asia ini.

■1240

Jadi, ada lagi dalam segi tenaga kerja, mereka pun mengalami kesusahan untuk mendapatkan pekerja yang mahir yang sesuai untuk industri-industri mereka. Jadi walaupun apa yang saya sentuh punya adalah masalah yang ada hubung kait dengan beberapa kementerian, tetapi saya berharap ini dapat diselesaikan dan inisiatif kena diambil oleh MITI khususnya untuk duduk bersama dengan semua kementerian termasuk pihak berkuasa tempatan untuk memastikan semua masalah-masalah yang akan mengecewakan pelabur-pelabur asing untuk memilih Malaysia tidak berlaku lagi.

Saya berharap dengan usaha-usaha yang akan diambil, Malaysia akan terus menjadi sebuah negara yang adalah utama untuk mereka melabur. Itu sahaja dari saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pontian, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Kuala Terengganu.

12.41 tgh.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tuan Pengerusi, Butiran 00201 – Program Pembangunan Industri Automotif. Saya ingin tahu kepada kementerian bilakah pelancaran Dasar Automotif Negara akan diteruskan dengan kaedah baharu? *Approved permit* ini, berapa syarikat lama dan berapa jumlah AP yang diperolehi dan berapa syarikat baharu dan berapa jumlah AP yang diperolehi.

Dato' Sri Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Silakan Yang Berhormat Kinabatangan. Sila.

Dato' Sri Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Yang Berhormat Pontian, apakah Yang Berhormat juga mungkin ingin bertanya kepada Menteri dan kementerian iaitu apakah kementerian MITI ini akan menyahut cabaran Menteri Pembangunan Usahawan iaitu untuk mempromosi kereta terbang. Walaupun kita tahu bahawa yang akan dilancarkan esok ini bukan kereta terbang, iaitu *drone* tetapi apakah AP akan dikeluarkan untuk import kereta terbang ini pula.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Adakah Yang Berhormat Kinabatangan minat untuk dapat AP kereta terbang?

Dato' Sri Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Saya— kalau ada peluang, saya pun mahu.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya juga ingin mengesyorkan supaya ada *approved permit* untuk kereta terbang itu. Akan tetapi apabila yang kita lihat di media sosial, apa yang disebut semalam dan hari ini, tayarnya tidak ada ya, bererti itu bukan kereta. Ia hanyalah mini helikopter ataupun *drone* yang besar.

Kosnya berapa? Mungkin RM1.5 juta— hari itu Menteri sebut RM1.5 juta kereta terbang. Cuba kita tanya rakyat kita yang hadir di situ, siapa boleh beli kereta terbang RM1.5 juta? Tak ada seorang pun, kecuali seorang dua agaknya.

Perkara seterusnya, Butiran 03000. Semalam saya bertanya kepada Timbalan Menteri, tetapi Timbalan Menteri nampak macam tak ada jawapan yang tepat. Saya menyebut bahawa bulan September tahun ini diumumkan bahawa eksport menurun 6.8 peratus kepada RM77.7 bilion. Import pula meningkat 2.4 peratus kepada RM69.4 bilion. Dalam kaedah ekonomi, kalau eksport menurun, import meningkat, ia tidak bagus untuk ekonomi kita. Apa yang peliknya apabila ringgit jatuh, sepatutnya eksport meningkat. Apabila ringgit jatuh, sepatutnya import menurun. Akan tetapi apa yang berlaku di Malaysia ini terbalik. Ini yang saya inginkan jawapan yang teliti.

Semalam Timbalan Menteri sebut perang dagang US-China. Ini sentiasa dijadikan alasan. Bukankah alasannya ada juga berlaku dalam negara kita sendiri? Sebagai contoh, saya ingin tahu. Jika dahulu GST tidak dikenakan kepada eksport, tetapi sekarang SST dikenakan kepada eksport yang menyebabkan eksport kita akan menjadi lebih mahal dan ada sedikit kesukaran untuk kita mengeksport barangan kita ke luar negara.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Pontian, saya nak minta pandangan Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya. Ringkaskan Yang Berhormat Paya Besar.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Ringkas sangat. Berkaitan dengan perang dagang di antara US dengan China. Jawapan daripada Yang Berhormat Menteri adalah Menteri selalu jadikan alasan ini sebagai alasan menyebabkan kita punya masalah dari segi *foreign direct investment*. Akan tetapi bagaimana Yang Berhormat Pontian melihat negara-negara jiran kita tidak hadapi masalah. Mereka menggunakan ini sebagai satu peluang untuk meningkatkan FDI mereka.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya juga diberitahu oleh Yang Amat Berhormat Langkawi— kita diberitahu bahawa perang dagang US-China boleh menguntungkan Malaysia. Saya hendak tahu apa untungnya perang dagang itu apabila berlaku penurunan eksport dan peningkatan import. Walhal Yang Amat Berhormat Langkawi menyebut bahawa perang dagang itu akan menguntungkan Malaysia. Ya, Yang Berhormat Kinabatangan sekali lagi.

Dato' Sri Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Berhubung dengan perang dagang. Selepas China dan US berhadapan dengan krisis perang dagangan ini, sekarang ini Malaysia dengan India pula nampaknya kita akan ada krisis perang dagangan ini. Contohnya India akan memberhentikan pembelian minyak sawit. Apa komen Yang Berhormat?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, itu dalam Butiran 030400 – *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) atau Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau, 15 negara iaitu 10 campur lima. China, Jepun, Korea Selatan, Australia, New Zealand tetapi India menarik diri daripada RCEP ini. Saya ingin tahu Timbalan Menteri kenapa India menarik diri? Sejumlah 1.3 bilion ekonomi menarik diri daripada RCEP. Adakah India mengatakan bahawa dia jejas *industry domestic*. Adakah RCEP juga akan menjejaskan industri domestik kita? Itu yang saya tanya. Dilancarkan pada tahun 2012, sudah 30 pusingan rundingan. Sepatutnya dimuktamadkan tahun hadapan tetapi apabila India menarik diri, ia adalah satu tanda yang tidak baik kepada RCEP. Ini mengenai rundingan pelbagai hala, Butiran 030400.

Mengenai Butiran 030700 – MATRADE. Ada lebih kurang 40 cawangan MATRADE di luar negara dan saya ingin mencadangkan supaya mereka perlu menjual produk berasaskan industri utama negara kita. MATRADE di luar negara perlu menjual dan berusaha untuk memasarkan sawit, getah, lada hitam, kenaf, Musang King dan produk-produk seumpamanya supaya laku di luar negara, terutamanya sawit yang ada 650,000 pekebun kecil di seluruh Malaysia. Di antara kekalahan besar PH di Tanjong Piai ialah kerana harga sawit. Di Tanjong Piai itu ramai pekebun sawit dan mereka dukacita terhadap harga sawit.

Perkara seterusnya Butiran 040300 – MIDA. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri apa insentif-insentif cukai bagi sektor produk halal, setakat mana kejayaannya. Insentif cukai sektor pertanian, setakat mana kejayaannya? Insentif cukai penggunaan biojisim sawit, kalau betul ada dan berapa banyak biojisim sawit ini ada insentif cukai, maka ada kilang-kilang yang akan membolehkan harga sawit akan meningkat.

Dato' Sri Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Boleh sedikit?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sekali lagi?

Dato' Sri Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]: Produk halal. Yang Berhormat Pontian, sedarkah Yang Berhormat bahawa *demand* untuk produk halal ini seluruh dunia mencecah hampir *seven trillion*? Jadi berapakah Yang Berhormat rasakan yang Malaysia boleh manfaat dengan *market demand* yang berlaku pada hari ini?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Kita sepatutnya menjadi negara yang terkemuka dalam produk halal. Namun kelihatan negara-negara lain begitu juga pantas untuk mengeluarkan produk-produk halal ini terutama Indonesia. Walau bagaimanapun, negara-negara sekitar ASEAN ini belajar daripada Malaysia untuk *certification* dan juga mengeluarkan produk halal dan seterusnya perkara ini patutnya ditumpukan.

Saya ingin bertanya insentif untuk membuka kilang di luar bandar. Berapa kilang yang mendapat insentif itu di kawasan Parlimen Pontian dan sebelah Pontian ada Sedenak Industrial Park. Saya ingin perkembangan tentang Sedenak Industrial Park.

APEC 2020 ini, Butiran 060100 diperuntukkan RM300 juta. Saya ingin Timbalan Menteri menyatakan 30 faedah, satu faedah RM10 juta, 30 faedah APEC ini. Apa dia faedah APEC ini sampai RM300 juta untuk satu persidangan? Saya hendak tahu syarikat mana yang dapat ini? Kontraktor yang dapat tender terbuka kah, runding terus? Nyatakan atur cara, agenda utama

yang dilaksana. Saya tahu *shared prosperity* iaitu kemakmuran bersama sebagai temanya. Sebanyak 16,000 perwakilan sebagaimana yang Yang Berhormat Pendang sebut tadi. Akan tetapi perkara yang utama ialah apa dia keutamaan yang kita dapat daripada sidang APEC ini dalam bentuk nilai ringgit, apa dia supaya RM300 juta itu tidak sia-sia. Sebagaimana Yang Berhormat Paya Besar sebut tadi, ada penglibatan kementerian-kementerian lain. Kemungkinan dia sampai setengah bilion untuk satu persidangan. Angka yang cukup besar. Bayangkan kalau setengah bilion itu boleh diguna untuk orang-orang kampung. Tentunya banyak faedah.

Kemudian, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC). Berapa peningkatan produktiviti Malaysia dibandingkan negara-negara lain yang dalam dunia? Konsep produktiviti ini perlu diperluaskan. Antaranya...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Pontian, ada sedikit sahaja.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sila, Yang Berhormat Jasin.

■1250

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]: Tentang APEC tadi, ini sebenarnya kali kedua Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah menjadi tuan rumah. Saya tidak terperanjat kalau duit perbelanjaan yang diperuntukkan dekat setengah bilion. Mungkin dia hendak tunjuk kepada dunia luar seolah-olah dia itu hebat. Apa pendapat Yang Berhormat Pontian?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Begitulah lebih kurang, kali pertama 1998, ini kali kedua. Akan tetapi Yang Berhormat Port Dickson menyatakan bahawa dia hendak menjadi Perdana Menteri bulan Mei tahun 2020, APEC Disember, November. Saya tidak tahulah apa yang akan berlaku, siapa akan jadi Perdana Menteri pun masih lagi menjadi tanda tanya pada ketika itu.

Dana projek berimpak tinggi diturunkan daripada RM379 juta kepada RM250 juta, kenapa diturunkan ini? Kemudian apa yang akan berlaku kepada projek aeroangkasa sebagai satu contoh projek berimpak tinggi apabila kategori dua kepada penerbangan Malaysia dan *safety aviation* Malaysia ini. Apa akan terjadi?

Kemudian Dasar Nasional Industri 4.0 ini, RM43 juta ini, katanya baru 600 buah syarikat. Jumlahnya ini terlalu sedikit 600 buah syarikat. Saya ingin menyatakan, Timbalan Menteri nyatakan program-program untuk PKS luar bandar.

Perkara seterusnya eTrade. Kita ada Go-eCommerce.my. Pada zaman Barisan Nasional, kita telah lancar iaitu satu platform untuk usahawan-usahawan memasarkan dan belajar bagaimana melakukan *e-commerce*. Setakat ini 183,290 usahawan telah belajar dalam Go-eCommerce.my. Saya ingin tahu perkembangan seterusnya? Apakah portal antarabangsa yang dibuat di Malaysia — sebesar Amazon, Ali Baba memanglah kita tidak ada, kita ada contoh Fashion Valet, Lelong.com, Aladdin. Ini semua patut dibantu supaya usahawan-usahawan yang lain boleh menumpang di situ dan memasarkan produk mereka. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Pontian. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Bagan Serai.

12.52 tgh.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Maksud P.24, Butiran 00201 — Program Pembangunan Industri Automotif dan juga Butiran 50000 — Dasar Nasional Industri 4.0.

Saya ingin bercakap tentang projek kereta nasional Proton. MITI telah membantu memberikan 30,000 AP untuk kereta X70, ini satu perkembangan yang baik. Jadi isu yang saya hendak cakap, kebelakangan ini berkenaan dengan penggabungan Geely China. Ramai pengedar bumiputera yang terpaksa tutup kedai, gulung tikar disebabkan polisi yang memaksa *dealers* ini daripada memberikan perkhidmatan 1S kepada 3S ataupun daripada mereka yang memberikan khidmat hanya menjual kepada khidmat menjual servis dan juga menyediakan *spare part*.

Apa yang jelasnya ialah 1S ini memerlukan modal yang kecil, sedangkan 3S ini mungkin memerlukan modal RM3 juta, RM4 juta, ataupun RM5 juta, RM6 juta dan kebanyakannya *dealers* bumiputera mungkin tidak mampu, tidak ada kemampuan ini, Jadi sebab ini, kes ini saya rasa MITI patut membantu golongan bumiputera supaya jangan ada yang pupus.

Jadi persoalannya, saya ingin bertanya berapa banyakkah *dealers* bumiputera yang sudah tutup ataupun gulung tikar ini? Apakah langkah yang akan diambil oleh MITI untuk membantu bumiputera meneruskan perjuangan mereka dalam industri automatif ini? Jangan tutup, ini yang kita hendak ini. Saya mengharapkan sangat dasar kereta nasional ini mesti mengambil kira penyertaan daripada golongan bumiputera dapat diteruskan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, saya jemput Yang Berhormat Jasin.

12.54 tgh.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]: Terima kasih, Tuan Pengerusi bagi saya peluang. Pertamanya, saya pergi kepada Butiran 030200 — penyelesaian pertikaian — Hubungan Perdagangan dan Ekonomi Dua Hala. Sebenarnya hubungan penyelesaian pertikaian adalah satu perkara yang amat penting sekali dalam memastikan supaya bukan sahaja pelabur-pelabur diberikan perlindungan bahkan pelaburan kita di luar negara juga akan mendapat peluang yang sama.

Penyelesaian pertikaian *investor* atau sistem pengadilan investasi adalah sistem di mana para *investor* dapat menuntut kepada negara-negara yang mereka melabur atas apa juga perkara-perkara yang menjadi diskriminasi.

Perkara ini apakah pendirian MITI pada masa sekarang berhubung dengan *Investor State Dispute Settlement (ISDS)*, adakah Malaysia akan menggugurkan sama sekali kesemua

bab-bab ISDS dalam rundingan-rundingan FTA baharu termasuk merunding semula FTA yang sedia ada.

Keduanya, apakah jaminan kerajaan kepada pelabur-pelabur asing yang melabur di Malaysia jika negara tidak lagi berminat dengan ISDS? Kalau benda ini berlaku Tuan Pengerusi tidak ada pelabur yang sanggup datang ke Malaysia untuk melabur kerana mereka tidak akan diberikan perlindungan.

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh tanya Yang Berhormat Jasin? Yang Berhormat Jasin mungkin sedar bahawa Menteri MITI dia kerap keluar negara untuk mungkin menjalankan tugas rasmi dan mungkin mencari pelabur baharu ataupun menyelesaikan isu yang dibangkitkan sebentar tadi. Apakah Yang Berhormat Jasin mungkin ingin mengemukakan pertanyaan kepada pihak kerajaan iaitu apa keberhasilan daripada kekerapan *trade* yang dilakukan oleh Menteri MITI ini? Berapa pelabur luar datang? Berapa masalah yang dapat diselesaikan? Berapa krisis-krisis yang telah selesai? Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]: Terima kasih, Yang Berhormat Kinabatangan, apa pun saya minta kalau boleh ucapannya dimasukkan di dalam draf saya.

Seterusnya, saya hendak tanya kepada pihak Menteri, bagaimana pula dengan perlindungan kepada pelabur-pelabur daripada Malaysia yang melabur di luar negara, jika ISDS tidak lagi dipertimbangkan oleh negara kita? Ini kerana satu perkara yang cukup membimbangkan kalau ISDS ini tidak dimasukkan dalam perjanjian, apa juga FTA, sedia ada atau sedang berjalan atau yang akan dijalankan maka kita akan menghadapi masalah. Ini akan menyebabkan Malaysia tidak lagi kompetitif dan mungkin menyebabkan pelabur baharu tidak lagi tertarik untuk melabur di Malaysia.

Seterusnya, saya pergi kepada Butiran 030000 — Pengukuhan Perdagangan Antarabangsa. Di bawah Butiran 030700 — Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dengan anggaran RM140 juta pada tahun 2020 bersekali dengan Butiran MIDA 00525 — Dana Projek Berimpak Tinggi dengan anggaran tahun 2020 pada RM250 juta. Peruntukan kedua-dua ini adalah satu peruntukan yang cukup besar dan jelas bahawa komitmen daripada pihak kerajaan untuk mempertingkatkan lagi prestasi kementerian ini.

Akan tetapi soalan saya, berapakah sebenarnya jumlah kemasukan pelaburan FDI dan juga EDI bagi penggal ketiga September akhir berbanding dengan tahun yang lepas? Walaupun kita diberikan satu *figure* yang cukup hebat tetapi saya hendak tahu *what is the latest*, daripada akhir September tahun 2019? Adakah ia diambil kira apa juga pembelian daripada syarikat-syarikat daripada luar negara dengan aset kita? Kalau itu di anggap sebagai satu pelaburan.

Keduanya, adakah penjualan-penjualan aset juga diambil kira? Kita hendak tahu sama ada benar atau tidak benar, berita yang kita dapati daripada luar negara bahawa Malaysia telah disingkirkan daripada tempat pertama sebagai destinasi pelancongan paling menarik ke tempat ke-13 selepas Vietnam? Ini cukup menakutkan dan membimbangkan sekali.

Seterusnya, kita hendak tanya kepada pihak kementerian sama ada kita berpandangan dasar-dasar dalam dan luar negara Malaysia hari ini sebenarnya menjadikan pelabur-pelabur

asing kita kurang yakin dan kurang berminat untuk masuk melabur dalam industri dalam negara kita kerana masalah dalaman pada ketika ini.

Seterusnya, saya hendak tahu, benar kah kenyataan daripada beberapa pakar ekonomi tempatan bahawa senario kita hari ini, negara kita nampaknya tidak menyedari bahawa kenyataan-kenyataan daripada pemimpin-pemimpin kita berhubung kait dengan negara-negara lain sebenarnya bukan sahaja telah menjejaskan hubungan kita tetapi antara negara-negara seperti negara China dan US. Kita sering membuat kenyataan sebenarnya menyinggung perasaan negara luar semasa persidangan-persidangan antarabangsa menyebabkan pelabur asing kita mungkin dengan *silent order* daripada pemimpin tertinggi mereka agar mengalihkan pelaburan ke negara lain yang lebih mesra.

Kita ada dua dasar, Tuan Pengerusi, sebagai pemimpin negara, sama ada kita memilih dasar diplomasi makna baik sangka sebagai sebuah negara yang berkecuali, *non-aligned nation* ataupun kita memilih satu lagi dasar *confrontational*. Kalau ini yang kita pilih, kita akan menghadapi masalah. Negara lain akan tidak mahu datang ke negara kita. Bukan sahaja untuk melawat bahkan untuk melabur. Seterusnya, kita meminta...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jasin?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:...menyentuh kepada butiran yang sama berhubung dengan impak pelaburan asing yang menurun. Sebenarnya, pelan reformasi GLC...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jasin? Hendak teruskan ataupun boleh berhenti rehat? Ada tiga minit lagi.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]: Saya sambung...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]: Saya teruskan. Sebenarnya pelan reformasi GLC dan pelan peralihan kuasa adalah satu isu yang penting untuk pelabur asing datang melabur. Saya tidak mahu menyentuh tentang perkara ini panjang, kerana kawan saya sudah sentuh tadi.

Saya teruskan kepada Butiran Pengukuhan dan Pelaburan Berkualiti. Butiran 040200 – Ekonomi Digital. Saya melihat perlunya kementerian menumpukan lebih banyak insentif buat perusahaan kecil dan sederhana dalam talian yang menawarkan peluang pekerjaan dan akan mendapatkan pengecualian cukai mengikut kadar tertentu.

Secara tidak langsung, inisiatif ini dapat merangsang industri dan dalam masa yang sama dapat meningkatkan peluang pekerjaan kepada rakyat terutamanya masyarakat luar bandar dan golongan belia. Seterusnya, soalan saya adakah pihak kementerian mempunyai satu dasar atau pelan pembangunan sektor ekonomi digital yang komprehensif? Seterusnya, saya hendak tahu daripada pihak kementerian, sama ada kita berasa yakin dengan sasaran untuk mewujudkan 350,000 peluang pekerjaan dalam masa tempoh lima tahun terutamanya melibatkan sektor ekonomi digital?

Seterusnya saya pergi kepada Butiran 050600 – InvestKL. Soalan saya, berapakah jumlah syarikat berstatus *multinational company* (MNC) dan juga jumlah pelaburan yang dibawa

masuk oleh InvestKL, InvestPenang dan InvestMelaka sehingga berakhir pada September 2019 dengan berbanding tempoh yang sama pada tahun lalu? Soalan kedua, mohon senaraikan berapakah sebenarnya syarikat *multinational company* antarabangsa yang terkemuka yang melabur di bawah program InvestKL khususnya? Ketiga, adakah kita mampu untuk menepati sasaran untuk menarik 100 buah syarikat milik MNC menjelang tahun 2020 seperti yang diuar-uarkan oleh InvestKL?

Selepas itu saya pergi kepada Butiran 50000, peranan MITI bersama-sama dengan kementerian lain dalam menjayakan IR 4.0, termasuklah hala tuju Dasar Nasional Industri. Sasarannya, ialah untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi terpilih untuk pelabur-pelabur luar negara. Soalan saya, apakah strategi negara kita untuk memulakan perjalanan yang akan mengubah landskap industri pembuatan dalam dekad akan datang? Berdasarkan tiga faktor peralihan untuk menggalakkan pengguna industri, adopsi Industri 4.0 iaitu penduduk, proses dan juga teknologi?

Soalan seterusnya, adakah negara kita akan mengguna pakai pelan perniagaan dan penggiat industri negara maju seperti Jerman, USA, Perancis dan Jepun untuk melangkah dalam bidang Industri 4.0 menggunakan sistem fizikal siber secara holistik. Malah, jiran-jiran kita dalam negara ASEAN seperti Singapura, Thailand dan Vietnam baru-baru ini, Indonesia juga telah mengguna pakai Industri 4.0.

Seharusnya, IR 4.0 dijadikan sebagai satu dasar kerajaan bagi memastikan rakyat kita dapat benar-benar menghayati zaman baharu kerana negara-negara lain sekarang bukan sahaja Industri 4.0 bahkan mereka telah beralih kepada Industri 5.0.

Terakhir, kerana masa yang tidak mengizinkan, saya pergi kepada Butiran 00402 – Kajian-kajian Perindustrian. Saya teruskan kepada soalan, apakah bentuk kajian-kajian perindustrian yang dijalankan oleh pihak kementerian demi menumpukan kepada industri yang berkeupayaan dan juga berpotensi tinggi untuk mencatat nilai pelaburan tinggi di samping kita dapat memberikan kelebihan kepada pembangunan sosioekonomi Malaysia? Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Jasim. Sebelum itu, saya menjemput Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Boleh saya merekodkan kehadiran rombongan dari jauh iaitu dari kawasan saya dari Bukit Gelugor yang saya berasa amat bangga, hadir *all the way* dari Pulau Pinang yang terdiri dari ketua rombongan Tuan Haji Marsik dan juga Hafis. Terima kasih kerana hadir bersama kami pada pagi ini. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]: Saya pun lupa Tuan Pengerusi hendak meraikan kehadiran delegasi daripada UMNO Hang Tuah Jaya, Melaka.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum kita masuk ke Majlis Mesyuarat saya ingin memaklumkan selepas rehat nanti akan disambung oleh Yang Berhormat Padang Serai, kemudian Yang Berhormat Arau,

Yang Berhormat Pasir Gudang kemudian Yang Berhormat Kuala Terengganu, Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat Pengkalan Chepa mengikut senarai yang saya sedia ada.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat sebagai Majlis Mesyuarat.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ditangguhkan untuk berhenti rehat. Terima kasih.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.06 tengah hari]

■1430

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, majlis dalam Jawatankuasa.

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming] **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Ahli Parlimen Padang Serai untuk mengambil bahagian dalam perbahasan, saya cadang Yang Berhormat Menteri akan menjawab pada pukul 5.00 nanti. Sila, Yang Berhormat Padang Serai.

2.33 ptg.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak ada, okey tidak apa. Terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan Selamat Hari Jadi kepada Yang Berhormat Rasah hari ini. *[Tepuk]* Mana Yang Berhormat Rasah pergi.

Seorang Ahli: Kamar Khas.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Kamar Khas, okey tidak apa. Ini dalam butiran tidak ada ya. Jangan ambil butiran pula.

Butiran 020100, apakah tindakan kerajaan untuk menggubalkan dasar dan strategi perkilangan supaya dapat menarik lebih ramai pelabur untuk menempatkan kilang di Malaysia terutama sekali di kawasan Kulim Hi-Tech Park di mana kawasan itu luas, tanah murah dan juga banyak dia punya fasiliti bagi pelabur dan juga pengangkutan dan sebagainya. Pekerja pun ramai di situ. Silalah pandang ke kawasan pedalaman.

Apakah penggubalan peraturan perkilangan di Malaysia sudah mencapai standard antarabangsa supaya dapat meyakinkan lebih ramai pelabur. Seterusnya apakah unjuran trend pembukaan kilang baru bagi tahun hadapan.

Butiran 030300, apakah tindakan Kerajaan Malaysia bagi menggalakkan negara-negara yang kurang membangun di dalam ASEAN seperti Laos dan Kemboja untuk meningkatkan kerjasama ekonomi mereka dengan negara ASEAN lain.

Seterusnya apakah peranan yang akan dimainkan kerajaan untuk menggalakkan pelabur daripada negara ASEAN khususnya untuk melabur di dalam negara ini. Minta kerajaan menjelaskan peranan yang telah dimainkan oleh Malaysia untuk melebarkan sayap rakan dagangan Asia bersama negara-negara luar sejak tahun lalu.

Butiran 040200, apakah pelan kerajaan untuk menggalakkan aktiviti ekonomi digital di kawasan-kawasan luar bandar. Seterusnya adakah kerajaan bercadang untuk menambah pelaburan berkaitan ekonomi digital di kawasan luar bandar. Jika ada, bolehkah kerajaan memberitahu apakah kawasan yang dicadangkan.

Seterusnya berapa ramai pemain industri domestik yang ada untuk ekonomi digital ini dan apakah langkah kerajaan untuk merancang pemain baru ekonomi digital tempatan supaya dapat meyakinkan pemain antarabangsa. Itu sahaja daripada Padang Serai. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: *[Bangun].*

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, terima kasih. Hendak mencelah ke hendak berbahas?

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Hendak membahas nanti. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kuala Terengganu. Selepas itu Yang Berhormat Pasir Gudang.

2.36 ptg.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Butiran 01000 – Pengurusan, Butiran 04030 – Perancangan Strategik. Tuan Pengerusi, pada Isnin yang lalu Setiausaha Amerika Syarikat, Mike Pompeo telah mengumumkan pendirian rasmi Dasar Luar Negara tersebut yang mengiktiraf penempatan haram Israel di Wilayah Berdaulat Palestin.

Tindakan tersebut bercanggah dengan Undang-undang Antarabangsa Konvensyen Geneva Keempat dan Resolusi Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Tindakan ini dilakukan selepas Amerika memindahkan kedutaan ke Baitulmuqaddis dan mengiktiraf ibu negara haram Israel.

Tindakan biadab dan keterlaluan ini sudah pasti akan memberi implikasi yang buruk kepada geopolitik dan ekonomi antarabangsa. Amerika juga merupakan negara dagangan ketiga tertinggi di Malaysia selepas Singapura dan China. Adakah tindakan biadab Amerika tersebut akan mengubah polisi perdagangan negara terhadap Amerika? Adakah Malaysia bersedia untuk mengurangkan pergantungan eksport dan import dengan Amerika secara berperingkat sebagai satu tanda protes terhadap kebiadaban negara mereka? Adakah kerangka baru Dasar Luar

Malaysia yang akan terus membantu Palestin boleh menjustifikasikan tindakan MITI di dalam hal ini.

Seterusnya Butiran 030100 – Hubungan Serantau dan Antarabangsa. Tuan Pengerusi, Malaysia telah mengambil bahagian di dalam proses kajian semula perdagangan atau disebut sebagai Trade Policy Review Mechanism pada tahun 2018. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian, apakah perkara-perkara yang telah dikaji semula di dalam Dasar Perdagangan Malaysia. Berapakah *feedback* yang diperolehi dan perkara-perkara asas yang menjadi fokus utama negara-negara lain terhadap Dasar Perdagangan Negara.

Seterusnya Butiran 020300 – Pembangunan Sektor Perkhidmatan. BMI *Research* pada tahun 2018 mengunjurkan ASEAN akan menyumbang kira-kira RM258 bilion pada tahun 2020 daripada aktiviti *online retails* dan Malaysia adalah negara kedua terbesar di rantau ini. Sumbangan tersebut disebabkan pertumbuhan drastik industri eDagang. Pemain industri di Malaysia mendapat pelbagai manfaat positif daripada penyerapan teknologi, perkembangan, PKS dan juga sektor logistik.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, berhubung dengan eFulfilment Hub yang telah dibangunkan pada tahun 2017 di LCCT. Apakah perkembangan terkini? Fasa Kedua eFulfilment Hub yang terletak di sekitar KLIA. Adakah ia dijadualkan akan beroperasi sepenuhnya pada tahun 2020 nanti seiring dengan hasrat yang dinyatakan di dalam National ECommerce Strategic Roadmap.

Seterusnya Tuan Pengerusi, berhubung dengan Butiran 050500 – SIRIM Berhad. Setelah SIRIM Berhad diletakkan di bawah agensi MITI sejak Oktober 2018, sudah pasti dengan peruntukan lebih RM30 juta setahun kita mengharapkan agar SIRIM menjadi institusi yang maju di dalam memacu penyelidikan berteraskan teknologi untuk membantu mengembangkan daya saing industri tempatan.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. yang telah melancarkan *Facility Management System Certification Scheme* beberapa bulan yang lalu. Seperti mana kita maklum pengurusan fasiliti menelan kos yang tinggi bagi sesebuah organisasi dan ia bukan hanya sekadar penyelenggaraan bangunan sahaja bahkan meliputi segenap aspek di dalam persekitaran pembinaan.

■1440

Namun begitu, saya ingin mendapatkan penjelasan sejauh manakah pemain-pemain industri pengurusan fasiliti akan mengambil manfaat di dalam skim persijilan ISO baharu ini kerana industri ini belum sepenuhnya diregulasi dengan baik dan mempunyai pelbagai piawaian yang lain pula.

Yang terakhir di dalam perbincangan yang ringkas saya ini, Butiran 040300 – Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA). Tuan Pengerusi, selain daripada *core business* MIDA untuk menggalakkan pelaburan di Malaysia, saya tertarik dengan satu inisiatif yang diambil oleh MIDA iaitu penganjuran program *Overseas Internship* dengan kerjasama JPA dan MARA. Program ini sangat baik untuk meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan dan memberi

pendedahan kepada pelajar sebelum memasuki pasaran kerja yang sebenar yang lebih mencabar. Walaupun begitu, saya difahamkan program ini hanya terbuka kepada para pelajar luar negara sahaja. Saya mencadangkan agar peluang ini dibuka juga kepada para pelajar di dalam negara supaya mereka juga didedahkan dengan *state of the art* budaya pekerjaan dengan syarikat multinasional yang berwibawa di dalam negara ini.

Selain itu saya ingin bertanya, berapakah peruntukan yang diperuntukkan oleh MIDA bagi program ini dan adakah semua pelajar yang telah terlibat dapat diserap terus ke syarikat-syarikat yang tersebut? Adakah syarikat-syarikat yang terlibat mendapat apa-apa layanan insentif daripada pihak kerajaan? Itu sahaja, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pasir Gudang, selepas itu Yang Berhormat Arau.

2.42 ptg.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Dalam perbahasan saya ini, saya hanya menumpu kepada satu perkara sahaja berkenaan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) iaitu Butiran 00525 – Dana Projek Berimpak Tinggi dan satu lagi, Butiran 00530 – Menaiktaraf dan Memperbaiki Infrastruktur Asas Kawasan Perindustrian Sedia Ada. Berkenaan dengan Butiran 00525 – Dana Projek Berimpak Tinggi, saya melihat anggaran di situ, tahun 2019 dengan tahun 2020, anggaran bagi tahun hadapan ini turun daripada RM379 juta kepada RM250. Jadi mungkin Yang Berhormat Menteri boleh jelaskanlah kenapa turun. Yang kedua, mungkin dapat diberi pencerahan apa dia projek berimpak tinggi pada tahun 2020 itu.

Berkenaan dengan butiran yang berikutnya, Butiran 00530 – Menaiktaraf dan Memperbaiki Infrastruktur Asas Kawasan Perindustrian Sedia Ada. Saya nak membawa kepada kawasan perindustrian yang sedia ada ini iaitu di Pasir Gudang, di kawasan saya di mana ada terdapat 2000 buah kilang. Daripada jumlah tersebut, ada 250 buah kilang berasaskan kimia dan ada beberapa puluh pula kilang haram yang berasaskan kimia itu. Yang 250 buah itu yang berlesen. Jadi dalam soal infrastruktur ini, saya menyedari perkara yang saya bangkitkan ini bukan hanya melibatkan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri tetapi melibatkan kementerian-kementerian yang lain. Akan tetapi oleh kerana kita dalam satu kerajaan, mungkin perlu ada penyelarasan yang ini.

Perkara ini saya bawa perhatian supaya pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) demi untuk memajukan perdagangan kita, perindustrian kita. Isu-isu yang saya hendak kemukakan begini, yang pertama, walaupun terdapat 250 buah kilang berasaskan kimia di Pasir Gudang, yang sudah lebih 40 tahun kawasan industri itu tetapi tidak ada loji rawatan sisa buangan kimia berjadual yang moden. Yang tak moden pun tak ada. Itu puncanya. Kilang ada tetapi loji rawatan untuk sisa buangan kimia berjadual itu tak ada dan akibatnya apabila ada pihak yang tidak bertanggungjawab, berlakulah pembuangan sisa buangan kimia di sungai-sungai seperti di Sungai Kim Kim itu. Itu satu aspek.

Yang kedua, kawasan kilang banyak. Banyak barang buangan pepejal, tidak ada sistem yang moden. *Incinerator* tidak ada dan sebagainya, masih gunakan sistem buangan pepejal guna *land fill* iaitu masukkan dalam lubang kemudian ditambak dan kesannya banyak bahan kima itu kemudian masuk ke *underground water*.

Yang ketiga, kilang banyak, industri banyak. Dieksport dan sebagainya tetapi tidak ada sistem kumbahan atau *sewage system* yang moden, yang cekap, yang *environment friendly*, tidak ada. Apa yang berlaku? Kumbahan-kumbahan termasuk daripada kilang-kilang ini semuanya dialirkan ke sungai-sungai sehinggakan semua sungai di Pasir Gudang itu tercemar. Sungai-sungai yang mati.

Saya tahu bahawa perkara ini perlu diselesaikan secara holistik dengan kementerian-kementerian yang lain seperti Kementerian Alam Sekitar, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli dan sebagainya dan juga KPKT. Berkenaan infrastruktur juga yang disebut di bawah butiran ini, saya nak sebutkan di sini, Lebuhraya Pasir Gudang. Lebuhraya Pasir Gudang ini satu lebuhraya yang penting, menghubungkan pelabuhan dengan Johor Baharu, dengan Singapura, dengan Pelabuhan Tanjung Pelepas, masih tak siap-siap. Ini tentu di bawah Kementerian Kerja Raya pun terlibat, tak siap-siap.

Jadi, infrastruktur ini yang disebut dalam butiran ini selalu berlaku kesesakan, *jam*. Jika hari hujan, jika ada sedikit *accident* atau kemalangan, akan *jammed* Lebuhraya Pasir Gudang itu. Saya boleh sebut di sini untuk dapat pihak kementerian ini selesaikanlah dengan JKR iaitu ada dua punca kesesakan yang belum diatasi. Umpamanya dari Taman Rinting ke Pelabuhan Johor bermula hanya dua lorong. Kemudian, dari susur Taman Daya ke arah Taman Perling pun dua lorong. Jadi, lebuhraya yang kalau dua lorong ini maknanya selalulah berlaku sesak.

Yang ketiga, saya ingin nyatakan di sini daripada segi infrastruktur. Saya lihat perkhidmatan kereta api pelabuhan antara Pelabuhan Johor di Pasir Gudang dengan Pelabuhan Tanjung Pelepas di Gelang Patah itu tidak dioptimumkan penggunaannya. Jadi kalau rel kereta api ini di bawah kementerian yang lain pula, Kementerian Pengangkutan. Saya rasa jika infrastrukturnya diperbaiki, mungkin dapat membantu.

Satu lagi Tuan Pengerusi, saya ingin menyatakan di sini bahawa berkenaan dengan infrastruktur ini. Saya mendapat aduan, sama ada betul atau tidak, jadi kementerian perlu ambil perhatian, perlu disiasat. Saya dapat aduan iaitu urusan pelabuhan di Pasir Gudang ini banyak barang keluaran kita dieksport ke Singapura melalui Pelabuhan Singapura.

■1450

Ini adalah kerana sistem penyampaian, sistem pemeriksaan Kastam di Pelabuhan Pasir Gudang ertinya tidak cekap. Saya dapat aduan sama ada betul atau tidak. Tuduhan saja pun tidak adil juga kepada Kastam. Jadi oleh kerana gangguan ketidakcekapan kalau betul, dari segi pemeriksaan-pemeriksaan Kastam ini dapat kita perbaiki. Jadi pelabuhan kita di Pelabuhan Johor dan Tanjung Pelepas ini dapat kita optimumkan sebagai pelabuhan-pelabuhan untuk eksport industri-industri daripada kawasan Pasir Gudang.

Jadi Tuan Pengerusi itu sajarah perbahasan saya. Semoga dapat perhatian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang, sekarang saya menjemput, selepas itu Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Segamat dan Yang Berhormat Kuala Kangsar. Sebelum Yang Berhormat Arau berucap saya baru dimaklumkan anak Yang Berhormat Kuala Krau kurang sihat. Marilah kita berdoa supaya anak Yang Berhormat cepat sembuh dan kembali sihat. Sila Yang Berhormat Arau.

2.51 ptg.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Terima kasih, terima kasih lah Tuan Pengerusi yang menyatakan perkara tersebut dan marilah kita berdoa semoga Allah merahmati anak Yang Berhormat Kuala Krau. Tuan Pengerusi dan juga saya selalu sebut bakal Setiausaha Agung.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Jangan jadi batu api. Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Fokus, fokus.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Fokus, fokus.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Arau fokus.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Fokus, jadi.....

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Berikan tumpuan kepada MITI.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi saya ada sebut 32 kali, jadi lapan kali lagi jadi cukup 40.

Yang Berhormat, saya sekali lagi hendak mengulangi tentang APEC tadi berhubung dengan pengukuhan perdagangan antarabangsa. Jadi kita tahu bahawa APEC akan berbelanja yang telah disebut-sebut RM300 juta. Tetapi kehadiran 16,000 orang, mungkin lebih dan sudah pasti lebih, sudah pasti akan berlaku kehadiran bawa suami isteri dan sebagainya. Mungkin 20,000. Kalau sekiranya seorang belanja USD10,000, jadi kita akan dapat USD 200 juta, kali dengan empat, USD800 juta. Jadi belanja 300 dapat 800 juta, limpahan ekonomi, itu sesuatu yang bagus, saya menyokong. Kalau kita belanja, terpaksa belanja 500 juta tetapi limpahan ekonomi 1 bilion. Makna kata rakyat boleh menumpang kepada limpahan ekonomi. Yang itu kita hendak. Bukan kita pergi belanja dengan begitu besar tapi rakyat tidak dapat limpahan ekonomi.

Kena ingat yang dikatakan pertumbuhan ekonomi itu RM200 yang dibelanjakan boleh menjana sampai jadi RM1,000 ataupun mungkin RM2,000. Sebab apa, pelbagai pihak menggunakan RM200 di pelbagai lapangan. Contohnya seorang yang datang untuk tempah hotel. Di bayar RM200, RM200 ini akan digunakan untuk bayar *laundry*. *Laundry* pula digunakan membayar beli sabun. Jadi pusingan duit itu begitu besar. Demikian juga bila kita belanja RM300 juta untuk APEC ini, ia akan menjana limpahan ekonomi yang luar biasa. Teruskan. Cuma

persoalan orang tanya siapa Perdana Menteri, siapa Menteri Besar. Itu akan terjawab dengan sendirinya bila sampai masanya lah.

Jadi kita ini bolehlah buat telahan-telahan yang merupakan seni politik yang halus, yang harus dinikmati oleh semua ahli Parlimen. Jadi jangan anggap politik ini sesuatu yang keras, gusar, tidak. Ini ialah seni politik yang kita harus terima hakikat kita sebagai ahli Parlimen untuk membincangkannya dengan hebat supaya rakyat nampak kita memperjuangkan hak mereka dan pihak kerajaan juga akan menolong semua orang yang memperjuangkan hak tersebut.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau, apa kaitan dengan MITI.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ini APEC.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Butiran ini butiran apa?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Boss ini ialah kita boleh ambil 0300

Seorang Ahli: *Boss ku*

Seorang Ahli: Dia banyak *meeting*, sudah pening.

Seorang Ahli: *Boss ku* tidak hadir, *boss ku*.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi saya ada 10 minit. Jadi kita, saya cakap fasal tajuk APEC. *You* boleh ambil di bawah 0300, pengukuhan antarabangsa dan juga semua tajuk di sini bahawa kita akan buat APEC di bawah kementerian MITI, okey. *As simple as that*. Tidak payah uji, zaman untuk uji kepada ahli Parlimen baru tidak apalah macam Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Jelutong, tidak apa. Ini pakai hentam keromo. Tapi *not* Yang Berhormat Arau.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Pengerusi, boleh.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, silakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi kita minta supaya APEC.....

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Kuala Krau.

Tuan Pengerusi Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Kuala Krau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, silakan.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Tuan Pengerusi atas doa dan doa kawan-kawan, sahabat-sahabat ahli-ahli Dewan. Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau pun saya nampak kerap kali juga tangan Yang Berhormat Langkawi, cium tangan PD ada tidak?

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Itu harumanis.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Bakal Perdana Menteri. Jadi saya hendak fokus pada cium tangan Yang Berhormat Langkawi tadi Yang Amat Berhormat....

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Sembrong ada cium tidak.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Amat Berhormat Perdana Menteri kerap kali mengadakan lawatan-lawatan ke luar negara pada negara China, India, Jepun dan negara-negara yang lain. Jadi laporan-laporan yang kita terima daripada

media massa bahawa banyak perjanjian, memorandum, *joint venture* yang telah ditandatangani di antara negara Malaysia dan juga negara yang berkenaan sama ada *G to G* atau daripada antara syarikat-syarikat besar di dalam negara kita. Saya hendak tanya Yang Berhormat Arau, adakah perjanjian ini sekadar tinggal perjanjian sahaja yang tidak dilaksanakan sehingga kini. Jadi kalau Yang Berhormat Arau tahu fasal terlalu rapat dengan Yang Berhormat Langkawi, boleh nyatakan perjanjian apakah yang telah dilaksanakan di dalam negara kita supaya harga komoditi getah dan sawit di dalam negara kita naik dan orang Tanjung Piai dari segi pelaburannya terus meningkat dan saya anggap calon Tanjung Piai Yang Berhormat Wee Jeck Seng ini bukanlah calon daripada Yang Berhormat mangkuk tandas.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Seperti yang diwar-warkan. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, terima kasih. Soalan yang panjang. Telah memakan masa beberapa minit.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Itu gurauan ya, gurauan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi walau bagaimanapun saya bagi ruang seluas-luasnya kepada Yang Berhormat Kuala Krau untuk bertanya apa saja. Tinggal dua minit ini. Jadi yang kedua itu, kita akan tanya kepada Yang Berhormat Menteri berhubung dengan MOU yang telah dibuat. Berhubung dengan cium tangan ini, tuan-tuan tahu, anak-anak saya, cucu-cucu saya melihat perbuatan ayahanda dan Tok mereka telah mengikuti dengan hebat. Ini panduan teladan kepada anak-anak kita.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Cium tangan bawah butiran mana.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Menghormati.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Cium tangan hendak jadi bakal Presiden UMNO.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Cium tangan ini untuk meningkatkan pelaburan di bawah MITI.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Beginilah kecurian masa yang luar biasa.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Inilah Yang Berhormat Bintulu kata, kongkalikung lah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, sekarang ini saya akan pergi kepada tajuk, semua duduk diam ya. Dasar rundingan pelbagai hala dan sebagainya. Saya bersetuju dengan kawan-kawan. Kita tidak boleh meletakkan sesuatu itu berlaku kerana disebabkan benda itu. Jadi kita patut melihat tiap-tiap masalah itu ada peluang dan tiap-tiap peluang itu kadang-kadang ada masalah. Kalau kita menerima hakikat ini bahawa dalam pasaran saham sebagai contoh, bila pasaran jatuh, ada orang boleh, masih boleh untung dan bila pasaran naik, ada juga orang menghadapi masalah. Tetapi orang yang berhemah dan pandai sudah pasti dia boleh untung dalam beberapa keadaan. Perang Amerika-China ini apa hubung kait dengan *you all*.

Kita hendak pergi cerita, ini sebab itulah harga sawit jatuh. Hey, *you* perincikan. Bila mereka perang, apa yang jatuh. Sepatutnya bila mereka perang, China boikot soya bean Amerika. Jadi China tidak ada pilihan kena beli sawit. Patutnya sawit makin meningkat. Perang dagang ini boleh meningkatkan ekonomi. Saya setuju dengan Yang Berhormat Langkawi bahawa ini kemahiran berunding.

Ini kita lihat Yang Berhormat Menteri sawit pergi ke Algeria. Menteri Perdagangan saya tidak tahu pergi ke mana. Masing-masing pergi ke haluan masing-masing. Kenapa Yang Berhormat Menteri ini tidak nampak bersekali ataupun kalau gamak susah, tanya Tuan Pengerusi yang pakar DAP di Perak. Sini nampak alim tapi di sana bergaduh-gaduh. Okey tetapi yang paling penting ialah – ini contoh ya, jangan jawab. Ini seni politik, seni politik ya. Saya minta supaya ada kebersamaan...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ini penglipur lara.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: di antara Yang Berhormat Menteri MITI dan juga Yang Berhormat Menteri sawit dan sebagainya. Baru kita nampak ada kekuatan. Saya sebagai wakil Malaysia dalam ICAPP, *International Conference of Asia Political Parties* yang terdiri daripada 56 negara di Asia dengan 160 parti lebih juga mampu untuk menggerakkan benda ini bersama demi rakyat Malaysia. Kita rela buat apa saja. Jadi kita tidak mahu. Kita main pakai *blame game* dengan izin. Kalau berlaku, ini sebab dagangan China-Amerika. Saya jumpa kawan saya yang saya tengok jumpa tersenyum gembira. Saya tanya kenapa, peperangan China-Amerika menyebabkan dia bertambah untung, luar biasa. Mesti dilihat dalam aspek itu. Permasalahan itu sebenarnya ada peluang. Allah yang menentukan rezeki kita, Allah S.W.T. Kita kena cari peluang itu. Jangan melihat, ini sawit jatuh sebab perang. Kalau esok kalau perang sudah habis, hendak cakap perang apa lagi?

■1500

Jadi, tidak boleh ambil apa itu atau pun kata ini kerajaan lama lah, kerajaan lama lah yang berhutang. Karang tidak pasal-pasal kalau ada Yang Berhormat Jelutong pun jadi tidak ada. Dia akan kata ini semua 1MDB lah. Jadi, macam-macam kepala otak yang ada. Akan tetapi kita hendak satu pendekatan supaya MITI bagi perhatian kepada tersebut.

Kemudian yang berikutnya ialah saya hendak cakap pasal MIDA dan juga kakitangan kontrak. Butiran 050200, dan juga 030700. MIDA bila kita pergi buat promosi *trade*, dan kadang-kadang negeri-negeri pun ada yang pergi buat *promote* untuk negeri masing-masing. Kita kena dinampakkan bahawa ada *knowledge*, ilmu berhubung dengan negeri-negeri yang mereka hendak *promote*.

Jangan kalau semua kita main hempuk semua di Pulau Pinang ataupun di Selangor ataupun di Johor. Kita kena tengok bahawa negeri di hujung sana Perlis, ada taman industri yang masih boleh masuk apa sahaja untuk negeri Perlis, dan kita tahu bahawa macam ini taman industri di Perlis, dia dekat dengan *railway*, dan dalam kawasan pelabuhan darat yang akan ditubuhkan oleh pihak kerajaan. Jadi semua ini lihat adalah sesuatu yang ada kekuatan.

Tiap-tiap negeri ada kekuatan, kalau Selangor ada kekuatan, Johor ada kekuatan, Perlis ada kekuatan, Perak lagi kuat sebab mereka selalu menunjukkan kekuatan. Jadi, kekuatan ini mesti digunakan untuk promosi.

Akhir sekali ialah pasal kakitangan kontrak. Semua orang setuju bahawa mahasiswa, studen – *welcome to Parliament*. Barisan Nasional bercakap ini eh... [*Menujukan ucapan kepada pelawat di Galeri*] Saya hendak beritahu bahawa studen kita ini, kita kata majikan ambil kita bagi RM500, kemudian majikan kita bagi RM300. Kenapa di bawah kakitangan kontrak MITI ini tidak *promote*? Anak-anak kita ini mesti *dipromote* untuk bukan sahaja mempunyai ilmu dagang di peringkat tempatan tetapi di peringkat antarabangsa. Bagi pekerjaan kontrak ini. Saya cadangkan kontrak- Yang Berhormat Segamat akan setuju dengan saya dengan hebatnya, dan sebagai penyokong utama saya di Parlimen ini bahawa, kita cadangkan supaya emolumen kakitangan kontrak ini daripada RM2 juta dinaikkan kepada RM200 juta untuk memberi ruang kepada mereka yang tidak mempunyai peluang pekerjaan sebab mungkin mereka hendak meniaga di tempatan susah sangat. Bagi mereka buat pendedahan di peringkat antarabangsa.

Jadi, sudah pasti dengan pendedahan tersebut, mereka boleh berkembang dengan lebih hebat. Mereka muda, orang muda kehebatannya mempunyai kekuatan tenaga, berfikir dan sebagainya. Akan tetapi kalau kita tidak bagi peluang, di mana mereka dapat? Sebab apa, kita kena ingat, kita sendiri pun bukan pandai meniaga. Setengah kalau *pi* meniaga burger lingkup tetapi anak muda ada kekuatan. Dia ada kekuatan sebab mudanya, ada kekuatan sebab kekuatannya. Jadi, kita minta supaya emolumen kakitangan kontrak ini dimasukkan juga elemen untuk siswazah yang menganggur.

Jadi, saya minta supaya MITI dilihat sebagai satu kementerian, dengan izin, ekstravaganza yang mampu untuk melihat bahawa mereka mewakili Malaysia untuk perdagangan antarabangsa dan kita cadangkan supaya *Trade Commissioner* yang kita lantik sekarang ini, bukan dia sahaja menguruskan perdagangan. Semua sekali kedutaan kita itu ialah *Trade Commissioner*. Mereka mesti menjadi pesuruhjaya antarabangsa untuk mempromosikan barang dagangan daripada Malaysia.

Kalau sekiranya kita letak dekat *Trade Commissioner*, kadang-kadang dia mempunyai pengalaman bahawa mungkin di peringkat Gred 48 ataupun Gred 44, dia tidak mampu. Kita hendak kalau boleh, *Trade Commissioner*- kehormat ini dilantik lebih ramai untuk membolehkan dagangan Malaysia *dipromote* dengan hebatnya. Terima kasih. Saya menyokong Tuan Pengerusi terutamanya APAC supaya RM300 naik jadi RM500 juta.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Segamat. Lepas itu Yang Berhormat Kuala Kangsar, dan Yang Berhormat Kota Melaka. Sila.

3.04 ptg.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Arau. Saya sentiasa sayang dengan Yang Berhormat Arau khususnya mengenai konsep kebersamaan tadi.

Merujuk kepada Butiran 03000 – Pengukuhan Perdagangan Antarabangsa, Butiran 30100 – Hubungan Serantau Antarabangsa, dan juga Butiran 30500 – Rundingan Strategi.

Saya ingin bertanya mengenai hubungan khususnya perdagangan dengan Negara India. Kerana kita tahu bahawa Negara India ini merupakan satu rakan dagangan yang penting kepada Malaysia. Contohnya pada tahun 2018 sahaja, urusan niaga antara Malaysia dan India adalah sebanyak RM62.76 bilion, dan kalau dibandingkan pada tahun 2017 pula adalah sebanyak RM61.38 bilion. Pada sembilan bulan yang pertama pada tahun ini kita mendapati bahawa lebih kurang 3.91 juta tan minyak sawit ini diimport oleh India. Merupakan kenaikan 107 peratus pada sembilan bulan yang pertama.

Kita juga faham bahawa dengan wujudnya masalah yang mungkin daripada segi salah faham dan sebagainya tetapi ia bukanlah merupakan faktor-faktor peperangan. Faktor-faktor peperangan adalah hubungan di antara dua hala dan juga perdagangan di antara kedua-dua pihak dapat meniaga dan bukan merupakan isu-isu politik sahaja.

Maka yang penting yang saya hendak tanya ialah bagaimana MITI khususnya dalam persidangan seperti *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) yang baru diadakan dan juga sebagainya, adakah telah mencapai apa-apa persetujuan dengan Negara India?

Selain itu juga, yang perlu ditanya adalah di mana dulunya kita ada Duta Khas ke India ataupun *Trade Envoy*, Tun Samy Vellu. Sekarang sudah tiada. Adakah ianya hendak diadakan kembali kerana bila wujudnya masalah-masalah begini, kadang-kadang kita perlukan pengalaman dan juga mengenali budaya mereka...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, kita Duta Khas kita ada untuk China. Kenapa kita tidak sambung Duta Khas ke India? Saya cadangkan Yang Berhormat Segamat dipilih sebagai Duta Khas ke India di samping Ahli Parlimen. Apakah Yang Berhormat setuju? [*Dewan ketawa*]

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Yang Berhormat sebenarnya saya fikirkan mungkin tidak lama lagi dapat jadi Menteri...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Tunggu Yang Berhormat Arau jadi Presiden UMNO.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Akan tetapi- ingatkan hendak jadi Menteri tetapi kalau Yang Berhormat Arau hantar jadi duta itu, kalau tidak ada orang lain yang layak, saya boleh ambil. Akan tetapi saya rasa ramai yang lebih layak di luar sana.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Rasah, setuju kah?

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Tunggu Yang Berhormat Arau jadi PM.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Rasah sokong kah jadi Menteri?

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Oh, tidak apa. Kita sama-sama. Rakan seperjuangan. Saya membawa kembali kepada...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Hai, macam dah baik nampak.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Tidak apa lah.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Muafakat elok.

Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]: Yang Berhormat Pasir Salak dengan Yang Berhormat Kuala Krau...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Kuala Krau dengan Yang Berhormat Pasir Salak pun dah muafakat elok... [*Tepuk*].

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Itulah persahabatan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Tunggu Yang Berhormat Arau jadi PM.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Okey. Saya hendak sambung.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Kita pakat elok kerana kita ada Tuan Pengerusi yang baik budiman... [*Tepuk*]

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Terima kasih.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Rasah diam sahaja. Tidak jawab pun Yang Berhormat Rasah. Macam tidak ikhlas sahaja.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krau. Saya hendak sambung.

Juga kepada MIDA iaitu Butiran 40300 di mana adalah penting untuk kita mengajak Negara India juga- banyak industrinya untuk melabur. Melabur di Malaysia. Ada kalanya mereka juga ingin melabur, dan pada masa yang sama kerana ada *trade deficit* dan juga sebagainya, mereka juga ingin membuat *barter trade* ataupun menyertai projek-projek pembangunan dan juga kembali dibelinya minyak kelapa sit.

Ini satu perkara yang saya hendak tanya pada kementerian, adakah mereka berminat? Jika mereka berminat, apakah prosedur, dan kepada pihak manakah yang mereka boleh hubungi kerana kita mendapati ada beberapa kementerian yang bertindih dalam perkara-perkara sebegini. Adakah MITI akan menerajui proses pelaburan berkualiti ini contohnya dalam Butiran 040000 – Pengukuhan Pelaburan Berkualiti...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Segamat.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Ini satu yang saya hendak tanya.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Boleh?

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Sila.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Pengerusi, saya pernah sebut dalam soal pelaburan ini. Pelaburan yang berkaitan dengan kesihatan ini penting. Oleh kerana kesihatan yang *mental illness* ini, sakit mental ini Yang Berhormat Segamat, setuju tidak dengan saya pelaburan yang berkaitan dengan pengubatan kepada penyakit mental ini mesti diberi perhatian

oleh kerajaan. Kalau kita tidak bagi perhatian maka berlakulah macam Yang Berhormat Segamat dengan Yang Berhormat Rasah, dan Yang Berhormat Kuala Krau dengan Yang Berhormat Pasir Salak...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat, itu bukan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Jadi, kita hendak elak perkara ini Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya lah, ini bukan di bawah MITI.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: ...Pasal Yang Berhormat Segamat sebut pelaburan.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sakit jiwa di bawah Kementerian Kesihatan.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Sakit jiwa ini kena jaga. Macam Tuan Pengerusi lah setakat ini belum ada lagi sakit jiwa. Saya takut Tuan Pengerusi pun kena sakit jiwa. Kita tidak hendak Tuan Pengerusi pun kena sakit jiwa. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Jelebu.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Yang Berhormat Jelebu. Saya menghormati setiap pandangan. Akan tetapi pada masa yang sama, ada kalanya rakan-rakan seperjuangan ini kita tegur-menegur walaupun barisan sini ataupun barisan sana tetapi berkenaan dengan pelaburan, itu bukan sahaja dalam sakit mental. Mana-mana pelaburan khususnya bidang kesihatan kerana negara India ini mempunyai 1.23 bilion rakyat. Maknanya mereka mempunyai kepakaran dalam bidang kesihatan dan memang kalau kita boleh membuka lagi banyak hospital dan juga memang kita patut mengajak mereka, ajak mereka dan juga sama-sama kita melabur bersama mereka untuk membangunkan industri kesihatan di negara ini. Apa salahnya.

Satu cadangan yang baik berkenaan industri kesihatan. Akan tetapi yang pentingnya adalah kebersamaan seperti saudara Yang Berhormat Arau terangkan tadi. Saya rasa perkara ini saya dah beberapa kali berbincang dalam kementerian khususnya keperluan untuk Malaysia untuk membina hubungan yang lebih dengan negara India ini.

■1510

Kita harus menggunakan kekuatan di Malaysia. Kalau kita ada dua juta rakyat Malaysia masyarakat India dan juga sebagainya maka- khususnya ramai masyarakat yang rapat dengan India Selatan Tamil Nadu. Oleh sebab itu kita mendapati walaupun adanya desak desus bahawa negara India ini secaranya tidak mahu membeli akan tetapi kita mendapati dewan-dewan perniagaan dan juga kerajaan Tamil Nadu sendiri merayu kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri India agar tidak berbuat demikian, teruskan.

Itu menunjukkan kerana hubungan kita yang baik. Pada masa yang sama saya ingin juga – saya terfikir zaman saya belajar di sekolah dalam Sejarah Islam dan kita mendapati apabila adanya masalah yang berlaku dan kita mendapati bahawa kepimpinan dan juga kebijaksanaan Baginda Rasulullah Nabi Muhammad SAW bagaimana Baginda menyelesaikan masalah peletakan batu Hajar Aswad pelbagai pihak pegang sebelah dan selesaikan.

Saya rasa perkara ini, kebijaksanaan ini, kita perlu ada pada Menteri-menteri dan juga pegawai-pegawai kita kerana mereka harus fikir yang pentingnya adalah mencari persamaan dan selesaikan masalah bersama. Ini yang sedikit saya belajar saya ingin hanya berkongsi di Dewan ini maka saya rasa ini perkara yang baik kita harus belajar dan juga sebagainya. Saya rasa itu sahaja daripada saya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi, saya hendak dua minit sahaja Tuan Pengerusi hendak menyokong kepada pandangan Yang Berhormat Segamat.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Ya, dipersilakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Inilah seni politik. Kita hendaklah melihat sebagai orang yang sentiasa bertenang dalam berbincang sekali skala bolehlah kita tinggi-tinggi akan tetapi sekarang ini pada keseluruhan jangan lagi kata apa-apa biarlah kita dilihat sentiasa menghormati antara satu sama lain.

Akan tetapi saya berkeras untuk mencadangkan kepada Yang Berhormat Langkawi melantik Yang Berhormat sebagai duta khas sementara waktu sebelum menjadi Yang Berhormat Menteri ke India sebab kalau tidak sudah jawatan itu kosong begitu sahaja. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kuala Kangsar. Sila.

3.11 tgh.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Izinkan saya Tuan Pengerusi untuk memberi sedikit – saya jarang berseloka ataupun berpantun di Dewan ini tetapi hal-hal perselisihan faham dan juga perbezaan pendapat itu saya ingin ungkapkan dalam satu rangkap di sini.

*Berdamai cara kita indah sekali,
Silaturahim hati yang murni,
Maaf diungkap sentiasa bersahut,
Tangan dihulur sentiasa disambut,
Luka pun tidak lagi berparut insya-Allah.*

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Pengerusi, pantun macam tidak betul lah.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Itu adalah ungkapan daripada sajak Usman Awang yang hebat.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sepatutnya sajak dia bukan pantun tadi.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tadi sebut pantun.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Sepatutnya Yang Berhormat Jelebu lagi tahu, sepatutnya Yang Berhormat Jelebu lagi tahu.

Saya terus kepada Butiran 050400 – MIMOS Berhad, Butiran 050500 – SIRIM Berhad. Apakah bentuk kajian yang akan dilakukan oleh MIMOS dalam memastikan segala bentuk pengadaptasi teknologi benar-benar relevan dengan Skala Perindustrian Nasional di setiap sektor di dalam semua industri lebih-lebih lagi Revolusi Industri 4.0 dijangkakan akan mempengaruhi landskap industri negara yang sekian lama menjadi platform ekonomi kepada rakyat menerusi peluang pekerjaan. Sebagai sebuah pusat penyelidikan dan pembangunan, apakah pendekatan baharu yang akan diterapkan oleh MIMOS dalam mewujudkan pembaharuan dalam industri elektronik sebagai usaha mengurangkan kebergantungan negara terhadap import barangan elektronik dari negara-negara seperti Eropah dan Jepun.

Bagaimana SIRIM dapat memanfaatkan peruntukan sebanyak RM35.6 juta untuk memantapkan lagi kajian-kajian yang berasaskan industri khususnya dalam bidang *biomedical* dan teknologi nano. Program-program yang berteraskan inovasi seperti SIRIM, Fraunhofer program Teknologi & Market Radar (TMR) dan *Groom Big*. Program lain, Pembangunan Pusat Kajian Industri Bioteknologi dan Pusat Kajian Teknologi Alam Sekitar dan Perkhidmatan Ujian Pemeriksaan dan Pensijilan menerusi SIRIM, QAS Internasional Sdn. Berhad yang merupakan anak syarikat milik penuh kumpulan SIRIM.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Kuala Kangsar, sedikit sahaja.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Ya, sila.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Kuala Kangsar, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat berkaitan Butiran MIMOS Berhad tadi. Sepanjang penubuhan MIMOS tadi, apakah pandangan Yang Berhormat Kuala Kangsar berkaitan reka bentuk IC yang menjadi nadi bagi setiap reka bentuk satu sistem ini.

Berapa banyak pada pandangan Yang Berhormat Kuala Kangsar, Rakyat Malaysia telah berupaya untuk mencipta dan mereka bentuk *integrated circuit* ini oleh kerana inilah yang menjadi *high value* bagi anak muda rakyat Malaysia. Minta pandangan Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Saya mohon supaya pertanyaan Yang Berhormat Paya Besar dimasukkan dalam ucapan saya.

Saya teruskan Butiran 00206 - Penyertaan Tahunan Dalam Acara Perdagangan Antarabangsa Terpilih.

Apakah acara-acara Perdagangan Antarabangsa yang sudah dijadualkan oleh kementerian untuk dihadiri? Dan apakah peranan atau *niche area* yang akan dimainkan oleh kementerian sebagai wakil negara dalam setiap acara tersebut? Harus dipilih, jangan kita buat secara *general*, mesti ada *niche area*-nya dan apakah syarikat-syarikat berkaitan kerajaan dan swasta yang akan berkolaborasi dengan kementerian dalam acara-acara tersebut? Apakah misi-misi pada tahun 2020 yang akan dijalankan dan negara-negara mana?

Saya terus kepada Butiran 00404 – Program Daya Saing Negara. Bagaimanakah program ini dapat memberi impak kepada Dasar Automatif Nasional yang diberi nafas baharu oleh kerajaan memandangkan banyak negara Eropah sudah pun menghasilkan kereta-kereta

berteknologi tinggi di samping menghasilkan elemen pembaharuan dari aspek kejuruteraan automatik dalam menjadikan kereta buatan mereka *environmental friendly*, dengan izin. Apakah bentuk penelitian yang akan dilaksanakan oleh kementerian menerusi program ini dalam menjadikan industri komoditi negara bersifat kompetitif setanding dan seiring dengan negara-negara pengeluar kereta-kereta berteknologi tinggi khususnya.

Saya terus kepada Butiran 00512– Digital MATRADE, dan Butiran 00513 - E-Trade, Tuan Pengerusi. Apakah aspek atau elemen baharu atau tambah baik yang perlu dilakukan untuk menjadikan digital MATRADE dan e-Trade kekal relevan kepada para pengeksport dan pengimport dalam era ekonomi digital masa kini.

Saya terus kepada Butiran 040000 – Pengukuhan Pelaburan Berkualiti dan Butiran 040200 – Ekonomi Digital. Apakah bentuk penyelidikan yang telah dilaksanakan oleh kementerian dalam mengenal pasti medium digital yang benar-benar selamat dan efisien yang boleh dimanfaatkan oleh peniaga-peniaga runcit yang sering kali mengimport secara pukal barang-barang dari negara China di mana medium digital tersebut dapat membantu golongan peruncit untuk merekodkan aktiviti dagangan mereka dan dalam masa yang sama dapat melakukan perbandingan harga dengan barang-barang dari negara lain.

Dengan penambahan peruntukan sebanyak RM20 juta, apakah kelainan yang akan dipersembahkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia dalam menjayakan segala agenda pelaburan kerajaan.

Tuan Pengerusi akhir sekali, Butiran 030000 – Pengukuhan Perdagangan Antarabangsa, dan Butiran 030200 – Hubungan Perdagangan dan Ekonomi Dua Hala. Minta Yang Berhormat Menteri jelaskan apakah strategi yang bersifat kolaboratif kementerian dalam memperkukuhkan lagi hubungan dan dagangan serantau lebih-lebih lagi dengan negara-negara ASEAN dalam menarik lebih banyak lagi pelaburan.

Adakah kementerian sudah mengintai peluang pelaburan dari mana-mana negara yang berhasrat untuk keluar dari *United Kingdom* berikutan dengan kecelaruan *Brexit* yang melanda Britain dan Kesatuan Eropah. Apakah pendekatan kementerian pada tahun 2020 dalam mengenal pasti negara-negara selain daripada *European Nations* yang berkeupayaan untuk bekerjasama dengan Malaysia dalam aspek penukaran teknologi industri yang boleh memberi impak positif kepada kedayaan hasil melalui aktiviti-aktiviti pembuatan.

Dengan tercetusnya *Trade War* yang sering disebut antara Amerika Syarikat dan China. Apakah ancaman-ancaman baharu yang perlu diberi fokus oleh kementerian untuk mengekalkan hubungan ekonomi negara dengan kedua-dua negara ini tanpa menjejaskan hubungan serantau dengan negara-negara lain yang berprinsipkan anti-China atau anti-Amerika Syarikat. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. Saya menjemput Yang Berhormat Kota Melaka. Selepas itu, Yang Berhormat Kota Tinggi dan Yang Berhormat Tumpat.

3.19 tgh.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tuan Pengerusi, terima kasih memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian.

Saya merujuk kepada maksud pembangunan Butiran 50000 – Dasar Nasional Industri 4.0. Kita lihat memang ini satu dasar yang utama kerajaan yang telah dilancarkan pada tahun 2018, tahun lepas. Program utama yang sedang dijalankan ialah *Beginners Assessment* dan *Matching Grant*.

■1520

Jadi, saya ingin tanya kepada kementerian, berapakah peruntukan untuk *readiness assessment* untuk tahun hadapan? Adakah program-program utama yang lain selain daripada *readiness assessment* dan *matching grant* ini? Seterusnya, saya merujuk kepada Maksud Bekalan bawah Butiran 040200 - Ekonomi Digital. Ekonomi digital sememangnya salah satu teras utama dalam Belanjawan 2020. Saya mohon penjelasan mengenai apakah program di bawah perkara ini yang akan dilaksanakan oleh MITI? Ini kerana kami lihat Dasar Ekonomi Digital ini melibatkan banyak kementerian. Banyak kementerian yang lain juga membincangkan tentang ekonomi digital. Jadi, di bawah skop MITI, apakah program yang akan dilaksanakan? Adakah jumlah kecil sebanyak sekadar RM681,000 mencukupi untuk MITI?

Seterusnya, saya merujuk kepada Butiran 060100 – Persidangan APEC 2020. Jumlah yang agak besar iaitu lebih kurang RM300 juta akan diperuntukkan untuk penganjuran Persidangan APEC. Saya bersetuju bahawa ini memang penting dari segi kepentingan strategi supaya kita dapat meningkatkan pelaburan dan juga memandangkan tahun hadapan adalah Tahun Melawat Malaysia. Maka saya hendak tanya, adakah APEC akan memberi sedikit dana untuk penganjuran tersebut ataupun keseluruhan perbelanjaan Persidangan APEC akan ditanggung oleh Kerajaan Malaysia? Apakah jenis-jenis perbelanjaan utama di bawah perkara ini? Bolehkah untuk meringankan beban kerajaan, kita menjemput pihak swasta untuk menanggung sebahagian daripada perbelanjaan tersebut? Saya minta kementerian Yang Berhormat Menteri untuk menjelaskan. Bagi Dasar Nasional Industri yang tadi saya sebutkan, tahun ini sebanyak RM112 juta diperuntukkan tetapi pada tahun hadapan hanya sekadar RM43 juta sahaja. Jadi, minta penjelasan daripada pihak kementerian. Dengan itu, sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat Kota Tinggi, sila.

3.23 ptg.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Okey, okey. Saya ingat Yang Berhormat Kota Melaka. *Ai, tumbuk karang baru tahu. [Ketawa]*

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Lain macam bunyinya itu.

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Garang.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Kota Tinggi, sabar, sabar.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Yang Berhormat Kota Tinggi punya penumbuk lain macam itu.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Tuan Pengerusi, tegur Yang Berhormat Kota Tinggi, Tuan Pengerusi. Tiba-tiba marah, fasal apa?

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terangkat semua orang.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sudah, jangan kacau, karang betul-betul jadi karang.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Jelebu kena jadi pencinta wanita.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 00206 – Penyertaan Tahunan Dalam Acara Perdagangan Antarabangsa Terpilih. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Sejauh manakah agaknya penyertaan dalam acara antarabangsa ini dapat memberikan gambaran tentang kesediaan industri negara untuk bersaing di peringkat pasaran global? Apakah agaknya sasaran eksport produk buatan Malaysia ini? Apakah agaknya produk yang menjadi pilihan utama bagi negara-negara luar di peringkat global? Bagaimana agaknya penyertaan di arena antarabangsa ini mampu melonjakkan nama produk buatan Malaysia di peringkat global? So, mungkin Yang Berhormat Menteri boleh *update* kan jawapan tersebut.

Seterusnya, kepada Butiran 00200 – Skim Pinjaman Mudah Digital dan Teknologi. Kita tahu yang skim ini ialah untuk membantu perkembangan sektor digital dengan kerjasama daripada pihak Bank Pembangunan Malaysia Berhad. Jadi, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah saya ingin mendapatkan penjelasan. Sejauh mana agaknya pemberian dana ini telah pun memanfaatkan sasarannya iaitu syarikat teknologi dan syarikat-syarikat pengeluaran yang menggunakan teknologi untuk memantapkan operasi mereka? Berapakah jumlah syarikat yang telah pun berjaya memanfaatkan dana sejumlah RM3 juta ini? Adakah menerusi Bajet 2020 ini, sejumlah RM15 juta ini akan juga diperuntukkan melalui skim pinjaman mudah digital dan teknologi ini? Apa yang kita tahu mempunyai sasaran yang sama dan adakah ia juga akan diperluaskan kepada usahawan digital dan juga industri PKS yang berpotensi untuk beralih kepada industri digital?

Seterusnya Tuan Pengerusi, Butiran 00402 – Kajian-kajian Perindustrian. Pada bulan April yang lalu, kita dapat maklumat kementerian telah memaklumkan, mengeluarkan kenyataan bahawa daripada 50,000 usahawan PKS di seluruh negara, hanya 300 sahaja yang telah pun mendaftar bagi proses pemilihan untuk penilaian kesediaan yang dianjurkan oleh pihak kementerian. Jadi, kita difahamkan bahawa MITI akan menghantar penilai mereka untuk mengenal pasti bagi sektor IR 4.0 yang berpotensi untuk diterokai oleh usahawan-usahawan PKS. Jadi, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah apakah itu juga terpakai dalam peruntukan kajian perindustrian yang berjumlah RM3 juta pada tahun 2020? Apa usaha yang dijalankan oleh pihak MITI untuk pihak MITI terus meningkatkan lagi usahawan PKS yang mampu

bersaing dalam dunia teknologi yang ada pada ketika ini? Mungkin Yang Berhormat Menteri pun boleh memberikan sedikit maklumat berkaitan dengan— adakah halangan ataupun kekangan utama yang telah pun dikenal pasti yang menjadi punca kepada kurangnya penyertaan usahawan PKS ke arah teknologi digital? Mengapa agaknya ia masih lagi belum mampu diselesaikan?

Seterusnya Tuan Pengerusi, Butiran 00513 – E-Trade. Melalui inisiatif ini yang dikenali sebagai *Glory 25* ini, sejauh mana agaknya pasaran E-Trade ini mampu memberi dan meningkatkan lagi sumbangan kepada KDNK negara? Terakhir sekali Tuan Pengerusi, Butiran 050400 – MIMOS Berhad. Adakah pihak kementerian telah pun mengenal pasti teknologi-teknologi moden yang akan dibawa masuk ke dalam negara supaya dapat diterjemahkan hasrat kerajaan dalam menuju IR 4.0 ini? Kalau ada, berapakah kos yang perlu ditanggung? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tumpat.

3.27 ptg.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma akan menyentuh sebanyak tiga Butiran dalam peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri peringkat Jawatankuasa ini. Pertama, Butiran 030100 – Hubungan Serantau dan Antarabangsa. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian berkenaan dengan status Perjanjian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) pasca Sidang Kemuncak ASEAN kali ke-35 di Bangkok beberapa minggu yang lalu. Sejauh mana kesan dan pencapaian dalam rundingan tersebut berlangsung? Saya juga ingin mendapatkan penjelasan mengenai pendirian India yang masih tidak memuktamadkan penyertaan mereka dalam RCEP ini. Apakah isu yang dibangkitkan Kerajaan India ketika ini? Apakah RCEP ini akan dimuktamadkan tanpa penglibatan India? Isu seterusnya, baru-baru ini beberapa akaun milik rakyat Iran di Malaysia telah ditutup akibat tekanan yang dipercayai daripada US yang telah mengenakan sekatan terhadap negara-negara lain yang mempunyai hubungan dagang dengan Iran. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan berkenaan hal ini. Berapakah jumlah pemilik akaun yang telah ditutup? Apakah kementerian merangka langkah jangka pendek bagi menghadapi situasi ini?

Tuan Pengerusi, dalam Sidang Kemuncak ASEAN-China Ke-22 di Bangkok juga telah dibangkitkan kebimbangan ASEAN mengenai perang dagang antara US-China yang berlarutan ketika ini. Sudah pasti Malaysia dan ASEAN juga mempunyai tempas terhadap perang dagang yang berlaku ini. Saya ingin mendapatkan *respond* kerajaan berkenaan hal ini. Seterusnya, Butiran 040300 – Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA).

■1530

Saya meneliti pelaburan asing dan pelaburan domestik dalam sektor primer negara bagi bulan Januari sehingga bulan Jun tahun 2019 adalah RM3.9 bilion. Jika dibandingkan dengan sektor pembuatan yang mencecah RM33.2 bilion serta sektor perkhidmatan RM55 bilion. Soalan

saya apakah langkah kementerian meningkatkan pelaburan dalam sektor primer negara khususnya yang melibatkan *agriculture* dan komoditi yang tidak menunjukkan sebarang pelaburan asing terhadap kedua-duanya dalam tempoh yang sama. Mohon penjelasan kerajaan.

Tuan Pengerusi, FDI bagi suku ketiga tahun 2019 adalah RM678.3 bilion, berlaku peningkatan daripada RM667.5 bilion. Manakala pelaburan langsung di luar negeri pula mencatatkan RM510.5 bilion daripada RM509.8 bilion. Saya akui berlaku peningkatan FDI dan DIA, cuma saya ingin mendapatkan maklumat mengenai beberapa perkara. Yang pertama, sejauh mana jangkaan kementerian berlakunya pemindahan teknologi, berlaku dengan peningkatan FDI ditunjukkan bagi tahun 2019 dan berapakah peluang pekerjaan baharu yang berjaya dicipta setakat tahun ini?

Kedua, ramai yang menjangkakan jumlah FDI akan berkurang pada separuh masa kedua tahun 2019. Ini kerana jumlah FDI pada separuh masa pertama tahun 2019 banyak dipengaruhi oleh aset *monetization plan* iaitu dengan penjualan-penjualan aset termasuk aset Khazanah. Jadi saya pohon penjelasan mengenai perkara ini.

Ketiga, selain peningkatan FDI, kita juga perlu mengambil perhatian kedudukan pelaburan antarabangsa yang telah mengalami liabiliti bersih sejak akhir tahun 2018. Kali terakhir kita mendapat aset bersih adalah pada suku ketiga tahun 2017 dengan RM51.5 bilion. Sejauh mana perkara ini diambil perhatian oleh kementerian? Ini kerana kelihatan prestasi yang tidak baik ini berlaku selepas PRU ke-14 yang lalu.

Tuan Pengerusi, seterusnya Butiran 50000 - Dasar Nasional Industri 4.0. Perkembangan industri 4.0 ketika ini memerlukan kerajaan merangka dasar-dasar yang lebih terkedepan menghadapi perkembangan teknologi. Dasar Nasional Industri 4.0 yang dilancarkan kementerian memberi fokus terhadap sektor pembuatan sebagai pemacu perkembangan industri 4.0 dalam negara. *Profiling* geografi sektor pembuatan di negara ini lebih tertumpu di bahagian Barat Semenanjung dengan Selangor 20.4 peratus, Johor 16.4 peratus dan Kuala Lumpur 10.4 peratus. Manakala negeri-negeri lain khususnya negeri-negeri pantai timur yang menunjukkan peratusan yang tersangat rendah.

Justeru, jika tidak ada *leverage* sektor ini ke negeri-negeri lain dibimbangi ketidakseimbangan dan kesenjangan jurang antara wilayah-wilayah ini akan semakin melebar. Justeru, apakah kementerian berhasrat mempertingkatkan perkembangan sektor pembuatan ini ke wilayah pantai timur termasuklah juga di bahagian Sabah dan Sarawak supaya berlaku keseimbangan wilayah dalam proses adaptasi teknologi industri 4.0 kelak.

Seterusnya, sebahagian besar kelompok pemain perindustrian kecil dan sederhana masih berhadapan dengan masalah untuk mengadaptasi perkembangan industri 4.0. Keadaan tersebut di dorong oleh faktor kurangnya kesedaran dan tiadanya suatu *business model* untuk membimbing PKS ini menghadapi adaptasi teknologi terbaharu. Soalan saya, bagaimana kerajaan akan memastikan penglibatan yang optimum daripada PKS dalam menjayakan dasar industri 4.0 ini? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Rasah. Selamat hari jadi Yang Berhormat.

3.34 ptg.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi atas ucapan selamat hari jadi tersebut.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Hendak tanya umur berapa?

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Umur adalah rahsia.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tidak rahsia.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Bukan untuk lelaki.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Akan tetapi, lebih muda daripada Yang Berhormat Jelebu lah kalau tidak silap. *[Ketawa]*.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Nanti Yang Berhormat Rasah belanja minum.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Setuju, setuju Yang Berhormat Rasah.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Nanti kita bincang dekat *lounge*.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sila, sila. Fokus, fokus.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Ya, ya. Tuan Pengerusi, dua perkara sahaja ringkas sahaja petang ini. Perkara pertama berkenaan dengan MIMOS Berhad. Saya nampak peruntukkan bekalan di bawah Butiran 050400 – MIMOS Berhad. Terdapat penambahan peruntukkan untuk tahun 2020 daripada RM36 juta kepada RM50 juta dan di bawah peruntukkan pembangunan di bawah Butiran 01100. Terdapat lonjakan penambahan peruntukkan daripada RM31 juta kepada RM109 juta.

Kita tahu MIMOS Berhad merupakan antara agensi yang sangat mustahak yang memastikan supaya aktiviti R&D kajian dan pembangunan sentiasa relevan, sentiasa bersesuaian dan sentiasa menjadi aspek yang dititik beratkan oleh kerajaan dan juga agensi-agensi di bawah kerajaan supaya teknologi kita sentiasa ke hadapan. Cuma saya bersetuju saya mengalu-alukan penambahan kepada peruntukkan ini. Cuma kalau dibandingkan, kenapa di bawah Butiran 50000 - Dasar Nasional Industri 4.0, peruntukkan dia kurang? Apakah kedua-dua butiran ini di bawah MIMOS Berhad dan di bawah Dasar Nasional Industri 4.0, saya nampak satunya kurang sebanyak RM70 juta, satu lagi tambah RM70 juta. Apakah kedua-duanya ada hubung kait? Ini kerana bagi saya tidak kira apa yang kita buat sekarang yang penting fokus kita.

Saya percaya di bawah MITI sekarang memang fokusnya kepada kajian dan pembangunan ke arah *Industrial Revolution 4.0* (IR4.0) yang mana membolehkan industri yang ada di negara kita sentiasa relevan, sentiasa berdaya saing dalam dunia global. Jadi saya hendak tanya kenapa satu itu tambah, satu lagi kurang?

Perkara kedua yang terakhir saya hendak bangkitkan pada petang ini adalah berkenaan dengan Butiran 060100 - Persidangan APEC 2020. Saya dengar tadi ramai rakan-rakan telah membangkitkan, sebab saya rasa kita semua prihatin terhadap RM300 juta, satu peruntukkan yang besar. Cuma persoalan saya di sini, saya tidak mempertikaikan peruntukkan tersebut

sekiranya peruntukkan tersebut adalah sesuatu yang wajib dibelanjakan, yang diperlukan untuk penganjuran satu *event* yang begitu besar, yang melibatkan lebih 20 negara serantau, yang boleh menghimpunkan pimpinan di pelbagai peringkat sebab ini sidang kemuncak. Kali terakhir kita menjadi tuan rumah pada tahun 1998, 21 tahun dahulu. Tahun depan kita menyambut pimpinan daripada serantau datang ke negara kita.

Cuma persoalan saya, apakah RM300 juta ini dapat memberikan impak positif? Bukan setakat kepada serantau tetapi khasnya kepada tuan rumah, negara kita sendiri. Apakah unjuran keuntungan yang kita jangkakan daripada penganjuran sidang kemuncak APEC ini? Sebab bagi saya, kita tidak mahu setakat menjadi tuan rumah sebab selepas sekian lama ikut giliran sehingga giliran kita, kita jadi tuan rumah, okey itu tanggungjawab serantau kita. Akan tetapi, jauh lebih penting adalah impak apa yang kita dapat? Apakah industri kita? Apakah teknologi moden yang akan menguntungkan kita dan apakah nama Malaysia akan naik tidak kira di mana-mana bidang.

Buka setakat di bidang industri termasuk, sebab tahun depan pun Tahun Melawat Malaysia, apakah disebabkan APEC ini kita boleh tarik sekurang-kurangnya dua juta, tiga juta pelancong asing yang mana menyebabkan mencapai sasaran 30 juta pelancong. Sebab benda-benda macam ini dia ada hubung kait antara satu sama lain. Jadi persoalan saya, saya mohon dapat maklum balas daripada pihak kementerian sekian sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Saya sekarang menjemput Yang Berhormat Pengkalan Chepa dan memandangkan tiada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat berminat untuk berbahas Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh menjawab selepas Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

3.39 ptg.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Tuan Pengerusi, saya terus kepada Butiran 030200 - Hubungan Perdagangan dan Ekonomi Dua Hala. Tuan Pengerusi, saya melihat fungsi butiran ini adalah untuk merancang, menggubal dasar perdagangan dua hala serta melaksanakan promosi perdagangan melalui peningkatan hubungan ekonomi dan perdagangan.

Malaysia telah banyak bekerjasama dengan perdagangan dengan pelbagai negara dan negara-negara serantau seperti ASEAN, NAM, APEC dan CHOGM. Bagaimana pula usaha yang dirintis oleh Malaysia dalam menjalinkan hubungan perdagangan dengan lebih serius dan dinamik dengan organisasi Islam di peringkat dunia seperti OIC.

■1540

Selain itu, kita berhadapan dengan negara umat Islam yang mundur terutama di Benua Afrika. Berdasarkan kepada data sedia ada negara umat Islam memenuhi 22 peratus daripada keseluruhan dunia. Namun disebabkan kelemahan daripada pelbagai sudut negara-negara umat Islam terus dipinggirkan. Saya mencadangkan Malaysia dapat meneroka pasaran baharu,

membuat tinjauan pelaburan dan memajukan sektor pertanian di negara-negara umat Islam yang berkenaan.

Dalam Butiran yang sama lanjutan daripada kerjasama strategik antara Malaysia, Turki dan Pakistan mengenai isu dan cabaran masa depan Islam yang telah dibentuk selepas Perhimpunan Agung Pertubuhan-pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada bulan September lalu, adakah ketiga-tiga negara ini meneroka kerjasama perdagangan *tripartite trade*? Jika ada apakah sektor-sektor yang berpotensi dan nilai dagangan yang dianggarkan.

Kemudian Butiran 030400 — Dasar dan Rundingan Pelbagai Hala. Kedutaan Amerika Syarikat telah menerbitkan laporan pada 1 November lalu bertajuk *Country Reports on Terrorism 2018*. Malaysia dikatakan menjadi sumber titik transit dan destinasi kumpulan pengganas. Ekoran itu saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian berhubung Akta Perdagangan Strategik 2010 (STA) yang bertujuan untuk menangani ancaman pembiayaan pengganas.

Saya difahamkan MITI telah mengeluarkan arahan pelaksanaan *Targeted Financial Sanctions Rating To Proliferation Financing (TFSPF)* di bawah Akta STA pada bulan April 2018. Saya ingin mendapatkan penjelasan, setakat ini adakah terdapat kes-kes mengenai pembiayaan pengganas yang dikenal pasti melanggar perkara yang dilakukan oleh institusi kewangan di bawah bidang kuasa Bank Negara Malaysia dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan?

Kemudian Butiran 050400 — MIMOS Berhad. Tuan Pengerusi, peruntukan tambahan lebih RM14 juta diberikan kepada MIMOS pada tahun 2020. Tidak dinafikan kepentingan MIMOS untuk membantu kerja-kerja penyelidikan, pembangunan dan inovasi selaras dengan Revolusi Industri 4.0. Namun begitu, saya ingin meminta penjelasan daripada kementerian berhubung kes pemecatan presiden ketua pegawai eksekutif dan beberapa senior eksekutif yang lain pada bulan Jun yang lalu atas kesalahan pecah amanah. Berdasarkan laporan *The Edge* pada 13 Jun 2019, semua mereka disiasat di bawah unit audit dalaman dan domestik *inquiries*. Pada masa yang sama kita juga mendapat maklumat luaran yang mendakwa bahawa pemecatan tersebut dibuat untuk menutup skandal kewangan yang melibatkan beberapa projek di bawah MIMOS.

Saya ingin bertanya adakah kes ini telah dilaporkan kepada pihak SPRM? Ini kerana ia melibatkan dana awam. Saya juga mencadangkan agar kementerian meminta Jabatan Audit Negara untuk melakukan audit secara komprehensif supaya dakwaan ini disiasat dengan lebih adil dan telus.

Kemudian butiran terakhir ialah Butiran 040200 — Ekonomi Digital. Tuan Pengerusi, saya melihat penubuhan Majlis E-dagang Kebangsaan (NECC) pada tahun 2015 telah banyak meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara. Berdasarkan data daripada Jabatan Perangkaan Malaysia ekosistem e-dagang Malaysia mencatatkan pertumbuhan yang signifikan kepada KDNK iaitu RM85.8 bilion bersamaan 6.3 peratus.

Berhubung hal ini saya ingin bertanya mengenai Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ). Dalam laporan MITI 2018, DFTZ telah memetik lebih 5,000 usahawan PKS daripada pelbagai sektor untuk menjalankan perdagangan dan perkhidmatan mereka. Saya ingin memohon

penjelasan berdasarkan daripada jumlah tersebut, sejauh mana usaha telah dilakukan untuk menarik lebih ramai usahawan PKS? Pada masa yang sama dapat menggalakkan jenama negara ke persada antarabangsa. Selain itu, adakah terdapat halangan tarif dan bukan tarif yang masih dikenakan ke atas mereka?

Saya rasa itu sahaja Tuan Pengerusi, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih, Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Baiklah, seramai 19 orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab. Masa diperuntukkan 60 minit. Dipersilakan.

3.45 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dr. Ong Kian Ming]: Terima kasih, kepada Tuan Pengerusi, terima kasih juga kepada 19 orang Ahli Yang Berhormat yang telah menyertai diri dalam perbincangan dan juga perbahasan peruntukan kepada MITI. Saya hendak gunakan masa satu jam ini untuk memberi jawapan kepada lapan perkara pokok yang telah dibangkitkan.

Pertama ialah berkenaan dengan Polisi Industri 4.0 ataupun I.R 4.0. Kedua ialah berkenaan dengan perdagangan antarabangsa termasuk isu-isu yang dibangkitkan mengenai MATRADE. Ketiga ialah isu berkenaan dengan FDI dan juga DDI termasuk butiran MIDA dan InvestKL. Keempat ialah terhadap *Free Trade Agreements* ataupun Persetujuan Perdagangan Bebas dengan negara-negara yang tertentu. Lima ialah isu yang hangat iaitu berkenaan dengan APEC. Keenam berkenaan dengan *e-commerce* dan juga *digital trade*. Ketujuh berkenaan dengan Dasar Automotif Kebangsaan (NAP) yang akan diumumkan dalam masa tidak lama lagi. Kelapan ialah mengenai kawasan perindustrian yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Gudang tadi.

Untuk isu yang pertama Tuan Pengerusi, Industri 4.0 memang adalah satu polisi yang penting bukan sahaja kepada MITI tetapi juga kepada seluruh negara. Satu isu yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat ialah mengenai *readiness assessment* yang telah bermula pada tahun 2019.

Matlamat utama *readiness assessment* ini adalah untuk memberi satu gambaran dan juga satu laporan yang lebih tepat dan juga lebih terperinci kepada syarikat SME dalam sektor pembuatan dan ini dibekalkan secara percuma kepada mereka yang layak. Antara permohonan yang telah diberikan kepada pihak MITI lebih daripada 300 telah diluluskan. Buat masa sekarang sampai ke November 2019 *readiness assessment* yang telah dijalankan oleh pihak MIMOS, pihak MARI dan juga pihak SIRIM adalah 76 syarikat. Jadi pihak MITI juga dalam usaha untuk menambahkan lagi *assessing bodies* yang diiktiraf oleh MITI supaya kita ada lebih *assessing bodies* yang boleh membuat *readiness assessment* untuk tahun 2020.

Untuk makluman Yang Berhormat Kota Melaka yang telah tanya tentang peruntukan untuk tahun 2020. Jumlah adalah RM10 juta yang akan dibekalkan untuk 400 ratus syarikat SME. Memang tidak boleh dinafikan bahawa dari segi prestasi kita memang boleh pertingkatkan lagi pendedahan kepada SME dalam sektor pembuatan.

Tadi Yang Berhormat Parit Sulong ada kata 980,000 SME yang terlibat dalam *readiness assessment*. Sebenarnya, tidak, hanya 50,000 SME daripada jumlah satu juta SME adalah dalam sektor pembuatan. Ini adalah sasaran untuk Industri 4.0 di bawah kawalan dan juga tanggungjawab MITI.

Salah satu cara yang saya rasa adalah penting adalah untuk mempromosikan *readiness assessment* ini bersama dengan NGO-NGO yang berkenaan seperti FMM ataupun dengan *service provider* seperti bank dan juga *accounting firm* yang memberi servis kepada sektor SME.

Tadi Yang Berhormat Kota Tinggi juga ada bangkitkan soalan, apakah cabaran ataupun kesusahan untuk memberi pendedahan kepada pihak SME dari segi melibatkan diri dalam *journey* I.R 4.0. Salah satu isu ataupun cabaran yang dihadapi oleh SME di sektor pembuatan ialah gambaran mereka terhadap Industri 4.0 ini ialah kita mesti membelanjakan duit yang banyak untuk automasi dan sebagainya. Salah satu cara yang kita mesti mengurangkan kebimbangan mereka ialah memberi mereka contoh bahawa penglibatan mereka dalam I.R 4.0 ini tidak semestinya melibatkan perbelanjaan dari segi *capital investment* yang begitu tinggi tetapi ada contoh yang baik di mana perbelanjaan boleh bermula dalam cara yang mungkin lebih murah dan lebih berpatutan dengan skala dan juga saiz SME yang berkenaan.

■1550

Selepas ini, selepas *RA funding* telah dikemukakan dan RA telah dilaksanakan kepada syarikat SME ini, langkah yang seterusnya ialah untuk memperkenalkan *business intervention funding (BI Funding)* dan *BI funding* ini adalah diberikan secara *matching grant*. RM500 ribu akan disalurkan kepada mereka yang layak dan hanya mereka yang telah melalui *readiness assessment* boleh memohon *business intervention funding* ini dan *matching grant* ini adalah sampai RM500 ribu dengan cara *matching*, 70 peratus oleh pihak kerajaan dan 30 peratus oleh pihak SME yang berkenaan.

Saya rasa ini adalah satu kadar yang berpatutan dan boleh membantu SME untuk bermula ataupun untuk melanjutkan *Industry 4.0's journey* mereka. Dari segi SME yang mungkin ada *funding requirement* yang lebih besar, pihak MIDA juga memberikan *Domestic Investment Strategic Fund (DISF)* di mana *matching grant* ini boleh sampai ke RM10 juta, *matching grant* secara 60 peratus dan 40 peratus. 60 peratus disalurkan oleh kerajaan dan 40 peratus disalurkan oleh pihak yang berkenaan.

Yang Berhormat Sungai Petani juga ada bangkitkan isu penglibatan agensi-agensi lain di bawah MITI seperti SIRIM untuk melibatkan diri dalam *Industry 4.0* ini. Saya hendak maklumkan kepada Yang Berhormat Sungai Petani, walaupun Yang Berhormat tidak ada di dalam Dewan yang mulia ini, SIRIM memang ada satu *Smart Innovation and Manufacturing Center*. Saya jemput Yang Berhormat Sungai Petani dan juga Ahli Yang Berhormat yang lain

yang ingin mengetahui lebih tentang *capacity* yang telah dibina di dalam SIRIM dari segi *smart manufacturing* untuk pergi melawat *Smart Innovation and Manufacturing Center* ini.

Jikalau perlu jemputan dari pihak menteri ataupun saya, kita memang boleh mengaturkan. Pihak *Malaysia Automotive Robotics and Internet of Things Institute* (MARii) sebelum ini dikenali sebagai *Malaysia Automotive Institute* (MAI), juga ada *capacity IoT* dan juga *big data* terutamanya di sektor automotif dan telah menjalankan beberapa program *training* untuk pelatih TVET dan juga dalam sektor automotif. MIMOS juga ada *capability* ataupun *capacity* dari segi *big data analytics* (BDA) dan semua agensi ini terlibat dalam *Industry 4.0* dan terlibat dalam *training* yang akan dan sedang diberikan kepada pelajar yang ada tunjuk minat.

Semua agensi ini sudi bekerjasama dengan industri supaya pelan pelaksanaan IR4.0 ini boleh dijalankan dan dilaksanakan dengan baik. Isu yang kedua ialah tentang perdagangan antarabangsa...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sikit boleh? Sikit boleh?

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sila.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada sebut fasal *Malaysia Automotive Robotics and IoT Institute* (MARii). Maknanya, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, bagaimana sistem pengangkutan pintar yang sedang dibangunkan oleh MARii ini membolehkan anak-anak muda khususnya pelajar-pelajar sekolah di luar bandar memahami.

Ini sebab bagaimana institut daripada MAI berpindah atau di-*transform* kepada MARii ini adalah satu tindakan yang terbaik. Saya puji kementerian kerana mengubah dan mengikut trend. Cumanya, saya punya kerisauan, bagaimana maklumat dan strategi ini hanya berada di bandar-bandar besar. Ia tidak turun kepada sekolah-sekolah di luar bandar dan bagaimana anak-anak di luar bandar untuk mempunyai minat dalam bidang STEM ini. Kerana apa? Saya nampak inilah masa depan negara bergantung kepada keupayaan dan kecekapan MARii itu sendiri. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dr. Ong Kian Ming: Pihak MITI dan juga agensi di bawah MITI seperti MARii, memang sudi bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk turun padang dan memberi pendedahan kepada murid-murid di luar bandar termasuk di kawasan Paya Besar jikalau perlu untuk memberi gambaran yang lebih tepat kepada mereka tentang *Industry 4.0*. Apa yang saya rasa lebih berkesan ialah tidak untuk menunjukkan secara fakta-fakta saja.

Akan tetapi, menunjukkan secara misalnya, ada robot, *robotics technology* yang boleh dibawa ke sekolah-sekolah terutamanya di kawasan luar bandar. Ini supaya murid-murid boleh lihat dengan mata sendiri bagaimana *Industry 4.0* ini boleh membantu mereka dari segi pekerjaan, dari segi teknologi, dari segi pembelajaran di masa depan termasuk kalau mereka hendak masuk ke TVET ataupun pergi ke universiti.

Okey, saya terus kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pontian tadi tentang jumlah eksport dan juga penurunan eksport dan juga kenaikan import. Saya rasa Yang

Berhormat Pontian tidak sepatutnya untuk menilai angka untuk bulan September 2019 sahaja tetapi yang lebih tepat ialah jikalau kita boleh menilai angka dari Januari sampai ke September. Ini di mana tidak dinafikan, eksport telah turun 1.1 peratus dan import juga turun 2.2 peratus.

Akan tetapi, pada masa yang sama, kerana import turun lebih daripada eksport, *trade surplus* Malaysia telah naik 15.3 peratus kepada lebih kurang RM101 bilion. Jadi, untuk memberi sedikit perbandingan jikalau kita kira dalam mata wang USD, eksport Indonesia turun lebih daripada Malaysia dalam jangka masa yang sama turun lapan peratus, import turun sembilan peratus. Eksport *Republic of Korea* turun 9.8 peratus, import juga turun 4.7 peratus. Jadi, dalam rantau Asia dan juga Asia Tenggara ini, Malaysia boleh dikatakan masih lagi kekal dalam status yang boleh dikatakan masih baik lagi dari segi angka perdagangan. Jadi...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat...

Dr. Ong Kian Ming: Bukan saja Malaysia yang dapat kesan tetapi negara lain juga. Ya.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Kenapa kita tidak bagi contoh negara yang eksportnya meningkat dan importnya menurun? Kalau kita hendak mencari alasan, kita boleh mencari sebagaimana Yang Berhormat sebut. Apa salahnya kalau kita mencari alasan dan perbandingan pada negara yang lebih baik pada kita?

Saya juga tadi bertanya negara mana yang mengurangkan pembelian eksport kita itu? Apa pandangan Yang Berhormat tentang apa yang berlaku ini sepatutnya apabila ringgit jatuh, eksport kita meningkat, import kita menurun. Akan tetapi, ia berlainan berlaku dalam negara kita, terbalik pula daripada kebiasaan fakta ekonomi.

Dr. Ong Kian Ming: Dari segi ekonomi...

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Ong Kian Ming: Kita perlu lihat trend dalam jangka masa yang lebih tinggi. Kita tidak boleh lihat macam bulan ini, ringgit naik, selepas itu eksport semestinya turun ataupun bulan ini ringgit turun, eksport semestinya naik ataupun import semestinya turun. Kita perlu *look at long-term trend*, dengan izin.

Saya juga hendak memberitahu Yang Berhormat Pontian, sebenarnya perang perdagangan di antara Amerika Syarikat dan juga China ini memang tidak memberi manfaat yang positif dari segi jangka masa pendek dan juga panjang kepada negara seperti Malaysia yang memang memberi keutamaan kepada perdagangan. *Trade to GDP ratio Malaysia* lebih daripada 140 peratus bersama dengan negeri seperti Singapura, *Thailand* dan juga Vietnam.

Akan tetapi, *because we cannot do anything about the US-China trade war*. Kita memang tidak boleh mempengaruhi apa yang berlaku di antara dua negara ini. Apa yang kita boleh buat ialah supaya kita boleh menarik lebih banyak pelaburan dari segi FDI dan juga meningkatkan DDI. Saya akan menyentuh perkara ini dalam butiran ketiga.

Saya teruskan kepada isu MATRADE. MATRADE terus membantu golongan PKS dan juga memberi sokongan dan juga mengaturkan program untuk menggalakkan golongan

bumiputera, wanita dan juga remaja untuk mempertingkatkan pendedahan mereka kepada program perdagangan seperti eTRADE. Untuk makluman Yang Berhormat Parit Sulong, program eTRADE telah mendapatkan penyertaan sebanyak 618 syarikat milik bumiputera, 843 syarikat milik wanita dan 35 syarikat milik belia.

Program eTRADE ini memang membawa manfaat yang baik kerana kita memberi satu ruang dan juga *training* kepada PKS supaya mereka boleh mempromosikan produk mereka secara *ecommerce* dalam beberapa platform. Jadi, untuk pihak MATRADE, kita tidak kata, oh, mesti mempromosikan di satu platform antarabangsa ataupun di satu platform yang dimiliki oleh negara dan syarikat Malaysia sahaja. Akan tetapi kita memberi pilihan kepada syarikat PKS untuk memilih platform yang bersesuaian. Mungkin ada yang suka memilih *Facebook*, mungkin ada yang suka memilih *Amazon*, mungkin ada yang suka memilih *Alibaba* dan sebagainya.

■1600

Apa yang e-Trade salurkan ialah jumlah sebanyak RM5,000 untuk buat *listing fee*. Sebagai *listing fee* yang diberikan kepada syarikat PKS ini supaya mereka boleh memaparkan produk mereka di landasan-landasan *e-commerce* yang saya telah sebut tadi.

Daripada segi mempromosikan produk halal. Saya juga hendak mengambil kesempatan ini untuk memberi sedikit berita baik di mana pihak MATRADE melalui *Export Acceleration Missions* yang dijalankan pada 4 hingga 8 November khusus untuk mempromosikan *halal products* di *Tokyo Olympics 2020* telah memberi hasil yang saya rasa amat menggalakkan. Daripada 21 buah syarikat yang melibatkan diri dalam program MATRADE ini, pihak MATRADE telah mengendalikan dan menjalankan 192 *business matching session*, dengan izin. Hasil daripada *business matching session* ini adalah jumlah sebanyak RM37.2 juta daripada segi penjualan. Program ini akan diteruskan sempena Sukan Olimpik yang dianjurkan di Tokyo, Jepun pada tahun 2020.

Daripada segi produk yang lain juga, tak kira dari Paya Besar, sate Paya Besar ataupun sate Kedah ataupun produk lain dari Paya Besar, dari Pontian, dari Parit Sulong, pihak MATRADE memang sudi memberi kerjasama supaya kita boleh memberi bantuan daripada segi mempromosikan produk buatan Malaysia di luar negara.

Saya hendak memberi satu contoh. Satu contoh yang saya rasa adalah satu contoh yang baik ialah satu produk yang dinamakan sebagai *Nang Ori*. *Nang Ori* ini adalah produk lada hitam dan juga lada putih Sarawak. Apabila peniaga ini mula berniaga di satu Pasar Borneo di Seri Kembangan iaitu di kawasan saya, peniaga ini mula mendapatkan pendedahan daripada segi perniagaan. Selepas mendapatkan pendedahan dan juga pengalaman seperti itu, syarikat *Nang Ori* ini telah melibatkan diri dan pergi ke bandar Nanning di *Guangxi Provinces* di Negara China untuk membuat promosi di bawah *China-ASEAN Expo*.

Hasil daripada *sponsorship* yang diberikan oleh MATRADE ini, *business Nang Ori* ini telah bertambah dengan secara yang begitu banyak dalam cara yang begitu menggalakkan. Akibat daripada ini, memang ada banyak lagi peluang untuk PKS seperti ini untuk menambahkan lagi perdagangan antarabangsa mereka.

Jadi tidak kira PKS ataupun syarikat-syarikat besar, pihak MITI dan juga MATRADE memang sudi membantu mereka untuk mempromosikan pembuatan ataupun pengeluaran buatan Malaysia.

Isu yang ketiga ialah tentang FDI dan juga DDI...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Timbalan Menteri, MATRADE sedikit.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sila.

Dr. Ong Kian Ming: Saya rasa oleh sebab tiada masa...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tak, saya tanya tadi tetapi Menteri tak jawab.

Tuan Pengerusi, saya ada bertanya berkaitan apakah hasil penyertaan syarikat makanan dan minuman dalam Pameran Perdagangan Antarabangsa Jepun 2018. Kita telah sertai, dan apakah hasilnya? Apakah perjanjian atau *trading* yang telah dibuat. Itu yang pertama.

Kedua, Jawatankuasa Eksport dan Promosi Halal Malaysia yang ditubuhkan oleh MATRADE. Berapa banyak syarikat PKS Malaysia yang dapat menjadi pembekal halal dalam Sukan Olimpik Tokyo 2020?

Dr. Ong Kian Ming: Tadi saya sudah beri angka RM37.2 juta dari segi hasil penjualan, 192 *business matching session*, dan dari segi butiran yang lebih lanjut lagi saya boleh beri secara jawapan bertulis kepada Yang Berhormat.

Okey, untuk isu yang seterusnya ialah tentang FDI dan juga DDI. Tadi Yang Berhormat Parit Sulong telah bertanya soalan tentang *Invest KL*, dan apakah prestasi mereka daripada segi menarik global MNC untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai *regional* ataupun *global hub* mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat Parit Sulong, setakat bulan November 2019, *Invest KL* telah berjaya menarik 87 MNC untuk menjadikan KL sebagai *regional hub* mereka. Saya rasa akibat daripada perang perdagangan di antara Amerika Syarikat dan China, kita ada lebih banyak lagi peluang untuk menarik global MNC untuk menjadikan Malaysia sebagai *regional hub* mereka.

Sebagai beberapa contoh yang saya hendak maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, pada tahun 2019 iaitu tahun ini, 10 MNC telah menjadikan KL sebagai *regional hub* mereka termasuk *Zalora* iaitu satu syarikat di bawah *e-commerce*, *MedLife* syarikat insurans, dan juga EBB dalam segi robotik. Jadi saya rasa ini memang menunjukkan bahawa *Invest KL* dan juga *investment promotion agency* yang lain telah menunjukkan prestasi yang begitu baik daripada segi menarik pelabur asing.

Untuk soalan mengenai *Malaysia Global Talent Program*, ia berjaya mewujudkan 8,358 pekerjaan serantau. Setakat ini, 40 MNC sedang berkolaborasi dengan universiti tempatan di bawah *Malaysia Global Talent Program* ini.

Tadi Yang Berhormat Pendang juga ada tanya soalan tentang status ITA dan juga PIA. Untuk makluman Yang Berhormat Pendang, PIA ataupun *Promotion of Investment Authority Act* ini adalah di bawah tanggungjawab MITI dan untuk ITA- *Income Tax Act* ini adalah di bawah tanggungjawab MOF. Kita sedang bekerjasama dengan MOF untuk *update* PIA supaya ia boleh

memberi satu polisi yang lebih tepat lagi daripada segi industri dan juga aktiviti yang kita hendak menarik ke Malaysia.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Sebagai contoh, *area of focus* dari segi sektor pembuatan di bawah MITI ialah berikutnya ada lima *sector of focus* ataupun *area of focus* iaitu E&E- *machinery and equipment, medical devices, aerospace, dan chemicals*. Semua sektor ini adalah sektor yang penting daripada segi industri dan juga dari segi perdagangan antarabangsa...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Sekejap Menteri.

Dr. Ong Kian Ming: Ya, Yang Berhormat Pendang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Sedikit. Terima kasih Yang Berhormat Menteri dengan jawapan-jawapan ini. Cuma saya hendak minta peranan yang dimainkan oleh MITI untuk mengimbangkan kemajuan setiap negeri dalam *industrial estate*. Setiap negeri ada *industrial estate*. Jadi peranan MITI, adakah ini juga termasuk untuk membangunkan negeri-negeri yang ada *industrial estate* ini. Sila, beri komen.

Dr. Ong Kian Ming: Saya rasa isu ini juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pontian tadi di mana ada insentif *less developed area*- insentif cukai untuk LDA- *less developed area* termasuk kawasan mungkin seperti Pendang dan juga mungkin seperti Pontian di mana cukai insentif untuk 10 tahun boleh diberikan.

Jadi ini adalah satu cara di mana pihak MITI bersama dengan *investment promotion agency* di negeri-negeri berkenaan boleh bekerjasama untuk menarik pelabur untuk pergi ke tempat yang boleh dikatakan tidak- *less developed area*. Bukan kawasan yang telah dibangunkan seperti di Kuala Lumpur misalnya, ataupun di Selangor...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, Timbalan Menteri.

Dr. Ong Kian Ming: Nanti, saya habiskan tentang Sedenak. Tadi ada tanya tentang Sedenak kan?

Sedenak- Kawasan Industri Sedenak itu memang ada potensi yang besar. Saya pun pernah melawat ke kawasan industri sana, kerana ada satu kilang *yarn* dari negara China yang telah melabur dengan jumlah yang besar.

Akan tetapi saya rasa tempat kawasan industri ini adalah di bawah JCorp, dan saya rasa Yang Berhormat Pontian juga tahu. Apa yang kita mesti buat daripada segi kawasan industri ialah supaya kita ada satu polisi di mana pemilik tanah itu mesti ada tanggungjawab untuk memajukan tanah, bukan sahaja untuk menjual tanah sahaja, tetapi infrastruktur seperti elektrik, air dan sebagainya tidak diletakkan sebelum kita menarik pelabur untuk buat pelaburan di kawasan seperti di Sedenak.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya ingin bertanya, apa yang terjadi di *Sedenak Industrial Park* itu dengan hasrat sebelum ini *Microsoft* bercadang untuk membuka satu kilang yang besar di situ. Apa jadi tentang perbincangan dengan *Microsoft*?

■1610

Kedua ialah *less developed areas* (LDA) dengan segala insentif yang diberikan tetapi kurang diambil oleh pelabur, mungkin kerana MIDA tidak bersungguh-sungguh untuk membawa, kerajaan negeri tidak bersungguh-sungguh untuk membawa ke kawasan-kawasan kilang di luar bandar. Sekiranya ia perlu mendapat usaha yang lebih agresif supaya LDA ini betul-betul berjaya.

Dr. Ong Kian Ming: Untuk isu pelaburan *Microsoft*, perbincangan itu masih dalam status perbincangan. Oleh sebab ini adalah isu rahsia di antara pihak MIDA dan juga pihak *Microsoft*, saya tidak boleh mendedahkan lebih maklumat tentang pelaburan ini. Akan tetapi saya yakin bahawa pihak MIDA dan juga pihak kerajaan negeri termasuk *investment promotion agency* di negeri-negeri yang berkenaan boleh bekerjasama secara profesional. Tidak kira sama ada negeri adalah di bawah Barisan Nasional ataupun di bawah PH, kita memang terus bekerjasama.

Saya hendak memberikan satu contoh misalnya MCKIP. MCKIP ini berada di kawasan Kuantan. Walaupun pihak *investment promotion agency* adalah di bawah negeri pembangkang iaitu di negeri Pahang tetapi pihak MITI memang bekerjasama dengan negeri Pahang supaya kita boleh membawa lebih ramai pelabur untuk masuk melabur di MCKIP.

Jikalau mana-mana kerajaan negeri pun hendak membekalkan tanah secara percuma atau secara diskaun sebagai satu cara untuk menarik pelabur untuk masuk ke negeri-negeri tertentu terutamanya di kawasan yang terpencil, pihak MITI dan MIDA memang sudi bekerjasama untuk membangunkan kawasan luar bandar tidak kira di Pahang, Johor, Sabah ataupun di Sarawak....

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: [Bangun]

Dr. Ong Kian Ming: Ya, ada berkenaan kah?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Pengerusi.

Dr. Ong Kian Ming: Ini kerana masa suntuk.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Ya lah yang berkenaanlah sebab di bawah *Invest KL* ini ada tiga perkara yang saya hendak tanya daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Pertama, Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tadi berkaitan *Malaysia Global Talent* yang saya telah bangkitkan dalam penghujahan. Saya hendak tanya daripada jumlah Yang Berhormat Timbalan Menteri sebutkan tadi, berapa ramai yang telah diserapkan dalam *multinational company* kerana kita tidak boleh ukur dengan berapa ramai yang terlibat tetapi berapa ramai diserapkan. Tahun 2015, ASEAN telah membuat satu inisiatif supaya *Malaysian undergraduate internship* dalam negara ASEAN, apakah inisiatif ini masih diteruskan?

Kedua, WKB merangsang *shared prosperity* atau kemakmuran bersama. Bagaimana MIDA melihat untuk melabur di kawasan-kawasan LDA ini?

Ketiga, Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah pergi ke MCKIP. Bagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri melihat unjuran keuntungan MCKIP ini kerana apa semasa kita buat dahulu ramai yang fitnah tetapi hari ini dilihat sebagai salah satu peluang yang lebih besar di bawah pentadbiran hari ini. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dr. Ong Kian Ming: Saya tidak ada maklumat tentang berapa jumlah *trainee* yang telah diserapkan, nanti saya boleh bagi secara bertulis. Untuk *MyASEAN Internship Programme* ini memang- sejauh mana...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Timbalan Menteri...

Dr. Ong Kian Ming: ...Yang saya tahu...

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sebelum pergi ke tajuk lain, minta sedikit.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Padang Serai.

Dr. Ong Kian Ming: Ada berkenaan tidak?

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Ada.

Dr. Ong Kian Ming: Okey, sila.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Saya tengok MITI membawa kilang-kilang dari luar negara masuk ke negara kita, bagaimanakah MITI memainkan peranan yang penting untuk agar kilang-kilang di Malaysia tidak berhijrah ke tempat lain.

Pada masa ini, di kawasan saya – First Solar akan menutup satu kilang dan berhijrah ke Vietnam. Lebih kurang 400 orang akan kehilangan kerja, bagaimana? Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dr. Ong Kian Ming: Saya rasa itu adalah satu soalan yang baharu tetapi saya cuba untuk menjawab. Apabila mana-mana syarikat ada aktiviti berkembang ataupun untuk konsolidasi ataupun *rationalize their operation* dalam Malaysia, memang mungkin ada kehilangan pekerjaan. Akan tetapi apa yang mesti dibuat oleh pihak MITI dan juga MIDA ialah untuk memberi keyakinan bahawa ada lebih ramai pelabur yang akan datang ke Malaysia termasuk di kawasan Kulim dan juga Padang Serai untuk memberi lebih banyak peluang pekerjaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, memang di kawasan selatan Kedah dan juga di kawasan Pulau Pinang terdapat kekurangan pekerja dalam sektor pembuatan. Ini menunjukkan bahawa pelabur asing ada keyakinan yang besar kepada pelaburan mereka di Malaysia.

Untuk *MyASEAN Internship Programme* ini ya memang berterusan tetapi bukan di bawah kawalan MITI. Ini adalah di bawah kawalan TalentCorp. Jadi, kalau ada apa-apa soalan lanjut sila tujukan soalan itu kepada pihak TalentCorp.

Tadi Yang Berhormat Paya Besar juga membangkitkan isu tentang *global competitiveness* dan juga produktiviti termasuk isu *World Bank Ease of Doing Business*. Untuk makluman Yang Berhormat, kita ada satu jawatankuasa yang telah dipulihkan iaitu Jawatankuasa PEMUDAH. *This is public-private partnership* yang dipengerusikan oleh KSN dan juga wakil daripada sektor swasta. Di bawah PEMUDAH ada beberapa jawatankuasa yang telah ditubuhkan untuk memastikan bahawa bukan sahaja ranking Malaysia dalam *World Bank Ease of Doing Business* ini boleh terus naik tetapi daripada segi subsektor ataupun sub indeks yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Paya Besar tadi, isu-isu yang ada masalah bukan sahaja dari

segi *trade, ease of doing trade* tetapi daripada segi *ease of registration of business*, Malaysia menduduki tempat yang boleh dikatakan kurang memuaskan. Lebih daripada 140.

Jadi ada banyak lagi ruang di mana kita boleh bekerjasama dengan agensi-agensi yang berkenaan untuk meningkatkan prestasi Malaysia daripada segi *Global Competitiveness Index* ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, *Malaysia Productivity Corporation* adalah berperanan sebagai sekretariat kepada PEMUDAH dan ini juga salah satu cara di mana MITI memainkan peranan yang penting dalam memastikan bahawa cara kita untuk menarik lebih ramai pelabur ke Malaysia boleh dipertingkatkan dan ditambah baik.

Salah satu cara yang pihak MITI bersama dengan pihak MOT telah bekerjasama untuk mempercepatkan permohonan dari segi pelaburan asing dan juga DDI ialah penubuhan NCI atau *National Committee on Investment I* dan II. Ini adalah untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tebrau tadi tentang kelewatan dari segi permohonan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, NCI I dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan juga Yang Berhormat MITI. Apabila kita ada NCI I, bukan seperti dahulu di mana apa yang diputuskan oleh NCI mesti dibawa kepada Kementerian Kewangan untuk mendapatkan kelulusan. Akan tetapi oleh sebab kita ada dua orang Menteri yang mempengerusikan NCI I, keputusan boleh dibuat dalam mesyuarat NCI I juga dan kelulusan boleh diberi serta-merta. Jadi ini juga boleh menambah baik masa untuk memproses permohonan pelaburan asing.

Untuk isu pembangunan halal yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Parit Sulong tadi. Saya hendak memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, insentif untuk Taman Industri Halal di bawah *Halal Development Corporation* dan juga di bawah NCI I atau NCI II, memberi manfaat pengecualian cukai untuk 10 tahun. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Pakatan Harapan terus memberi galakan untuk membangunkan industri halal di Malaysia.

Itu sahaja untuk FDI dan juga DBI. Isu yang seterusnya- maaf. Minta maaf. Salah satu cara di mana pihak MITI dan juga MIDA mahu menggalakkan lebih banyak DDI ialah di bawah *Domestic Investment Strategic Fund*. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, DISF di bawah RMKe-11 telah meluluskan dana sebanyak RM980 juta untuk *domestic industry* di dalam sektor pembuatan dan juga dalam sektor perkhidmatan.

Isu yang keempat yang saya hendak bangkitkan ialah tentang FTA. Ada dua perkara yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat, satu ialah tentang CPTPP. Saya hendak memberitahu Yang Berhormat Pendang dan juga Yang Berhormat Pengkalan Chepa ataupun siapa ada tanya. Kerajaan setakat ini belum lagi membuat keputusan untuk meratifikasikan CPTPP.

■1620

Jadi kita masih lagi menilai *cost benefit* untuk meratifikasikan CPTPP ini. Untuk RCEP ada beberapa Yang Berhormat telah tanya kenapa India semacam hendak menarik diri daripada RCEP. Saya tidak boleh mendedahkan butiran terperinci tentang sebab kenapa India

semacamnya mahu menarik diri tetapi pihak *ASEAN Secretariat* telah mengeluarkan satu kenyataan media semalam tentang RCEP dan apa yang dimaklumkan dalam kenyataan media ini ialah kita memang berhasrat untuk menandatangani RCEP pada tahun 2020. Ada 20 bab yang telah dipersetujui oleh 15 buah negara di bawah RCEP dan lebih kurang 20 bab ini boleh ditandatangani pada masa yang terdekat dalam tahun hadapan.

Untuk negara India masih ada lagi beberapa isu yang besar yang belum dapat diselesaikan di bawah RCEP dan kami memang mahu India untuk terus bersama dengan 15 negara dalam RCEP. Kita akan cuba sedaya upaya Malaysia sebagai negara supaya kita boleh menilai sama ada permintaan yang dimohon oleh pihak India ini adalah berpatutan dan boleh dipersetujui semua pihak di bawah 15 negara yang telah bersetuju lebih kurang dengan 20 bab ini. Ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sikit sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri, sikit sahaja.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya difahamkan dalam satu laporan menyebut bahawa India ragu terhadap RCEP kerana RCEP kemungkinan akan menjejaskan industri domestiknya. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang perkara itu? Bagaimana tentang Malaysia pula?

Dr. Ong Kian Ming: Okey. Untuk makluman Yang Berhormat Pontian, daripada segi *trade imbalance*, India memang ada satu *trade deficit* yang telah bertambah besar. Ini tidak melibatkan *trade* dalam *services*- hanya *goods* ya. Salah satu kebimbangan India yang telah dilaporkan dalam media massa ialah selepas menandatangani RCEP mereka bimbang bahawa import dari sektor pembuatan, *in term of goods* dari negara seperti Malaysia ataupun negara China akan masuk dengan kadar yang lebih tinggi ke negara India. Ini bukan keadaan di Malaysia kerana daripada segi *trade*, Malaysia telah mengalami satu *trade surplus* selama lebih kurang 20 tahun. Lebih daripada 20 tahun, sejak tahun 1998.

Jadi, apabila kita menandatangani RCEP, oleh sebab sektor pembuatan adalah sektor yang begitu rancak di Malaysia, ia boleh menambahkan lagi *trade surplus* yang Malaysia mengalami kerana ia boleh membesarkan pasaran Malaysia termasuk ke negara seperti India jikalau mereka menandatangani RCEP. Jadi, kebimbangan yang telah dilaporkan dari segi Kerajaan India adalah tidak sama dengan Malaysia kerana sektor ekonomi dan sektor pembuatan kita adalah amat berbeza berbanding dengan India.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Beluran.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Ada tulisan yang mengatakan bahawa tidak banyak akan berubah sama ada RCEP akan dimeterai atau tidak kerana sebahagian besar daripada anggota yang akan menandatangani RCEP ini mempunyai bilateral *trade agreement* antara negara masing-masing. Jadi, dari segi impaknya tidak akan banyak membuat perubahan kerana adanya bilateral. Sejauh mana tanggapan sedemikian?

Dr. Ong Kian Ming: Ya, itu soalan yang baik oleh Yang Berhormat Beluran. Apa yang saya hendak tegaskan ialah buat masa sekarang memang tidak boleh nafikan bahawa Malaysia dan juga negara ASEAN ada FTA yang sedia ada dengan negara-negara yang lain, ASEAN+6 itu. Akan tetapi apa yang saya hendak tegaskan ialah RCEP ini ada 20 bab dan bukan sahaja melibatkan *trade* dalam *goods and services* tetapi ada juga bab untuk memperkasakan SME, ada bab untuk memperkasakan lagi penglibatan sektor-sektor yang berlainan dari segi perkhidmatan dan juga dari segi pembuatan.

Jadi, tahap ataupun standard RCEP adalah lebih tinggi berbanding dengan FTA yang sedia ada di antara ASEAN dan negara-negara di bawah RCEP. Jadi, apabila kita telah menandatangani RCEP, butir-butiran seperti yang telah ditandatangani boleh dipaparkan dan diberikan kepada orang umum supaya mereka boleh lihat bagaimana RCEP ini boleh membantu beberapa sektor yang penting di Malaysia termasuk sektor PKS. Okey, saya terus kepada isu ISDS yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jasin tadi.

Saya hendak beritahu Yang Berhormat Jasin buat masa sekarang kerajaan tidak ada niat untuk mengkaji semula ISDS secara *bilateral investment treaty* yang terkandung dalam *Free Trade Agreement* yang telah ditandatangani sebelum ini. Akan tetapi *moving forward*, ISDS memang perlu ditambah baik dan kita ada satu hala tuju yang baru terhadap ISDS supaya ISDS ini tidak boleh digunakan ke atas negara Malaysia oleh Syarikat MNC untuk membawa negara Malaysia ke mahkamah. Jadi, kita sedang menambah baik polisi negara terhadap ISDS ini.

Dari segi fakta yang menarik pelabur asing untuk datang ke Malaysia, saya rasa walaupun ISDS ini salah satu elemen yang penting tetapi saya rasa ada banyak lagi sebab kenapa pelabur asing mahu masuk ke Malaysia.

Untuk topik seterusnya berkenaan dengan APEC, saya hendak memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa sidang APEC ini bukan sahaja melibatkan sidang *Leader Summit* yang akan diadakan pada bulan November 2020 tetapi juga melibatkan banyak lagi mesyuarat di pihak kementerian dan juga acara-acara yang akan boleh dikatakan adalah acara *grassroots* yang melibatkan lebih ramai orang termasuk warganegara APEC.

Untuk makluman Dewan...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Minta laluan sikit fasal APEC.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kangar.

Dr. Ong Kian Ming: Boleh saya habiskan dulu.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Okey, baik.

Dr. Ong Kian Ming: Belum lagi mula. Ada banyak lagi mesyuarat seperti *Senior Officials Meeting* ada tiga; *APEC Finance and Central Bank Deputies Meeting*; *APEC Tourism Ministers Meeting and Related Meeting*; *APEC Finance Senior Officials Meeting*; *Ministers Responsible for Trade Meeting*, ini termasuk MITI.

High Level Policy Dialogue on Food Security yang akan dipengerusikan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani; *High Level Meeting on Health and The Economy* yang akan dipengerusikan oleh Kementerian Kesihatan; *Structural Reform Meeting Ministerial*

Meeting yang akan dipengerusikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi; *APEC SME Ministerial Meeting* yang akan dipengerusikan oleh kementerian MED, ataupun *Ministry of Entrepreneurs Development*; *APEC Finance Ministers' Meeting*; *High Level Policy Dialogue on Women and the Economy* yang akan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri; dan juga *Leaders Meeting*; dan *APEC CEO Meeting* yang akan dijalankan pada bulan November.

Apabila kita ada banyak *meeting* seperti ini memang kos daripada segi logistik, kos daripada segi keselamatan, dan juga kos daripada segi penginapan juga akan naik. Kita tidak mahu keadaan seperti apa yang berlaku di Santiago di Chile di mana ada ancaman keselamatan yang mengakibatkan APEC 2019 di Santiago Chile ini terpaksa dibatalkan.

Jadi, ada banyak perkara yang kita perlu uruskan daripada segi logistik, dan keselamatan dan ini adalah sebab kenapa kos itu boleh dikatakan tinggi.

Kepada cadangan Yang Berhormat Kota Melaka untuk melibatkan pihak swasta, memang kita sedang cari dan juga sedang menjemput pihak swasta untuk menjadi *sponsor* kepada beberapa mesyuarat yang akan dijalankan di bawah APEC.

Sebagai satu rumusan untuk APEC, saya rasa ada tiga matlamat yang penting. Satu matlamat yang penting untuk Malaysia ialah supaya kita boleh menjalankan tugas untuk *update* ataupun memperbaharui *Bogor Goals 1994* kepada *Putrajaya Goals 2020*. Nama itu belum diumumkan lagi dan juga tema belum diumumkan lagi. Akan diumumkan dalam masa yang terdekat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Bogor Goals apabila ia diumumkan pada tahun 1994 memang adalah *goals* yang boleh dikatakan adalah terhad, *limited*. Fokus adalah kepada *trade and investment*, perdagangan dan juga pelaburan.

■1630

Akan tetapi apabila kita menjelang abad yang baru, tahun 2020 sampai tahun 2030, memang ada cabaran yang lain yang dihadapi oleh ekonomi-ekonomi di bawah APEC seperti isu *environmental sustainability*, isu penglibatan SME, isu penglibatan wanita dan juga remaja dalam ekonomi yang boleh dikatakan semakin didedahkan kepada *competition* ataupun persaingan global, *global competition*. Ini adalah tanggungjawab yang penting kerana nama APEC daripada segi *goals moving forward* akan ada kaitan yang begitu rapat dengan Malaysia sebagai *host country* untuk tahun 2020.

Matlamat kedua APEC ialah untuk memberi pentas kepada Malaysia untuk mempromosikan negara sebagai satu tempat yang baik untuk melancong, melabur, belajar dan sebagainya. Ini adalah satu tanggungjawab yang penting yang bukan sahaja melibatkan pihak MITI dan agensi tetapi juga kementerian yang lain. *This is a golden opportunity for us to rebrand Malaysia* supaya semua pemimpin dan juga semua syarikat antarabangsa dan juga CEO dari MNC boleh datang ke Malaysia dan nampak dengan mata mereka sendiri pertumbuhan di Malaysia dan juga apa yang kita boleh tawarkan kepada mereka dari segi pelancongan dan juga pelaburan.

Kepada soalan yang dibangkitkan tadi oleh Yang Berhormat Parit Sulong kalau tidak silap, pihak MITI memang bekerjasama erat dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya untuk mempromosikan *Visit Malaysia Year* ataupun Tahun Melawat Malaysia pada tahun hadapan...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: [Bangun]

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: [Bangun]

Dr. Ong Kian Ming: Ketiga, apa yang saya hendak tegaskan ialah APEC mesti memberi manfaat ataupun kesan kepada rakyat Malaysia jelata. Saya rasa kita tidak mahu satu situasi yang berlaku di mana orang ramai mengaitkan Persidangan APEC ini dengan *traffic jam* ataupun ada banyak jalan di Kuala Lumpur ataupun Putrajaya yang terpaksa ditutup oleh sebab ada isu keselamatan.

Jadi, cabaran kepada MITI sebagai sekretariat kepada APEC ialah untuk melibatkan seramai mungkin rakyat Malaysia supaya mereka boleh memahami matlamat APEC, apakah keberkesanan APEC, dan juga apa yang APEC boleh bawa dari segi manfaat kepada rakyat jelata. Saya rasa ada banyak *intangible effects* yang kita boleh berikan. Saya rasa kita tidak boleh memberikan 30 faedah seperti apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pontian tetapi ada lebih daripada 30 saya rasa yang boleh dinikmati oleh rakyat jelata. Terima kasih.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang mana dahulu?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Apa di antara kejayaan APEC 1998 Yang Berhormat, jika boleh memberikan satu dua contoh yang mana kita menjadi tuan rumah pada tahun 1998 itu. Berapa kos tahun 1998? Kenapa kos RM300 juta yang agak tinggi yang pada kita untuk satu persidangan walaupun ada pecahan-pecahan persidangan, pada sayalah. Pernah juga terlibat menghadiri sebelum ini, beberapa persidangan seumpama ini. Saya pun pelik, kenapa sampai RM300 juta ini? Cuba beri pecahan sedikit, RM300 juta ini banyak untuk satu persidangan. Apa kejayaan 1998, contoh?

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Boleh saya masuk dahulu? Kangar.

Dr. Ong Kian Ming: Ya. Silakan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih. Saya ada dua perkara sahaja. Pertama tadi banyak objektif yang disebut dan memang tahun hadapan kita juga melancarkan Tahun Melawat Malaysia.

Jadi, saya berharap nanti dalam banyak keputusan yang diambil di peringkat jawatankuasa, kenalah buat satu keputusan yang dengan kesedaran. Kita hendak kalau tadi sudah cakap fasal pelancongan dan sebagainya, biar benda itu diterjemahkan dalam hasil kerja. Misalnya, beg perwakilan biarlah kalau boleh ada produk daripada Orang Asli ataupun produk dari suku kaum yang ada. Jadi, kita dapat tunjukkan. Bukan sahaja kita menggalakkan mereka selepas program tetapi semasa program lagi pun kita sudah terjemahkan apa yang kita hendak buat.

Kedua, biasanya dalam program-program yang besar sebegini, sudah tentulah ada manfaatnya. Akan tetapi pada masa yang sama, kita selalu tengok bila buat program yang besar

macam ini, dibeli kenderaan-kenderaan baharu yang banyak yang kemudian dijual dengan harga murah kepada golongan-golongan elitis sebab mereka ada akses, ada *connection* untuk dapat beli dengan harga yang murah kenderaan-kenderaan ini. Jadi, berapa banyak kah peratusan perbelanjaan APEC ini akan pergi kepada perbelanjaan yang sebegitu?

Dr. Ong Kian Ming: Untuk butiran perbelanjaan, saya rasa buat masa sekarang mungkin tidak begitu sesuai untuk dipaparkan kerana ada sedikit *concern* dari segi keselamatan dan sebagainya.

Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat Pontian, sebenarnya apabila penganjuran Persidangan APEC ini adalah sesuatu yang kita *inherited* daripada kerajaan yang lama, Kerajaan Barisan Nasional. Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat tahu atau tidak, *original budget* yang telah disediakan oleh kerajaan sebelum ini adalah RM500 juta. Jadi, di bawah Kerajaan Pakatan Harapan, kita telah *consolidate* ataupun merendahkan perbelanjaan kepada RM300 juta.

Jadi, saya rasa begitu hairan kenapa Yang Berhormat Pontian kata, kenapa kita mesti ada perbelanjaan yang begitu tinggi tetapi apa yang kita ada ialah kita *inherit* perbelanjaan RM500 juta daripada kerajaan yang sebelum ini...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Itu perancangan, saya pun tidak tahu. Saya tidak terlibat.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Timbalan Menteri Kewangan kah dahulu?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ini Kementerian Kewangan punya terlibat apa semua, saya tidak tahu. Mungkin Yang Berhormat Jeli tahu tentang RM500 juta itu.

Dr. Ong Kian Ming: Kalau tidak silap, Yang Berhormat masa itu adalah Timbalan Menteri kepada MITI bukan? Jadi, MITI sebagai sekretariat, memang akan diberikan maklumat seperti ini. Jadi, kalau...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Jawapan standard- tidak tahu.

Dr. Ong Kian Ming: [Ketawa] Okey. Jadi, itu adalah...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Semua silap kerajaan lama ya?

Dr. Ong Kian Ming: Bukan. Tadi...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terimalah. Terima.

Dr. Ong Kian Ming: Tadi Yang Berhormat Pontian tanya saya, kenapa ada perbelanjaan yang begitu tinggi? Saya hendak memberi jawapan berdasarkan fakta yang saya telah diberikan, di mana memang ada perbelanjaan yang begitu tinggi yang telah disediakan oleh kerajaan yang lama. Kita telah mengubahsuaikan, kita telah cuba menjimatkan. Saya rasa kadar RM300 juta ini memang sesuatu yang membuktikan bahawa Kerajaan Pakatan Harapan memang boleh menjalankan persidangan ini dengan cara yang lebih *cost effective* berbanding dengan kerajaan sebelum ini...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: [Bangun]

Dr. Ong Kian Ming: Seperti apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kangar tadi, memang itu adalah satu cadangan yang baik, di mana...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tuduhan Yang Berhormat kata RM500 juta itu tidak ada masuk dokumen mana pun. Tidak ada dokumen di hadapan kita, yang ada RM300 juta di hadapan kita ini- RM500 juta itu tidak ada dalam dokumen mana-mana.

Dr. Ong Kian Ming: Bukan. Saya hendak memberi maklumat tambahan kepada Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ada dokumennya? Boleh bagi kepada saya?

Dr. Ong Kian Ming: Boleh. Kalau Yang Berhormat mahu, saya boleh salurkan *original budget* kepada Yang Berhormat...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Jeli boleh tolong sahkan.

Dr. Ong Kian Ming: Okey. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Kangar tadi, saya rasa itu memang satu cadangan yang baik. Daripada segi pembelian kenderaan, apa yang akan berlaku kepada kenderaan itu sama ada ia akan dijual kepada orang elitis ataupun mungkin boleh digunakan dengan cara yang lebih *cost effective* kepada kerajaan.

Untuk pembelian produk-produk Malaysia, ya. Itu memang sedang diatitkan dan akan diberikan kepada dif-dif terhormat dari segi bukan sekadar dif-dif terhormat, misalnya *leaders*, Perdana Menteri ataupun presiden daripada negara yang lain tetapi juga *senior officials* dan juga CEO yang akan datang ke Malaysia untuk *APEC Summit*.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Saya harap kita dapat beli terus daripada usahawan kecil dan sederhana, bukan melalui orang perantara.

Dr. Ong Kian Ming: Kita boleh aturkan satu pentas yang sesuai. Okey. Saya teruskan kepada...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit boleh? APEC sebab saya yang mula bangkitkan isu ini.

Dr. Ong Kian Ming: Masa suntuk, saya ada beberapa perkara yang lain...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Sedikit sahaja. Sedikit sahaja sebab Yang Berhormat Menteri tidak jawab saya punya ini.

Dr. Ong Kian Ming: Okey, ya.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Okey. Saya minta secara bertulis Yang Berhormat Menteri, berkaitan tentang kesan APEC 1998. Saya juga minta apakah kesan *ASEAN Summit 2015* dari segi peningkatan GDP, nilai jumlah dagangan dan apakah *new economy* yang diwujudkan selepas *summit* tersebut? Saya juga hendak tanya kepada Yang Berhormat, bagaimana Yang Berhormat melihat APEC ini 21 buah negara, mungkin lebih dan mungkin kurang. Berapa ramai negara yang telah menyatakan persetujuan untuk hadir ke APEC 2020?

Dr. Ong Kian Ming: Untuk makluman Yang Berhormat, APEC tidak melibatkan 21 negara. Kita sebut sebagai 21 ekonomi kerana ada satu ekonomi yang bernama Taiwan yang terlibat dalam APEC. Jadi, kalau kita pergi ke luar, kita juga akan kata *APEC is a meeting of 21 economies, not 21 countries*. Saya cuma hendak memperbetulkan ungkapan yang digunakan

oleh Yang Berhormat. Daripada segi impak ekonomi atau daripada segi pertambahan GDP dan sebagainya, saya rasa untuk persidangan seperti ini, kita tidak boleh kata GDP akan naik secara satu peratus ataupun dua peratus. Sama juga kepada *ASEAN Summit* yang dijalankan di Malaysia dalam tahun 2015.

■1640

Saya tidak lihat mana-mana angka yang boleh menghitung *multiplayer effect* untuk persidangan seperti ini. Akan tetapi, apa yang saya sebutkan tadi ialah *intangible effect* itu adalah lebih penting dari segi maruah dan juga cara untuk mempromosikan Malaysia serta tanggungjawab yang akan dimainkan oleh Malaysia untuk memberikan satu hala tuju yang baharu di bawah Putrajaya *goals* untuk tahun 2020 dan seterusnya.

Untuk...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Adakah 21 buah *economist* yang Yang Berhormat Timbalan Menteri semua akan hadir?

Dr. Ong Kian Ming: Ya, mereka memang akan hadir tetapi buat masa sekarang kita tidak tahu sehingga tahap mana. Adakah Presiden Trump akan datang ke Malaysia, kita tidak tahu kerana ini adalah – APEC akan dijalankan satu minggu, kalau saya tidak silap selepas pemilihan Presiden Amerika Syarikat. Akan tetapi, kita boleh nampak bahawa APEC memang sesuatu yang diambil kira sebagai satu persidangan yang penting oleh pemimpin negara-negara ataupun pemimpin ekonomi yang terlibat. Saya yakin bahawa kebanyakan pemimpin ini akan datang ke Malaysia.

Untuk isu *NAP review* dan juga sektor automatif. *NAP review* ataupun Dasar Automatif Kebangsaan akan dilancarkan pada bulan Disember oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Tarikh itu belum ditetapkan lagi, tetapi kemungkinan yang besar adalah di minggu yang kedua. Ini adalah satu berita yang baik kerana ia boleh memberikan hala tuju yang baharu kepada seluruh sektor automatif.

Tadi, Yang Berhormat Bagan Serai juga bertanya tentang isu PROTON. Saya rasa apa yang perlu kita tegaskan untuk PROTON ialah ya, ada kuota yang telah diberikan oleh PROTON untuk mengimport CBU X70 yang telah diluluskan di bawah kerajaan sebelum ini. Akan tetapi, apa yang kita sedang buat ialah untuk memberikan syarat yang ketat kepada PROTON supaya *localization of the X70* boleh dibuat dengan secepat mungkin.

Ini yang sedang dibuat supaya X70 ini boleh dijadikan sebagai CKD dan bukan CBU. Akan tetapi, apa yang saya hendak beritahu kepada Dewan yang mulia ini ialah prestasi PROTON untuk tahun ini memang menunjukkan prestasi yang baik. Ini di mana penjualan X70 bukan sahaja menggalakkan tetapi juga memberikan satu keyakinan yang baharu kepada pembeli di Malaysia untuk membeli *upgraded versions of* ataupun *new versions of PROTON's product* seperti *Persona* dan juga *Saga*.

Apa yang saya rasa adalah kita perlu bekerjasama dengan lebih erat lagi di antara MITI, Kementerian Kewangan dan juga PROTON ialah untuk mencari cara untuk menggalakkan lebih banyak eksport PROTON ke negara-negara jiran, terutamanya negara yang menggunakan

kereta *right hand drive*. Ini adalah strategi yang telah dikemukakan oleh pihak PROTON, di mana PROTON ada *advantage* ataupun satu penambahan baik dari segi strategi untuk mengeksport ke negara seperti Indonesia ataupun negara Pakistan yang menggunakan *right hand drive*.

Kita sedang bekerjasama erat dengan pihak PROTON dan juga negara-negara yang adalah negara sasaran untuk PROTON, untuk menaikkan eksport PROTON kepada negara-negara tersebut.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Sikit, sikit sahaja Yang Berhormat Menteri. Supaya dipertimbangkan di antara dasar *brand industry or car industry*. Thailand berjaya mewujudkan *car industry, not brand industry*. Dia tidak pernah menonjolkan mana-mana industri tertentu, *brand*. Akan tetapi, dia adalah pengeluar alat-alat kereta semua jenis, *Honda, Mercedes*, apa-apa jenis. Ia berkembang dengan baik. Di antara faktor ekonomi Thailand meningkat berbanding dengan Malaysia ialah kerana mereka berjaya menjuruskan kepada industri kereta bukan industri *brand*. Selama ini kita mengambil masa yang terlalu panjang untuk mewujudkan *brand industry* seperti PROTON, PERODUA. Akan tetapi pasarannya terlalu kecil.

Dr. Ong Kian Ming: Saya faham, saya faham. Kerana masa suntuk saya boleh...

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Tidak apa, Tuan Yang di-Pertua boleh tambah kerana ini adalah industri penting negara. Saya rasa kita perlu melihatnya secara khusus, Yang Berhormat Menteri.

Dr. Ong Kian Ming: Okey untuk menjawab soalan itu, sebenarnya mungkin Yang Berhormat Rompin tidak tahu dari segi vendor ataupun komponen automatif di Malaysia-memang kita adalah satu pasaran yang boleh dikatakan telah *matured* berbanding dengan negara seperti Thailand. Memang *supply chain* di Malaysia itu adalah satu *supply chain* yang boleh dikatakan adalah *complete*. Ini di mana lebih daripada sembilan peratus dari kereta yang Yang Berhormat Rompin nampak di jalan raya sekarang adalah CKD. Ini termasuklah *Toyota, Honda, BMW, Mercedes, Volvo* dan sebagainya.

Ini menunjukkan bahawa Malaysia memang berprestasi tinggi dari segi *automotive component*. Sebagai satu contoh, eksport automotif komponen di Malaysia adalah lebih daripada RM12 bilion berbanding dengan eksport kereta ataupun jenama yang dikatakan oleh Yang Berhormat Rompin tadi, adalah jauh lebih kurang.

Jadi, dari segi daya saing, memang vendor di Malaysia ada *competitive advantage* apabila mereka hendak buat komponen di Malaysia ataupun hendak eksport ke luar negara. Berbanding dengan Vietnam, saya berikan satu contoh. Di Vietnam, ada keluar satu kereta yang baru iaitu kereta Vina. Apa yang dilaporkan di media massa termasuk di dalam surat khabar ataupun laporan automotif ialah hanya 20 peratus daripada *component part* di Vietnam, boleh digunakan dalam sektor automotif. Bakinya semua mesti diimport. Ini berbanding dengan Malaysia dan Thailand, lebih kurang 70 peratus sehingga 80 peratus daripada komponen boleh dibekalkan dalam negeri.

Okey untuk isu yang terakhir sekali...

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Menteri? Boleh saya celah sikit?

Dr. Ong Kian Ming: Okey, untuk isu 3's dan 4's?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ya, 3's dan 4's.

Dr. Ong Kian Ming: Saya telah jawab kepada Yang Berhormat Tanah Merah dalam satu sesi jawapan. Saya rasa Yang Berhormat boleh rujuk kepada *Hansard* untuk jawapan yang sama. Okey, *last* sekali untuk kawasan perindustrian...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Menteri sikit sahaja. Soalan tidak serius. Dasar Automatif Negara itu termasuk kereta terbang tak?

Tuan Pengerusi: Tidak payahlah Yang Berhormat Pontian.

Dr. Ong Kian Ming: Saya rasa buat masa sekarang tidak termasuk *drone* ataupun kereta terbang.

Untuk isu yang terakhir sekali ialah tentang kawasan industri yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Gudang tadi. Untuk makluman Yang Berhormat Pasir Gudang, dana menaik taraf infrastruktur adalah digunakan untuk infrastruktur asas sahaja di kawasan perindustrian dan dana ini adalah di bawah tanggungjawab MIDA untuk infrastruktur asas seperti jalan, perparitan, lampu jalan, papan tanda dan juga infrastruktur asas yang lain. Ia tidak termasuk pembekalan loji rawatan, sisa pepejal ataupun loji rawatan kimia. Saya rasa kalau Yang Berhormat Pasir Gudang hendak tahu tentang pelan untuk membuat loji rawatan seperti ini, sepatutnya rujukkan soalan ini kepada kementerian yang berkenaan.

Dengan itu, saya ingin mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah berbahas tadi. Jika ada apa-apa yang saya tidak ada masa untuk berikan jawapan secara lisan, saya akan berikan secara bertulis. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM877,835,800 untuk Maksud B.24, Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2020, di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM877,835,800 untuk Maksud B.24, diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM865,285,000 untuk Maksud P.24 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2020 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM865,285,000 untuk Maksud P.24 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2020]

**Maksud B.30 [Jadual] -
Maksud P.30 [Anggaran Pembangunan 2020] -**

Tuan Pengerusi: Seterusnya, giliran Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. Kepala Bekalan B.30 dan kepala Pembangunan P.30 di bawah Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim terbuka untuk dibahas.

Tempoh, seperti biasa, sepuluh minit pada permulaan dan akan dikurangkan kalau perlu. Yang Berhormat Menteri diberikan 60 minit untuk menjawab atau lebih kurangnya.

Ya, saya menjemput Yang Berhormat Pasir Gudang.

■1650

4.50 ptg.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan Butiran 050100 – Pengurusan Alam Sekitar.

Bagi tahun 2020 anggarannya RM4 juta lebih, naik dari RM3 juta pada tahun lepas, peruntukan 2019. Berkaitan dengan hal ini saya selaku Ahli Parlimen Pasir Gudang ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Johor, Yang Berhormat Menteri Bakri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kota Belud, Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana semalam ada keluar surat khabar *Berita Harian*, Tuan Pengerusi... *[Menunjukkan helaian surat khabar berkaitan]*

Kerajaan telah memasang sebanyak 25 alat sistem amaran TVOC nama dia, alat pengukur gas, ini mengukur gas tercemar secara automatik di 25 lokasi di Pasir Gudang. Jumlahnya sebanyak RM2.52 juta. Jadi ini janji yang pihak kerajaan, Yang Berhormat Menteri berjanji dahulu nampaknya telah dikotakan. Ini janji yang ditepati oleh kerajaan... *[Tepuk]*

Saya ucap terima kasih bagi pihak rakyat Pasir Gudang. Hanya hendak tanya Yang Berhormat Menteri RM2.52 juta itu, peruntukan itu dapat dari mana ya- daripada peruntukan 2019 atau bagaimana?

Saya juga hendak ucapkan berkenaan Butiran 07200 – Jabatan Alam Sekitar. Pihak Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri berjanji kepada rakyat Pasir Gudang iaitu akan menempatkan Pejabat Jabatan Alam Sekitar ini yang ada di Johor Bahru itu mesti hendak ditempatkan di Pasir Gudang supaya senang orang mengadu apabila ada aduan atau sebagainya. Ini janji beberapa bulan yang lalu telah dikotakan iaitu Jabatan Alam Sekitar sekarang telah ditempatkan di Tingkat 4, Menara Aqabah, Kompleks Majlis Perbandaran Pasir Gudang di pusat bandar.

Jadi ini satu lagi janji yang telah dipenuhi, jadi saya rasa dalam membahaskan lagi tidak ada apa hendak soal sangat hanya hendak mengucapkan terima kasih. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Pasir Gudang. Seterusnya Yang Berhormat Parit Sulong tetapi Yang Berhormat Parit Sulong tidak ada di sini. Oleh itu Yang Berhormat Tanjong Piai.

4.53 ptg.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin rujuk ke Butiran 050000 – Pengurusan Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.

Baru-baru ini, Tuan Pengerusi melebihi 60 penternak ikan sangkar di perairan Kukup Laut telah mengalami kerugian yang dianggarkan melebihi RM10 juta dalam tempoh tiga kali dalam satu bulan, bulan Oktober, apabila ikan ternakan mati akibat kekurangan oksigen kesan dari pencemaran air yang disebabkan dari air Sungai Permas, Sungai Air Masin, Sungai Pelemas Kecil- mengalir ke dalam perairan Kukup Laut. Para penternak telah melabur sebegitu banyak wang dan bila berlakunya kejadian tersebut sudah tentu mereka menanggung kerugian. Pada masa yang sama, ada keluarga yang hendak ditanggung dan ada hutang yang hendak dibayar.

Oleh yang demikian, saya ingin bertanya kepada kementerian apakah langkah yang diambil bagi membantu para penternak ikan sangkar ini untuk mereka memulakan kembali ternakan. Saya ingin mencadangkan agar kementerian memberikan mereka kemudahan kredit yang tidak dibebankan dengan syarat-syarat yang *rigid* atau lain-lain kemudahan bantuan yang sesuai.

Saya juga mencadangkan supaya kementerian bagi satu peruntukan khas dengan segera untuk mendalamkan dasar laut perairan Kukup Laut bagi mengatasi masalah ini. Pada masa yang sama, saya ingin mendapatkan penerangan dari kementerian, apakah langkah-langkah yang diambil untuk membantu penternak berhubung dengan isu pencemaran air dan juga kekurangan oksigen dalam air. Pemakluman awal berkaitan pencemaran kepada penternak boleh membantu mereka untuk bersedia dan meminimumkan kerugian.

Tuan Pengerusi, satu lagi isu Kampung Ulu Pulau merupakan koridor terhampir daerah Pontian dengan Johor Bahru. Kepesatan pembangunan di Johor Bahru telah melimpah ke daerah Pontian khususnya di Kampung Ulu Pulau. Ketika kejadian banjir besar tahun 2006 dan 2007, majoriti penduduk di Kampung Ulu Pulau terlibat menjadi mangsa banjir dan atas usaha kerajaan pada waktu itu dengan mendalamkan Sungai Pulau, kejadian banjir telah diatasi. Bagaimanapun, baru-baru ini banjir sekali lagi berlaku di kampung tersebut. Di antara punca kejadian adalah sungai yang telah tohor dan sempit...

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Tuan Pengerusi, ingin tanya kepada Yang Berhormat Tanjong Piai, butiran berapa yang dia merujuk.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Saya sudah rujukkan tadi.

Tuan Pengerusi: Tadi sudah rujuk.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Tuan Pengerusi, saya sudah rujuk, kenapa tidak rujuk. Yang Berhormat yang tidak dengar, saya sudah rujuk.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Butiran berapa? Boleh sebut sekali lagi tidak.

Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]: Tidak payah, tengok *Hansard*, tengok *Hansard*.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Tengok *Hansard*-lah.

Tuan Pengerusi: Tidak apalah. Tadi sudah sebut butiran.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Berapa, sebut sekali lagi tadi baru sebut berapa butirannya.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Saya sudah rujuk, mengapa?

Tuan Pengerusi: Tidak payah, tidak payah. Teruskan. Sudah rujuk tadi Yang Berhormat Kota Melaka. Saya dengar tadi, kalau tidak saya tegur tadi.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Jadi sehubungan itu, saya mohon kementerian mengambil langkah segera mendalamkan Sungai Pulai dan pada masa yang sama saya minta agensi kerajaan yang berkaitan melihat kembali jalan-jalan pembetung dan saliran yang ada di Kampung Ulu Pulai bagi mengekang kejadian banjir berulang.

Butiran 07200 – Jabatan Alam Sekitar...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Tanjong Piai, minta laluan boleh? Sedikit sahaja.

Saya difahamkan Yang Berhormat telah pun menyandang jawatan itu selama dua penggal. Pernahkah bangkitkan perkara ini sebelum ini semasa menjadi Ahli Parlimen dua penggal atau adakah ini kali pertama dibangkitkan dalam Dewan? Saya mohon penjelasan.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Saya sebagai Ahli Parlimen, menjalankan tugas sebagai Ahli Parlimen bertanggungjawab. Jadi semasa jaga saya timbulkan. Kampung Ulu Pulai ini di bawah Yang Berhormat Gelang Patah semasa itu, bukan saya. Inilah saya kemukakan pada hari ini.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jadi maksudnya, sebelum ini semasa jadi Ahli Parlimen dua penggal tidak pernah bangkitkan perkara itu? Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Saya sudah katakan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih di atas penjelasan.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Penjelasan saya itu di bawah Ahli Parlimen Gelang Patah sebelah sana, bukan saya. Hari ini dia diberi kawasan saya, maka saya bangkitkanlah.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Gelang Patah sekarang tukar Yang Berhormat Iskandar Puteri.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, soalan saya jelas. Yang Berhormat Pontian jangan sibuklah. Saya tanya Yang Berhormat...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ini geng-geng rapat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Geng apa?...

Tuan Pengerusi: Duduk, duduk, duduk. Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Pontian pun duduk. Teruskan Yang Berhormat Tanjong Piai.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Yang Berhormat itu tidak faham-faham. Dahulu itu di bawah Yang Berhormat Lim Kit Siang. Okey, ini kali pertama saya baharu alih di kawasan ini. Saya bangkit hari ini. Saya hendak menuntut supaya buat kawasan saya patut dijaga oleh kerajaan. Ini kerajaan kena bertanggungjawab.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ini buat lawakkah. Sebelum ini tidak pernah menuntutlah. Sebelum ini buat apa, sebelum ini minum kopi.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Tanya Yang Berhormat Gelang Patah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Baru hendak bincang, baru hendak bangkitkan hal ini... [*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi: Sudah, tenteram. Teruskan berbahas.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Ini Yang Berhormat, dia tidak tentu arah. Yang Berhormat di kawasan Gelang Patahlah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Baru jadi pembangkang, baru dapat ilhamlah, bagus... [*Dewan ketawa*]

Tuan Pengerusi: Teruskan.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Ini Yang Berhormat tidak faham-fahamlah. Dia tidak tahu apa itu tanggungjawab Yang Berhormat Parlimen. Itu di bawah Yang Berhormat Gelang Patah. Kali ini dia beralih ke kawasan saya, saya menuntut...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tanjong Piai pun hendak berbahaskah hendak berceramah? Teruskan.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Dia menuntut- apa ini? Dia tengok bola, dia tidak tahu apa yang orang cakap.

Tuan Pengerusi: Teruskan perbahasan atas butiran.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Maksudnya Yang Berhormat Tanjong Piai bukan seorang yang patriotik, tidak sokong Malaysia...

Tuan Pengerusi: [*Ketawa*] Yang Berhormat Jelutong, sila duduk. Saya tidak akan biarkan perkara ini berlarutan...

■1700

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Kita bincang ini...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kasihanlah rakyat- Tanjong Piai seorang yang tak patriotik.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Tak faham-fahamlah Yang Berhormat ini. Eh, ini *floor* sayalah. Kalau Tuan Pengerusi tak bagi peluang, buat apa *you* cakap lebih? Sibuk sangat.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Ha, teruskan sahaja. Teruskan sahaja.

Tuan Pengerusi: Terus, teruskan.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Butiran seterusnya, Tuan Pengerusi, Butiran 07200 – Jabatan Alam Sekitar.

Adakah Jabatan Alam Sekitar telah menerima Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar daripada kerajaan berhubung jajaran baharu Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL)? Kenapa tiada tarikh muktamad yang ditetapkan untuk menyerahkan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar berkenaan? Adakah kepentingan untuk mengurangkan kesan projek ECRL terhadap alam sekitar tidak diberikan keutamaan oleh Jabatan Alam Sekitar dan kerajaan?

Selain daripada itu, pemantauan dan kompaun terhadap individu dan syarikat yang didapati bersalah, apakah langkah-langkah Jabatan Alam Sekitar untuk menangani isu alam sekitar khususnya kegiatan pembakaran terbuka yang menyumbang keadaan berjerebu setiap tahun bersama jerebu rentas sempadan?

Saya seterusnya rujuk kepada Butiran 040300 – Agensi Nuklear Malaysia. Apakah pendirian kerajaan terhadap cadangan pembinaan infrastruktur nuklear di Malaysia memandangkan sumber utama penjanaan tenaga elektrik dihasilkan melalui dua sumber utama iaitu pembakaran arang batu sebanyak 51 peratus dan gas asli termasuk gas asli berbentuk cecair sebanyak 45 peratus dan selebihnya tenaga hidro sebanyak empat peratus? Adakah kerajaan akan mempertimbangkan perkembangan tenaga nuklear di Malaysia sebagai penyelesaian kos tinggi arang batu dan lebih mesra alam? Itu sahaja. Sekian, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Piai. Ya, Yang Berhormat Bagan Serai. Silakan.

5.02 ptg.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 030500 – Akademi Sains Malaysia. Bila cakap tentang Akademi Sains Malaysia, ini adalah satu badan yang sangat penting kerana kita hendak pergi ke negara maju. Bila cakap dengan negara maju, kita bercakap tentang sains dan teknologi, kita bercakap tentang STEM, kita bercakap tentang berapa bilangan saintis yang kita ada. Kalau negara dah maju nanti, kita tak nak saintis yang kita import. Kalau boleh, biar saintis yang lokal dekat sini. Jadi, akademi ini merupakan penasihat kepada kerajaan yang akan menyuburkan kesedaran awam tentang kepentingan sains ini.

Jadi, saya ingin bertanya, sejauh manakah Akademi Sains Malaysia memainkan peranan dalam pembangunan sains negara dan melibatkan ahli-ahli sains di peringkat akar umbi di samping perbincangan berkaitan dengan dasar? Jadi, kita hendak tahu, apakah yang berlaku kepada dana yang diberikan untuk dibuat kajian saintifik sains, umpamanya, di negara ini?

Keduanya, saya ingin mengetahui, sejauh manakah rakyat Malaysia mengenali felo sains- ketokohan mereka dalam sains dan teknologi? Apakah perlu felo sains ini juga diberi publisiti? Berapa orang felo yang kita ada? Berapa *senior felo* yang kita ada? Ataupun berapa *honorary felo* yang kita ada? Apakah rakyat hari ini dapat mengambil kesedaran yang penting ini? Ini kerana badan penasihat ataupun pemikir ini merupakan *think tank* kepada negara ini. Adakah ia benar-benar digunakan untuk memajukan sains dan teknologi di negara kita ini?

Tuan Pengerusi, Butiran 050000 – Pengurusan Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. Bila bercakap tentang alam sekitar ini, kita terfikir tentang janji kita untuk jaga hutan 50 peratus di Malaysia dalam *Paris Agreement* dahulu dan juga kita berfikir tentang bagaimana untuk menurunkan gas rumah hijau, *carbon* yang kita keluarkan hari ini. Seterusnya melibatkan juga penjagaan kawasan hidupan liar di negara kita ini. Kita nak jaga tentang konflik pembangunan, pertanian, menyekat hutan dihapuskan, menyekat lereng-lereng bukit ditarah dan impak kepada perdagangan sawit kita hari ini, impak kepada nelayan, petani dan sebagainya.

Saya ingin merujuk kepada, contohnya, *Penang South Reclamation* (PSR). Ini menjadi topik hangat di negara kita hari ini kerana Tambakan Selatan Pulau Pinang ini untuk membina tiga buah pulau jadian ini akan mengambil masa begitu lama yang melibatkan hampir 4,500 ekar dan dikatakan 3.2 juta tan karbon akan dikeluarkan. Perubahan iklim dan antara salah satu masalah yang nanti akan timbul ialah kenaikan paras laut dan kebimbangan kita, ada yang disebut dan saya dengar artikel mengatakan ada bandar-bandar yang akan tenggelam satu hari nanti.

Ini projek lama dan projek ini yang kita semua tahu, mengakibatkan aktiviti korek pasir. Aktiviti korek pasir ini akan menghapuskan, merosakkan ekosistem pantai. Makanan, plankton dan juga organisma *benthic* yang ada akan rosak dan makanan untuk hidupan laut akan rosak. Apa akan jadi ialah ikan kurang, udang kurang, ketam kurang, pendapatan nelayan kurang dan hidup nelayan pantai yang rata-ratanya B40 akan jadi susah. Jadi ini menimbulkan persoalan.

Saya nyatakan ini dalam butiran ini kerana ini melibatkan kawasan di Parlimen Bagan Serai. Contohnya di Tanjung Piandang, Kuala Kurau, Kuala Gula, pantai lumpur paya bakau akan rosak. Yang saya sebutkan tadi. Jadi, makanan ikan akan semua susah. Susah burung-burung hijrah yang datang ke Kuala Gula. Jadi, program ini bimbang akan menjejaskan rantaian makanan dan juga ketidakseimbangan alam sekitar.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Bagan Serai, sikit sahaja.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ha, boleh.

Tuan Pengerusi: Silakan, Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Hari itu di Dewan ini, berlaku pertelingkahan antara saya dengan Yang Berhormat Jelutong tentang hal ini sebab dia kata rakyat Pulau Pinang setuju tentang tambak laut itu kecuali PAS dengan UMNO. Apa pandangan Yang Berhormat Bagan Serai, setuju kah rakyat Pulau Pinang?

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Luar tajuk [*Ketawa*]

Ini saya bercakap ini, tidur kah sebelah sana? Bangun, bangun !

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Padan muka, padan muka. Bangang.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Apa dia?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya tak kisah dia nak cakap apa pun, saya tak lut. Yang Berhormat Jelutong cakap apa pun pada saya ini, saya tak lut.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Jadi, Tuan Pengerusi, saya sedang bercakap tentang Butiran 050200 – Alam Sekitar.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, ini tadi tentang tambak laut.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Contohnya, sumber 35,000 tan metrik ikan yang bernilai RM280 juta akan merosot disebabkan PSR ini.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya tanya tentang tambak laut Pulau Pinang itu, Yang Berhormat Jelutong kata rakyat Pulau Pinang setuju tapi Yang Berhormat Bagan Serai tak setuju.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: ...Jadi saya bimbang tentang 2,300 orang nelayan di kawasan Parlimen Bagan Serai dengan 30 orang penternak akuakultur akan merasai perkara ini. Terjejas, rakyat terjejas. Ini yang saya nak bawa dalam butiran ini.

Soalan saya, Tuan Pengerusi. Sejauh manakah *master plan* tentang pembangunan dilihat secara menyeluruh dan teliti berkaitan alam sekitar dan alam semula jadi bagi mengelakkan konflik seperti kes-kes yang berlaku di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, *Central Forest Spine*, dengan izin, konflik hidupan liar dan juga isu-isu berkaitan perikanan dan ekonomi nelayan?

Saya hairan juga bagaimana *Department of Environment* (DOE) meluluskan EIA ini dalam masa yang singkat yang dikatakan dua *working days*. Jadi, saya hairan ini. Saya nak tanyalah, macam mana mereka buat? Betulkah projek tambak laut ini tak lama lagi akan diadakan untuk di kawasan sembilan buah negeri lagi? Apa akan jadi kepada negara kita hari ini? Ini perkara serius kerana ini melibatkan projek yang begitu lama sekali.

Tuan Pengerusi, Butiran 00604 – Pusat Sains Negara (PSN). Ini saya ada satu persoalan. Sejauh manakah Pusat Sains Negara ini berkesan dalam memotivasikan sains bagi anak-anak muda ini suka sains, bagi pelajar-pelajar ini suka sains? Hari ini kita lihat tidak ada keseimbangan. Keseimbangan di antara pelajar sains dan pelajar sastera tidak seimbang. Kita sedang menuju negara maju dan memerlukan ramai saintis di dalam negara kita ini. Jadi, sejauh manakah PSN berkesan dalam motivasi ini dan memotivasikan kerjaya sains, pembudayaan sains dan juga data-data pencapaian? Tuan Pengerusi, terima kasih banyak.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Hebat, hebat Yang Berhormat Bagan Serai. Hebat.

Tuan Pengerusi: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tumpat.

5.09 ptg.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Terima kasih Tuan Pengerusi...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sebelum itu, Yang Berhormat Tumpat. Boleh saya mencelah? [*Ketawa*]

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Sila.

Tuan Pengerusi: Dia belum sebut "*Bismillah...*" lagi.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat Jelutong sebut saya “bangang”. Maka, saya nak sebut semula. Yang Berhormat Jelutong, engkau bangang.

Tuan Pengerusi: Tak apalah, jangan dilayan Yang Berhormat Jelutong.

Dato’ Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Tuan Pengerusi, perkataan itu tidak masuk dalam ucapan saya.

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Sopan sikit, sopan sikit.

Dato’ Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Saya cuma ingin menyentuh Butiran 030300 – Lembaga Pelesenan Tenaga Atom...

Tuan P. Prabakaran [Batu]: Hidup Yang Berhormat Tumpat.

■1710

Dato’ Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: ...Pada 7 November yang lalu telah berlaku kebocoran bahan radioaktif di Gudang Pos Aviation Sdn. Berhad, dan saya mendapat maklum perkara tersebut berjaya dikawal dengan baik oleh pihak yang bertanggungjawab termasuklah LPTA sendiri.

Cuma saya ingin mendapatkan penjelasan kementerian berkenaan apakah kementerian sentiasa menyemak *standard operating procedure* keselamatan ketika berlakunya bencana-bencana kebocoran bahan radioaktif seperti ini? Adakah para pekerja yang terlibat dengan pengurusan bahan radioaktif ini sentiasa diberikan latihan kecemasan supaya mereka mempunyai pengetahuan untuk bertindak jika berlaku kes-kes seperti ini? Apakah langkah-langkah pencegahan yang dilakukan pihak LPTA terhadap ke semua tempat-tempat yang mempunyai simpanan bahan radioaktif negara ini?

Seterusnya mengenai isu LYNAS. Kerajaan telah menetapkan beberapa syarat yang perlu dipenuhi oleh pihak LYNAS bagi mendapatkan pemanjangan lesen operasi kilang memproses nadi bumi itu di negara ini. Antara syarat yang dikenakan adalah penetapan tapak pelupusan kekal ke atas sisa buangan yang mengandungi bahan radioaktif serta beberapa kajian EIA yang ketat dan pemantauan LPTA terhadap kilang LYNAS.

Saya ingin tahu, apakah mekanisme pemantauan LPTA terhadap operasi LYNAS, berapakah kekerapan pemantauan dilakukan oleh pihak LPTA ketika ini dan apakah kriteria yang akan diberi perhatian oleh LPTA bagi memastikan projek LYNAS berterusan dan sentiasa berada dalam keadaan yang rendah risiko ataupun risiko sifar.

Seterusnya saya ingin menyentuh Butiran 050100 Pengurusan Alam Sekitar. Saya juga ingin menyentuh isu yang disebut oleh Yang Berhormat Bagan Serai tadi, saya mohon pihak kementerian mengambil perhatian terhadap isu tambakan laut di selatan Pulau Pinang yang berkait secara langsung dengan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang. Aktiviti penambakan laut ini menjejaskan punca pendapatan 4,817 nelayan dan mereka sendiri telah hadir pun ke Parlimen bagi menyatakan bantahan mereka terhadap projek tersebut.

Begitu juga 6,080 nelayan tempatan di daerah Krian, Larut, Matang serta Manjung yang akan terkesan dengan aktiviti perlombongan pasir kerana berdekatan dengan kawasan

tangkapan ikan. Impak besar yang perlu diteliti di sini adalah berkenaan kawasan tangkapan ikan yang akan menjejaskan sumber pendapatan mereka. Bagaimana impak terhadap kehidupan seharian para nelayan sebegini boleh diambil mudah...

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Yang Berhormat Tumpat.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: ...Oleh kerajaan negeri mahupun Kerajaan Persekutuan semata-mata untuk sebuah projek yang tidak perlu ini.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Yang Berhormat Tumpat, Yang Berhormat Tumpat boleh tanya?

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Sila.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Dalam bila mana Yang Berhormat Tumpat menyentuh tadi berkaitan dengan tambakan di Pulau Pinang tadi, apakah Yang Berhormat Tumpat setuju bahawa pada waktu sekarang tidak ada suatu kerangka undang-undang yang dianggap sebagai komprehensif yang memantau tentang tambakan yang berlaku di negara kita. Kalau ia di Singapura, satu-satunya tempat dalam rantau ini yang dilihat aktiviti tambakan yang paling ekstensif, *Singapore* ada satu undang-undang yang dinamakan *Foreshores Act*- Akta Pasang Surut yang mana mengenakan kalau ada sebarang bentuk tambakan yang melebihi lapan hektar, perlu dibawa ke Parlimen bagi mendapatkan kelulusan kerana ia membabitkan soal *sovereignty* dan juga keselamatan. Apakah pandangan?

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Terima kasih. Tuan Pengerusi, dengan Yang Berhormat Kepala Batas ini saya sangat berpuas hati dengan apa yang diucapkan oleh beliau dan masukkan sebagai sebahagian daripada ucapan saya untuk dijawab oleh Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Jelutong, ada apa-apakah?

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Hidup Yang Berhormat Tumpat.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Begitu juga, saya teruskan Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Begitu juga aktiviti perlombongan pasir bagi penambahan laut yang menjejaskan keselamatan makanan negara, mendorong kepada pencemaran laut selain merosakkan alat tangkapan ikan para nelayan tadi. Sewajarnya Kerajaan Persekutuan campur tangan dengan lebih serius terhadap perkara ini supaya aspek-aspek yang saya sebutkan tadi dapat diteliti dengan lebih mendalam.

Seterusnya yang terakhir Tuan Pengerusi, Butiran 030500 - Akademi Sains Malaysia. Saya ingin mendapatkan respons kementerian mengenai program *Young Scientist Network, Academy of Science Malaysia*, apakah program yang telah dilaksanakan dan sejauh mana penglibatan golongan saintis muda dalam program ini.

Begitu juga cadangan yang pernah dilontarkan berkenaan pembentukan *Asian Young Scientist Network* dan *Asian Force Site Alliance*, sejauh mana penglibatan kelompok saintis muda dari negara-negara Asean ketika ini dan apakah rancangan kolaborasi pada masa akan datang yang dirancang oleh pihak ASM.

Selain itu Laporan Ketua Audit Negara Siri 1/2018 menjelaskan *unutilised dana*, program penyelidikan sebanyak RM31.66 juta bagi projek R&D, selain 5 projek R&D berjumlah RM1.4 juta yang telah ditamatkan kerana gagal menghantar laporan pencapaian *milestone* ataupun *milestone achievement report* serta tiga projek R&D lain yang bernilai RM2.9 juta gagal mencapai objektif dalam perjanjian.

Saya ingin mendapatkan penjelasan kementerian mengenai faktor yang mendorong kegagalan projek-projek R&D ini. Adakah projek tersebut bersifat kolaborasi dengan pihak universiti? Apakah projek-projek R&D di bawah ASM yang sedang dibangunkan oleh kementerian ketika ini, berapakah nilai projek tersebut dan apakah sasaran *return of investment* dalam kajian-kajian yang dilakukan? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Dr. Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Parit Sulong ini sudah ada ini Tuan Pengerusi.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Yang Berhormat Ledang Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Lepas Yang Berhormat Segamat, Yang Berhormat Segamat dulu.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Parit Sulong jangan bagi awal, nanti dia keluar awal.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Segamat, silakan.

5.16 ptg.

Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam Kepala B.30/P.30, Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Saya ingin merujuk kepada Butiran 050200 - Alam Sekitar. Sebelum saya membawa beberapa perkara, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana beliau telah menjalankan tanggungjawab yang baik kerana isu-isu yang saya bawa ke Parlimen khususnya melibatkan satu masalah pencemaran di kilang kelapa sawit di Jementah telah pun diselesaikan dan lesen sementara telah ditarik balik, tetapi pada masa yang sama, kita masih mendapat aduan daripada masyarakat mengatakan masih ada bau kerana saya difahamkan oleh Pegawai Alam Sekitar, kalau dia tidak operasi pun, kalau bakterianya mati, akan menyebabkan lebih banyak bau. Maka, saya minta kalau boleh pihak kementerian dapat duduk sama dengan pihak kilang dan juga cuba mencari satu penyelesaian jangka panjang kerana pada masa ini saya difahamkan sistem biogas itu akan dilaksanakan tetapi akan mengambil masa.

Dua lagi perkara yang saya ingin membawa kepada – butiran sama adalah isu pencemaran di mana saya minta Yang Berhormat Menteri, bagaimana kementerian boleh bantu warga Pekan Buluh Kasap khususnya di kilang getah yang masih mempunyai masalah dan terdapat Sekolah Jenis Kebangsaan Buluh Kasap yang berdekatan dan saya mendapati kasihan

tengok pelajar-pelajar ini. Adakah pihak kementerian boleh membantu kami dengan memberikan kepakaran kepada kilang tersebut untuk mencari penyelesaian jangka panjang?

Ia juga dibacakan dengan Butiran 00702, alat-alat kelengkapan. Yang ini saya hendak tanya pada kementerian, adakah kementerian sanggup berikan alat-alat untuk mengesan pencemaran udara mahupun sungai kepada program sekolah di mana kelab sains di sekolah itu diberikan, maka mereka juga boleh mengambil sampel ini dan juga membuat kajian dan sebagainya. Jika mendapati ianya telah melanggar, maka mereka juga boleh menjadi sebagai agen kepada Jabatan Alam Sekitar.

Ini merupakan – mungkin kita boleh mulakan di sekolah-sekolah menengah. Maka bukan saja memberikan teori tapi mereka juga dapat membantu mengurangkan beban Jabatan Alam Sekitar. Seterusnya saya juga ingin membawa kepada satu lagi isu yang besarlah mengenai isu kilang kelapa sawit yang kebetulan beroperasi di Gemas, di Tampin dengan saudara saya tapi baunya itu berdekatan dengan Segamat kerana menyeberang sungai saja dan juga terdapat satu lagi kilang kelapa sawit di Gemas Baru juga mempunyai masalah yang sama.

Maka saya hendak tanya kepada kementerian, bagaimana kementerian boleh membantu warga Segamat kerana saya memang faham bahawa Yang Berhormat sendiri telah menyelesaikan masalah di Jementah. Maka saya rasa kalau cara yang sama boleh digunakan untuk menyelesaikan tiga lagi masalah ini, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Itu saja daripada saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Segamat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Parit Sulong. Silakan. Saya sudah panggil awal tadi.

■1720

5.20 ptg.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Minta maaf Tuan Pengerusi. Tadi saya mempengerusikan mesyuarat PAC.

Tuan Pengerusi: Oh! PAC. Okey, faham-faham. Silakan.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Pengerusi, saya teruskan kepada Butiran 030400 – Planetarium Negara dan Pusat Sains Negara. Di bawah peruntukan ini, kementerian telah menyasarkan untuk menjadi platform pemantapan pembelajaran berteraskan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Dunia kini berdepan dengan Industri 4.0 yang memerlukan generasi berpengetahuan tinggi dan berkeupayaan menghadapi cabaran teknologi baru yang lebih kompleks.

Namun kita dikejutkan dengan data-data yang mengatakan bahawa generasi muda kurang berminat dengan bidang penyelidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik ini. Jadi soalan saya kepada pihak kementerian adalah:

- (i) apakah usaha yang dibuat oleh pihak kementerian dalam meningkatkan penyertaan pelajar ke bidang STEM?;

- (ii) sejauh manakah kementerian bersama Kementerian Pendidikan bercadang untuk mengintegrasikan aliran ini dengan pendidikan sastera ataupun *Art Stream?*; dan
- (iii) sejauh manakah kementerian bersama Kementerian Pendidikan bercadang untuk menilai semula konteks sistem, kaedah dan silibus pengajaran serta pembelajaran terutamanya di sekolah agar modul pembelajaran STEM dapat diajar dengan teknik yang lebih memberangsangkan supaya dapat mencetuskan rasa seronok dan teruja pelajar dalam mengikuti bidang ini.

Seterusnya Butiran 050100 – Pengurusan Alam Sekitar. Jerebu yang melanda Malaysia selama beberapa minggu pada September lalu disebabkan oleh pembakaran secara terbuka di Indonesia dan beberapa tempat di Malaysia yang tidak terkawal sehingga menyebabkan pembakaran hutan yang meluas. Ekoran daripada itu, produktiviti dan juga kualiti hidup masyarakat didapati menurun disebabkan tidak dapat keluar bekerja manakala murid tidak dapat pergi sekolah dan secara tidak langsung ia mengurangkan pendapatan negara.

Saya ingin bertanya, sejauh manakah kementerian bercadang untuk menjalinkan hubungan dua hala bersama Indonesia bagi mengelakkan kedua-dua pihak terus menuding jari dalam isu jerebu yang berlaku. Apakah status cadangan untuk mewujudkan Akta Jerebu Rentas Sempadan seperti yang diumumkan pada September yang lalu?

Selain daripada itu, sejauh manakah kementerian telah mengkaji untuk memperkenalkan teknik pertanian tanpa pembakaran terbuka seperti pembangunan teknologi *biochar* dilihat dapat mengurangkan pembakaran terbuka untuk pertanian.

Seterusnya, adakah kementerian akan mengkaji untuk memperkemas dan menambah baik elemen-elemen yang didapati di dalam Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan dan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan bagi menangani isu berkaitan dengan lebih proaktif dan lebih efisien.

Butiran 050200 – Alam Sekitar. Ada satu statistik, statistik ini pencemaran yang dimaklumkan bahawa pencemaran yang paling teruk adalah udara yang disumbangkan oleh penggunaan kenderaan yang menghasilkan *carbon dioxide* iaitu 70.4 peratus, diikuti dengan loji kuasa yang menggunakan diesel dan arang, 24.5 peratus. Keseluruhannya pencemaran yang terhasil adalah 3.2 juta tan atau meningkatkan suhu di Malaysia antara 1 hingga 1.5 darjah Celsius setahun.

Sehubungan dengan itu, apakah status kajian bagi mewujudkan pusat kajian khusus di kawasan perumahan berhampiran dengan perindustrian bagi memantau isu pencemaran. Sejauh manakah kementerian ada cadangan untuk menggunakan teknologi terkini seperti dron dan yang lain-lain bertujuan untuk memantau pencemaran alam sekitar.

Butiran 00608 – Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia (MASTIC). Sejauh manakah MASTIC melihat Malaysia kini bergerak seiring dengan IR 4.0 khususnya dalam mewujudkan peluang pekerjaan berasaskan STEM dengan lebih banyak. Saya ingin memetik

kajian daripada LinkedIn, *Top Emerging Jobs Report 2018* yang melaporkan *top five emerging jobs demand in Malaysia* pada masa ini adalah data saintis yang mana permintaan ke atas pekerjaan ini meningkat sebanyak 15 kali ganda pada tahun 2018. Jadi daripada laporan ini, apakah usaha MASTIC dan kementerian dalam membangun dan melahirkan lebih banyak kepakaran dalam negara untuk memenuhi *jobs demand* ini?

Seterusnya Butiran 040400 – Agensi Angkasa Negara (MySA). Apakah program penyelidikan dan pembangunan sains angkasa baru yang sedang diusahakan oleh Agensi Angkasa pada masa ini? Saya fikir sudah lama industri angkasa Malaysia ini menyepi. Kali terakhir pembangunan sains angkasa menjadi bualan hangat pada tahun 2007 apabila semasa itu Kerajaan Barisan Nasional melancarkan Program Angkasawan Pertama Malaysia. Selepas itu Agensi Angkasa tidak lagi menjadi bualan ataupun topik di media-media arus perdana.

Setelah 13 tahun program angkasawan ini berlalu, ada atau tidak program pembangunan baru yang bakal dilancarkan oleh kementerian? Kali terakhir Malaysia ada melancarkan satu satelit negara pada tahun 2009 yang dikenali dengan RazakSAT. Jadinya yang mana sebelum itu Satelit TiungSAT terlebih dahulu dilancarkan pada tahun 2000 diikuti dengan MEASAT pada tahun 2006. Jadinya adakah kementerian ada cadangan untuk melancarkan satelit baru? Apa jadi dengan cadangan untuk melancarkan Satelit Razak 2 seperti yang telah dirancang sebelum ini?

Seterusnya Butiran 00800 – Program Penyelidikan dan Pembangunan (R&D). Apakah program penyelidikan dan pembangunan STEM yang sedang agresif dilaksanakan oleh kementerian pada masa ini? Berdasarkan laporan kajian Bank Dunia, terdapat beberapa jenis revolusi robot yang semakin meningkat tinggi permintaannya menjelang 2022.

Jadinya, apakah tindakan proaktif kementerian dalam mendepani cabaran ini dan apakah usaha dan kajian yang telah dijalankan bagi memenuhi *demand* menjelang tahun 2022 yang tinggal tiga tahun saja lagi.

Jadi saya harap Tuan Pengerusi agar Yang Berhormat Menteri dapat menjawab apa-apa persoalan yang saya bangkitkan di bawah kementerian ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Ledang Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sebelah sini.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Lompat sini Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Saya ambil nama semua sekejap ya. Nanti sekejap.

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Arau nantilah. Ya, saya beri senarai untuk sementara waktu. Yang Berhormat Padang Serai selepas ini, Yang Berhormat Limbang ada? Kalau tidak Yang Berhormat Sibuti.

Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Rajang juga.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Tampin, Yang Berhormat Pengkalan Chepa, Yang Berhormat Kangar, Yang Berhormat Paya Besar, Yang Berhormat Kepong dan Yang Berhormat

Limbang, Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Setiu, Yang Berhormat Kalabakan, Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Ledang dan Yang Berhormat Kuala Kangsar. Saya ingat saya tidak tertinggal sesiapa di sini ya. PH dah habis ya? Oh, Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: ...Tidak.

Tuan Pengerusi: Tidak?... [*Dewan riuh*]

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya hendak tengok Yang Berhormat Pekan berucap saja hari ini.

Tuan Pengerusi: Baik, Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Arau.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Tidak ada Yang Berhormat Jelutong.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: Gerik dahulu baru Yang Berhormat Arau.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Gerik dulu, saya ikut senarai ini, senarai BN.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Arau kemudian.

Tuan Pengerusi: Lepas itu Yang Berhormat Kota Tinggi, Yang Berhormat Parit dan Yang Berhormat Maran, selesai ya?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya tidak apa, penghabisan.

Tuan Pengerusi: Jadi saya ingat lepas Yang Berhormat Paya Besar, kena kurangkan lima minit ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Hari ini kita akan habis awal, tujuh minit *is the best. Now it's still early, still early* Tuan Pengerusi 5.30. Kelmarin 7 o'clock baru kita *start new ministry*.

Tuan Pengerusi: Kita tengok keadaan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *I am here all the time, don't worry.*

■1730

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang ini saya setuju Yang Berhormat Arau. Kali ini.

Tuan Pengerusi: Masa 10 minit semua? Masa 10 minit, 10 minit lah, tidak apa... [*Dewan tepuk*] Terpulang pada keadaan ya kalau tidak cukup masa.

Baik. Silakan Yang Berhormat Padang Serai.

5.30 ptg.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Menteri dan tahniah Menteri, tidak lama lagi cuti 90 hari. *Minister*, dapat kah cuti bersalin? Terima kasih. Saya teruskan.

Butiran 030200. Apakah pelan tindakan kerajaan untuk mempromosikan kesedaran awam dalam memenuhi cuaca ekstrem, gempa bumi dan tsunami sekiranya ia terjadi secara tiba-tiba di negara ini?

Kedua, apakah kerajaan bercadang untuk mempraktikkan penggunaan digital untuk orang awam memeriksa secara langsung ramalan cuaca pada hari yang mereka inginkan? Seterusnya, setakat ini adakah semua alat pemberi amaran awal bagi ancaman tsunami dan

gempa bumi diselenggarakan dengan baik? Apakah rancangan kerajaan untuk membaik pulih alat rosak?

Seterusnya Butiran 030400. Apakah inisiatif kementerian untuk menarik sekolah-sekolah dari luar bandar untuk datang ke bandar bagi melawat Planetarium Negara dan Pusat Sains Negara untuk menggalakkan penyertaan dan minat pelajar luar bandar juga dalam bidang astronomi dan sains angkasa.

Berapakah sasaran jumlah kunjungan mengikut pecahan pengunjung antarabangsa dan tempatan yang melawat Planetarium Negara dan Pusat Sains Negara. Apakah kerajaan mempraktikkan kepakaran saintis astronomi dan sains angkasa untuk turut serta, *participate* dalam aktiviti bersama pengunjung bagi mereka melihat dan berinteraksi dengan pakar-pakar ini?

Butiran 050200. Apakah pelan tindakan kementerian untuk memantau kadar pencemaran alam sekitar di kawasan-kawasan luar bandar terutama di kawasan perkilangan jauh dari bandar di mana pembuangan toksik sering dipandang remeh? Minta kementerian menyatakan negeri-negeri yang sudah menggunakan sistem aplikasi *Geographic Information System* secara menyeluruh. Bilakah negeri-negeri yang masih belum menggunakan sistem ini akan mula menggunakannya? Seterusnya, apakah kerajaan bercadang untuk mempamerkan kualiti laporan dan penilaian impak alam sekitar kepada umum supaya rakyat dapat menilai dan memberi semak imbang yang adil kepada tindakan-tindakan lain yang perlu dilakukan.

Seterusnya, saya mencadangkan diesel yang dijual di negara kita tidak ada kualiti. Banyak sungutan-sungutan daripada pemandu-pemandu lori dan juga bas, asap yang begitu banyak keluar kenderaan, maka mereka kena saman dan juga bayaran-bayaran yang begitu tinggi sampai RM3,000 ke RM4,000. Ini menyusahkan pemandu-pemandu lori. Perlu buat satu kajian. Itu sahaja daripada Padang Serai. Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Sibuti. Silakan.

5.34 ptg.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus pergi ke Butiran 030000 – Perkhidmatan Sains dan Teknologi, dan Butiran 030100 – Kimia. Memandangkan Kementerian Dalam Negeri mempunyai cadangan untuk mengguna pakai kaedah DNA di dalam mengenal pasti pembuktian DNA bagi penyelesaian kes-kes kad pengenalan.

Saya ingin bertanya kepada pihak Menteri, adakah Jabatan Kimia telah bersedia untuk pelaksanaan rancangan tersebut. Selain itu juga, pada masa kini caj yang dikenakan kepada pemohon untuk menyemak DNA adalah agak mahal terutamanya bagi kawasan-kawasan penduduk di luar bandar Sarawak dan Sabah. Saya berharap agar pihak kementerian

mempunyai satu *solution* untuk membantu bagi memudahkan permohonan kad pengenalan melalui penggunaan pembuktian DNA.

Seterusnya, saya ingin bercakap berkenaan tentang Butiran 030200 – Meteorologi. Saya mendapat jawapan daripada Jabatan Perdana Menteri berkenaan tentang isu pembenihan awan dan juga dalam jawapan tersebut menyatakan Jabatan Meteorologi yang bertanggungjawab dan juga isu jerebu ini adalah isu bersama yang kita boleh anggap sebagai satu misi nasional dan juga *bipartisan*. Saya ingin bertanya kepada pihak Menteri, apakah persiapan sekiranya jerebu datang lagi pada tahun hadapan. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri yang datang ke Bandar Raya Miri untuk memeriksa *progress* pembenihan awan beberapa bulan yang lepas. Adakah bajet yang disediakan pada 2020 ini telah bersedia untuk sekiranya berlaku jerebu pada bila-bila masa?

Seterusnya, berkaitan tentang 030500 – Akademi Sains Malaysia. Saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat Tumpat. Isu yang dibangkitkan oleh beliau sebentar tadi berkenaan tentang laporan audit di mana sebanyak RM31.66 juta dana tidak digunakan oleh Akademi Sains Malaysia bagi Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Saya ingin pihak kementerian menyemak dan juga menyiasat apakah punca sebenar wang ini tidak digunakan. Adakah saintis-saintis kita tidak berupaya untuk menjalankan kajian ataupun wang ini sukar untuk digunakan? Apakah status terkini berkenaan tentang pemulangan RM31.66 juta tersebut?

Saya juga ingin membangkitkan apakah peranan Akademi Sains Malaysia ini untuk menggalakkan budaya sains terutamanya di wilayah-wilayah seperti Sabah dan juga Sarawak memandangkan saya merasakan budaya sains ini agak jarang sampai ke rumah-rumah panjang dan juga sains ini terhad hanya didengar di sekolah-sekolah. Apakah langkah pihak kerajaan untuk mempromosikan budaya sains kepada anak-anak muda?

Memandangkan statistik agak membimbangkan berkenaan tentang penurunan pelajar-pelajar aliran sains sekiranya data yang diperoleh daripada internet, saya mendapati pada tahun 2012 sebanyak 203,391 orang pelajar aliran sains tetapi pada tahun 2018 sebanyak 167,000. Ia penurunan yang agak mendadak. Apakah punca rakyat Malaysia kurang gemar untuk menceburi bidang sains? Apakah kesan cadangan pihak kementerian berkenaan tiada lagi aliran sains dan juga sastera di sekolah? Adakah ini akan menyebabkan lagi penurunan kepada pelajar-pelajar di aliran sains?

Seterusnya adalah berkenaan tentang Butiran 040100 – Dana dan Pengkomersialan. Saya sangat tertarik dengan salah satu program kerajaan iaitu *Cradle Fund* di mana kerajaan melaburkan sejumlah wang untuk dilaburkan kepada idea-idea saintifik dan juga dikomersialkan. Adakah dana ini akan diteruskan dan juga berapa banyak kah dana diserahkan pada pihak Cradle? Adakah kaedah *crowdfunding* diguna pakai oleh pihak kementerian?

Berkaitan tentang Butiran 040300 – Agensi Nuklear Malaysia. Pada pandangan peribadi saya, saya merasakan adalah wajar kerajaan untuk mengkaji menyeluruh memandangkan tenaga nuklear ini agak murah. Walaupun demikian, saya pernah mendengar ucapan daripada

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun lepas bahawa tenaga nuklear ini tidak dapat diguna pakai di Malaysia kerana agak bahaya. Sekiranya pandangan Yang Amat Berhormat itu diguna pakai, mengapakah kita masih lagi melaburkan sejumlah wang yang besar di dalam belanjawan untuk tujuan Agensi Nuklear Malaysia?

■1740

Adakah lebih baik wang ini dilaporkan kepada kajian kepada teknologi-teknologi baharu dan juga teknologi tenaga baharu contohnya seperti hidrogen dan juga memperbanyakkan lagi tenaga yang boleh ubah.

Selain daripada itu berkenaan tentang Butiran 040400 – Agensi Angkasa Malaysia dan juga saya ingin mengetahui apakah perkembangan Angkasa Malaysia? Adakah kita akan menghantar lagi dan juga melahirkan angkasawan-angkasawan ataupun mungkin kita menggalakkan pelajar-pelajar untuk dapat tersenarai sebagai angkasawan di negara Rusia ataupun NASA?

Selain daripada itu berkenaan tentang Butiran 050200 – Alam Sekitar. Ada menjadi satu kebimbangan masyarakat umum berkenaan kejadian-kejadian aneh di kawasan contohnya di kawasan saya berlakunya *Blue Tears*. Adakah *Blue Tears* ini baik ataupun *Blue Tears* ini adalah kesan daripada pemanasan global ataupun pencemaran yang teruk dalam laut? Baharu ini satu kejadian di sepanjang pantai di kawasan Parlimen Sibuti seperti Pantai Bakam, Pantai Berayak Lama, timbul siput- *sea snail* ataupun kalau kita panggil tekoyong ataupun siput sedut muncul di pantai-pantai dengan banyak.

Adakah ini tanda-tanda berlakunya sesuatu perkara yang tidak diingini dan juga kalau kita bercakap dengan pekerja-pekerja di *rigs* Minyak pelantar minyak di laut, mereka sering mengatakan pada masa kini banyak timbulnya *dolphin* ataupun ikan lumba-lumba secara mengejut dan juga ada yang mengatakan sesuatu perkara yang aneh berlaku di lautan.

Saya ingin bertanyakan kepada pihak kementerian, apakah langkah-langkah pihak kerajaan untuk memastikan pembuangan plastik-plastik di dalam laut dan juga pembuangan sampah ke dalam sungai ini dapat diatasi? Menyebut juga perkara berkenaan tentang sungai, adakah pihak kementerian terutamanya untuk membantu masyarakat di luar bandar memandangkan kita banyak menanam kelapa sawit, kebanyakan sungai-sungai dan juga anak-anak sungai menjadi keruh dan juga apakah langkah kerajaan untuk menyelamatkan sungai tersebut dan juga memulihkan sungai-sungai yang terdapat di kampung-kampung.

Selain daripada itu saya ingin menyebut berkenaan tentang Pengurusan Alam sekitar dan juga apakah usaha-usaha kerajaan untuk memastikan keadaan pantai di sepanjang pantai dalam keadaan bersih? Apakah bentuk-bentuk program yang boleh dijalankan dan juga saya berharap agar pihak kementerian dan juga Yang Berhormat Menteri memainkan peranan yang besar memandangkan kementerian ini adalah merupakan salah satu kementerian yang tidak mementingkan parti-parti politik untuk bekerjasama dan juga saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri memandangkan dari kami pihak GPS sering mendapat jemputan untuk taklimat-taklimat

SYABAS dan tahniah dan ini saya harapkan agar Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri sentiasa maju jaya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Sibuti sekarang saya jemput Yang Berhormat Tampin kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Sila Yang Berhormat Tampin.

3.44 ptg.

Datuk Dr. Hasan bin Baharom [Tampin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 060600 – Subsidi Bil Elektrik. Saya ingin bertanya kepada kementerian berapa ramai yang akan mendapat subsidi ini? Bagaimana ia dilaksanakan dan bagaimana kementerian untuk menentukan kumpulan ataupun golongan dasar yang akan mendapatkan subsidi ini?

Seterusnya apakah masyarakat maklum tentang subsidi ini dan bagaimana kementerian memberi maklum kepada masyarakat supaya masyarakat sedar adanya subsidi elektrik yang akan diberikan kepada masyarakat khususnya golongan masyarakat B40.

Perkara yang saya hendak sentuh ialah soal Butiran 00107 – Projek Teknologi Hijau di mana peruntukan untuk Projek Teknologi Hijau ini haruslah dipertingkatkan kerana teknologi hijau merangkumi semua aspek iaitu pembangunan dan aplikasi produk peralatan serta sistem untuk memelihara alam sekitar dan alam semula jadi dan meminimumkan atau mengurangkan kesan negatif kepada aktiviti manusia.

Di mana teknologi hijau ini merujuk kepada produk peralatan ataupun sistem yang memenuhi kriteria-kriteria yang tertentu yang perlu diambil kira dan ambil perhatian secara serius oleh kementerian. Di mana kalau kita dapati peruntukan ini amat diperlukan untuk membina aplikasi teknologi dan amalan-amalan hijau seperti penggunaan elektrik, cekap tenaga, penggunaan kenderaan awam ataupun bahan api alternatif dan penjimatan penggunaan air.

Demikian juga dalam soal penggunaan tenaga solar. Bagaimanakah kementerian untuk menggalakkan supaya tenaga solar ini dapat digunakan secara serius di negara ini supaya kita mengurangkan- supaya kita dapat membina soal tenaga hijau ini dapat dilaksanakan secara dengan baik.

Perkara yang saya hendak sentuh selain daripada itu ialah Butiran 00608 - Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia (MASTIC) di mana anggaran yang diperuntukkan kepada pusat ini sejumlah RM1.5 juta pada tahun 2020. Persoalannya, dengan peruntukan ini adakah pihak kementerian bercadang untuk mempergiatkan lagi urusan pemantauan kajian dan juga cara mengatasi masalah pencemaran sungai di kawasan perumahan yang berdekatan di kawasan perindustrian dan juga kalau kita lihat perkara-perkara ini amat penting untuk menjadi bahan rujukan kepada masyarakat setempat.

Perkara yang saya hendak sentuh ialah Butiran 00800 - Program Penyelidikan dan Pembangunan (R&D). Persoalan saya, adakah kementerian dalam melakukan penyelidikan ini melibatkan Institusi Pengajian Tinggi dan apakah fokus bidang yang menjadi keutamaan kepada kementerian dan juga berapakah jumlah penyelidikan yang hendak dilakukan dan bagaimana

penyelidikan itu dapat dimanfaatkan untuk membina dan juga untuk menjadikan penyelidikan itu sebagai pelaburan kepada kerajaan di dalam menentukan atau meningkatkan pendapatan negara?

Selain daripada itu saya hendak sentuh ialah dari segi aspek *Malaysian Green Technology Corporation (MGTC)* iaitu Butiran 060300 di mana anggaran peruntukan yang menurun daripada tahun 2019 di bawah kita telah mengadakan ataupun telah menyetujui satu perjanjian Perancis pada tahun 2016 di mana Malaysia telah membuat perjanjian untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau sebanyak 45 peratus menjelang tahun 2030 namun ini memerlukan kerjasama dan penglibatan sektor swasta walaupun kerajaan boleh menetapkan dasar pelaburan sebenarnya pada masa akan datang. Saya ingin bertanya, bagaimanakah penglibatan yang serius yang disertai oleh pihak struktur dan sektor swasta dalam melaksanakan perkara yang telah ditentukan itu.

Demikian juga dalam soal kesedaran masyarakat. Bagaimanakah kementerian memastikan masyarakat sedar untuk melaksanakan atau untuk merealisasikan soal *Malaysian Green* ini. Oleh sebab kalau kita lihat salah satu di antara perkara yang boleh menyebabkan pencemaran sama ada di laut ataupun di darat iaitu penggunaan plastik di mana kalau kita lihat suasananya tidak selesa. Apakah kementerian berhasrat untuk menjadikan ataupun mengharamkan ataupun melaksanakan ataupun membuat suatu peraturan undang-undang penggunaan plastik dan bagaimana usaha yang akan dilakukan oleh kementerian?

Apakah ada hasrat kerajaan untuk mengadakan undang-undang penggunaan plastik di negara ini? Atau mengharamkan seterusnya penggunaan plastik sebab ada negara yang telah mengharamkan penggunaan plastik ini sebab dia boleh menyebabkan pencemaran kepada alam sekitar.

■1750

Demikian juga perkara yang saya hendak sentuh ialah Butiran 07300 - Bahagian Konservasi dan Pemuliharaan Alam Sekitar (KAS). Saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah ada satu dasar yang jelas ataupun yang komprehensif untuk kita memastikan bahawa pemuliharaan alam sekitar ini dapat kita pergiatkan dan dapat kita lakukan? Di mana perkara yang kita lihat bahawa pihak kementerian perlulah memastikan pemuliharaan alam sekitar ini dengan secara serius. Oleh kerana alam sekitar ini memainkan peranan yang penting dalam menjaga, melindungi, memelihara dan memulihara alam sekitar dan mencari kaedah terbaik mengatasi masalah pencemaran dan juga kemerosotan alam sekitar.

Saya mengucapkan terima kasih kepada kementerian ini kerana telah membina jajaran elektrik daripada Melaka, ke Rembau merentasi Gunung Tampin hingga ke Bahau. Walau bagaimanapun, mungkin ada kajian yang menyeluruh tentang pelaksanaan itu. Akan tetapi kalau kita lihat, berlakunya pencemaran sungai di persisiran pergunungan Tampin itu.

Jadi, oleh sebab itu, saya mengharapkan satu pemantauan yang rapi dan juga pemantauan yang teliti supaya pencemaran sungai dan juga ekosistem yang ada di persekitaran pergunungan Tampin itu dapat di selesaikan, dapat di selamatkan. Supaya semua kegiatan,

semua pergerakan sama ada dari segi aspek sukannya, budayanya dan juga dari segi ekonomi di persekitaran jajaran Gunung Tampin itu dapat kita selamatkan. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tampin, sekarang saya jemput Yang Berhormat Setiu, diikuti oleh Yang Berhormat Kangar.

5.53 ptg.

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Pengerusi, yang pertama Butiran 10000 - Program Kecekapan Tenaga dan Tenaga Diperbaharui. Terdapat peruntukan RM26 juta bagi membiayai program ini. Minta pihak kementerian huraikan lebih detil berkaitan program-program yang akan dilaksanakan di bawah peruntukan ini.

Bagi tahun 2020, berapakah sasaran jumlah bangunan yang akan terlibat di dalam pelaksanaan kontrak prestasi tenaga? Adakah melibatkan bangunan kerajaan di seluruh negara? Adakah syarikat yang terpilih melaksanakan projek ini akan turut mendapat pengecualian cukai? Pada awal tahun 2019, pihak kementerian ada mengumumkan bahawa 50 bangunan akan dilaksanakan program kontrak prestasi tenaga. Bolehkah jelaskan status pelaksanaan projek itu?

Butiran yang kedua, Butiran 00800 - Program Penyelidikan dan Pembangunan (R&D). Di mana pada tahun 2020, peruntukan sebanyak RM11 juta digunakan untuk mempromosikan bidang sains dan teknologi kepada semua peringkat pelajar sekolah. Daripada jumlah itu, berapakah sasar jumlah pelajar yang akan terlibat? Bagi tahun 2019, berapakah peruntukan bagi program ini? Setakat ini sejauh manakah kejayaan pelaksanaan program ini?

Tuan Pengerusi, selain itu saya juga ingin membahaskan Butiran 07200 - Jabatan Alam Sekitar. Di dalam bajet tahun 2020, sebanyak RM30 juta diperuntukkan untuk meningkatkan keupayaan Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Kimia. Salah satu sasaran bagi bajet ini adalah membangunkan sistem *geographical information system* terbaharu, dengan izin Tuan Pengerusi. Bagi tujuan ini, berapakah anggaran kos yang dijangka akan terlibat?

Sejauh manakah sistem membantu keberkesanan pelaksanaan program kawalan kualiti alam sekitar? Bilakah jangkaan sistem ini mampu digunakan?

Butiran seterusnya, Butiran 020100 - Pengurusan Tenaga. Saya ingin meminta senarai program-program yang berkaitan tenaga boleh diperbaharui yang dirangka oleh kementerian. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri ada mengumumkan pelaksanaan *the 4th Large Scale Solar (LSS 4)* yang dijangka dilaksanakan pada pertengahan tahun 2020. Adakah LSS 4 ini akan mengguna pakai kaedah sama seperti sebelum ini? Berapakah sasaran kuota yang akan dibuka?

Selain itu, adakah kerajaan bercadang untuk mengembangkan teknologi *energy storage* di Malaysia? Apakah insentif yang dilaksanakan kerajaan di dalam membangunkan teknologi ini? Tuan Pengerusi, pada masa kini kuota *net energy metering* dihadkan kepada 500 megawatt. Sehingga tahun 2020, sekiranya selepas tahun 2020 kuota ini masih ada, adakah ia akan

diteruskan? Atau sekiranya kuota telah habis, adakah MESTECC merancang untuk membuka kuota baharu?

Tuan Pengerusi, perkara seterusnya berkenaan dengan *electronic waste*. Saya kira pihak kerajaan seharusnya mengambil perhatian terhadap kitar semula bahan buangan *e-waste*. Berdasarkan kajian, dianggarkan 50 juta tan e-sisa yang di keluarkan pada setiap tahun. Akan tetapi hanya 20 peratus dikitar semula, manakala selebihnya sering dibakar atau dibuang di tapak pelupusan sampah.

Apa yang lebih membimbangkan apabila hujan, air akan mengikat molekul-molekul toksik dari *e-waste* di tanah yang mencemari tumbuhan dan laut. Bahan-bahan merbahaya ini akhirnya akan menjangkau rantai makanan dan menjadi pembunuh secara senyap. Tahap kesedaran terhadap kitar semula bahan elektronik masih lagi rendah.

Oleh itu, sejauh manakah inisiatif kerajaan untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan kitar semula alat elektronik? Saya meminta perincian daripada pihak kementerian berhubung perkara ini.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, Butiran 00107 - Projek Teknologi Hijau. Peruntukan RM1 juta bagi membangunkan projek teknologi hijau ini amat kecil kerana kebiasaannya projek-projek sebegini menelan kos yang tinggi. Oleh sebab itu, saya ingin perincian RM1 juta tersebut. Apakah perancangan kementerian berkenaan dengan projek teknologi hijau yang akan dihasilkan?

Seterusnya, dalam ucapan Bajet 2019 yang lalu, kerajaan telah memperluaskan senarai aset hijau yang layak untuk Elaun Cukai Pelaburan Hijau (GITA) di bawah direktori MyHijau. Bagi tahun 2020, kerajaan dijangka akan melanjutkan galakan GITA dan memperkenalkan Pengecualian Cukai Pendapatan Bagi Perkhidmatan Teknologi Hijau (GITE) sehingga tahun 2030.

Justeru, saya ingin bertanya apakah bentuk aset hijau yang telah dimiliki pihak kementerian yang menerima elaun GITA ketika ini? Berapakah anggaran kos daripada galakan GITA dan GITE yang dilaksanakan sehingga kini? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kangar, diikuti oleh Yang Berhormat Paya Besar, kemudian Yang Berhormat Kepong, kemudian Yang Berhormat Hulu Rajang.

5.59 ptg.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kita hari ini bicara tentang Butiran daripada Kementerian Tenaga Sains Teknologi Alam Sekitar dan Perubahan Iklim yang saya sifatkan antara kementerian penting jika kita hendak bercakap tentang masa depan. Walaupun kita tengok peruntukan di kementerian ini tidaklah terlalu besar, RM1.5 bilion tetapi saya percaya peruntukan-peruntukan di bawah kementerian lain juga sangat terkait dengan kementerian ini.

Saya hendak menyentuh perkara yang pertama, Butiran 060500 – MySuria. Saya difahamkan projek ini sebenarnya telah- boleh dikatakan hendak dibatalkanlah tetapi masih ada lagi peruntukan lebih daripada RM1 juta pada tahun ini.

Ini ada kaitan juga dengan Butiran 00107 - Projek Teknologi Hijau, Butiran 040200 - Tenaga Lestari, dan juga Butiran 10000 - Program Kecekapan Tenaga dan Tenaga Diperbaharui.

■1800

Walaupun saya percaya pecahan-pecahan ini menunjukkan ada projek yang berbeza tetapi ia mungkin saling berkaitan. Cuma saya ingin hendak menyentuh kerana dalam pengumuman dahulu ketika projek MySuria ini dikemukakan buat pertama kalinya, disebut ada peruntukan sebanyak RM45 juta untuk 1,620 buah rumah. Di mana tenaga yang dihasilkan oleh penduduk akan dijual kepada TNB selama 10 tahun. Penduduk ini dipilih di kalangan B40 yang akan dapat lebih kurang secara purata RM250 sebulan.

Ini bagi saya satu inisiatif yang baik. Kita pilih untuk tidak teruskan. Kalau ikut di Perlis dianggarkan lebih kurang dalam RM3 juta untuk 100 buah rumah. Jadi oleh kerana projek ini dibatalkan sebelum 10 tahun, ataupun telah diminimumkan sebelum 10 tahun. Jadi, apa jadi dengan tenaga-tenaga yang dihasilkan oleh rumah-rumah yang telah melaksanakan projek ini.

Adakah bayaran peruntukan yang ada ini adalah untuk meneruskan apa yang telah kita lakukan. Berapa banyak yang telah dipasang dan berapa banyak yang diteruskan. Ini kerana kalau kita ambil pengumuman dahulu sebanyak RM45 juta, saya percaya mungkin tidak digunakan semua tetapi yang digunakan ini berapa banyak? Kita hendak tahu berapa banyak yang diteruskan dan sampai bila? Adakah hendak habiskan sehingga 10 tahun?

Seterusnya ialah kenyataan Menteri yang saya sempat baca kerana ia berkaitan dengan perbincangan pertama saya selepas mengangkat sumpah dahulu berkaitan dengan *energy performance contract* (EPC) ataupun kontrak prestasi tenaga yang boleh menjimatkan sebanyak RM47 bilion dalam masa 15 tahun. Saya fikir perlu ada insentif untuk menggalakkan orang ramai menukar kerana dalam kenyataan Menteri mungkin peringkat awal ini kita hendak laksanakan di bangunan-bangunan kerajaan. Akan tetapi, jangan kita lupa bahawa agenda besar kerajaan pada hari ini ialah untuk kemakmuran bersama.

Jadi, kalau kita tukar ke bangunan kerajaan dia orang kata ialah bangunan kerajaan dapat. Kita hendak jadikan inisiatif ini juga sebagai satu insentif yang dapat menjimatkan perbelanjaan rakyat. Rakyat, maksudnya setiap isi rumah. Jadi kalau kita dapat sediakan insentif supaya rakyat khususnya mereka yang mungkin menggunakan tenaga tanpa- mungkin kerana kurang pendidikan, jadi menggunakan tenaga secara membazir. Jadi, kalau kita dapat adakan insentif ini, dapatlah kita mendidik mereka supaya penjimatan tenaga ini dapat kita kembangkan bukan sahaja di bangunan-bangunan kerajaan sahaja.

Saya maklum bahawa Kementerian Pembangunan Luar Bandar juga ada inisiatif untuk menukar lampu-lampu jalan. Sekarang ini memakai yang dikatakan lampu LED. Jadi ini satu, saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar kerana dia juga membantu untuk mencapai objektif di MESTECC. Saya berharap kementerian-kementerian lain

juga orang kata akan ambil bahagian supaya kita tidak bergerak secara *in silo* dan kita dapat membantu mencapai objektif-objektif yang telah digariskan secara bersama.

Seterusnya Butiran 060600 – Subsidi Bil Elektrik. Saya tengok ada penurunan daripada RM140 juta kepada RM104 juta. Saya hendak tahu kenapa ada penurunan ini. Adakah – berapa ramai kah penerima sebenar sekarang dan adakah subsidi bil elektrik ini juga termasuk subsidi dalam penjana tenaga. Ini kerana kita tahu dalam rantaian penjana tenaga di Malaysia pun kita ada juga subsidi dan bagaimanakah subsidi ini ditampung.

Bagaimanakah pula subsidi ini dapat menggalakkan penjimatan tenaga. Jadi, saya percaya mungkin kementerian patut buat satu semakan, yang mana subsidi RM40 yang kita bagi sekarang, rebat RM40 ini mungkin kita tidak bagi secara satu nilai terus tetapi kita bagi berdasarkan kadar penggunaan tenaga. Jadi barulah dengan tercapai maksud kementerian untuk menggalakkan penjimatan tenaga. Ini kerana kalau kita bagi subsidi macam itu sahaja, kita sebenarnya menggalakkan penggunaan tenaga sehingga RM40 ini secara berleluasa.

Butiran 050100 – sebenarnya ini saya tidak tahu di bawah butiran mana, mungkin saya boleh kaitkan dengan Butiran 050100 – Pengurusan Alam Sekitar, Butiran 030500 – Akademi Sains Malaysia, Butiran 030400 – Planetarium Negara dan Pusat Sains Negara-negara, Butiran 01200 – Agensi Angkasa Negara-negara (ANGKASA). Tadi rakan saya daripada Yang Berhormat Sibuti juga ada menyebut tentang perkara ini, kita tahu dalam kenyataan Kementerian Pendidikan Malaysia ini pelajar yang mengambil bidang STEM ini menurun.

Sedangkan dalam laporan Kementerian Pendidikan Malaysia semasa membentangkan dasar dahulu pada tahun 2014, daripada rujukan saya menunjukkan bahawa kita memerlukan hampir 500,000 orang saintis menjelang tahun 2020. Tahun 2020 ini sudah tidak lama sudah. Jadi saya hendak tahu berapa orang saintis sebenarnya yang ada di Malaysia sekarang. Maksudnya saintis yang aktiflah. Macam saya pun belajar dalam bidang sains, kita belajar dalam bidang sains tulen tetapi saya tidak bekerja dalam bidang ini. Jadi kita hendak tahu berapa yang sebenarnya saintis yang kita hasilkan daripada IPTA dan IPTS dan berapa ramai yang aktif terlibat dalam bidang sains ini.

Saya menyebut banyak perkara dalam butiran ini kerana saya percaya kalau kita tidak cukup orang berminat dengan sains, saya bimbang kita punya kesedaran tentang kepentingan sains ini tidak dapat sedangkan inilah yang saya sebut awal tadi. Inilah satu bidang yang sangat diperlukan pada masa kana datang. Jadi saya berharap mungkin ada inisiatif sebab saya tidak jumpa dalam butiran mana yang bersifat pendidikan yang perlu dilakukan oleh MESTECC. Sama ada melalui kerjasama dengan kementerian-kementerian yang lain. Ini kerana tanpa pendidikan ini, sudah pastilah sains dan teknologi ini semakin suram di Malaysia.

Saya sedar bahawa di sekolah-sekolah kita banyak pertandingan STEM kerana saya juga pernah banyak masuk ke sekolah-sekolah dan saya lihat sebenarnya ramai pelajar ini dia berminat tetapi mungkin kita memposisikan subjek sains dan teknologi ini sebagai subjek yang payah di sekolah, sedangkan banyak perkara yang kita boleh tonjolkan, aspek yang boleh saya sebut aspek yang seksi dalam sains ini.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Penjelasan, Yang Berhormat penjelasan sedikit.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Ya, boleh sedikit.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Masa kita panjang ya. Yang Berhormat, Yang Berhormat sebut tadi ternyata Yang Berhormat ini masuk dalam bidang apa ya? Sebab saya hendak guna kepakaran Yang Berhormat itu untuk membuat promosi. Keduanya apakah Yang Berhormat sedar bahawa kita menghadapi terhalang. Macam di Perlis ini terhalang untuk masuk ke sekolah. Cuma Yang Berhormat seorang sahaja Ahli Parlimen PKR yang boleh masuk sekolah. Kami tidak boleh, dengan itu kami tidak boleh untuk bersama-sama menolong mempromosikan apa yang telah kita bincangkan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Okey, Terima kasih Yang Berhormat Arau. Yang Berhormat Arau baru tidak boleh masuk sekolah setahun setengah. Saya rasa— kami tidak masuk sekolah punya lagi lamalah daripada Yang Berhormat Arau. Jadi, saya percaya sebelum ini sudah masuk sekolah sudah mempromosi sains dan teknologi dengan hebatnya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat baru habis sekolah.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Ya, tidak mengapa. Terima kasih Yang Berhormat Arau. Itu mungkin dalam butiran di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Nanti Yang Berhormat Arau boleh bangkitkan semula.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak pernah pihak Barisan Nasional menghalang.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Saya tinggal lagi dua minit hendak habiskan ini Yang Berhormat Arau. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Bukan, tidak pernah kami menghalang untuk siapa-siapa pergi sekolah, kami orang yang terbuka, berfikiran liberal dan sentiasa dihormati oleh rakyat.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan Yang Berhormat Kangar.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Okey. Terima kasih Yang Berhormat Arau. Saya tertarik dengan satu program yang sebenarnya disokong oleh kementerian iaitu *International Invention, Innovation & Technology Exhibition*. Akan tetapi macam biasalah program-program yang begini selalunya dibuat di bandar-bandar besar yang menumpukan kepada golongan-golongan yang orang kata yang lebih terdedah.

Cuma saya berharap nanti mungkin kita boleh laksanakan secara besar-besaran untuk Hari Inovasi Malaysia. Di dalam pengalaman saya dalam beberapa peluang keluar negara, saya pernah tengok. Jadi bagaimana kementerian ini boleh membantu kementerian-kementerian yang lain juga, misalnya semasa saya berada di Amerika Syarikat kita melihat ada pameran teknologi-teknologi yang terkini dalam bidang pertanian.

Jadi, saya percayalah dalam pelbagai bidang pun kita boleh tonjolkan sekiranya kita ada satu hari yang mana kita meraikan orang kata kepintaran manusia dalam cuba menyelesaikan masalah-masalah yang baru timbul, supaya mereka boleh dapat melihatlah apa yang saya

sebutkan tadi sains dan teknologi ini sebagai satu perkara yang seksi terutama dengan generasi muda yang hari ini sangat terdedah dalam perkara sains dan teknologi. Jadi, mereka pun dapat meluaskan orang impian mereka untuk mencipta sesuatu yang baru.

Kita boleh katakan penurunan STEM ini pelajar yang minat dalam bidang sains dan teknologi salah satu petunjuk bahawa mungkin ada kekurangan dari segi aspek pendidikan kita sehingga menyebabkan orang rasa tidak mahu mengambil dalam bidang ini. Jadi, saya fikir ia juga memerlukan nafas barulah untuk kita kena lihat semula bagaimanakah teknik pengajaran sains dan teknologi di peringkat sekolah dan juga di peringkat universiti.

Selain daripada itu saya percaya juga MESTECC patut cuba. Ini butiran yang terakhir dua butiran terakhir. MESTECC juga patut melihat peranan MESTECC dalam aspek pelancongan. Saya mengambil contoh dalam pengalaman saya melawat ke *climate house* di Bremerhaven di Jerman. Ini saya percaya kalau Yang Berhormat Menteri ada kesempatan boleh ke sana untuk melihat bagaimana mereka menjadikan *climate house* ini sebagai satu elemen pelancongan dan pada masa yang sama dia banyak elemen pendidikan tentang perubahan iklim. Jadi saya *impressed*lah apabila berada di sana.

Kalau yang berkaitan dengan angkasa boleh tengok juga misalnya *Space & Rocket Centre* di *Huntsville Alabama*. Saya juga berpeluang ke sana, jadi apabila ke sana saya tengok bagaimana mereka *design park*. Oleh sebab saya punya pengkhususan dalam bidang...

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat, ini pergi keluar negara sahaja.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Ini sudah lima enam tahun sudah. Sebelum saya jadi Ahli Parlimen lagi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya tengok kawan-kawan PH ini kuat melawat negara. Selalu ke luar negara.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Jadi bagaimana *design* taman.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Meniaga apa agak-agaknya.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Saya punya pengkhususan dalam bidang taman dan rekreasi.

■1810

Jadi dalam aspek *design* taman untuk menjadikan sesuatu yang menarik kepada orang muda ini boleh tengok banyak tempat di dunia ini yang ada.

Saya tengok peruntukan agak besar— ini yang terakhir Tuan Pengerusi. Butiran 00800 – Program Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dan juga Butiran 02100 – *Commercialisation of R&D Fund* (CRDF). Kalau kita campur semua ini RM50 juta. Saya percaya ini cukup banyak dan inilah boleh mungkin digunakan macam yang saya cakap tadilah. Kita boleh pameran, hebahkan apakah inovasi-inovasi baharu, penciptaan-penciptaan baharu yang dibuat sama ada di universiti ataupun swasta ataupun sebagainya untuk kita tonjolkan bahawa perbelanjaan kita yang cukup banyak di pelbagai kementerian dalam bidang keusahawanan ini bukanlah akhirnya

berakhir dengan sebagai melahirkan usahawan mengharapkan geran dan kontrak kerajaan tetapi melahirkan kelompok usahawan yang berinovasi dan yang menjadi pencipta.

Itu sahaja. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, penjelasan

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Kangar.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Adakah kementerian ini akan diberi nama Kementerian Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan juga balas dendam?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya saya jemput sekarang Yang Berhormat Paya Besar. Diikuti oleh Yang Berhormat Kepong. Kemudian Yang Berhormat Hulu Rajang, Yang Berhormat Rasah dan Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Kemudian Kalabakan, Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Ledang dan Yang Berhormat Kuala Kangsar. Sila.

6.11 ptg.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan pegawai-pegawai kerajaan daripada Kementerian MESTECC. Saya yakin dan percaya kementerian ini adalah kementerian yang amat penting kerana ia membicarakan tentang tenaga, sains teknologi, alam sekitar dan perubahan iklim. Saya mengucapkan syabas dan tahniah atas kepimpinan Yang Berhormat Menteri dan saya melihat kementerian ini ada peningkatan daripada apa yang saya faham berkaitan kementerian ini.

Saya juga ingin menyentuh beberapa perkara yang melibatkan lima perkara pokok di bawah kementerian ini melalui Butiran 060300 – Malaysian Green Technology Corporation (MGTC). Saya ucapan tahniah dan syabas kerana MGTC telah diubah dan ditambahkan dengan perkataan *climate change*. Bagaimana Yang Berhormat Menteri stesen mengecas kereta elektrik? Saya dimaklumkan MGTC dan TNB akan memasang lebih banyak stesen-stesen mengecas elektrik ini. Walaupun kosnya agak tinggi tetapi ada iltizam daripada pihak kementerian kerana inilah yang akan memberi satu pandangan yang lebih baik dalam kita merangka teknologi masa hadapan.

Cumanya ada beberapa persoalan yang ingin saya bangkitkan kepada Yang Berhormat Menteri. Tuan Pengerusi, pertamanya berapa jumlah pengguna kereta elektrik di Malaysia? Kedua, adakah stesen-stesen yang ingin dibina ini melibatkan RNR di lebuhraya-lebuhraya utama? Bagaimana pula dengan lebuhraya-lebuhraya yang bukan utama? Bagaimana pula caj elektrik ini di tempat stesen-stesen minyak?

Saya juga ingin melihat, walaupun ada sedikit pengurangan sebanyak RM700,000 Yang Berhormat Menteri dan bagaimana MGTC ini membuat penilaian atau membuat suatu *measurement* berkaitan penggunaan elektrik oleh pengguna-pengguna di Malaysia. Ini kerana ada di antara rakyat Malaysia hari ini dia bukan kurang faham tetapi dia tidak diberi pengetahuan bagaimana untuk penggunaan elektrik yang secara efisien.

Saya juga ingin merujuk kepada *Carbon Calculator 2050*, Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tahu apakah status terkini *carbon calculator* ini. Bagaimana kita sudah berada di tahap mana? Bagaimana kita hendak mengukur kadar pelepasan karbon ini supaya kita dapat berada dalam keadaan bukan seperti rumah kaca?

Saya juga ucapkan syabas kepada pegawai kerajaan di MESTECC ini kerana sentiasa memberi sesuatu suntikan atau wajah yang baharu dalam *International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia* (IGEM). Saya hendak tahu Yang Berhormat Menteri, apakah pencapaian pameran ini. Apakah pencapaian yang amat membanggakan sehingga kita dapat bangga dengan syarikat-syarikat yang membuat pameran? Bagaimanakah kesan ini dapat disampaikan kepada anak-anak muda Malaysia?

Saya juga hendak cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya bila Kerajaan Pakatan Harapan ingin melaksanakan Gojek, motor tersebut mesti menggunakan motor elektrik dan bagaimana Yang Berhormat Menteri dapat berbincang dengan syarikat-syarikat *food transporter* seperti Foodpanda, GrabFood ini supaya mereka menggunakan kenderaan-kenderaan yang lebih bersifat *green technology*.

Saya hendak sentuh juga di bawah perkara tenaga ini Yang Berhormat Menteri berkaitan Butiran 00900 — Agensi Nuklear Malaysia. Saya faham Lembaga Pelesenan Tenaga Atom telah menyatakan kita ada lebih kurang 1,300 syarikat-syarikat yang mempunyai aktiviti bahan radioaktif. Saya yakin kita belum ada lagi kemampuan untuk mewujudkan sebuah kilang nuklear tetapi 1,300 syarikat ini, bagaimana Yang Berhormat Menteri melihat kes-kes kecurian dan kehilangan bahan-bahan radioaktif ini. Bagaimana semasa proses pengangkutan bahan-bahan tersebut, bagaimana ia melibatkan keselamatan?

Seorang Ahli: Mengalu-alukanlah.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Pengerusi, saya hendak mengalu-alukan semangat kasih sayang di antara Yang Berhormat Kuala Krau dan Yang Berhormat Pasir Salak.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kasih sayang. Tadi sudah gaduh di luar, drama-drama.

Dr. Su Keong Siong [Kampar]: Wayang kulit, wayang kulit.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sandiwara lagi kah?

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Sudah tahu siapa jadi PM kah?

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: Yang Berhormat Segamat dengan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Heh! Teruskanlah Yang Berhormat Paya Besar, jangan buang masa.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Siapa jadi PM?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Janganlah cemburu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jangan buang masa lah. Sudahlah.

Dr. Su Keong Siong [Kampar]: Cium tangan dulu.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Saya lihat Yang Berhormat Segamat dan Yang Berhormat Rasah pun berbaik.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ini tidak apalah, di sana lagi teruk sampai bertumbuk.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Jelutong, bisinglah, apa fasal cemburu kah?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sampai bertumbuk, malulah.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jelutong.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Jelutong, duduk diamlah.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat Jelutong jangan jadi batu apilah.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Bertumbuk kalau berlaku di luar Dewan tidak ada masalah. Ini tengok, menonton bola sepak dalam Dewan apa hal?

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Kuala Krau tidak dapat kebenaran. Sila Yang Berhormat Paya Besar.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Lagi teruk Yang Berhormat Jelutong, tengok bola dalam Dewan. Mana ada orang buat macam itu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Kuala Krau kamu tidak patriotik, saya malulah.

[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya tidak ada— harap tidak ada gangguan. Sila, Yang Berhormat Paya Besar.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Kenapalah Ahli-ahli Yang Berhormat ini masuk ketika saya berucap? *[Ketawa]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Jangan bertumbuk, jangan bertumbuk.

Dr. Su Keong Siong [Kampar]: Yang Berhormat Pasir Salak, jangan lawan ya.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Okey Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Paya Besar, teruskan.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Saya harapkan sangat tenaga...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Kuala Krau *mai* belah sini. *Join* kita *mai*.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Sudahlah Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Pengerusi, saya yakin kes kecurian Yang Berhormat Menteri suatu perkara yang amat penting dan bagaimana SOP Yang

Berhormat berkaitan dengan keselamatan dan pengangkutan bahan radioaktif ini. Saya juga hendak tahu Yang Berhormat Menteri reaktor penyelidikan nuklear di Dengkil, apakah pencapaian yang dapat kita banggakan. Bagaimana kes penghasilan bom kotor ini? Hal ini kerana perkara-perkara yang mungkin menjadi tarikan di bawah perkara tenaga.

Saya hendak pergi keduanya adalah yang berkaitan dengan sains iaitu Butiran 00608 – Pusat Maklumat Sains dan Teknologi Malaysia (MASTIC). Saya hendak tahu— kita sudah buat tiga kajian Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri lebih maklum daripada saya. Cumanya bagaimana penarafan ke atas kajian-kajian ini? Bagaimana kita melihat sains, teknologi dan inovasi? Bagaimana bidang-bidang keutamaan dalam kajian ini? Bagaimana kedudukan kita di peringkat antarabangsa, Yang Berhormat Menteri?

Saya lihat Yang Berhormat Menteri banyak lakukan program-program yang bagi saya ada *value added* tetapi bagaimana agensi-agensi antarabangsa mengutip *value added* ini supaya kita dapat pengiktirafan di peringkat dunia. Saya selalu bangkitkan Yang Berhormat Menteri supaya laporan-laporan agensi antarabangsa ini akan menjadi tingkap. Tingkap-tingkap ini yang akan dilihat oleh negara luar bahawasanya Malaysia berupaya menjadi sebuah negara maju.

Saya hendak pergi juga kepada Butiran 030400 – Planetarium Negara dan Pusat Sains Negara dan Butiran 040400 – Agensi Angkasa Malaysia (MySA). Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat bangkitkan berkaitan isu STEM. Isu STEM ini sains teknologi ini merupakan satu perkara yang sudah dibuktikan dalam kajian Khazanah Research Institute tahun 2018. Satu per tiga pilihan anak-anak muda bukan kepada sains dan teknologi. Kalau inilah yang menjadi satu asas, saya hendak tahu, apakah Planetarium Malaysia buat? Apakah Pusat Sains Negara buat? Bagaimana Agensi Angkasa Malaysia melakukan supaya kita dapat menyelesaikan masalah ini, Yang Berhormat Menteri?

Saya sebagai graduan dalam bidang *engineering*, saya risau Yang Berhormat Menteri kerana apa masa depan kita bercakap tentang revolusi industri, kita bercakap tentang dunia yang tanpa sempadan, kita bercakap tentang digital, kita bercakap tentang bagaimana reka bentuk sesuatu perkara teknologi yang dibuat oleh rakyat kita sendiri tetapi kita tidak berupaya melatih anak-anak muda di peringkat bawah dalam bidang sains dan teknologi. Saya yakin Yang Berhormat Menteri juga mempunyai bidang *chemical* dalam bidang *engineering*, Yang Berhormat Menteri harus melihat perkara ini sebab kita tidak akan biarkan generasi seperti kita ini pupus pada masa-masa akan datang.

Saya juga hendak tanya pendirian kementerian, Yang Berhormat Menteri bagaimana bila Yang Berhormat Menteri Pendidikan mencadangkan supaya *no streaming* pada masa akan datang. Ini juga akan memberi pilihan kepada anak-anak muda supaya memilih subjek-subjek yang mudah dan saya minta pandangan— bukan *detail*. *Just* hendak tahu pandangan Yang Berhormat Menteri.

Saya juga hendak menyentuh berkaitan alam sekitar, Yang Berhormat Menteri.

■1820

Kita di *Rio Earth Summit* 1992, dalam Protokol Montreal, kita telah menyatakan bahawasanya kita mencapai 55 peratus dari segi ozon. Bagaimana kita melihat Butiran 07300 ini sebagai butiran yang mempunyai satu kekuatan dalam konvensyen antarabangsa? Saya hendak tanya kepada kementerian, apakah kementerian sudah menandatangani atau meratifikasikan konvensyen-konvensyen antarabangsa yang berkaitan pemuliharaan alam sekitar?

Saya juga hendak tanya berkaitan Lynas dan bagaimana status Lynas di Pahang? Bagaimana selepas enam bulan? Saya juga hendak tanya sisa-sisa plastik, bagaimana? Ini isu yang menyebabkan kita terpaksa mengawal semua pintu-pintu masuk. Bagaimana plastik yang dihantar ke Malaysia, sudah pulang ke negara mereka kah? Saya juga hendak tanya berkaitan pencemaran Sungai Kim Kim dan bagaimana pencemaran Sungai Klang, sudah pulih atau tidak?

Akhirnya, Tuan Pengerusi, disebabkan perkara ini adalah perkara yang amat penting sekali, saya tidak mahu Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa yang berlaku dalam *Audit Report* yang telah dinyatakan bahawasanya Akademi Sains Malaysia tidak menggunakan RM31.66 juta.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri mengenai Butiran 02000 dan Butiran 02100. Ini yang dilaporkan dalam *Audit Report 2018*. Bagi *Technology Acquisition Fund*, peruntukan untuk Rancangan Malaysia Ke-11 sebanyak RM100 juta. Tahniah dan syabas saya ucapkan. Akan tetapi, perbelanjaan sehingga 31 Disember 2018 hanya RM25 juta. Bermakna baki ada lagi lebih kurang RM75 juta dalam *Technology Acquisition Fund*. Tahun 2009 sebanyak RM5 juta dan tahun 2020 sebanyak RM8 juta. Maknanya, RM13 juta. Bagaimana hendak habiskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11?

Sama juga dalam *Commercialisation of R&D Fund (CRDF)* ini, Yang Berhormat Menteri. Ada *balance* saya ingat, kalau campur-campur semua ini, Yang Berhormat Menteri, ada lagi RM15 juta yang saya jangka tidak dapat dihabiskan. Bagaimana Yang Berhormat Menteri melihat perkara ini?

Terakhirnya, Yang Berhormat Menteri, adakah kajian-kajian ini juga telah melibatkan kajian-kajian melibatkan perubahan iklim? Kerana apa, perubahan iklim sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Sibuti tadi, amat merisaukan kita. Kerana apa, sudah ada tanda-tanda yang menunjukkan negara kita juga sudah mengalami *climate changes* di atas pemanasan global yang sedang berlaku di seluruh dunia.

Tuan Pengerusi, terima kasih banyak-banyak. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih pegawai kerajaan MESTECC.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Keping.

6.23 ptg.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak fokus kepada alam sekitar. Butiran 050000 – Pengurusan Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. Anggaran sebanyak RM121 juta. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah sebenarnya alam sekitar yang di bawah kementerian ini?

Saya tanya soalan ini kerana kalau kita sebut alam sekitar, alam sekitar bersamaan dengan isu sampah atau isu kebersihan. Akan tetapi di Malaysia ini, isu sampah di bawah kementerian KPKT. Kalau kita sebut alam sekitar, alam sekitar ini juga *equivalent to*, dengan izin, pemuliharaan hutan dan juga air sungai. Akan tetapi di Malaysia ini, air dan sungai di Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: KATS.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri ini, apa alam sekitar yang telah dibuat? Di bawah butiran ini, saya hendak tanya, apa program, apa langkah, apa projek alam sekitar yang telah dibuat yang memerlukan anggaran sebanyak RM121 juta?

Sering kali rakyat *complained*. Ada isu sampah dan ada isu alam sekitar, pergi cari kementerian ini. Dia tolak ke kementerian KPKT. Kementerian itu, dia tolak ke jabatan lain. Kita tidak mahu kerajaan ini, Pakatan Harapan jadi kerajaan '*tai chi master*'. Jangan tolak. *[Ketawa]* Kita hendak jelas. Kalau sampah, pencemaran air, udara, ia di kementerian kamu. *[Tepuk]* Ya, terima kasih. *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Jadi, saya minta Kerajaan Pakatan Harapan ubah sikit dalam Kabinet. Alam sekitar, memang alam sekitar. Fokus. Jangan sikit air di sini, sampah di sini. *[Dewan riuh]* Tidak tahu apa benda di kementerian ini. *[Dewan riuh]*

Seterusnya Butiran 07300 – Bahagian Konservasi dan Pemuliharaan Alam Sekitar (KAS). Ini di tahun 2018 tidak ada anggaran tetapi di tahun ini ada iaitu RM4.4 juta. Saya hendak tanya, apa benda telah dikonservasikan dan apa benda telah dipuliharkan?

Saya hendak Yang Berhormat Menteri fokus kepada isu Kuala Lumpur sebab saya daripada Kuala Lumpur, saya Ahli Parlimen Kepong. Isu Kuala Lumpur, semalam rakan-rakan saya di sini sudah kata, pencemaran udara paling teruk di Kuala Lumpur.

Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, di bawah butiran ini, apa langkah, apa program dan apa saja yang telah dibuat untuk mengurangkan pencemaran udara di Kuala Lumpur? Kalau tidak, ini butiran, sila batalkan. *[Ketawa]* *[Dewan riuh]* *[Tepuk]* Ya.

Okey, akhirnya, Butiran...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: *Steady*-lah, Yang Berhormat Kepong.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Akhirnya, Butiran 010200...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Jelutong tidak hendak mencelah, Yang Berhormat Jelutong?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *You are the man* lah, Yang Berhormat Kepong. *[Ketawa]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sudahlah. *Hangpa* jangan jadi '*batu api*' lah. Sudahlah. Diam, diam.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Jelutong... *[Pembesar suara dimatikan] [Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli Yang Berhormat, jangan ada celahan-celahan yang saya tidak benarkan. Sila, Yang Berhormat Kepong. *[Dewan riuh]*

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tuan Pengerusi, peraturan berapa yang tidak dibenarkan, Tuan Pengerusi?

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Jelutong. Yang Berhormat Jelutong itu mengacau saja kerjanya.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat, tidak boleh mencelah ya?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan Yang Berhormat Kepong, teruskan.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Terima kasih. Butiran 010200 – Perancangan Strategik. Anggarannya RM9.3 juta. Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat Pakatan Harapan...

Seorang Ahli: Ya.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: ...Kita kalah teruk di Pilihan Raya Kecil Tanjong Piai. Mengapa? *[Tepuk]* Sebab kerajaan ini tidak memenuhi dan menepati manifesto *election*.

Beberapa Ahli: Betul, betul, betul.

Dr. Su Keong Siong [Kampar]: Saja hendak cari gaduh ya. Nak cari gaduh, Yang Berhormat Kuala Krau?

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Kampar Kampar, dengar itu.

Dr. Su Keong Siong [Kampar]: Duduk, duduk. Jangan cari gaduh. Yang Berhormat Kuala Krau, duduk. Jangan cari gaduh.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Kampar, dengar itu.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Salah satu yang ada relevan di sini ialah Lynas.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Dengar, Yang Berhormat Kampar.

Dr. Su Keong Siong [Kampar]: Yang Berhormat Kuala Krau jangan cari gaduh. Duduk.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Sebelum PRU yang lepas, Pakatan Harapan janji untuk batalkan Lynas.

Beberapa Ahli: Ya.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Hantar sisa toksik Lynas balik kepada negara asal.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Ahli Parlimen Kuantan.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Apa telah buat? Tidak ada!

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Boleh mencelah? Boleh mencelah tak?

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Apa kerajaan ini?

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Tidak ada.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Jelutong, dengar itu.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Boleh mencelah?

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Yang Berhormat Menteri, jangan main perkataan kata di manifesto tidak ada sebut Lynas. *[Dewan riuh]* Jangan main-main dengan pengundi.

Beberapa Ahli: Ya.

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Betul itu.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Di ceramah sebelum pilihan raya lalu, semua di sini...

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Jelutong, jangan main-main.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Semua di sini, Pakatan Harapan...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Ahli Parlimen Kuantan, dengar itu, Ahli Parlimen Kuantan.

Dr. Su Keong Siong [Kampar]: Yang Berhormat Kuala Krau, jangan cari gaduh. Nanti gaduh pula.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Pakatan Harapan, sebelum pilihan raya, ceramah, "Batalkan Lynas". "Besok memerintah, kita batalkan lesen Lynas." *[Dewan riuh]* Sekarang sudah hampir dua tahun, kilang Lynas masih ada. Menteri-menteri pergi MoU, *witness* sains surat janji. Apa sudah berlaku? Apa sudah terjadi?

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *You are the man*-lah, Yang Berhormat Kepong.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: *[Ketawa]*

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Pengundi-pengundi di luar sana, pengundi...

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: *World class* Ahli Parlimen.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Pengundi di Tanjung Piai...

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Betullah, Yang Berhormat Kepong. Bagus.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Rakyat di luar sana, pembangkang di sana panggil kita ini kencing dan pengecut. *[Dewan riuh]* Kita tidak mahu jadi kerajaan yang songsang.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Betullah, Yang Berhormat Kepong. *Steady*, Yang Berhormat Kepong.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Kita tidak mahu jadi kerajaan yang *U-turn*. *[Dewan riuh]*

Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]: Bagus, Yang Berhormat Kepong.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Okey, cadangan saya. *[Dewan riuh]*

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Bubar Parlimen. Cadangan bubar Parlimen. Setuju tidak? *[Dewan riuh]*

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Di bawah butiran ini— apa ya? Perancangan strategik? Saya tidak tahu...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: *Kasi bakar ini buku.*

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Saya tidak tahu apa ini strategi. Saya cadangkan kerajaan dan Yang Berhormat Menteri cari satu strategi, *find fault* dalam isu Lynas. Cari kesalahan isu Lynas. Kasi batalkan lesen Lynas! Boleh tidak? *[Dewan riuh]* Kalau tidak, butiran ini, sila dibatalkan. *[Dewan riuh]*

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Ya, setuju, setuju.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Hulu Rajang. Saya mulakan lima minit kerana ramai lagi yang hendak berbahas. Silakan, Yang Berhormat Hulu Rajang. *[Dewan riuh]*

6.29 ptg.

Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Terima kasih...

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Kepong, *you are the manlah*, Yang Berhormat Kepong. Yang Berhormat Kepong, *you are the manlah*

Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: MP-MP PH lain, ikutlah macam Yang Berhormat Kepong. *[Pembesar suara dimatikan]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan Yang Berhormat Hulu Rajang, teruskan. *[Dewan riuh]*

■1830

Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Terima kasih. *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya tak benarkan gangguan. Sila Yang Berhormat Hulu Rajang. *[Dewan riuh]* Yang Berhormat Hulu Rajang, sila.

Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Jelutong ikut Yang Berhormat Kepong ya.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Jelutong terdiam, terdiam Yang Berhormat Jelutong.

Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Saya merujuk kepada Butiran...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Kuala Krau, keluar bertumbuk dengan Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Ketawa]*

Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]: *You kaki bodek lah.*

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: *Thumbs up to you*, Yang Berhormat Kepong. Yang Berhormat Jelutong duduk diamlah.

Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: 07400 – Jabatan Alam Sekitar dan 05000 – Pengurusan Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. Di kawasan saya adalah sebuah *damped* yang terbesar iaitu Empangan Bakun yang terbesar di Asia, Tuan Pengerusi. Secara terperinci, lokasi Empangan Bakun adalah di hulu Sungai Balui, tak jauh kurang lebih 30 kilometer dari Pekan Belaga yang mempunyai populasi lebih 50 dan 30,000 penduduk.

Empangan Bakun ini mempunyai...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Kepong, itu Lim Kit Siang sudah telefon sama you kah? *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Jangan ada gangguan. Sila. Yang Berhormat Hulu Rajang, teruskan.

Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Terima kasih. Membekalkan tenaga sehingga 2,400 megawatt di seluruh negeri Sarawak, satu infrastruktur yang sangat besar. Akan tetapi masih terdapat isu...

Seorang Ahli: Peraturan... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya tak benarkan. Ini adalah *floor* untuk Yang Berhormat Hulu Rajang dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa. Silakan.

Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Mohon bersabar lah. Akan tetapi masih terdapat isu bagi penduduk di kawasan sekitar Empangan Bakun, Tuan Pengerusi ialah pencemaran. Tuan Pengerusi, bayangkan dalam kawasan sekitar Empangan Bakun ini warna hijau belaka, kini pokok-pokok dan rimbunan hijau itu telah menjadi kuning selepas kalau *spillwarenya* dibuka iaitu Empangan Bakun terbuka.

Jadi saya minta supaya kementerian mengambil tindakan ataupun mengkaji adakah disebabkan hidrogen sulfat itu yang dahulunya di dalam air telah dilepaskan ke udara disebabkan proses tersebut. Misalnya kereta-kereta yang putih itu boleh menjadi kuning warnanya dan juga penyaman udara...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Minta laluan Yang Berhormat?

Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Masa tidak ada. Semua sudah dikacau.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sedikit, sedikit sahaja.

Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Tak apa, tak apa. Ini masa lagi. Ini tiga minit...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya nak tanya ada video yang menjadi *viral*... *[Pembesar suara dimatikan]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jelutong, sila duduk *[Dewan riuh]* Tidak diberi laluan untuk Yang Berhormat Hulu Rajang. Sila Yang Berhormat Hulu Rajang teruskan.

Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Yang Berhormat Jelutong...

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Yang Berhormat Jelutong tak *support* Yang Berhormat Kepong ya?

Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Saya tanya kepada Menteri...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pasir Salak dengan Yang Berhormat Kuala Krau bercumbu tadi. Bercumbu, bercumbu. Betul kah?

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Jelutong duduk sahaja lah.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Hulu Rajang, teruskan. Ini sesi Yang Berhormat Hulu Rajang.

Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Sudah dua minit lagi Yang Berhormat Jelutong. Tuan Pengerusi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *No*, saya nak tanya adakah itu betul atau sandiwara? Dua-dua bercumbu tadi? Betul kah?

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Peraturan mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat kalau nak bercakap minta izin daripada...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Ya. Peraturan mesyuarat. Peraturan Mesyuarat 41. Saya hendak tanya Tuan Pengerusi, ketika kita sedang bersidang, boleh tak kita menonton televisyen, siaran langsung pertandingan bola sepak?

Seorang Ahli: Tak boleh.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Boleh tak saya nak tanya. Ini berlaku pada Yang Berhormat Jelutong malam tadi. Dah *diviral* pun juga. Jadi, saya ingin petua daripada Tuan Pengerusi, boleh tak menonton televisyen ataupun menonton *handphone* semasa kita di dalam Sidang Parlimen?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Itu soalan bagus. Itu masa makan tengah hari lah. Saya pergi turun bawah menonton lepas sidang selesai.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Dalam Dewan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Saya tak mahu ada gangguan. Teruskan Yang Berhormat Hulu Rajang.

Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Jadi penyaman udara juga semakin cepat rosak. Besi-besi mudah menjadi karat, Tuan Pengerusi. Jadi saya minta, mohon kepada kementerian untuk meneliti dan membuat tindakan dan sebagai pemimpin juga saya tidak mahu kanak-kanak atau penduduk saya mengalami serangan asma disebabkan pencemaran hidro sulfat ini. Saya juga tidak mahu bahawa penduduk saya hilang nyawanya kerana penyebaran tersebut. Oleh itu, saya minta sebagai tanggungjawab sebagai seorang pemimpin.

Jadi, oleh yang demikian saya sangat mengharapkan pihak kementerian dapat menyasat punca pencemaran ini di Empangan Bakun dan menyelesaikan masalah ini dengan seberapa segera. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Rajang. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Rasah.

6.34 ptg.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tak ada masalah. Saya sentiasa bersedia kalau Tuan Pengerusi panggil saya, saya bersedia untuk bangkit. *[Disampuk]*

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Hei! Hei! *Hantam, hantam sana, hantam sana.*

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Perkara pertama saya hendak sebutkan adalah di bawah...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *Hantam sana, hantam kaw kaw hantam.*

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: ...bekalan Butiran 060600 – Subsidi Bil Elektrik.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: *Kaw kaw hantam [Sambil mengangkat kedua tangan]*

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: ...Saya nampak peruntukan kali ini di bawah Belanjawan 2020 kurang RM104 juta berbanding dengan RM140 juta pada tahun sebelumnya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Semua mari.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Saya hendak tanya apakah ini berkaitan dengan – kalau dahulu, semua golongan dapat. Sekarang – terbaru, B40. Apakah ia berkaitan dengan ini? Kalau berkaitan dengan ini, saya setuju sebab kita kalau bagi subsidi dan sebagainya kena kepada golongan yang bersasar, bukan macam dulu yang tersasar. Kalau itulah pendirian kerajaan, saya sokong.

Kedua, berkenaan dengan pembangunan di bawah Butiran 01200 di bawah tajuk Agensi Angkasa Negara (Angkasa). Saya nampak peruntukan tahun 2019 dan 2020 hanya sekitar RM500 ribu sahaja, berbanding dengan jumlah anggaran harga projek yang tertera adalah RM368.9 juta. Saya nampak perbezaan yang cukup jauh, jadi kenapa ada berlaku macam ini? Apakah yang jumlah anggaran projek tersebut untuk tempoh yang berapa lama? Daripada yang dianggarkan, RM368.9 juta ada sebut, berapa telah dibelanjakan untuk tahun-tahun sebelum ini dan berapa pula untuk masa akan datang.

Seterusnya di bawah tajuk Pembangunan 00200 di bawah Jabatan Kimia Malaysia. Saya nampak ada pertambahan peruntukan daripada tahun 2018 sebanyak RM3.9 juta, selepas itu naik RM17.7 juta dan yang terkini RM25 juta. Saya mengalu-alukan penambahan ini sebab bagi saya ia amat penting untuk Jabatan Kimia. Sering kali banyak kes di mahkamah terpaksa ditangguhkan, sebutan berulang kali disebabkan oleh kelewatan daripada Jabatan Kimia Malaysia, khasnya kes-kes yang berkaitan dengan narkotik sebab item atau perkara yang telah dikesan oleh pihak polis belum dipastikan kandungannya oleh Jabatan Kimia.

Jadi saya berharap Jabatan Kimia mendapat peralatan baru dan sebagainya dengan adanya pertumbuhan yang bertambah ini supaya tidak berlaku lagi insiden berulang kali kes-kes di mahkamah terpaksa dibuat sebutan berulang kali dan akhirnya menyebabkan kelengahan di dalam kes.

Seterusnya di bawah Butiran 07200 – Jabatan Alam Sekitar. Saya nampak peruntukan kali ini lebih kurang sama dengan tahun sebelumnya iaitu sebanyak RM67 juta. Saya hendak sebutkan di sini – isu fasal kualiti alam. Saya rasa Yang Berhormat Menteri pun tahu saya sudah berulang kali sebut ini tetapi saya ambil *approach* yang profesional dan *reasonable* sebab kita tahu kualiti alam ini memang– saya sampai hari ini, saya membantah kualiti alam itu.

Saya rasa Yang Berhormat Menteri tahu pendirian saya. Walaupun sekarang kita sudah bertukar kerajaan. Oleh sebab dahulunya ia didirikan oleh kerajaan yang terdahulu, tahun 1995. Selama 20 tahun konsesi. Selepas 20 tahun, dilanjutkan 15 tahun pada tahun 2015 juga oleh kerajaan lama. Jadi kalau nak marah atau nak salahkan, rejim kerajaan lama yang patut dipertanggungjawabkan. Bukan kerajaan baharu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Betul.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Jadi kita kena *reasonable* dalam hal ini. Kita jangan nak tuduh kerajaan baharu. Jangan ambil– ada yang ‘batu api’ ambil kesempatan dan sebagainya. Kita kena tengok fakta. Semak latar belakang dan sebagainya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya minta laluan Yang Berhormat Rasah.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Saya tak bagi laluan Yang Berhormat Jelutong walaupun Yang Berhormat Jelutong sahabat saya sebab tinggal sedikit, kecuali Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi [Dato’ Mohd Rashid Hasnon]: Hanya tinggal satu minit sahaja.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Boleh ya? Tuan Pengerusi bagi saya dua minit. Saya bagi Yang Berhormat Jelutong.

Seorang Ahli: *Lesson number one. Please sit down.*

Dato’ Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: *Lesson number one.*

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tak apa, tak apa. Saya ada dua tajuk lagi.

Tuan Pengerusi [Dato’ Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jelutong, sila duduk Yang Berhormat Jelutong. Bagi...

Seorang Ahli: Duduk Yang Berhormat Jelutong, duduk.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Oleh sebab bagi saya, kualiti alam ini adalah musibah yang diakibatkan oleh kerajaan dahulu yang tidak bertanggungjawab, yang tidak mengambil berat keselamatan penduduk di sekitar kawasan Sendayan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Betul, betul, betul.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Walaupun kawasan itu adalah kubu kuat UMNO dan Barisan Nasional selama ini dan sekarang masih diwakili oleh kedua-duanya daripada UMNO dan Barisan Nasional..

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Betul, betul, betul.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:.. tetapi mereka gagal menjaga keselamatan dan kesihatan penduduk di kawasan tersebut. Saya rasa Yang Berhormat Jelebu tahu apa yang saya maksudkan. Sama-sama, tetapi saya tak bagi peluang.

Dato’ Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Memang saya tahu. Saya tahu, saya tahu.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Jadi apa yang Yang Berhormat Jelevu sebut itu boleh dimasukkan sebagai ucapan saya juga. Cuma saya berharap, pihak Kerajaan Pusat supaya fikirilah apa sahaja alternatif yang ada supaya dipindahkan Pusat Kualiti Alam ini ke tempat yang jauh daripada kawasan perumahan.

■1840

Tuan Pengerusi, saya mohon sedikit tambahan masa satu minit...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Berkenaan dengan tajuk terakhir, Butiran 10000 – Program Kecekapan Tenaga dan Tenaga Diperbaharui. Saya nampak tahun lepas dan tahun ini sebanyak RM26 juta diperuntukkan. Pertama, saya hendak mengucapkan tahniah kepada kerajaan baru khususnya Yang Berhormat Menteri sebab saya difahamkan *Large Scale Solar* (LSS3) telah dilancarkan di bawah kerajaan baru dengan cara *open tender* yang membolehkan *price per unit* iaitu harga untuk setiap unit untuk *lowest bids* telah dapat dikurangkan ke sekitar 17.77 sen sahaja iaitu harga yang jauh lebih rendah berbanding dengan LSS1 dan LSS2.

Cuma pada kali ini tidak banyak – saya tahu kenapa ia kurang, antara puncanya adalah kerana daripada jumlah keseluruhan 500 megawatt yang diperuntukkan ini, setiap pembida yang berjaya ataupun yang menawarkan diri boleh mendapat maksimum sehingga 100 megawatt berbanding dengan dahulu 30 megawatt. Jadi, tidak ramai yang dapat tetapi yang dapat dia boleh menawarkan dalam *mass conduction* yang membolehkan harga setiap unit kurang.

Cuma saya tahu perkara ini akan berterusan pada tahun-tahun yang akan datang. Saya mohon mencadangkan sekiranya ada LSS4 pada masa akan datang, bolehkah tidak dinaikkan jumlah megawatt tersebut? Kalau sekarang ini 500, kita naikkan mungkin kepada 1,000 tetapi dengan membuat dua cabang. Satu itu mungkin dikekalkan 100 megawatt maksimum untuk setiap pemohon.

Keduanya mungkin setakat 30 megawatt sahaja. Jadi ia membolehkan lebih ramai yang terlibat dalam industri ini yang saya percaya apabila kita melibatkan lebih ramai pemain terlibat dengan industri ini pertama, harga akan tetap kekal rendah untuk kepentingan pengguna. Kedua, membolehkan lebih ramai rakyat Malaysia sendiri, syarikat tempatan terlibat, yang membolehkan kita memberikan peluang perniagaan yang lebih meluas kepada syarikat-syarikat tempatan. Sekian terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mohon maaf sebab kelewatan ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

6.42 ptg.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: *Bismillahir Rahmanir Rahim.*

Seorang Ahli: Lepas itu siapa... *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya sudah sebut tadi.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Tuan Pengerusi, saya ingin berbahas beberapa butiran. Pertamanya Butiran 020100 – Pengurusan Tenaga. Dalam Belanjawan 2020 yang dibentangkan lalu, kerajaan akan melaksanakan peralihan daripada sistem berasaskan *power purchase agreement* kepada sistem pasaran terbuka. Ia bagi memastikan kos elektrik yang ditawarkan akan menjadi lebih kompetitif kepada pengguna.

Saya mohon penjelasan daripada kementerian, sekiranya pendekatan liberalisasi ini diambil, adakah pendapatan TNB akan terjejas? Selain itu, bilakah transformasi ini dijangka akan berlaku? Adakah ia akan berlaku selepas *expiring date Power Purchase Agreement* dalam *Service Level Agreement* dengan IPP berakhir.

Kemudian, Butiran 030200 – Metrologi. Saya ingin menarik perhatian kementerian berhubung bencana Taufan Lekima yang melanda empat buah negeri di utara Semenanjung baru-baru ini. Kesan Taufan Lekima sangat teruk dan tidak sepertimana yang diramalkan oleh Jabatan Metrologi. Perkara ini membuktikan bahawa sistem dan analisis jangkaan bencana masih belum berada pada tahap yang memuaskan. Justeru, apakah tindakan kementerian bagi memastikan sistem jangkaan atau ramalan bencana lebih tepat dan amaran bencana dapat disampaikan kepada rakyat dengan lebih sistematik.

Kemudian Butiran 050100 – Pengurusan Alam Sekitar. Saya ingin meminta penjelasan daripada pihak kementerian berhubung ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai penubuhan Majlis Bertindak Perubahan Iklim dan Pusat Perubahan Iklim Kebangsaan. Mengapa kerajaan mahu menubuhkan satu lagi badan asing walhal kementerian telah dijenamakan dan ditambah mandat baru khas berkaitan dengan perubahan iklim? Tidakkah ia berlaku *redundancy*?

Seterusnya, saya ingin mendapatkan maklum balas mengenai pelan yang sedang dijalankan oleh kementerian berhubung dengan isu perubahan iklim ini. Sejauh mana usaha yang dijalankan oleh kementerian terutama dalam kajian-kajian seperti analisa risiko bekalan makanan dan perubahan paras air laut. Sekiranya kita merujuk dalam *Index Notre Dame Global Adaptation Initiative*, Malaysia berada pada kedudukan ke-45 untuk menyesuaikan diri dalam perubahan iklim. Justeru, saya merasakan satu tindakan drastik perlu dilakukan dengan lebih agresif di peringkat kementerian.

Terakhirnya Tuan Pengerusi, Butiran 050200 – Alam Sekitar. Saya ingin memetik fakta yang dikemukakan oleh pensyarah Pusat Pengajian Sosial, Persekitaran dan Pembangunan UKM baru-baru ini. Beliau berkata lebih 80 peratus sungai di bandar-bandar utama di Malaysia telah mati akibat pencemaran sisa industri yang semakin meningkat setiap tahun. Beliau juga turut memberikan contoh beberapa sungai tersebut. Antaranya Sungai Juru di Pulau Pinang, Sungai Klang di Selangor dan Sungai Segget di Johor.

Oleh itu, saya meminta penjelasan daripada pihak kementerian berhubung beberapa perkara. Pertama, apakah perkembangan kes mereka yang telah ditahan dan terlibat dalam insiden Sungai Kim Kim, Pasir Gudang. Siapakah pihak yang terlibat dan apakah tindakan yang diambil terhadap kilang-kilang perindustrian tersebut? Seterusnya, apakah tindakan kementerian

bagi memastikan sungai-sungai di bandar bebas daripada pencemaran sisa toksik, sampah sarap dan juga sisa buangan. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Ledang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi, tadi Tuan Pengerusi menetapkan 10 minit, selepas itu tujuh minit. Saya membuat *preparations* untuk 10 minit, jadi ia agak...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Tidak apa, nanti tiba masanya...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tujuh minit lebih okey sebab cadangan saya Yang Berhormat Rasah sokong tadi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, teruskan Yang Berhormat Ledang.

6.47 ptg.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 060600 – Subsidi Bil Elektrik. Dalam peruntukan yang telah ditunjukkan ada kekurangan atau penurunan sebanyak 25.6 peratus. Saya percaya ini berlaku...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Jelutong, duduk. Jangan hendak balik.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Kerana kita memperkenalkan rebat RM40 kepada yang bersasar menggantikan rebat...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kalau Yang Berhormat Jelutong...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya tidak membenarkan gangguan, Peraturan Mesyuarat 36. Sila.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya faham semua bahawa dahulu rebat RM20 diberikan kepada semua pengguna domestik dengan penggunaan RM20 ke bawah dan sekarang kepada golongan miskin tegar dan miskin yang disahkan dalam eKasih. Jadi mungkin sebab itu, jumlahnya berkurangan. Akan tetapi mungkin saya hendak tanya di sini ialah berapakah jumlah yang terkini sekarang ketua isi rumah yang layak menerima rebat? Saya difahamkan sehingga Ogos hari itu ialah 232,460 orang. Akan tetapi berapakah jumlah...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Jelutong merajuk... [*Pembesar suara dimatikan*]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya tidak membenarkan gangguan. Peraturan Mesyuarat 36, saya akan kira. Siapa yang *switch on microphone* tanpa kebenaran – saya minta teruskan Yang Berhormat Ledang.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Ahli-ahli Yang Berhormat, semua Ahli-ahli yang budiman, berilah hormat kepada orang yang bercakap. Saya rasa ini adalah *floor* saya, beri peluang itu. Kalau hendak mencelah, mencelah dengan baik,

saya tidak kisah. Akan tetapi apabila mencelah dalam keadaan tidak menyentuh mana-mana topik, saya rasa baik kita keluar sahaja daripada Dewan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan Yang Berhormat Ledang.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya ingin mencelah.

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Saya pertamanya hendak menyebut tentang...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tidak boleh?

Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]: Duduk dahulu Yang Berhormat Arau. Terkini berapakah jumlah ketua isi rumah yang layak menerima rebat? Sehingga 31 Ogos, 232,460 orang yang telah pun menerima, saya ingin tahu jumlah yang terkini dan berapakah jumlah penerima di Johor dan di bawah Parlimen Ledang?

Difahamkan yang menerima faedah program rebat ini ialah hanya separuh ataupun lebih kurang 47 peratus sahaja daripada yang layak. Mengapakah ada jurang tersebut? Apakah halangan-halangnya dan apakah tindakan kerajaan untuk mengatasinya?

Butiran 050000 – Pengurusan Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. Saya lihat ada peningkatan sedikit, dua peratus daripada peruntukan 2019 kepada 2020. Dalam pengurusan alam sekitar dan perubahan iklim ini, antara kayu ukur yang dilihat ialah potensi pelaburan dan perniagaan yang menjana peluang pembangunan industri dan pertumbuhan ekonomi hijau negara. Saya lihat dalam tahun 2018, pelaburan untuk industri hijau ini adalah sebanyak RM4.1 bilion tetapi dalam tahun ini dijangka turun kepada RM2.3 bilion dan tahun 2020 dijangka akan naik sedikit kepada RM2.76 bilion.

■1850

Persoalan saya adalah kenapa ia turun dengan agak ketara dan apakah inisiatif kerajaan untuk pulihkan kembali potensi. Saya sebutkan ini kerana semasa Sidang Perhimpunan IPU ke-141 baru-baru ini, telah ada satu resolusi tergepar yang telah sebulat suara bersetuju untuk menangani perubahan iklim. Dalam resolusi tersebut ada sembilan perkara, cuma saya hendak petik tiga perkara yang berkait dengan gesaan kepada Ahli-ahli Parlimen untuk mendesak kerajaan. Pertama, untuk ambil peranan memimpin dalam tindakan yang berkesan untuk menangkis pemanasan global, untuk meningkatkan kesedaran dan melaksanakan pendidikan meluas yang berkait sebab dan akibat daripada perubahan iklim.

Kedua adalah untuk menggesa kerajaan selari dengan *Sendai Framework for Disaster Risk Reduction 2015-2030* yang menyokong pembangunan dengan izin, *Comprehensive National Resilience Mechanisms* dan yang ketiga digesa juga Ahli-ahli Parlimen untuk bekerjasama dengan kerajaan sebagai rakan untuk melaksana *Paris Agreement* ke arah pelaksanaan segera SDG dan juga untuk *engage* dengan anak-anak muda untuk memerangi perubahan iklim yang mendadak. Saya percaya ini adalah perkara penting untuk juga disebutkan dalam kita melihat berkenaan dengan pengurusan alam sekitar dan ini sudah pun menjadi resolusi di peringkat IPU.

Terakhir ialah Butiran 10000 – Program Kecekapan Tenaga dan Tenaga Diperbaharui. Saya lihat jumlah peruntukan bagi tujuan ini kekal untuk tahun 2019 dan tahun 2020. Ini mungkin kurang menggembirakan sedikit sedangkan pada 3 September baru-baru ini, Yang Berhormat Menteri telah mengatakan bahawa Malaysia memerlukan pelaburan sebanyak RM33 bilion untuk mencapai sasaran 20 peratus penggunaan sumber diperbaharui dalam kita menjana kuasa elektrik kebangsaan.

Kalau kita lihat jumlah tahun 2019 dan 2020, baharu RM52 juta. Tidak sampai pun dua peratus daripada RM33 bilion. Justeru, apakah rancangan untuk kita memperkasakan lagi tenaga hijau? Apakah inisiatif untuk kita tarik pelaburan swasta supaya kita dapat memastikan *target* tadi boleh dicapai supaya penggunaan sumber diperbaharui dapat dilaksanakan di dalam negara kita?

Itu sahaja, terima kasih. Terima kasih kepada semua yang telah memberikan kerjasama.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Ledang.

6.53 ptg.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Jasin, Jasin.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila, saya jemput Yang Berhormat Jasin.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih, Tuan Pengerusi beri saya peluang.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Kalabakan, Yang Berhormat Kuala Kangsar, Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Kota Tinggi, Yang Berhormat Parit dan Yang Berhormat Maran.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar, *last* Papar.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Sila Yang Berhormat Jasin.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Saya pergi kepada dua butiran sahaja. Butiran yang pertama adalah Butiran 020000 – Pembangunan Tenaga. Selepas itu yang kedua Butiran 020100 – Pengurusan Tenaga. Pertamanya saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat Menteri, hal TNB yang didapati keuntungan bersihnya menyusut dan keuntungan ataupun prestasi daripada TNB telah menyumbang kepada kehilangan ataupun kerugian daripada Khazanah sebanyak RM6.3 bilion. TBN telah menyumbang sebanyak kehilangan daripada pengurusan sebanyak RM1.9 bilion. Jadi saya hendak tanya, selain daripada penyusutan pasaran saham pada ketika ini, apakah perkara-perkara yang lain yang menyebabkan telah banyak menyumbang kepada kehilangan Khazanah pada ketika ini.

Seterusnya Yang Berhormat Menteri, dalam inisiatif MESI 2.0...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Jasin boleh tidak?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Ya.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ketibaan Yang Berhormat Port Dickson.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan Yang Berhormat Kuala Krau.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Ketibaan Yang Berhormat PD bakal PM yang ke-8. Tepuklah tangan sikit. [*Dewan tepuk*]

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Jasin adakah kerana kemerosotan hasil TNB ini berhubung kait dengan pertukaran pengerusi dan juga Ahli-ahli Lembaga TNB itu sendiri yang tidak mempunyai kecekapan di dalam menangani dan juga menguruskan TNB.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Jasin.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih kepada sahabat saya daripada Kuala Krau. Saya minta kalau boleh Yang Berhormat Menteri memberikan pencerahannya.

Apa pun saya terus kepada inisiatif MESI 2.0. MESTECC telah mengarahkan pertukaran *smart meter* kepada semua pengguna yang berjumlah sebanyak 9.5 juta di Semenanjung Malaysia. Baru-baru ini di peringkat permulaan pemasangan dan juga penukaran di negeri Melaka telah menimbulkan banyak persoalan dan banyak rungutan daripada pengguna di negeri Melaka. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah sebenarnya keperluan dan apakah faedah daripada pertukaran *smart meter* ini. Apakah dengan pertukaran *smart meter* ini pengguna dapat menikmati hasil daripada pertukaran ini?

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, sebagai contoh banyak persoalan telah dibangkitkan apabila sebelum dan selepas pertukaran *smart meter* ini. Apabila penukaran *smart meter* ini dilakukan bacaan bil pengguna didapati meningkat sebanyak 50 peratus daripada bacaan sebelum penukaran *smart meter* ini. Jadi saya minta kalau boleh Yang Berhormat Menteri berikan keterangan.

Seterusnya, TNB ataupun kementerian sendiri tidak mengadakan kempen ataupun telah memberikan penerangan kepada semua rakyat untuk memberitahu bahawa kepada pengguna akan penukaran *smart meter*. Pengguna tidak tahu-menahu akan penukaran ini, tiba-tiba datang sahaja tukarnya meter. Selepas itu caj kita yang tidak munasabah dan cukup menekan sekali. Di sini saya mohon Yang Berhormat Menteri kalau boleh memberikan jaminan yang mana dengan penukaran *smart meter* ini, rakyat mendapat jaminan yang mana caj penggunaan tenaga elektrik ini adalah berpatutan dan tidak dinaikkan sewenang-wenangnya. TNB sepatutnya bertanggungjawab di atas kempen ini agar pengguna dapat menerima dan faham tentang *smart meter* ini.

Seterusnya saya pergi kepada butiran yang kedua pembelian gas TNB daripada Shell. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah pembelian ini dan kontrak ini lebih murah daripada Petronas. Satu ketika dulu Petronas yang membekalkan gas, bukan sahaja kepada TNB kepada semua IPP dengan harga subsidi. Sekarang apabila kita telah berjalan baik, kita pergi cari orang lain pula, kita beli pada Shell. Itu saya hendak tanya kepada Yang Berhormat

Menteri, kenapa kita buat pemilihan tersebut. Mohon nyatakan kos pembeliannya dan kalau harganya mengikut indeks TNB tidak membelinya daripada Petronas. Kalau indeks, kita tidak ada masalah. Petronas adalah syarikat milik negara.

Dalam masa yang keduanya dalam MESI 2.0, *open market* dan juga pembelian *fuel* dan juga arang batu dan gas, adakah kerajaan sudah meneliti mekanisme pembelian *fuel* secara terbuka ini yang mempunyai *guarantee of supply* dan juga *competitive pricing* atau lebih murah dengan harga yang dibeli sekarang. Apakah *benchmarking* kerajaan dalam pembelian harga bahan bakar ini tidak menjejaskan ICPT dan tarif elektrik kepada rakyat? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kalabakan.

6.58 ptg.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin sentuh Kepala Bekalan, Butiran 060000 – Program Khusus dan Butiran 11000 – Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) yang diberi peruntukan RM417.3 juta. Jadi di sini saya ingin tanya, apakah status perbincangan di antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri dalam usaha pengembalian *ownership* SESB kepada Kerajaan Negeri Sabah.

Saya juga ingin tanya apakah punca-punca yang dikenal pasti sehingga hari ini masalah bekalan elektrik masih gagal disediakan secara berkesan dan cukup di seluruh negeri Sabah terutamanya kawasan Kalabakan dan pekan Kalabakan yang tidak pernah lekang dengan masalah bekalan elektrik saban minggu.

Kita sudah mewujudkan Pejabat Daerah Kalabakan awal tahun ini dan bakal mewujudkan Kompleks CIQS di Serudong yang hanya 40 kilometer dari pekan Kalabakan. Terlalu banyak perancangan pembangunan tetapi tidak selari dengan keperluan-keperluan infra seperti bekalan elektrik yang sangat penting dalam agenda-agenda pembangunan yang dirancang. Apakah cadangan kita untuk meningkatkan bekalan elektrik dapat ditunaikan secepat mungkin dan permohonan yang pernah diajukan dapat ditunaikan untuk menyambung kabel elektrik 132kV dari Tawau ke Kalabakan secepat mungkin.

■1900

Saya juga ingin menyentuh Butiran 050100 – Pengurusan Alam Sekitar. Di Kalabakan terdapat sebatang sungai iaitu Sungai Berantian yang saya pernah sendiri melaporkan kepada Jabatan Alam Sekitar yang – Sungai Berantian ini terletak kira-kira 65 kilometer dari bandar Tawau. Penduduk kampung Sungai Berantian ini tidak ada bekalan air bersih untuk digunakan dan terpaksa gunakan air sungai, tetapi ada dua konsesi penambakan pasir beroperasi di kawasan sungai ini. Lawatan telah dijalankan oleh pegawai-pegawai alam sekitar tetapi sehingga hari ini tidak ada jawapan yang kami terima.

Penduduk-penduduk di sana masih menunggu tindakan dari Jabatan Alam Sekitar. Itulah, kita mahu tahu sama ada peranan Jabatan Alam Sekitar ini bertindih dengan Jabatan

Perkhidmatan Alam Sekitar Negeri Sabah. Disebabkan juga Sabah ini sangat luas dan kita dapati kenderaan-kenderaan Jabatan Alam Sekitar ini sudah agak lapuk, harus diperbanyakkan dan diganti agar mobiliti pegawai-pegawai lebih terancang dan kerap. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kuala Kangsar, diikuti oleh Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Gerik, Yang Berhormat Papar dan Yang Berhormat Arau. Sila Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya cuma hendak ingatkan Yang Berhormat, Peraturan 35(1) dan (2). Itu sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Terima kasih.

7.01 mlm.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Beri peluang kepada orang bangun ya.

[Dewan ketawa]

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Saya terus ke Butiran 050000 – Pengurusan Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Butiran 050200 – Alam Sekitar. Menerusi penambahan peruntukan sebanyak RM1 juta lebih Yang Berhormat Menteri, apakah agenda nasional yang akan dilaksanakan oleh kementerian dalam mengenal pasti hutan-hutan hijau yang semakin menipis disebabkan kerja-kerja pembangunan? Dalam mengekalkan ekosistem hutan tropika di negara ini, apakah bentuk pemantauan bersepadu, bentuk-bentuk penguatkuasaan yang lebih bersasar yang akan diberi fokus oleh kementerian?

Saya teruskan kepada hal-hal *carbon pricing*. Yang Berhormat Menteri, dalam usaha bersama atau *bipartisan* Ahli-ahli Parlimen di Dewan ini, kami sedang mengusahakan dan memperjuangkan *carbon pricing* dengan izin, sebagai kaedah menangani perubahan iklim. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Subang iaitu Yang Berhormat Tuan Wong Chen kerana begitu gigih memperjuangkan dan mengimplementasikan dan cuba memperjuangkan *carbon pricing* di negara ini.

Saya juga bersama-sama dengan Ahli-ahli Parlimen yang lain memperjuangkan bersama-sama. Adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk mewujudkan *carbon tax*, dengan izin? Justifikasinya adalah kita maklum bahawa 80 peratus *emissions* dengan izin, dikeluarkan dan datangnya dari loji kuasa-kuasa dan semua loji kuasa-kuasa ini mengaut begitu banyak keuntungan sebegitu lamanya Yang Berhormat Menteri. Kita juga lihat banyak negara maju telah memulakan *carbon pricing* ini dan ternyata berjaya. Yang Berhormat Menteri, tolong, *please* pertimbangkan. Terima kasih.

Saya terus kepada Butiran 060300 – *Malaysian Green Technology Corporation* (MGTC). Bagaimanakah kementerian menerusi MGTC dapat melakukan pembaharuan atau

penambahbaikan dalam perkhidmatan-perkhidmatan MGTC seperti *low carbon mobility*, *Low Carbon Cities Framework* dan *Green Procurement*? Berapakah peruntukan yang akan dikhususkan untuk *Green Technology Financing Scheme*, MyHIJAU SME dan *Entrepreneurship Development Programme*.

Saya terus ke Butiran 00602 – Permodenan dan Naiktaraf Planetarium Kuala Lumpur. Yang Berhormat Menteri, apakah signifikan penaiktarafan Planetarium Negara sehinggakan peruntukan dinaikkan sebanyak RM5 juta? Bagaimanakah penaiktarafan tersebut dapat memberi pulangan semula kepada Planetarium Negara serta menjadi tarikan pelancongan kepada Tahun Melawat Malaysia 2020 ini? Apakah elemen *artificial intelligence* yang baharu atau *state-of-the-art* yang ternyata berjaya di planetarium-planetarium seluruh dunia yang akan disertakan dalam penaiktarafan tersebut? Berapa lama tempoh penaiktarafan Planetarium Negara ini akan dijalankan?

Butiran 03700 – Yayasan Inovasi Malaysia. Bagaimanakah penambahan RM1 juta peruntukan untuk yayasan ini dapat memantapkan lagi program-program kendalian yayasan ini seperti MOSTI *Social Innovation Fund*, *Lifelong Learning Initiative*? Apakah bentuk pembangunan atau kemajuan yang akan dilaksanakan menerusi *grassroots innovation movements*? Itu sahaja Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Padang Serai. *[Dewan riuh]* Baik. Saya jemput Yang Berhormat Gerik.

7.05 mlm.

Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Perkara pertama, Butiran 040200 – Tenaga Lestari. Saya ingin menyentuh soal tenaga solar yang mana Malaysia ialah antara negara yang menjadi hab utama solar dalam negara. Persoalan yang saya bangkitkan ialah orang kampung ramai menggunakan solar di kebun-kebun. Akan tetapi sehingga hari ini, saya melihat harga solar masih tinggi sampai kita hendak buat pagar untuk babi tidak masuk dalam kebun getah atau ladang lain, lebih daripada RM3,000. *[Disampuk]* Jangan ganggu. *[Ketawa]*

Semestinya kementerian ini membuat satu *study* untuk melihat bagaimana solar hibrid ini boleh digunakan oleh orang ramai dengan kos yang rendah. Apa yang kita nampak, satu bateri, satu panel dan kabel sampai harga RM3,000 ke RM4,000. Pastinya mesti ada R&D dan pelbagai di bawah kementerian ini untuk menjadikan harga lebih rendah. Saya percaya harga tinggi, pengguna cuma boleh pakai paling lama pun dua tahun.

Akan tetapi kalau elektrik talian tarik ini, dia boleh digunakan lama kecuali yang saya lihat di satu kawasan perkampungan Orang Asli, bila dibangunkan solar hibrid yang besar sampai enam ekar satu padang untuk bubuh panel, ini nampak dia punya ketahanan. Sampai hari ini saya tengok enam tahun, mampu membekalkan elektrik kepada 1,000 rumah di RPS Kemar. Akan tetapi kalau yang beli sikit-sikit ataupun kerajaan beri bantuan satu solar pasang di rumah,

kadang tiga bulan lebur. Oleh sebab itu, kerajaan kena pada saya, cari kaedah supaya harga tersebut dapat dikurangkan dengan kepakaran kita di peringkat Malaysia.

Perkara yang kedua yang saya hendak sentuh ialah isu di bawah Butiran 07200 – Jabatan Alam Sekitar. Isu tambakan laut di Pulau Pinang, banyak pihak menyentuh di mana mencemarkan perairan Kedah, Perak utara dan Pulau Pinang sendiri. Sebabnya, kita melihat pihak di – apakah pemantauan di peringkat Kerajaan Persekutuan? Apakah ada niat tersirat di mana nelayan-nelayan yang berpendapatan rendah hendak dikeluarkan daripada Pulau Pinang, cuma kita hendak masuk mereka yang berpendapatan tinggi? Seharusnya kerajaan memikirkan nelayan-nelayan pun terdiri daripada pelbagai kaum, pasti mereka juga hendak hidup di pulau. Akan tetapi dengan rancangan yang telah dibuat yang tidak memikir masa hadapan rakyat, akhirnya menyusahkan rakyat balik sama ada di Pulau Pinang, Kedah atau Perak utara.

Perkara butiran yang ketiga ialah jerebu. Masih juga persoalan yang sama, berapa lama lagi rakyat kita menjadi mangsa akibat angkara pihak yang rakus di negara jiran? Sejauh mana, walaupun kerajaan kata berbuat sesuatu, tetapi masih berterusan iaitu dari segi jerebu yang berlaku, yang utama sekali negara kita Malaysia yang menerima akibat walaupun tuduhan mengatakan kita mana ada sudah buka ladang-ladang lebih daripada 1,000 ekar untuk Malaysia barat. Tidak ada. Di Sabah dan Sarawak pun saya pasti tidak ada ladang dibuka dengan lebih besar kecuali di Indonesia. Mesti dicarikan satu mekanisme supaya pembakaran terbuka luar negara ini kita bincang baik-baik supaya tidak memberi kesan kepada negara kita Malaysia.

Isu yang paling akhir yang saya hendak sentuh ialah pencemaran sisa kimia.

■1910

Adakah penguatkuasaan yang lemah dan tiada pelan tindakan kukuh menyebabkan pencemaran udara terus berlaku sehingga berlaku tragedi yang sama berulang? Adakah sebenarnya pelan tindakan yang diambil oleh pihak kerajaan selepas bencana Sungai Kim Kim sehingga rakyat kini tertanya-tanya, apakah yang sudah dilakukan bagi memastikan kehidupan mereka selamat? Terutamanya mereka yang menetap berhampiran kawasan perindustrian. Adakah dengan pemasangan alat pengesan gas tersebut, sejauh manakah kementerian mampu mencari punca sebenar pencemaran serta dapat menyelesaikan masalah pencemaran sisa toksik ini secara menyeluruh? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Gerik. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Papar.

7.10 mlm.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi. B.30 Butiran 050200 – Alam Sekitar. Diberi peruntukan sebanyak RM116.58 juta, dengan dana yang ada adalah diharapkan semua permasalahan berkaitan pengurusan alam sekitar dan perubahan iklim dapat dilaksanakan. Di P.175 Papar misalnya, pembalakan masih dijalankan sama ada yang berlesen ataupun tidak. Semuanya akan mendatangkan musibah kepada alam sekitar.

Di kala hujan, sungai-sungai sebagai punca air minum akan menjadi keruh dan tidak sesuai untuk digunakan sebagai air minuman, terutamanya kepada pengguna-pengguna yang menggunakan paip graviti. Selain daripada itu, perlombongan pasir di Sungai Simpudu, Sungai Limbahau dan banyak lagi sungai yang tidak teratur akan menyebabkan banyak tebing-tebing sungai yang runtuh. Banyak tanah-tanah orang kampung yang hilang keluassannya disebabkan tanah runtuh dibawa air, terutamanya sewaktu air banjir.

Jadi, dengan peruntukan yang ada, saya berharap agar kementerian akan dapat membuat pemantauan ke atas perlombongan pasir yang tidak terkawal. Saya berharap kementerian akan melaksanakan semua peraturan dan undang-undang yang patut dipatuhi oleh syarikat-syarikat yang mengendalikan pembalakan dan perlombongan pasir. Kegagalan syarikat-syarikat ini mematuhi perundangan dan peraturan yang ada boleh didenda dengan seberat-beratnya.

Butiran 050100 – Pengurusan Alam Sekitar, diberi peruntukan sebanyak RM4.3 juta. Bolehkah dengan peruntukan ini digunakan untuk menguruskan persekitaran yang membolehkan nyamuk aedes membiak dengan mudah? Di mana sistem perparitan di kawasan kampung-kampung, terutamanya di P.175 Papar banyak yang tidak teratur. Di sini aktiviti-aktiviti semburan kabus ataupun *fogging*, dengan izin, harus dilaksanakan.

Butiran 060600 – Subsidi Bil Elektrik, diberi peruntukan sebanyak RM1.04 juta berbanding dengan RM140 juta tahun sebelumnya. Kekurangan peruntukan ini adakah ia menunjukkan bahawa pengguna-pengguna elektrik sudah keluar daripada garis kemiskinan? Saya ingin bertanya, adakah di Sabah penerima-penerima subsidi bil elektrik ini sudah berkurangan ataupun sebaliknya?

P.30 Butiran 00702 – Alat-alat Kelengkapan, diberi peruntukan sebanyak RM76 juta daripada RM28.7 juta tahun sebelumnya. Kenaikan ini menunjukkan keprihatinan kerajaan untuk membuat yang terbaik untuk rakyat. Dengan dana yang dibagi, apakah alat-alat kelengkapan yang diperlukan untuk melindungi alam sekitar ataupun mengurangkan kadar pencemaran alam sekitar? Butiran 11000 – Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB), diberi peruntukan sebanyak RM430 juta.

Dengan peruntukan ini dapatlah SESB memperbaiki pengurusan bekalan elektrik ke seluruh negeri Sabah dengan teratur. Saya juga berharap dengan dana ini, frekuensi bekalan elektrik terputus dapat diminimumkan. Gangguan bekalan elektrik adalah tidak baik untuk peniaga-peniaga dan pengilang-pengilang yang beroperasi di Sabah. Setiap gangguan bekalan elektrik akan menyebabkan operasi kilang terganggu dan ini akan melibatkan *efficiency* pengeluaran. Dengan desas-desus bahawa SESB akan dikendalikan oleh negeri Sabah sepenuhnya, saya berharap kekerapan gangguan bekalan elektrik dapat diatasi dengan sebaiknya. Sekian, saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Papar. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Arau.

7.15 mlm.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana bagi tempoh 10 minit. Butiran 04000 – Pembangunan Sains, Teknologi, Inovasi dan Pengkomersialan. Berdasarkan butiran ini saya melihat terdapat *vacuum* di antara Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) dengan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kita tahu bahawa untuk mendapatkan kepakaran dalam bidang seperti sains, teknologi dan teknikal, kita memerlukan *feeder* ataupun bekalan sumber daripada sekolah-sekolah, kolej-kolej dan universiti-universiti, termasuk institusi-institusi penyelidikan sains dan teknologi yang ada. Berdasarkan kepada kenyataan Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Berita Harian 12 Mac 2019, peratusan terkini pelajar yang mengambil bidang Sains, Teknologi, *Engineering*, Matematik (STEM) adalah sebanyak 44 peratus iaitu menurun daripada tahun 2012 49 peratus. Penurunan itu menunjukkan bahawa 6,000 pelajar sekarang secara purata setiap tahun.

Jadi persoalannya, apakah strategi dan tindakan MESTECC untuk menarik minat pelajar luar bandar untuk menceburi bidang STEM? Oleh kerana dilihat peratusan penglibatan pelajar luar bandar adalah rendah. Adakah MESTECC berhasrat bekerjasama dengan agensi lain dan NGO untuk membantu MESTECC mempromosikan bidang STEM ini? Berapakah jumlah tenaga pakar nuklear dan sains angkasa mengikut gender yang terdapat di Malaysia?

Dalam Butiran 050100 – Pengurusan Alam Sekitar, dalam beberapa kajian menunjukkan bahawa tahap kesedaran penjagaan alam sekitar dalam kalangan masyarakat Malaysia belum lagi mencapai tahap yang boleh dibanggakan dibandingkan dengan negara-negara yang maju. Kita lihat banyak berlaku pencemaran sungai dan juga lain-lain lagi.

Jadi persoalannya, apakah masalah alam sekitar yang semakin meruncing hari ini adalah disebabkan oleh kelemahan penguatkuasaan undang-undang di negara kita? Keduanya, peruntukan Butiran Pengurusan Alam Sekitar ini melibatkan peruntukan untuk Kempen Kesedaran Alam Sekitar dan berapakah peruntukan yang dikhususkan untuk kempen kesedaran itu?

Apakah langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh pihak kementerian untuk mengurangkan masalah jerebu rentas sempadan yang setiap tahun menjejaskan aktiviti seharian? Bagaimanakah pihak kementerian ingin mempromosikan penggunaan teknologi hijau dan produk yang mesra alam dalam kalangan rakyat Malaysia kerana penggunaan bahan seperti ini masih kurang mendapat tempat di negara ini? Jadi, yang keduanya ialah saya ingin bertanya tentang kerajaan pada hari ini juga dilihat hanya berdiam diri dalam isu Lynas.

Walhal sebelum PRU ke-14, Pakatan Harapan paling banyak memperjuangkan isu Lynas yang dikatakan boleh menggugat keselamatan dan juga kesihatan rakyat. Ini adalah menunjukkan bahawa kerajaan pada hari ini hanyalah kerajaan yang banyak bermain wayang. Jadi, persoalannya apakah status terkini projek Lynas?

Adakah selepas pelantikan Ahli Parlimen Kuantan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Lynas menyebabkan Lynas ini selamat serta tidak lagi menghiraukan penduduk di sekitar projek

Lynas tersebut? Adakah projek Lynas ini menjadi salah satu sumber pendapatan Kerajaan Pakatan Harapan yang menyebabkan projek Lynas ini tidak dihentikan seperti yang dijanjikan dalam PRU yang ke-14?

Akhir sekali ialah penguatkuasaan alam sekitar ini saya hendak sambung sebab ini adalah tadi ucapan bertulis, sekarang ucapan tidak bertulis. Yang Berhormat, saya hendak beritahu Yang Berhormat. Yang Berhormat tengok undang-undang di situ bahawa kuasa tanah air ini adalah terletak pada kerajaan negeri tetapi ada satu kerajaan negeri tidak boleh menyentuh ialah kuasa alam sekitar. Kuasa alam sekitar terletak di bawah Kerajaan Persekutuan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya ada 10 minit, *no problem*.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: *[Ketawa]* Sedikit sahaja Yang Berhormat Arau. Saya cuma sesuatu yang tidak serius. Saya melihat Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, amat baik duduk sebelah-sebelah, itu sahaja.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Untuk pengetahuan semua, Yang Amat Berhormat Langkawi telah mengumumkan bahawa *reshuffle*, dengan izin, Kabinet akan dibuat serta-merta oleh kerana kekalahan yang berlaku dengan teruknya di Tanjong Piai yang telah memaparkan bahawa ianya bukan protes rakyat tetapi kebencian rakyat kepada kerajaan yang tidak dapat diselesaikan.

■1920

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Butiran mana itu?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Butirannya sebab Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri duduk sekali. Itu butiran ya.

Seorang Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, penguatkuasaan ini. Alam sekitar. Alam sekitar ini sekali lagi, kuasa alam sekitar ialah kuasa Federal. Jadi kita minta— sebab yang lain-lain kerajaan tidak boleh buat apa sebab kuasa hutan, tanah, air ini hak kerajaan negeri. Tapi kerajaan federal masih boleh campur tangan dengan menggunakan Akta Alam Sekitar. Di Cameron Highlands, di Lojing, Kerajaan Persekutuan boleh menggunakan kuasa alam sekitar di mana kita boleh kuatkuasakan pertanian yang melebihi cerun 30 peratus. Kita lihat semua cerun melebihi 30 peratus.

Kita lihat seperti yang disebut oleh sahabat saya dari Sabah tadi bahawa pembalakan haram dan halal itu berjalan terus sehingga pencemaran berlaku. Orang tidak hairan langsung dengan undang-undang yang dibuat oleh kerajaan dan pembalakan berlaku terus. Ini saya ada sebut berkali-kali kerajaan kena isytiharkan bahawa balak hendaklah diharamkan serta-merta dan kerajaan sanggup untuk membantu kerajaan negeri menambah hasil dengan usaha mereka untuk membanteras balak.

Malah ada sebuah kerajaan lagi, semasa saya jadi Menteri dulu, datang minta tolong kepada saya supaya Kerajaan Pusat menghantar penguatkuasaan mereka untuk menguatkuasa

undang-undang di negeri-negeri sebab pencurian tanah yang dibuat berleluasa. Yang Berhormat kena tengok sejarah. Saya akan bantangkan di Parlimen masa-masa tertentu berhubung dengan apa yang berlaku daripada 1948 sehingga sekarang, di mana pencerobohan tanah telah berlaku dengan luar biasa berdasarkan kepada sejarah, berdasarkan kepada undang-undang darurat dan sebagainya, kenapa pembalakan haram berlaku dengan luar biasa.

Sekarang ini kita nampak macam tidak terkawal dan tidak mampu. Cameron Highlands sebagai contoh macam kerajaan sudah tidak mampu untuk buat apa-apa. Hari ini kita buat penguatkuasaan, esok mereka buat lagi. Akan tetapi kerajaan juga jangan berhenti untuk buat penguatkuasaan dengan menggunakan Akta Alam Sekitar. Saya setuju dengan Yang Berhormat Kepong.

Saya kasihan Yang Berhormat Kepong tadi, sepatutnya dia layak jadi Yang Berhormat Menteri sebab dia sudah lama tetapi malangnya sebab kerajaan ini berdasarkan kepada kuota parti, menyebabkan Yang Berhormat walaupun baru masuk beberapa hari sudah menjadi Menteri. Maka dia pun menyatakan sanubari 'asmarama'nya. Tapi tidak ada masalah apa, saya percaya bila Yang Berhormat Langkawi buat *reshuffle* nanti dia akan melihat benda-benda ini supaya kerajaan ini jadi mantap dan kuat. Bila kerajaan mantap dan kuat, rakyat akan selesa dan kerajaan boleh melaksanakan janji-janji manifestonya dengan hebat.

Macam KPKT okey, dia seorang yang berani dan gagah perkasa dan kita menyokong dia. Esok kalau kita berucap fasal kementerian KPKT sudah pasti dia akan mendapat sokongan yang luar biasa seperti kami bagi sokongan kepada Menteri Ekonomi ya. Walau bagaimanapun Yang Berhormat Port Dickson telah keluar awal, kerana kalau tidak dia akan diumumkan sebagai...

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Arau, pencerahan Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Bila masa Yang Berhormat Arau bagi sokongan kepada Menteri Ekonomi ini. Ada perancangan perjumpaan kah.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, soal perjumpaan ini berlaku dari masa ke semasa. Macam tadi mereka membuat perdamaian. Allah berfirman dalam Al-Quran yang bermaksud, kalau dua saudara kamu bergaduh, orang yang ketiga hendaklah damaikan. Jadi Ketua Pembangkang, Ketua WHIP, Presiden, damaikan perbezaan pendapat di antara Yang Berhormat Pasir Salak dengan Yang Berhormat Kuala Krau. Ini diikuti Al-Quran, bagus. Tapi saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat Segamat dengan Yang Berhormat Rasah berdamai ataupun tidak. Ini perkara biasa dan mereka buat perjumpaan tadi tidak panggil saya. Saya duduk sini.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Kami empat orang tidak panggil.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Arau, cium pipi secara terbuka itu wajar tidak.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya terkecil hati. Jadi makna kata...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Arau saya bagi tambahan masa untuk rujuk butiran mana. Peringkat jawatankuasa.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Memang akhir sekali Tuan Pengerusi, saya terima kasihlah sebab bagi peluang. Saya pun tergesa-gesa untuk menunaikan solat. Walau bagaimanapun kita hendak bagi tahu bahawa kita hendaklah bertindak dalam keadaan aman dan damai. Kita kena pastikan supaya rakyat dapat manfaat daripada kehadiran Ahli Parlimen dan bukan rakyat dapat bala, tidak boleh.

Jadi, itu sebab usaha-usaha perdamaian ini saya seronok dan tapi janganlah buruk sangka. Ada orang buat perjumpaan dan sebagainya. Kalau saya hendak buruk sangka, saya juga buruk sangka dekat mereka, buat perjumpaan tidak bagi tahu saya. Demikianlah, dan mereka tuduh saya ada buat perjumpaan. Ini adalah sesuatu yang biasa berlaku. Bukan ada perancangan apa-apa. Perancangannya ialah kami hendak projek.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Ini butir kah butiran?

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Butiran mana ini. Butir kah butiran. *[Ketawa]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Jadi oleh kerana kawan-kawan sendiri menentang saya, tidak apa, saya akan ingat sampai ke mati.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Kuala Krau sokong Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Oleh kerana masa sudah tamat dan melilau jauh sangat saya dengan ini menjemput Yang Berhormat...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang telah bagi keadilan kepada saya dan amat berdoa semoga semuanya berjalan dengan lancar dan elok. *Assalamualaikum.*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: *Insyallah.*

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Arau bakal Presiden UMNO.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Presiden UMNO itu fasal dia orang ketepikan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kota Tinggi dan kemudian diikuti oleh yang terakhir Yang Berhormat Parit.

7.25 mlm.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya setuju dengan Yang Berhormat Arau tadi. Saya pun hendak ucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat Kepong selaku wakil rakyat kerajaan yang berani, betul cakap betul, tidak betul

cakap tidak betul. Berani, tegur kerajaan sendiri. Macam kita pembangkang. Tidak begitu Yang Berhormat Kuala Krau.

Seorang Ahli: Setuju, setuju.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Oh, salah, salah, tak gitu Yang Berhormat Arau. Ha! Setuju.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Yang Berhormat Kota Tinggi, Yang Berhormat Pasir Gudang pun begitu juga bagus orangnya.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Okey. Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 040100 – Dana dan Pengkomersialan. Saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Menteri, ini Yang Berhormat Timbalan Menteri bantu Yang Berhormat Menteri. Saya harap bila kami semua bangkitkan persoalan Yang Berhormat Menteri, kalau tidak dapat jawab pada masa yang disediakan, tolong hantar jawapan bertulis. Jangan sampai nanti sidang Dewan sudah habis, jawapan bertulis tidak ada juga. Biasanya gitulah. Jadi kita harap ini dua-dua Yang Berhormat Menteri dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri ada.

Soalan saya berapakah sasaran yang telah pun ditetapkan oleh kementerian bagi mengkomersialkan sesuatu produk yang dibangunkan oleh pihak universiti tempatan. Yang kedua adakah kerajaan berhasrat untuk menjalin kerjasama strategik dengan negara luar di dalam bidang inovasi dan juga pengkomersialan.

Merujuk kepada Butiran 030100 – Kimia. Saya hendak tahu apakah perancangan khusus kementerian di dalam memastikan pencemaran bahan kimia tidak akan berulang lagi seperti di Sungai Kim Kim. Itu Yang Berhormat Ahli Parlimen Pasir Gudang saja. Sampai tiap kali mesti bangkitkan isu pencemaran Sungai Kim Kim. Saya dapat lihat Yang Berhormat Pasir Gudang masih lagi tidak, belum berpuas hati dan mungkin tidak begitu yakin dengan tindakan yang sedang dilakukan oleh pihak kementerian. Jadi kita hendak tahu macam mana agaknya perancangan kerajaan untuk pastikan penguatkuasaan kah, pemantauan kah, apa kah, asal tidak berlaku pencemaran seperti di Sungai Kim Kim ini lagi.

Kepada Butiran 00107 – Projek Teknologi Hijau. Kalau berdasarkan laporan daripada MESTECC, dia katakan akan membuka tender. Ini maklumat yang kita dapatlah tentang kontrak projek berkaitan dengan tenaga baru diperbaharui dan juga kecekapan tenaga yang bernilai lebih kurang RM3.2 bilion pada tahun ini. Jadi saya hendak tahu dan hendak dapatkan maklumat daripada Yang Berhormat Menteri yang berkaitan dengan kontrak ini. Sehingga kini berapa agaknya projek yang telah pun diberikan dan di mana agaknya ia telah dijalankan. Malahan adakah tender kontrak ini akan diteruskan bagi tahun 2020 dan apakah kepentingan yang akan diperolehi berdasarkan kepada kontrak ini.

Selain daripada itu Yang Berhormat Menteri, apakah dapatan kajian rintis yang telah pun diperolehi dan sejauh mana agaknya terdapat keperluan bagi meningkatkan kontrak kecekapan tenaga. Apakah implikasinya, pulangan kepada rakyat secara nyata dan adakah dia membawa pulangan pelaburan yang terbaik kepada negara.

Yang terakhir Tuan Pengerusi, Butiran 00800 – Program Penyelidikan dan Pembangunan. Saya ingin menyentuh butiran berkaitan dengan SPRND ini yang menerima peruntukan sebanyak RM25 juta dan kalau kita lihat ianya telah menurun. Menerima peruntukan sekarang RM25 juta, dulu 2019 ialah RM53 juta. Jadi kalau tahun lepas Yang Berhormat Menteri telah pun mengumumkan peruntukan MESTECC ini sejumlah lebih daripada 50 peratus akan diletakkan untuk penyelidikan industri.

Kalau negara lain, Singapura ya, peruntukan dana penyelidikan industrinya 48 peratus, Jepun 78 peratus berbanding dengan Malaysia hanya 50 peratus. Soalan saya kepada Yang Berhormat dengan pemotongan dana lebih dua kali ganda ini adakah ianya merupakan signal positif bahawa telah wujud kolaborasi yang jitu di antara kementerian dengan pihak swasta. Kalau tidak apa agaknya alasan pengurangan peruntukan ini.

Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Saya jemput Yang Berhormat Parit.

7.29 mlm.

Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan kesempatan kepada saya juga.

■1930

Saya terus merujuk kepada Butiran 050200 – Alam Sekitar. Saban tahun negara kita sering menghadapi pencemaran jerebu yang amat teruk kesan daripada pembakaran terbuka. Melalui peruntukan sebanyak RM116 juta lebih ini, apakah perancangan serta strategi kementerian bagi menghadapi pencemaran jerebu?

Apakah usaha Kempen Pencegahan Pembakaran Terbuka yang akan dilaksanakan oleh kementerian serta sejauh mana Kempen Pencegahan Pembakaran Terbuka yang sedia ada mampu mengekang aktiviti pembakaran terbuka? Adakah terdapat sebarang cadangan oleh pihak kementerian untuk menyediakan teknologi tertentu seperti penggunaan dron bagi mengesan perbuatan pencemaran alam sekitar?

Seterusnya, Butiran 040200. Melalui butiran Tenaga Lestari ini saya melihat terdapat peruntukan yang menurun. Saya ingin bertanya apakah peruntukan yang sedia ada ini, adakah ianya mencukupi untuk menjalankan penyelidikan serta pembangunan tenaga lestari. Apakah perancangan serta strategi yang akan dilaksanakan oleh kementerian bagi menggalakkan syarikat tenaga untuk menghasilkan lebih banyak tenaga boleh diperbaharui bagi mengurangkan bil elektrik dan pelepasan karbon dioksida?

Apakah jaminan kementerian bahawa tidak akan berlaku pertambahan tarif elektrik sekiranya pengguna memilih untuk bertukar kepada penggunaan tenaga solar? Adakah kementerian bercadang untuk memberikan insentif tertentu bagi pengguna yang mahu beralih kepada tenaga solar?

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Seterusnya Butiran 060600. Melalui butiran subsidi elektrik ini, saya melihat terdapat juga peruntukan berbanding daripada tahun 2019. Saya ingin mengetahui apakah justifikasi serta sebab utama kerajaan mengurangkan peruntukan subsidi elektrik. Menerusi peruntukan ini juga, saya ingin mengetahui berapakah jumlah penerima manfaat subsidi elektrik bagi masyarakat luar bandar khususnya.

Seterusnya Butiran 020100. Saya ingin bertanya apakah terdapat sebarang program amalan cekap tenaga yang akan dilaksanakan oleh kementerian bagi meminimumkan kesan negatif penjanaan tenaga elektrik terhadap alam sekitar, contohnya penggunaan arang batu. Saya ingin mengetahui juga adakah kementerian telah mendapat pandangan masyarakat berkenaan cadangan Tenaga Nasional Berhad yang akan memperkenalkan mekanisme harga berubah-ubah penggunaan elektrik bermula suku pertama 2021 bagi sektor domestik.

Seterusnya Butiran 030200. Saya melihat butiran ini telah pun berkurang juga. Saya ingin mengetahui adakah ianya mencukupi untuk menjalankan kajian mengenai ramalan buruk serta ancaman bencana dalam negara. Sejauh manakah kementerian merasakan sistem amaran bencana pada masa kini mampu untuk menyampaikan maklumat dengan pantas kepada orang ramai?

Adakah terdapat sebarang perancangan oleh kementerian untuk memperbaharui sistem amaran bencana sedia ada supaya kerajaan dapat menyalurkan info kemungkinan berlakunya fenomena cuaca buruk seperti ribut petir, taufan di seluruh negara dengan lebih berkesan dan tepat? Sekiranya kementerian mempunyai perancangan untuk memperbaharui sistem amaran ini, bilakah jangka masa yang telah ditetapkan oleh kementerian untuk pelaksanaan projek ini akan dilaksanakan, serta adakah sistem ini yang akan dijalankan.

Seterusnya Butiran 050100. Baru-baru ini pusat penyelidikan swasta ada mendedahkan di dalam Twitter rasmi mereka menyatakan bahawa beberapa bandar di dalam negara kita didakwa bakal lenyap kerana akan berada di bawah paras laut menjelang tahun 2050. Perkara ini terjadi kesan daripada peningkatan suhu global.

Menerusi peruntukan sebanyak RM4.38 juta ini, saya ingin mengetahui apakah program-program yang akan dilaksanakan oleh kementerian bagi menangani peningkatan suhu iklim global. Adakah terdapat sebarang kajian rasmi yang telah pun dijalankan oleh kementerian berkenaan dengan dakwaan beberapa bandar di Malaysia yang akan berada di bawah paras laut menjelang tahun 2050 akibat daripada kesan perubahan iklim di peringkat global?

Apakah persediaan yang akan dibuat oleh kementerian terhadap kawasan-kawasan yang dijangka bakal terjejas tersebut? Adakah terdapat sebarang usaha untuk melakukan pemindahan penempatan penduduk dan sebagainya? Akhir, adakah akan terdapat sebarang usaha kerjasama di antara kementerian bersama tenaga pakar bagi mengurangkan impak yang bakal berlaku di kawasan-kawasan yang dijangkakan berlaku? Jadi terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Baik Ahli-ahli Yang Berhormat, seramai 24 orang Yang Berhormat telah mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab, masa 60 minit, dipersilakan.

7.36 mlm.

Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Puan Yeo Bee Yin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun membentangkan isu-isu yang berkaitan dengan MESTECC. Di sini saya hendak menjawab secara keseluruhannya untuk mereka yang tanya tentang kes-kes pencemaran di kawasan masing-masing.

Sebenarnya saya telah pun hantar satu surat kepada Yang Berhormat sekalian pada sidang yang lalu di mana di atas setiap meja Yang Berhormat sekalian ada satu surat yang tebal di mana macam mana kita boleh bekerjasama dari kawasan dengan kementerian supaya kita bersama-sama proses yang kita boleh guna untuk membuat aduan, *follow-up* dengan aduan, pastikan bahawa aduan itu di *follow-up* oleh cawangan-cawangan JAS ataupun cawangan-cawangan tempatan di kawasan Yang Berhormat masing-masing.

Untuk Yang Berhormat Tanjong Piai yang baharu, saya akan hantar untuk Yang Berhormat Tanjong Piai. Semua kawasan kalau pun kes-kes pencemaran spesifik untuk kawasan masing-masing, kalau sungai tercemar, kilang yang mencemari atau apa-apa, kita menggunakan proses itu.

Untuk sidang ini, saya telah pun mengadakan taklimat untuk Yang Berhormat sekalian tetapi tidak ramailah yang datang. Oleh itu, sidang yang akan datang kita akan buat taklimat lagi bagaimanakah kita boleh bekerjasama dengan kementerian untuk mengatasi kes-kes pencemaran di kawasan masing-masing. Saya berharap bahawa Yang Berhormat-Yang Berhormat tidak membangkitkan isu pencemaran ataupun kes pencemaran di Dewan sahaja tetapi mengambil langkah proaktif apabila tiada sidang. Apabila tiada sidang, jika ada kes pencemaran boleh lapor kepada JAS di cawangan masing-masing di mana saya telah pun dalam surat itu beri *contacts* yang diperlukan untuk menghubungi mereka.

Saya juga telah mengarahkan JAS negeri dan juga cawangan masing-masing untuk memberi taklimat kepada Yang Berhormat sekalian. Ada ramai Yang Berhormat yang telah menyertai taklimat itu bagaimana mereka boleh bekerjasama. Jika cawangan di tempatan tidak mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah ataupun isu pencemaran di kawasan masing-masing, Isnin minggu terakhir setiap bulan saya akan adakan satu sesi ataupun bertemu dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ahli Parlimen, ADUN yang ada masalah yang tidak dapat diatasi. Selepas tindakan proaktif daripada Yang Berhormat sekalian, Yang Berhormat boleh datang ke pejabat saya untuk kita bersama-sama untuk menyelesaikan masalah itu.

Untuk itu, proses-proses macam mana kita membuat telah pun dihantar melalui surat. Saya di sini kalau boleh kita boleh e-mel ke aduan_kp@mestecc.gov.my untuk Yang Berhormat

sekalian. Setiap bulan sebelum 15 hari bulan Yang Berhormat-Yang Berhormat boleh hantar isu-isu berkenaan dengan kes pencemaran.

Selepas itu pejabat kita akan tengok isu-isu itu, mendapatkan *update*, pastikan ada langkah yang telah diambil dan apabila sesi bertemu dengan Menteri dan Yang Berhormat-Yang Berhormat, kita boleh *so/ve*, kita boleh selesaikan masalah itu pada mesyuarat itu. Bukanlah pada masa itu baru membuat aduan tetapi dua minggu sebelum sesi tersebut kita hantar semua butiran. Selepas itu saya boleh mengarah pegawai-pegawai dapatkan semua maklumat yang diperlukan supaya dalam sesi itu, memang sesi itu yang kita boleh selesaikan masalah. Ini bukan untuk Yang Berhormat kerajaan sahaja, Yang Berhormat pembangkang sama. So, ini adalah hari di mana kita boleh bersama-sama kita selesaikan masalah.

■1940

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Yang Berhormat Menteri.

Puan Yeo Bee Yin: Ya?

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Boleh saya?

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Tanjong Piai.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Saya baharu tetapi saya dah terima banyak aduan. Mungkin *special* sedikit untuk saya supaya ada pegawai yang boleh kita hubungi dan kita turun padang melihat sendiri apa yang berlaku. Terima kasih.

Puan Yeo Bee Yin: Saya telah meneliti ucapan daripada Yang Berhormat Tanjong Piai mengenai Sungai Permas, Sungai Permas Kecil untuk penternak-penternak ikan sangkar yang telah menghadapi kerugian. Oleh itu, kita akan *note down* dan panggil cawangan untuk hubungi pejabat Yang Berhormat. Kalau tidak, kita akan hantar satu surat, surat yang sama kita hantar pergi kepada Yang Berhormat supaya Yang Berhormat tahu ya siapa untuk dihubungi di kawasan di Tanjong Piai ya.

Kedua adalah berkaitan dengan— ada ramai Yang Berhormat yang telah pun tanya tentang penurunan subsidi program rebat bil elektrik RM40 yang telah pun dibangkit oleh Yang Berhormat Ledang, Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Tampin, Yang Berhormat Kangar, Yang Berhormat Papar, Yang Berhormat Parit. Ada juga yang tanya adakah kerana jumlah dikurangkan.

Saya hendak jelaskan di sini, sejumlah RM140 juta telah pun diperuntukkan oleh kerajaan pada tahun 2019 untuk pertama kali kita laksanakan program rebat bil elektrik RM40 secara bersasar kepada ketua isi rumah (KIR) dalam kategori miskin dan miskin tegar yang berdaftar dan disahkan dalam sistem e-Kasih ICU JPM.

Untuk tahun 2020, program ini masih diteruskan dengan peruntukan sebanyak RM104 juta. Walaupun terdapat penurunan jumlah peruntukan pada tahun hadapan berbanding dengan tahun ini, peruntukan ini dijangka akan mencukupi kerana berikutan pemutihan data KIR oleh pihak ICU JPM, terdapat 56,977 KIR daripada kategori miskin tegar dan miskin telah pun terkeluar daripada sistem e-Kasih. Dengan jumlah peruntukan RM104 juta ini, kementerian boleh

memberi subsidi kepada seramai 200,000 KIR yang layak menerima rebat bil elektrik RM40 pada tahun 2020 dan ia akan melibatkan peruntukan sebanyak RM96 juta. Kalau kita ada peningkatan lagi pada tahun akan datang, kita ada *buffer* lagi RM8 juta untuk bagi mereka yang baharu dalam sistem e-Kasih.

Sehubungan ini, pihak kementerian bercadang untuk mempergiatkan lagi pelan komunikasi dan hebahan mengenai program rebat bil elektrik RM40 kepada KIR-KIR yang layak supaya lebih ramai bilangan KIR dapat mengemas kini nombor akaun mereka di syarikat-syarikat utiliti. Sebenarnya beberapa bulan yang lalu, saya telah pun hantar e-mel kepada Ahli Yang Berhormat sekalian bersama dengan satu senarai pengguna yang layak untuk mendapatkan subsidi bil elektrik ini. Kalau tidak dapat, boleh hubungi saya, kita boleh e-mel lagi. Saya *specifically*, kita *customize* setiap *email database* untuk setiap kawasan supaya Yang Berhormat masing-masing tahu siapa pengguna elektrik yang layak dapat RM40 subsidi ini. Kita akan teruskan hebahan kita. Akan tetapi, jika boleh, kalau saya boleh dapatkan kerjasama daripada Ahli Yang Berhormat sekalian, adalah sangat baik kalau kita boleh hebahkan cari orang yang layak dapat RM40 ini untuk dapatkan mereka.

Setakat ini, ada sebanyak 115,207 KIR yang telah pun berdaftar dan mendapat rebat RM40 subsidi iaitu 49 peratus sahaja. Oleh itu, tahun hadapan, cabaran kita, isu kita adalah meningkatkan kadar pendaftaran KIR untuk dapatkannya. Memang peruntukan kita telah pun sediakan tetapi kita kena hebahkan kepada mereka yang layak supaya mereka daftar dengan TNB, SESB dan SEB.

Saya bagi peratusan ya sebab ada Yang Berhormat yang tanya peratusan berapa di negeri apa yang dapat. Akan tetapi untuk Semenanjung Malaysia, untuk negeri masing-masing—saya tidak mahu ambil masa yang panjang. Untuk Semenanjung Malaysia, sebanyak 69,521 orang yang telah pun dapat tetapi yang layak ialah seramai 123,560. So, 56 peratus yang dapat sahaja.

Untuk SEB daripada Sarawak, kalau boleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Sarawak, kita ambil maklum ya sebab ini adalah kadar pendaftaran yang terendah. SEB, seramai 64,633 KIR yang layak tetapi yang sekarang daftar dan menerima hanya seramai 25,632 orang sahaja iaitu 39.66 peratus.

Untuk SESB di Sabah, bilangan KIR yang layak adalah seramai 46,391 KIR, dan yang telah pun daftar dan mendapat rebat sekarang adalah seramai 20,054 orang pengguna iaitu 43 peratus. Secara keseluruhannya, kita ada 49 peratus sahaja.

So, kalau saya boleh, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat bukan sahaja kementerian, TNB, SESB dan SEB yang membuat hebahan, kalau boleh di program-program Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau boleh kita jemput TNB, jemput orang daripada kementerian ataupun dapatkan borang daripada TNB supaya di pejabat masing-masing, kita ada borang tersebut dan mendaftarkan orang yang di e-Kasih supaya mereka dapat yang ini.

Untuk makluman semua ya, apabila kita tukar daripada RM20 kepada RM40, apakah kesannya? Saya hendak katakan di sini, ini adalah apa yang kita dapat untuk hari ini. Sebelum

ini kita bagi RM20 secara *blanket subsidy* kepada lebih daripada satu juta pengguna. Akan tetapi, daripadanya, kalau kita tengok *data mapping* daripadanya, hanya 18,738 KIR ataupun mereka yang dapat RM20 subsidi ini adalah daripada mereka yang berdaftar dengan e-Kasih, miskin dan miskin tegar. Dengan tukar atau *double up* RM20 kepada RM40 secara bersasar, walaupun kita ada 49 peratus pendaftaran sahaja tetapi orang yang betul-betul miskin dan miskin tegar mendapat rebat elektrik meningkat daripada 18,738 orang yang dapat RM20, meningkat enam kali ganda ya kepada 115,207 orang pengguna KIR yang betul-betul miskin, betul-betul miskin tegar dapat bukan sahaja RM20 tetapi RM40 subsidi bil elektrik daripada kerajaan.

Ini adalah kerana kita hendak satu *paradigm shift*, anjakan paradigma di mana kita hendak memberi satu subsidi yang bersasar. Mereka yang dapat subsidi adalah mereka yang benar-benar memerlukannya. Cuba kita tengok kalau kita dapat tingkatkan 100 peratus ataupun tingkatkan ke 200,000 KIR miskin dan miskin tegar dapat ini, kita akan meningkatkan mereka yang dapat, mereka perlu dapat sebanyak 10 kali ganda daripada mereka yang sebelum ini dapat. Ini adalah sangat penting ya.

Kedua, Yang Berhormat Kangar juga tanya tentang MySuria. MySuria juga adalah satu program di mana kita membantu pengguna-pengguna yang miskin. Peruntukan di bawah Butiran 060500 – MySuria sebanyak RM1.135 juta adalah bagi menampung kos pembelian tenaga boleh baharu melalui mekanisme *feed-in tariff mechanism* daripada 332 orang peserta program MySuria yang telah menerima sistem solar PV di bumbung rumah masing-masing. Program ini telah diperkenalkan pada tahun 2017 bertujuan untuk membantu meningkatkan pendapatan isi rumah golongan B40 melalui penjualan tenaga elektrik yang dijana daripada sumber solar kepada TNB.

■1950

Pendapatan purata yang diterima oleh seramai 332 peserta daripada penjualan TBB ini adalah kira-kira RM250 setiap bulan untuk tempoh 10 tahun. So, kita akan teruskan untuk seramai 332 orang ini. Oleh itu peruntukan ini akan diteruskan selama 10 tahun untuk mereka yang telah pasang solar PV ini di bumbung masing-masing. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya telah pun dihadkan kepada seramai 332 orang peserta pada tahun 2018.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Boleh hendak minta sedikit penjelasan.

Puan Yeo Bee Yin: Ya. Kalau maksud dia daripada rancangan asal RM1,600 lebih itu maksudnya hanya tinggal 300 ataupun sebenarnya pemasangan sudah dibuat lebih daripada 300 ini akan tetapi pembayaran hanya dihadkan kepada 300 orang ini sahaja.

Puan Yeo Bee Yin: Pemasangan 332 sahaja, so siapa yang telah pasang kita teruskan untuk 10 tahun. Siapa yang tidak pasang lagi kita berhentikan. Kerana apa? Kerana kita tengok bantuan RM40 B40 ataupun miskin-miskin tegar lebih praktikal jika bantuan itu diberi secara terus seperti rebat RM40 setiap bulan seperti kepada golongan miskin-miskin tegar seperti Bantuan Sara Hidup, My Salam, PeKa40 dan lain-lain.

Jika kita menggunakan cara pemasangan solar ada beberapa cabaran:

- (i) kalau rumah itu adalah rumah *flat urban poor*, dia tiada tempat untuk memasang solar;
- (ii) *Injection point*. Oleh sebab apabila kita hendak memasang solar, kita perlu ada *injection point* ke grid itu;

Itu sangat jauh dan memang dari segi kos tambahan itu, boleh memang dia banyak kos yang boleh dielakkan ya. Tambahan pula penerima tidak boleh pindah, itu masalah, dia tidak boleh pindah dari satu tempat ke tempat yang lain oleh kerana pemasangan solar itu adalah *attach* dengan premis tersebut dan juga dengan akaun yang dia daftar dalam alamat tersebut.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Yang Berhormat Menteri, boleh tidak kalau saya cadangkan begini. Dalam hal solar ini, oleh sebab kita kata lebih baik kita bagi rebat RM40. Macam di Perlis ini kita ada kawasan yang cukup luas di Chuping dan salah sebahagian daripada kawasan ini memang dikhususkan untuk dibuat *solar farming*.

Jadi daripada kita bagi macam itu, kenapa tidak kita jadikan *solar farming* ini kita jadikan dia ada satu *ownership* kepada golongan B40 ini. Maksud dia setiap plat ini adalah *represent* seorang penerima yang kita bagi. Jadi kita *invest* dengan cara itu, jadi kerajaan pun mendapat bekalan tenaga baharu melalui *solar farming* dan penduduk pun mendapat bahagian dia yang selalu kita bagi.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya Yang Berhormat Parit Sulung.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Peraturan Mesyuarat 13 (3). Tidak cukup kuorum.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Pembangkang semua kosong. Ya, ada sudah.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Tidak cukup lagi.

[*Dewan Riu*]

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tengok sengaja keluar, itu tengok pembangkang sengaja keluar, kenapa lari?

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Dari blok pembangkang tinggal Yang Berhormat Parit Sulung seorang sahaja.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: UMNO tinggal satu, PAS kosong, GPS satu.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Adakah ini usaha..

Tuan Pang Hok Liang [Labis]: Yang Berhormat Parit Sulung kena panggil MP UMNO masuk.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Tidak cukup lagi. 1,2,3,4,5,6,7,8,9,10,11,12 ...

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]: Yang Berhormat Parit Sulung ...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Parit Sulung ...satu sahaja kalau kira sebelah sana tengok ada berapa orang .

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: 24,25...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tidak, kira betul-betul.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Dia patut ada 26...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Parit Sulung kira betul-betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Sungai Petani sudah masuk.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Sungai Petani nampak?

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: *[Ketawa]*

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tidak, cuba tengok.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Patutnya kena bunyikan loceng kita.

Tuan Pang Hok Liong [Labis]: Tengok Barisan Nasional satu sahaja.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Parit Sulung sebelum menuding jari ke arah kami, pandang kiri kanan dahulu.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Rasah saya bawa Peraturan Mesyuarat okey.

[Dewan Riu][Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat saya arahkan Setiausaha untuk menghitung. Sila Setiausaha.

[Pengiraan bilangan Ahli-ahli Dewan dijalankan]

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Kuala Krau, kenapa dekat belakang masuklah, jangan segan-segan jangan malu-malu.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Rasah tolong hormat Peraturan Mesyuarat 13(3).

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Jangan cuba ...

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Yang Berhormat Krau sila masuk sudah nampak.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Yang Berhormat Kuala krau.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Di pintu pun sudah kira.

[Dewan Riu][Pembesar suara dimatikan]

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Setiausaha Dewan telah pun menghitung. Keputusannya 27, cukup kuorum. Sila Yang Berhormat Menteri.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tahniah, tahniah.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Ini gangguan namanya.

Tuan Pang Hok Liong [Labis]: Yang Berhormat Kuala Krau jangan masuk. Yang Berhormat Kuala Krau jangan masuk.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang duduk di luar, sila masuk. Sila.

Tuan Pang Hok Liong [Labis]: Yang Berhormat Kuala Krau jangan masuk.

Puan Yeo Bee Yin: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Saya harap sesiapa ahli yang ingin membangkitkan Peraturan Mesyuarat, pastikan rakan-rakan anda berada dalam Dewan juga. Yang Berhormat Menteri Sila.

Puan Yeo Bee Yin: Terima kasih Tuan Pengerusi. Untuk soalan Yang Berhormat Kangar tadi adalah soalan yang baik sama ada kita boleh menggunakan *solar farming* untuk menambahkan pendapatan ataupun...

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri minta maaf.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Saya mohon rekodkan di sini Yang Berhormat Kuala Lipis sengaja keluar apabila Yang Berhormat Parit Sulong membangkitkan soal kuorum tadi. Saya mohon perkara ini direkodkan.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Saya sokong.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Tuan Pengerusi.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Selepas Tuan Pengerusi kata cukup, dia masuk, sama juga Yang Berhormat Kuala Krau dia....

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, isu kuorum telah pun selesai. Kini masa untuk - ya saya faham, sebenarnya apa-apa yang dituturkan, apa sahaja akan direkodkan dalam *Hansard*. Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Tuan Pengerusi saya ingat Tuan Pengerusi lagi arif lah tentang perkara ini.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Saya sudah tujuh tahun duduk dalam Parlimen, saya sangat arif perkara ini. Saya ingat Yang Berhormat Rasah baru lah.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Pandang lah cermin.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sila.

Puan Yeo Bee Yin: Terima kasih Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat Kangar tanya sama ada kita boleh menggunakan *Project Large Skill Solar* atau *solar farming* untuk meningkatkan pendapatan komuniti bersebelahan ataupun komuniti *B40*. Untuk isu ini adalah lebih baik jika kita ada *Project Large Skill Solar* yang dibangunkan oleh syarikat-syarikat yang bertauliah yang baik di mana mereka akan mendapatkan pekerja-pekerja di tempat masing-masing.

Dalam hujung minggu yang lalu, saya telah pun melawat satu *Large Skill Solar Farm* (LSSF) di mana pemilik beritahu saya bahawa mereka mengupah semua pekerja di tempat yang bersebelahan untuk membuat kerja-kerja seperti potong rumput, bersih dan banyak lagi peluang pekerjaan boleh dijanakan dengan *Project Large Skill Solar* atau pun Projek Solar.

Kita tidak perlu menggunakan projek solar untuk membuat agenda ekonomi. Oleh sebab agenda ekonomi adalah supaya kita ada pelaburan-pelaburan yang efektif, *Large Skill Solar*, *Net Energy Metering*, solar atas bumbung, supaya mereka dapat pekerjaan. Selepas itu mereka dapat pekerjaan, mereka akan dapat meningkatkan pendapatan. Ini adalah jawapan saya.

Tetapi saya belum habis lagi untuk MySuria. Oleh sebab kita ada baki panel solar daripada Program MySuria yang belum lagi dipasang. Sebelum ini kita sasarkan untuk 1,620

peserta. Akan tetapi apa yang terjadi kita pasang 332, yang bakinya kita telah membuat keputusan supaya diagihkan kepada 37 buah sekolah dan lima pihak berkuasa tempatan yang telah dikenal pasti. Pemasangan ini adalah menggunakan konsep *Net Energy Metering* dan juga *solar leasing* di mana sekolah ataupun PBT yang terlibat akan menikmati penjimatan bil elektrik bulanan untuk tempoh kontrak selama 21 hingga 25 tahun, tanpa melibatkan sebarang kos pemasangan dan juga penyelenggaraan.

Di samping itu program dengan ini kalau kita pasang di sekolah, pasang di PBT, program ini bukan sahaja boleh jimat elektrik, bukan sahaja boleh ada *green* agenda akan tetapi juga boleh mempromosikan sebagai satu bahan promosi dan pendidikan kepada pelajar-pelajar sekolah dan juga orang awam tentang agenda TBB kerajaan dan komitmen kerajaan untuk mencapai sasaran 20 peratus TBB dalam pembekalan elektrik negara menjelang tahun 2025.

Untuk Yang Berhormat, ada dua Yang Berhormat yang bertanya tentang Projek Khas Bekalan Elektrik Sabah di mana saya hendak *bring forward to* - untuk bincang oleh sebab saya rasa ini adalah satu projek yang cukup penting untuk warga-warga dari Sabah. Yang Berhormat Kalabakan dan juga Yang Berhormat Papar yang telah pun membangkitkan isu tentang projek-projek di bawah pasukan Projek Khas Bekalan Elektrik Sabah di mana lebih daripada RM400 juta telah pun diperuntukkan untuk projek ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2017, PPKBES, ini adalah Projek Khas Bekalan Elektrik Sabah *the short form* adalah PPK-BES mendapat kelulusan bagi melaksanakan sejumlah 57 bilangan projek di mana 48 bilangan adalah projek fizikal, tujuh adalah kajian hidro, dua untuk kerja survei dengan kelulusan geran kerajaan sebanyak RM2.295 bilion.

■2000

Kerajaan Pakatan Harapan yang baharu terus meneruskan rancangan ini sebab kita tahu bahawa projek-projek ini adalah sangat penting untuk warga-warga di Sabah kerana warga Sabah menghadapi masalah bekalan elektrik yang jauh lebih serius daripada rakyat Malaysia di tempat lain.

Skop kerja adalah meliputi rehabilitasi menaik taraf dan pengukuhan untuk sistem penjanaan sedia ada 132,275 kV talian penghantaran 33 KV pengagihan, kawalan perhubungan retikulasi bekalan elektrik di negeri Sabah dan Wilayah Labuan. Projek-projek ini adalah untuk menambah baik bekalan elektrik di Sabah di mana *System Average Interruption Frequency Index* dijangka berkurangan ke 157 minit per pelanggan setahun setakat bulan September tahun 2019 berbanding dengan tahun sebelum ini adalah 267 minit per pelanggan setiap tahun bagi tahun 2018. Ini adalah satu *improvement* tetapi jika kita bandingkan lagi dengan Semenanjung *System Average Interruption Duration Index* (SAIDI) di Semenanjung Malaysia adalah lebih kurang 50 sahaja.

Akan tetapi, sekarang *average* walaupun ada *improvement*, adalah 157 minit, kita ada banyak kerja hendak buat lagi di Sabah. Tumpuan projek PPKBES adalah kepada talian pengagihan atau *distribution* kerana 96 peratus daripada SAIDI adalah daripada gangguan di talian pengagihan dan bukannya di talian penghantaran dan penjanaan. Barangkali saya dengar

ada ucapan dari Yang Berhormat sekalian, ada yang kata kita ada gangguan bekalan elektrik, kita perlu ada *power plant* yang baharu ataupun kita perlu ada penghantaran talian yang baharu. Akan tetapi kalau kita tengok secara objektif ataupun saintifik dengan *getting a breakdown of where the SAIDI come from* kita tahu bahawa bukan talian penghantaran yang ada *problem*, bukan penjaan yang ada *problem* tetapi pengagihannya.

Akan tetapi, saya bagi satu statistik kalau kita tengok SAIDI terkumpul untuk tahun 2019, hanya 3.96 minit adalah daripada gangguan penjaan, 2.69 minit adalah daripada gangguan penghantaran tetapi 151.92 minit adalah daripada gangguan pengagihan *it's the distribution line that has a problem*. Oleh itu, tumpuan kita adalah sering kali kepada bagaimanakah kita hendak memperkukuhkan talian pengagihan di negeri Sabah.

Sehingga tahun 2019, sejumlah 17 projek fizikal bernilai RM292 juta telah pun berjaya disiapkan. Manakala RM10 juta telah pun dibelanjakan untuk enam kajian ataupun *survey* bagi tenaga hidro. Antara projek-projek besar yang telah siap adalah Pencawang Pembahagi Utama (PPU), PPU Ken yang bernilai RM33.37 juta, PPU Kayu RM13 juta, PPU Likas RM12.24 juta. Sejumlah 32 projek sambungan akan diteruskan ke tahun 2020 di mana 13 projek akan di tender dengan jumlah tender RM643.58 juta dan 19 projek...

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Yang Berhormat Menteri, boleh bertanya?

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sila Yang Berhormat Kalabakan.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Saya hairanlah kenapa grid di Sabah ini dari Tawau ke Kalabakan ini tidak disambung. Kita ada *Southern Link* yang dirancang sekian lama sebab orang hendak buka satu *refrigerator* di Kelabakan, hendak jalankan satu perniagaan *refrigerator* pun tidak boleh. Ada satu *phase* sahaja, tiada *three phase*. Kalabakan ini pekanlah Yang Berhormat Menteri.

Puan Yeo Bee Yin: Oleh itu, saya di sini kata Yang Berhormat Kalabakan, kita kena bezakan antara *what is transmission and distribution*. Apakah penghantaran, dalam penghantaran itu *Southern Link* tetapi *when you talk about one phase, three phase* ataupun pencawang utama, semua ini adalah *distribution*. Oleh itu tumpuan kita adalah *distribution* tetapi saya di sini ada senarai untuk apa projek-projek yang akan siap untuk tahun depan, yang akan siap untuk tahun 2021.

Saya akan bekalkan kepada Yang Berhormat Kalabakan. Saya akan bekalkan projek itu, jika ada yang dekat dengan kawasan Yang Berhormat, tolong dapat kerjasama dari Yang Berhormat juga untuk pastikan bahawa *milestone* sebab *progress* ataupun *update* projek-projek ini siap pada masa yang ditentukan. Kita akan hubungi Yang Berhormat lagi. Akan tetapi, kita memang sangat prihatin kepada apa yang berlaku di Sabah. Oleh itu ini adalah semua projek yang kita hendak pastikan bukan sahaja kita ada *open tender*, kita membuat pengawasan *or monitoring* supaya semua projek siap ya.

Saya sambung lagi, daripada jumlah tersebut sebanyak 13 projek yang bernilai RM643 juta akan dijangka siap pada tahun 2020. Projek-projek yang dijangka siap untuk tahun 2020 adalah seperti PMU Apas, PMU Tanjong Lipat, PMU Penampang, dan PMU KKBU yang dijangka

akan memperbaiki bekalan elektrik di sebahagian kawasan Pantai Barat Sabah, sekitar Kota Kinabalu dan Labuan serta sebahagian kawasan Pantai Timur di Sandakan dan Tawau.

Sasaran kita selepas 57 projek ini, projek PPKBES akan berlangsung tiga untuk tahun 2017, 10 telah siap tahun 2019, 13 akan siap tahun 2020, 15 akan siap 2021, lima projek akan siap tahun 2021, 2022 dan satu projek lagi tahun 2023. Semua projek ini saya akan bagi butiran untuk Yang Berhormat untuk dapatkan semua. Ini adalah usaha kerajaan supaya kita bersama-sama untuk memperkukuhkan lagi bekalan elektrik. Akan tetapi saya hendak katakan di sini bahawa ini adalah memerlukan sedikit masa sebab projek-projek ini memakan masa. Namun kita memang kita ada usaha yang sedaya-upaya daripada kerajaan, bukan sahaja daripada Kerajaan Persekutuan kita juga dapat kerjasama yang baik daripada kerajaan negeri untuk mendapatkan kelulusan tanah dan lain-lain supaya kita mempercepatkan projek-projek ini.

Tuan Pengerusi, saya juga telah tertarik kerana kali ini ada ramai juga yang tanya saya tentang ANGKASA sebab tidak ramai yang tanya berkenaan dengan ANGKASA dalam perbincangan. So, saya sangat tertarik, hari ini ada beberapa orang seperti Yang Berhormat Paya Besar, Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Rasah dan lain-lain yang tanya saya tentang apakah perkembangan ANGKASA ataupun *Remote Sensing*. Apakah perkembangan polisi ANGKASA di negara kita.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi memperkasa ekosistem teknologi angkasa yang sedia ada Kerajaan Malaysia melalui Mesyuarat Jemaah Menteri pada 20 Februari 2019 telah pun bersetuju meluluskan cadangan perkabungan Agensi Angkasa Negara (ANGKASA) dan Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM). Penggabungan kedua-dua agensi ini akan membentuk sebuah institusi penyelidikan kerajaan ataupun *government research institute* yang akan dinamakan sebagai Agensi Angkasa Malaysia atau *Malaysian Space Agency*.

Inisiatif penggabungan ini merupakan salah satu pelan rasionalisasi agensi dan jabatan di bawah MESTECC. Tujuan utama perkabungan dua jabatan ini adalah untuk yang pertama, menyatukan takbir urus pembangunan teknologi angkasa negara di bawah satu penyelarasan agensi ataupun jabatan yang sama. Pembangunan segmen pengguna, segmen bumi sebelum ini telah pun dilaksanakan oleh ARSM manakala pembangunan segmen angkasa pula telah diterajui oleh ANGKASA. *Upstream and downstream*, sekarang kita *combine upstream and downstream together*.

Pembangunan semua segmen pembangunan di bawah MySA dijangka dapat meningkatkan lagi keberkesanan penggunaan sumber, kepakaran, infrastruktur ataupun fasiliti yang sedia ada di kedua-dua agensi. Di samping itu, kita juga dapat meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan kerajaan dalam sektor angkasa. Pendekatan ini adalah selaras dengan keperluan takbir urus dan Dasar Angkasa Negara.

Kedua, kalau kita mengasingkan aktiviti pembangunan dan aktiviti kawal selia teknologi angkasa bagi meningkatkan tahap kepercayaan industri serta mengelakkan unsur-unsur *conflict of interest* dalam ekosistem pembangunan teknologi angkasa.

Saya ada panjang lagi tetapi saya tidak hendak baca untuk...

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Menteri...

Puan Yeo Bee Yin: Ya, saya jawab. Yang Berhormat Parit Sulong tanya saya satu perkara. Dia tanya satelit, sama ada kita akan membangunkan satelit atau tidak. Ini adalah satu soalan yang sangat menarik sebab saya tidak sangka ada Yang Berhormat yang masih ingat lagi kita ada satelit program di negara. Selepas penggabungan, so kita tanya apakah projek utama untuk kita mulakan agenda angkasa di Malaysia. Ada yang cadang supaya kita hantar *astronaut*. Ada yang cadang supaya— so, hantar *astronaut* adalah satu benda yang membanggakan tetapi hantar *astronaut* mungkin tiada banyak kesan ekonomi untuk kita.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sudah dilakukan sebenarnya.

Puan Yeo Bee Yin: Ya. Oleh itu adalah sangat penting kita tanya sekarang apakah projek yang praktikal untuk kita buat. Satelit, tadi Yang Berhormat Parit Sulong sangat bangga kata ada satelit RazakSAT. Saya hendak katakan di sini, sebelum ini RazakSAT telah pun dilancarkan pada Julai 2009. Akan tetapi kerana ada kesulitan di luar angkasa, pada 30 Ogos 2010 ia telah pun hilang di angkasa, *lost in space*. Oleh itu keyakinan di antara anggota-anggota pentadbir dengan kita— beratus juta kita belanja, satelit lancar, satu tahun, hilang. Itu masalah. Oleh itu, tadi Yang Berhormat Rasah bertanya bagaimana pula RM300 juta— perbelanjaan projek RM300 juta itu. Apa terjadi dengan RM300 juta? Oleh sebab kita mahu lagi menggunakan peruntukan dana *development expenditure* (DE) untuk membangunkan satelit. Kita menggunakan cara yang lain. Saya rasa pembangunan satelit adalah sangat penting sebab dia adalah banyak kegunaannya di Malaysia. Satelit kita guna *remote sensing* supaya kita *do imaging*. *A lot of monitoring* kita buat *on open space*.

Oleh itu dengan ini saya hendak maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Ogos 2019 telah bersetuju supaya pembangunan satelit penginderaan jauh negara iaitu *remote sensing satellite* kita diteruskan. RazakSAT II, pembangunan adalah berdasarkan peruntukan, peruntukan kerajaan tetapi yang ini adalah menggunakan *request proposal* kepada pihak swasta dengan *local content* supaya apabila kita buat, kita tak membelanjakan peruntukan tetapi kita buat syarat *local content*. Jikalau kita buat syarat *local content*, maka orang di luar akan buat satelit untuk kita dia lancar satelit itu, selepas hilang kita tidak dapat apa-apa.

Oleh itu kita telah pun tengok bagaimanakah kita boleh menggunakan cara yang lebih bijak untuk melaksanakan program tersebut. Satu, *request proposal*. Bagaimanakah kita boleh *request proposal* kerana tidak ada peruntukan? Akan tetapi, apa yang kita ada sekarang adalah, satu di Agensi *Remote Sensing Satellite*— sebelum ini Agensi *Remote Sensing Satellite*, kita berbelanja sebanyak RM20 juta setiap tahun untuk memberi data satelit.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah satelit beratus juta boleh hilang? Itu pun saya hendak tahu juga.

Puan Yeo Bee Yin: Tuan Pengerusi boleh tanya kah?

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Boleh. Tuan Pengerusi boleh tanya apa soalan. Yang Berhormat Menteri kena jawab.

Puan Yeo Bee Yin: Dia hilang pada tahun 2010.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Bagaimana dia boleh hilang? Beratus-ratus juta.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Mengapa tidak boleh cari dia balik?

Puan Yeo Bee Yin: *Lost in space. It's very far, it's lost in space.* Oleh itu, kita ambil iktibar daripada itu. Kita tidak lagi bayar selepas kita bangun— pembinaan dan pelancaran. Kita bayar *according to the image. So, you have an offtake agreement* sebab *anywhere* setiap tahun MESTECC kita menggunakan sebanyak RM20 juta dan juga kementerian-kementerian lain. Kita menggunakan sebanyak RM20 juta untuk melanggan perkhidmatan imej juga data satelit untuk kegunaan kita. Ada banyak aplikasi— saya tidak ada masa. Kita menggunakan— kalau kita membelanjakan sebanyak RM20 juta setiap tahun, boleh tidak kita masuk satu *agreement* bersama-sama dengan pengusaha supaya mereka bagi imej ini kepada kita, kita *sign contract* sebanyak RM20 juta setiap tahun kita *offtake, guarantee offtake, but we don't guarantee if you lost in space. We guarantee the image acquisition* sebab *anyway we are going to spend it.*

Oleh itu, dengan itu bukan sahaja kita boleh membangunkan satelit dengan *request proposal*, dengan *offtake agreement mechanism* tetapi kita juga boleh jimatkan peruntukan pembangunan.

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Yang Berhormat Menteri, "*anyway we are going to spend it*". Ini ayat yang sungguh *alarming*. Boleh jelaskan?

Puan Yeo Bee Yin: Saya bagi satu contoh. Ada banyak aplikasi yang kerajaan guna menggunakan *remote sensing satellite*. Satu, kita bayar kepada satelit daripada Amerika Syarikat, satelit daripada Jepun, satelit daripada masing-masing untuk mendapatkan butiran-butiran ataupun data-data yang boleh kita dapatkan daripada satelit yang dibangunkan oleh kita sendiri. Akan tetapi kerana kita tidak ada satelit sendiri, maka kita beli daripada orang lain. Oleh itu, kita perlu berbelanja untuk membayar untuk imej satelit ini. Inilah maksud bagaimanapun kita perlu belanja. Kalau kita tengok, untuk MESTECC sahaja kita belanja sebanyak RM20 juta untuk aplikasinya.

Saya bagi satu contoh, untuk *monitoring* kepada pertanian, *we use a remote sensing satellite to* fahamkan bahawa manakah petani-petani di mana mereka mengusahakan tanaman mereka supaya kita bagi subsidi *according to land that is used by them*. Oleh itu, ini adalah cara kita hendak menurunkan ataupun merasionalisasikan peruntukan kerajaan tetapi pada masa yang sama *offtake agreement* tetapi *offtake agreement* dengan syarat *local content*. Dengan ini kita boleh mencapai supaya kita boleh membangunkan bakat-bakat dalam sektor angkasa.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Parit Solung.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Okey. Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih di atas penjelasan yang diberikan dan saya menyambut baik apa yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri. Cuma dahulu satelit RazakSAT ini dia di bawah syarikat Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd. (ATSB). Jadi, apakah akan terjadi kepada

syarikat tersebut? Syarikat ini adalah *100 percent owned by MOF*. Adakah dia masih beroperasi atau tidak lagi beroperasi? Kalau sekiranya dia tidak lagi beroperasi, apakah yang telah terjadi kepada *staff-staff* dan juga pegawai-pegawai di ATSB tersebut?

Puan Yeo Bee Yin: Kabinet telah pun membuat keputusan untuk menutup ATSB secara berfasa. So, sekarang dalam proses untuk menutup ATSB. Untuk *staff-staff* ini kita jangkakan mereka akan pergi kepada syarikat sebab kita ada *local content requirement*. *Local content requirement* maksudnya ia perlu daripada syarikat yang *base* di Malaysia. Oleh itu mereka boleh pergi ke syarikat-syarikat swasta yang boleh membangunkan, bukan sahaja memberi peluang kepada mereka untuk membuat projek di Malaysia tetapi memberi *exposure* kepada mereka untuk projek-projek antarabangsa. Inilah kenapa kita berasa bahawa *the business of the government is not to do business*. *The business of the government is to make sure that business strive* dengan adanya projek-projek pemangkin daripada kerajaan.

Akan tetapi kita— *even* dengan *offtake agreement*, kita tidak cukup dana lagi tetapi sekarang ada satu konsep yang dinamakan *constellation of satellite*. *Constellation of satellite* bermaksud bahawa, ada— konvensional satelit adalah satelit besar yang beratus-ratus juta. Akan tetapi dia orbit di bumi dan orbit itu kita boleh dapat bacaan satu kali setiap hari. Akan tetapi kalau kita dengan *constellation of satellite*, kita *built* satu satelit tetapi kita *joint constellation of satellite* dengan satelit-satelit lain yang kecil tetapi kita boleh dapat resolusi yang lebih besar dengan kos yang lebih kecil dan kerajaan boleh bangunkan satu satelit yang kecil tetapi dapat semua bacaan yang diperlukan. Ini adalah maksud *offtake agreement*, *local content* dan juga *constellation of satellites*.

■2020

Ini adalah rancangan kerajaan untuk tahun hadapan. Satu lagi dalam *agreement* itu kita juga — saya hendak juga maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebenarnya kerajaan sebelum ini telah pun membelanjakan banyak untuk *facilities* di angkasa terutamanya *facilities* ini adalah semua *cutting edge*. Kalau saya ada peluang kita boleh pergi sana untuk melawat di satu *facility assembly and integration test centre* di Banting, di mana ia ada banyak sistem-sistem yang *very sophisticated* yang hanya ada dalam rantau ini, hanya Malaysia ada.

Oleh itu, dalam *agreement* itu, kita pun tengok sebab kita ada *offtake agreement*, kita juga masuk *constellation of satellite* tetapi tidak cukup lagi kita kata semua *facilities* ini syarikat yang menang boleh gunakan untuk pengkomersilan supaya untuk menurunkan lagi kos yang perlu dibelanjakan oleh kerajaan atas program satelit di negara kita.

Untuk Yang Berhormat...

Tuan Lim Lip Eng [Kepong]: Kepong.

Puan Yeo Bee Yin: Untuk Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Kangar, Yang Berhormat Paya Besar, Yang Berhormat Kota Tinggi yang tanya tentang ekuiti pengkomersilan teknologi dan juga Yang Berhormat Paya Besar tanya *technology acquisition fund*, *commercialization of R&D funds* dan lain-lain.

Semua ini saya hendak jawab secara keseluruhannya tentang dasar atau rancangan MESTECC untuk ekuiti atau *technology startups*, pengkomersilan teknologi pada tahun hadapan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 Oktober 2018 telah pun memutuskan bahawa lima agensi yang membiayai aktiviti pengkomersilan teknologi di bawah bidang kuasa MESTECC diletak di bawah bidang kuasa kita iaitu *Cradle Fund*, Kumpulan Modal Perdana, *Malaysia Venture Capital Management Berhad* (MAVCAP), *Malaysia Tech Venture* (MTV), *Malaysia Technology Development Corporation* (MTDC).

Agensi-agensi ini berperanan untuk membina ekosistem dan rangka *regulatory, regulation framework* untuk memangkinkan pertumbuhan *technology startups* di Malaysia dan seterusnya mencipta pertumbuhan ekonomi dan peluang pekerjaan.

Tadi ada juga Yang Berhormat yang tanya bagaimana R&D ini boleh dikomersialkan, sama ada daripada *government research institute* ataupun daripada IPTA-IPTA? Ini adalah salah satu polisi MESTECC di mana bagaimana kita boleh *commercialize* lebih banyak lagi teknologi di Malaysia. Akan tetapi apabila kita ambil alih semua agensi-agensi ini *Cradle*, KMP, MAVCAP, MTV, MTDC kita tengok ada beberapa kelemahan dan cabaran sedia ada.

Antaranya pertama, kita ada terlalu banyak agensi yang buat pembiayaan yang pengkomersilan. Kita terdapat pertindihan fungsi antara agensi.

Kedua, kita tengok ada kebergantungan yang terlalu tinggi terhadap peruntukan kerajaan untuk pembiayaan *technology startups* dalam bentuk geran, suntikan, ekuiti or *venture capital* dan pinjaman.

Izinkan saya bagi sedikit statistik bagaimanakah kebergantungan ini adalah tinggi. Pada tahun 2018, terdapat RM6 bilion dana yang komited dengan pelaburan kepada sebanyak 117 syarikat. Namun begitu, kebanyakan ini disumbangkan oleh kerajaan. Hanya 30 peratus daripada jumlah yang komited ini adalah daripada sektor swasta. Sebanyak 70 peratus komitmen ini adalah daripada kerajaan, syarikat milikan kerajaan.

Kalau kita banding dengan 12 tahun sebelum ini tahun 2006 di mana 60 peratus daripada jumlah dana komited kepada modal teroka iaitu *venture capital* adalah daripada sumber swasta. Akan tetapi pada tahun ini kita tengok bagaimana *ratio*, nisbah, ini tukar. Pada tahun 2006, 60 peratus daripada swasta tetapi tahun 2018, 30 peratus daripada swasta. Ini adalah masalah ekosistem *technology startups* di Malaysia.

Ketiga, adalah pemantauan oleh agensi pembiaya ke atas prestasi dan pematuhan *Venture Capital* (VC) adalah kurang cekap dan berkesan.

Keempat, *return of investment* untuk agensi-agensi pembiayaan ini adalah kecil.

Kalau kita tengok ada Yang Berhormat tanya suntikan ekuiti RM68 juta, *Technology Acquisition Fund* (TAF) RM8 juta, CRDF RM25 juta. Bagaimana kita hendak gunakannya? So, kita telah pun membuat satu penyusunan semula — ini adalah bagaimana kita hendak menggunakan semua dana-dana pengkomersilan teknologi ini.

Ini sebab kita ada banyak kelemahan, MESTECC telah pun menubuhkan pada Januari 2019, satu Jawatankuasa Kerja *Technopreneur Funding* (JKTF) yang dianggotai oleh wakil

kerajaan dan industri. Jawatankuasa ini telah pun memberi banyak cadangan kepada MESTECC dan kita telah pun menyiapkannya dalam satu memorandum Jemaah Menteri dan memorandum Jemaah Menteri ini telah pun diluluskan pada 21 Ogos 2019.

Bagaimana kita hendak menstrukturkan semula agensi-agensi ini dan menambahbaikkan ekosistem *technology startup*. Struktur baru ini adalah untuk satu memastikan tidak berlakunya pertindihan fungsi antara agensi secara objektif — setiap agensi fokus kepada satu jenis pembiayaannya sahaja dan peringkat pembiayaan yang ditawarkan.

Oleh itu, aktiviti pembiayaan pengkomersilan kini akan diuruskan oleh tiga agensi khusus. Daripada lima, kita tumpukan kepada tiga sahaja melalui geran, ekuiti dan pinjaman. Pembiayaan melalui geran hanya akan diuruskan oleh *Cradle*. Pembiayaan ekuiti akan dikendalikan oleh MAVCAP melalui struktur *fund of funds*. Pemberian pinjaman terus akan dilaksanakan oleh MTV. Ada yang tanya apakah itu teknologi — sebelum ini kita, kerajaan menyuntik *venture capital* kepada syarikat-syarikat. Akan tetapi, sekarang kita tukar kepada modal *fund of funds*.

Untuk suntikan *venture capital*, modal *fund of funds* akan digunakan. *Fund of funds* akan diuruskan oleh MAVCAP pada tahun akan datang. Melalui modal ini, pembiayaan kerajaan menerusi ekuiti akan dilaksanakan melalui suntikan modal ke dalam dana *venture capital* lain berbanding modal sebelum ini di mana kerajaan mempunyai pegangan ekuiti langsung.

Modal *fund of funds* akan memperbaiki pelaburan *deficit aggregation* yang bertujuan meningkatkan pulangan pendapatan, *return of investment*. Ini sebab sebelum ini *return of investment* adalah sangat rendah dan mengurangkan risiko pelaburan.

Sebagai contoh, saya bagi satu contoh apabila kita tengok, menganalisis prestasi-prestasi syarikat-syarikat ini. Kita dapati bahawa dulu MAVCAP sebelum ini mereka buat pelaburan langsung iaitu *direct investment*. Pulangan kepada dana kerajaan adalah negatif. Untuk peruntukan RMKe-8 pulangan yang dicatatkan adalah 0.65 kali ganda. Maksud bahawa kita *invest*, labur RM1 dapat balik 65 sen sahaja. Untuk RMKe-9 pulangan lagi merosot lagi iaitu 0.18 kali ganda. Setiap RM1 kita melabur dapat balik *return of investment* 18 sen sahaja.

Namun, apabila MAVCAP 2018 mereka bermula — buat projek perintis *fund of funds*. Mereka mencatat pulangan yang positif untuk program terkini iaitu MAVCAP OSP3, pulangan dicatatkan adalah 1.51 kali ganda iaitu bermaksud setiap kali kita labur RM1 kita dapat pulangan RM1.5 balik.

Oleh itu, kerajaan berasa bahawa *fund of funds are the way to go* dan juga *fund of funds* juga telah pun di *practised* di banyak negara-negara terutamanya negara-negara yang baik dalam pengkomersilan teknologi mereka.

Oleh itu, kita akan teruskan bagi *fund of funds* dan projek perintis untuk tahun hadapan adalah sebanyak RM100 juta. Sebanyak RM50 juta daripada MESTECC, *through all this*, melalui semua suntikan ekuiti dana-dana yang diluluskan di sini dan RM50 juta lagi adalah daripada pelaburan daripada *venture capital* swasta. *We need private venture to come in fund of funds*, mereka akan menjadi VCMC iaitu *Venture Capital Management Company*, mereka akan *manage*

RM100 juta ini dan RM100 juta ini akan dapatkan pulangan. Apabila pulangan, pulangan itu akan dikongsi bersama dengan kerajaan.

■2030

Dengan ini, kita boleh menarik bukan sahaja visi swasta tetapi visi antarabangsa untuk datang melabur di Malaysia. Terlalu panjang lebar, saya tidak mahu teruskan lagi. Akan tetapi *it's a fund of funds, it is what we're going to do and the pilot project will start with RM50 million from the government and then, RM50 million from the private*. Selain daripada peruntukan ataupun pembiayaan teknologi *startups*, juga ada Yang Berhormat- saya tidak ingat Yang Berhormat mana yang tanya. Kenapa kecil sangat? Kalau teknologi ini *startups* begitu besar, adakah ini mencukupi, *commercialization of R&D fund* ini adakah ini mencukupi? Akan tetapi bukan sahaja dari segi pembiayaan kewangan *startups* tetapi kerajaan juga bagi galakan cukai. Galakan cukai sebanyak RM20 juta untuk individu dan syarikat yang melabur dana dalam syarikat modal teroka iaitu *venture capital*, dapat galakan cukai.

Insentif ini boleh menggiatkan lebih banyak lagi pelaburan swasta untuk membiayai teknologi *startups*. Pada masa yang sama, membuka lagi peluang untuk syarikat-syarikat mendapat dedahan kepada keperluan industri. Yang Berhormat Pasir Gudang– Okey, saya tidak cukup masa. Saya hendak...

Dr. Su Keong Siong [Kampar]: Kepong, Kepong.

Puan Yeo Bee Yin: Kepong? Yang Berhormat Kepong tanya tentang...

Dr. Su Keong Siong [Kampar]: Isu Lynas.

Puan Yeo Bee Yin: Isu. So– Isu Lynas telah pun dijawab pada satu sesi soal jawab pertanyaan...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Puan Yeo Bee Yin: Soalan lisan yang telah pun dijawab. Saya rasa bahawa kita telah pun jawab dan saya tidak hendak ulang lagi ya. Akan tetapi untuk ada yang tanya tentang perubahan iklim juga ya. Saya telah pun jawab juga. Saya jawab di ucapan penggulungan dasar saya. Mohon ya, untuk mereka yang tanya tentang perubahan iklim, boleh rujuk ke *Hansard*. Jangan tanya sekali lagi, tanya soalan yang sama ya.

Untuk yang tanya tentang teknologi hijau. Teknologi hijau, saya pun telah jawab panjang lebar dalam ucapan penggulungan dasar saya tentang bagaimana kerajaan menggunakan tenaga boleh baharu, kita menggunakan kecekapan tenaga. Apakah usaha-usaha kerajaan. Akan tetapi saya tertarik dengan soalan Yang Berhormat Ledang. Yang Berhormat tanya kenapa kita memperuntukkan RM1 juta sahaja untuk teknologi hijau? Kenapa kalau kita ada sasaran untuk menurunkan pelepasan karbon, kita ada sasaran untuk *renewable energy and energy efficiency*, RM1 juta adakah itu mencukupi?

Sedangkan saya telah mengumumkan bahawa tenaga boleh baharu kalau kita hendak mencapai sasaran kita 20 peratus menjelang tahun 2025, kita perlu RM33.2 bilion pelaburan. Akan tetapi pelaburan ini bukan daripada peruntukan kerajaan ya. Pelaburan ini adalah daripada pelaburan swasta, di mana kita akan ada– kita memberikan– sebagai contoh, *large scale solar*.

Apabila kita tender, kita tenderlah *large scale solar*, kita tidak menggunakan peruntukan. Akan tetapi kita masuk satu perjanjian untuk *offtake electricity* yang telah dijanakan oleh *large scale solar*, ya. So oleh itu, apakah peranan kerajaan dalam menarik RM33.2 bilion ini adalah bagaimana kita boleh *design project* RE dan EE supaya projek ini adalah *bankable*. Apabila ia adalah *bankable*, di mana ia ada jana pendapatan, maka mereka boleh dapat *private financing*. Apabila ia dapat *private financing* daripada bank, maka ia tidak perlu menggunakan peruntukan kerajaan.

Oleh itu, adalah sangat penting kerajaan merangka projek supaya projek-projek ini adalah *bankable*. Ini supaya ia ada *model business* yang *sustainable* untuk pelaburan swasta. Saya tidak mahu cakap panjang lebar untuk ini juga. Kita untuk menggalakkan lebih banyak lagi pelaburan dalam RE dan EE, bukan sahaja kita pastikan projek kita adalah *bankable*. Kedua, kita pastikan kita ada insentif dan *tax allowance*. Satu, kita ada *Green Investment Tax Allowance* (GITA), di mana kalau syarikat-syarikat hendak membuat pemasangan solar atau pemasangan produk-produk hijau, mereka dapat *allowance tax*, cukai daripada kerajaan. Kedua, *Green Income Tax Exemption* (GITE). Itu bahawa syarikat-syarikat yang membekalkan produk hijau ataupun servis perkhidmatan hijau, mereka boleh dapat- pendapatan mereka adalah bebas daripada cukai ya. *Tax exemption*.

Ketiga, adalah *Green Technology Financing Scheme*, di mana saya rasa Yang Berhormat— ada satu Yang Berhormat yang tanya tentang GTFS. *Green Technology Financing Scheme* (GTFS) ya, telah pun diumumkan pada Belanjawan 2019 yang bersamanya ia umum untuk tahun 2020 juga. Ini disebabkan GTFS adalah berjumlah RM2 bilion pinjaman. Jumlahnya ialah— jumlah nilai RM2 bilion pinjaman, di mana kerajaan bagi subsidi faedah dua peratus dan *guarantee* ya, 60 peratus. Ini adalah telah pun diumumkan di Belanjawan 2019. Oleh itu, di belanjawan ini ia tiada *update* ya. Ia sama saja, RM2 bilion untuk dua tahun ya, yang ini. Masih ada lagi yang belum dibelanjakan dan masih ada lagi kuota untuk lebih banyak lagi projek-projek hijau yang boleh berlangsung dan yang boleh dibuat di Malaysia. Kita hendak menggalakkan lebih banyak lagi *SMEs* untuk menceburi diri dalam sektor hijau supaya mereka dapat sumber pendapatan yang baharu. Mereka dapat menjana lebih banyak peluang pekerjaan lagi. Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Puan Yeo Bee Yin: Saya ada banyak lagi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Berapa minit lagi diperlukan?

Beberapa Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Yeo Bee Yin: Secara bertulis. *Is it* boleh, ya? *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Boleh, ya.

Puan Yeo Bee Yin: Boleh? Ya.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Yang Berhormat Menteri...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Boleh menggulung.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Tentang nuklear Yang Berhormat Menteri. Nuklear tentang...

Puan Yeo Bee Yin: Okey.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: ...macam mana masalah kekurangan orang meminati sains, *outreach programs*, banyak lagi.

Puan Yeo Bee Yin: Okey, okey. Secara— saya jawab ya. Saya jawab pendek.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Jawab yang mana bahas saja.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Puan Yeo Bee Yin: Nuklear. Tenaga nuklear, kerajaan baharu telah memutuskan bahawa kita tidak akan ada tenaga nuklear di Malaysia. Oleh itu, *Malaysian Nuclear Power Corporation* (MNPC) telah pun melalui satu MJM juga untuk tahun ini telah pun memutuskan bahawa kita tutup MNPC. Ada Yang Berhormat yang tanya, bagaimana pula dengan Agensi Nuklear Malaysia? Ada lagi dana untuk Agensi Nuklear Malaysia. Agensi Nuklear Malaysia bukan buat tenaga nuklear ya. Sains nuklear ada banyak aplikasinya. Sebagai contoh, di perubatan, bidang perubatan, bidang *oil and gas* dalam *reservoir evaluation* dan lain-lain lagi. Oleh itu, Agensi Nuklear Malaysia adalah untuk membuat penyelidikan yang berkaitan dengan *nuclear science*. Bukan berkaitan dengan *nuclear energy*.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Tuan Pengerusi, satu saja. Ini soal *bipartisan* yang kita sedang usahakan. Mengenai *carbon tax* dan *carbon pricing* Yang Berhormat Menteri.

Seorang Ahli: [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]

Puan Yeo Bee Yin: Saya juga telah pun jawab pada...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya. Tidak payah berulang jawapan dan yang tidak sempat, Yang Berhormat Menteri boleh beri jawapan bertulis.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Tidak, *what is your latest-* apa pendirian ini?

Seorang Ahli: [Berucap tanpa menggunakan pembesar suara] Refer Hansard.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Puan Yeo Bee Yin: So, tidak...

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Janganlah jerit macam itu. Saya hendak tahu saja secara *simple* Yang Berhormat Menteri untuk rakyat di luar sana dengar.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya. Terpulang kepada budi bicara Yang Berhormat Menteri.

Puan Yeo Bee Yin: So, saya telah pun jawab. Kalau boleh, kita rujuk kepada *Hansard*.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Puan Yeo Bee Yin: Kalau ada soalan lagi, kita boleh tanya lagi untuk dalam perbahasan yang seterusnya ya. Saya hendak— Untuk *touch* sedikit tentang— *Very* pendek ya. Tentang pembudayaan sains dan teknologi. Ada ramai Ahli Yang Berhormat yang tanya, apakah yang MESTECC buat ataupun kementerian, kerajaan buat untuk meningkatkan minat pelajar-pelajar

kita dalam STI, dalam STEM? Untuk makluman Yang Berhormat sekalian, Pusat Sains Negara, Planetarium Negara, kita akan teruskan dan kita akan memperbaiki. Pastikan ia *well maintain*. Akan tetapi ia tidak mencukupi kerana ada banyak lagi kanak-kanak luar bandar yang tidak ada akses kepada Pusat Sains Negara ataupun Planetarium Negara yang sentiasanya di bandar. Kita di utara, di Alor Setar, Kedah, di KL, semua di bandar.

■2040

Oleh itu, pada tahun ini kita telah pun bermula, tahun lepas kita ada Minggu Sains Negara di mana di setiap negeri kita anjurkan program STEM di tempat masing-masing bukan di Pusat Sains Negara. Minggu Sains Negara telah pun mendapat lebih daripada 928,000 *real engagement* daripada pelajar.

Bukan sahaja itu, kita juga ada melancarkan program untuk tahun ini juga program *ASTEC in School*. *ASTEC in School* juga kita sasarkan satu juta untuk 400,000 *engagement* daripada agensi-agensi MESTECC dengan pelajar dan 600,000 lagi *engagement* STI program yang dibuat oleh rakan-rakan strategik. Sekarang kita dalam sasaran ya, kita *is on the track to reach our* sasaran *of* satu juta. Sebagai keseluruhannya, tahun ini MESTECC telah *reach out* kepada lebih kurang dua juta pelajar di Malaysia dalam program-program STEM untuk meningkatkan minat mereka.

Di bajet belanjawan ini, kita juga ada peruntukan lagi untuk STEM in School di mana bersama-sama dengan Kementerian Pendidikan, kita akan buat lagi lebih banyak program-program, *decentralized program*. Bukan di Pusat Sains Negara tetapi kita buat program STEM di tempat kampung, desa dan tempat yang berlainan di seluruh negara kita. Kita juga sasarkan lebih daripada dua juta orang *engagement* untuk tahun 2020.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM746,493,000 untuk Maksud B.30, di bawah Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM746,493,000 untuk Maksud B.30 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM840,722,000 untuk Maksud P.30 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2020 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM840,722,000 untuk Maksud P.30 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2020]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) mempengerusikan Mesyuarat]

DR. 20.11.2019

175

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Mesyuarat hari ini ditangguhkan ke hari Khamis, 21 November 2019 pukul 10.00 pagi. Sekian, terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.43 malam]